



**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 51**

**Rabu**

**6 November 2019**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2020

**Jawatankuasa:-**

**Jadual:-**

Maksud B.10, B.11 & B.12

(Halaman 31)

**USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 30)

Anggaran Pembangunan 2020

**Jawatankuasa:-**

Maksud P.10 & P.70

(Halaman 31)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

**Rabu, 6 November 2019**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli Yang Berhormat, sebelum kita mulakan saya hendak pantun sedikit.

*Melati kuntum tumbuh di taman,  
Sayang merbah di pohon cemara,  
Assalamualaikum pembuka Dewan,  
Mari kita mula bicara.*

**1. Tuan Su Keong Siong [Kampar]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan perancangan bagi memperluas bidang kuasa dan memperkasakan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) memandangkan faktor bahawa AADK memainkan peranan penting dalam usaha membasi penagih dadah.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kampar. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Agensi Antidadah Kebangsaan ataupun AADK merupakan agensi utama dalam usaha membasi gejala penagih dadah.

AADK mempunyai peranan yang amat penting dan oleh itu langkah-langkah berikut telah diambil untuk memperkasakan Agensi Antidadah Kebangsaan.

Pertama, Dasar Dadah Negara baru yang diluluskan pada tahun 2017 telah memperkasakan hala tuju Agensi Antidadah Kebangsaan dalam mewujudkan negara dan masyarakat Malaysia yang bebas daripada ancaman gejala dadah. Terdapat lima teras dalam Dasar Dadah Negara ini iaitu teras pendidikan dan pencegahan, teras rawatan dan pemulihan, teras penguatkuasaan, teras pengurangan kemudaratian dan juga teras kerjasama antarabangsa.

Kedua, mempertingkatkan keberkesanan pengurusan AADK dengan memberi peruntukan tambahan dan pengisian jawatan. Pada tahun 2020 Tuan Yang di-Pertua, peruntukan belanja

mengurus AADK telah meningkat sebanyak 15 peratus dari tahun 2019. Sebanyak 173 perjawatan juga telah diluluskan pengisian oleh Jabatan Perkhidmatan Awam pada tahun ini.

Ketiga, pemerkasaan undang-undang melalui kajian pindaan Akta Penagihan Dadah, Rawatan dan Pemulihan Tahun 1983 bagi meningkatkan pelaksanaan program rawatan dan pemulihian kepada penyalahgunaan dadah dan menggubal Rang Undang-undang Bahan Khayal, Rawatan dan Pemulihan bagi merawat mereka yang menyalah guna bahan khayal seperti gam.

Kerajaan sedar bahawa dalam menangani masalah dadah, AADK tidak mampu bergerak sendirian. Oleh itu tanggungjawab membasmikan gejala penagihan dadah di peringkat komuniti harus dipikul bersama oleh NGO sektor swasta dan masyarakat setempat.

Dalam hal ini, Agensi Antidadah Kebangsaan mempunyai peranan utama sebagai penggerak komuniti melalui langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Mempergiatkan aktiviti pencegahan dadah dengan kolaborasi antara agensi melalui Projek Rintis Agensi Antidadah Kebangsaan. Untuk makluman, projek rintis ini melibatkan sembilan kementerian dan 15 agensi dan jabatan. Untuk Kementerian Dalam Negeri sahaja terdapat lima agensi yang terlibat dalam projek rintis ini. Selaras dengan usaha kerajaan untuk membangunkan komuniti melalui penglibatan badan bukan kerajaan, kerajaan telah bersetuju untuk memperuntukkan sejumlah RM15 juta bagi melaksanakan Projek Rintis AADK pada tahun 2020; dan
- (ii) Memperkemaskan keberhasilan program pemulihan dengan memberi fokus kepada 178 kawasan berisiko tinggi penagihan dadah dengan menggerakkan komuniti bagi menjalankan program pencegahan bersama-sama dengan Agensi Antidadah Kebangsaan.

Terima kasih.

**Dr. Su Keong Siong [Kampar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang telah diberikan. Daripada jawapan tersebut, memang kami dapat lihat AADK memang memainkan peranan yang penting dalam usaha kerajaan untuk membasmikan kegiatan dadah dan ia bukan satu kerja yang mudah, terutamanya pada zaman yang serba canggih ini.

Terdapat keperluan untuk menambah baik peruntukan dari segi keanggotaan dan peralatan yang lebih canggih. Akan tetapi apa yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa yang kita perlu juga lihat adalah dari segi penguatkuasaan dan keanggotaan selalunya dan juga peralatan tidak mencukupi. Adakah kerajaan sudi mempertimbangkan aspek-aspek tersebut untuk menambah baik peranan dan keberkesanan AADK ini.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih dengan soalan tambahan tadi. Saya setuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kampar. Akan tetapi, ia akan balik kepada

isu kewangan. Kita sedar dan tahu bahawa untuk membeli peralatan-peralatan ini, ia memakan belanja yang cukup besar.

Oleh sebab itu, saya dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan juga telah pun meluluskan sejumlah peruntukan untuk membeli tambahan kepada scanners khususnya di kawasan-kawasan yang strategik, pintu-pintu masuk negara kita.

Walaupun begitu, saya sedar dan tahu ia masih tidak mencukupi. Maka oleh sebab itu, kita dari segi penguatkuasaan itu apa yang kita perlu dan harapkan adalah kerjasama daripada semua pihak. Bukan hanya kerajaan itu sendiri tetapi saya juga berharap agar NGO-NGO seperti PEMADAM contohnya juga akan kita kerahkan untuk bekerjasama dengan Agensi Antidadah Kebangsaan ini untuk mengajukan program-program kesedaran pendidikan kepada anak-anak khususnya pelajar-pelajar kita di peringkat sekolah rendah dan juga menengah.

Demikian juga pihak-pihak swasta. Kita berharap kepada pihak-pihak swasta khususnya korporat-korporat yang ada di luar sana, kita merayu agar sumbangan mereka dalam bentuk CSR itu kita perlukan. Ini kerana kita sedar dan tahu sebagaimana saya sebutkan tadi kekangan kewangan bagi membolehkan NGO-NGO seperti PEMADAM contohnya perlu bergerak. Kalau kita hanya mengharapkan peruntukan daripada kerajaan, pastinya ia akan *limit*kan peranan agensi seperti AADK dan juga NGO PEMADAM yang ada di negara kita. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan yang kedua saya jemput Yang Berhormat Jempol 30 saat.

■1010

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Kenapa dia dapat?

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Saya dahulu bangun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya berikan kebenaran kepada Yang Berhormat Jempol. Sila.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Tidak apa, Yang Berhormat Pontian boleh berpantun selepas ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi. Nampaknya sembilan kementerian telah bekerjasama bagi menangani isu dadah di Malaysia ini.

Jadi dalam keadaan hari ini pun, kita tahu bahawa khutbah Jumaat pun hari ini ada diselitkan bahawa bahayanya penagihan dadah. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, dahulu Yang Berhormat Timbalan Menteri ada jawab bahawa banyak perkara yang berlaku disebabkan penguatkuasaan ini gagal oleh kerana kebocoran maklumat oleh pegawai AADK sendiri. Jadi, adakah ini masih dalam kawalan Yang Berhormat Menteri?

Keduanya, saya hendak tanya 60,000 orang dalam rawatan ini, hanya 6,000 sahaja kembali menagih dadah semula. Ini menunjukkan bahawa hanya 10 peratus sahaja yang terlibat semula dengan dadah. Jadi, adakah kementerian memastikan semua pintu-pintu masuk ini dikawal betul-betul? Ini kerana dadah di kampung ini cukup bahaya. Membunuh ibu, membunuh anak dan sebagainya kerana dadah. Jadi, dadah menjadi musuh negara nombor satu. Apakah

kementerian hari ini melihat perkara ini sangat bahaya dan tindakan seterusnya secara proaktif bagi menangani masalah ini?

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih dengan soalan tambahan tadi. Ada dua soalan. Pertama, berkenaan dengan isu kebocoran maklumat-maklumat bila mana sesuatu operasi dijalankan. Kita tidak menolak kemungkinan itu. Sebagaimana saya pernah sebut pun sebelum ini, bahawa benar, memang ada. Di antara masalah-masalah yang kita hadapi adalah dari segi kebocoran maklumat bila mana sesuatu operasi dianjurkan, ada lah elemen-elemen sabotaj di mana pegawai dalaman kita sendiri yang membocorkan maklumat tentang operasi itu.

Akan tetapi, ini perkara masih dalam kawalan kita. Sebab itulah dari segi pelaksanaan operasi itu kita buat *trivia* sedikit di mana even pegawai-pegawai kita pun tidak tahu ke mana tempat-tempat operasi yang akan kita anjurkan sehingga pada ketika operasi itu dijalankan. Jadi ini di antara perkara— tetapi kita memandang serius tentang perkara ini dan ini melibatkan isu integriti juga. Jadi, kita mengambil serius dan jika kita ketahui ada elemen-elemen ataupun kakitangan-kakitangan kita yang terlibat dengan pembocoran maklumat ini, tindakan tegas akan kita ambil.

Berkenaan dengan dari segi keberkesanan tadi. Kita pun sedia maklum isu dadah ini *complexitynya* cukup rumit di mana setiap hari ada sahaja dadah-dadah jenis baru yang dihasilkan. Malah, inilah yang sebenarnya di antara perkara yang kita adakan kerjasama dengan negara-negara di peringkat antarabangsa di mana bantuan ataupun kaedah-kaedah yang mereka jalankan atau amalkan di negara mereka itu kita guna pakai, kalau mana yang kita rasakan boleh diguna pakai di negara kita, untuk membantu dalam mengatasi isu keberkesanan dari segi pemulihan itu. Terima kasih.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, saya mengambil kesempatan ini ucapkan selamat datang kepada pelawat kita murid Darjah 6 dan guru-guru Sekolah Kebangsaan Seri Delima, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur.  
[Tepukj]

Kalau Tuan Yang di-Pertua mula dengan pantun, saya juga berhajat untuk berpantunlah.

*Pandu kereta Proton Perodua,*

*Plaza tol tiada lorong tambah nilai,*

*Pohon jawab soalan kedua,*

*Biar jawab jitu rakyat menilai.*

Terima kasih.

2. **Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna:

- (a) bagaimana kerajaan mengekang monopoli dalam penggunaan kad pembayaran elektronik *Touch 'n Go* memandangkan caj tambahan 10 peratus dikenakan di tempat letak kereta dan RM0.50 bagi setiap kali tambah nilai; dan
- (b) apakah langkah kerajaan dalam memantau aktiviti pembayaran elektronik atau bebas tunai serta mengawal caj yang dikenakan ke atas pengguna.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk menjawab persoalan (a), mengikut pemantauan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) iaitu sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang dipertanggungjawabkan untuk menguatkusakan Akta Persaingan 2010, caj tambahan sebanyak 10 peratus adalah caj yang dikenakan hanya di tempat di mana perkhidmatan pembayaran tiket menggunakan *Touch 'n Go* dan tunai disediakan pada masa yang sama.

Khidmat *Touch 'n Go* dalam situasi ini dilihat sebagai pemudah cara kepada alternatif menggunakan tunai. Ini bermaksud pengguna diberi pilihan sama ada untuk menggunakan *Touch 'n Go* sebagai kaedah pembayaran ataupun tidak. Di kawasan tempat kereta yang hanya terdapat infrastruktur *Touch 'n Go* sebagai kaedah pembayaran, tiada caj tambahan akan dikenakan.

Walau bagaimanapun, *Touch 'n Go* telah menjalankan inisiatif di mana *Touch 'n Go* akan memastikan semua kontrak baharu atau pembaharuan kontrak pada masa akan datang tidak mengenakan sebarang surc妖 yang berdasarkan *merchant discount rate*, manakala untuk kontrak yang sedia ada yang berdasarkan surc妖 akan tamat tempoh secara berperingkat.

*Touch 'n Go* telah menyediakan sebanyak 11,168 lokasi tambah nilai di seluruh negara. Tambah nilai tanpa apa-apa bayaran boleh dilakukan di beberapa lokasi seperti di kaunter khidmat pelanggan *Touch 'n Go*, di TNG spots dan di kedai runcit seperti *Watsons*, *Guardian*, *Tesco*, *KK Mart* dan *Caring Pharmacy*.

Terpulanglah juga kepada pengguna untuk melakukan tambah nilai di lokasi yang mengenakan caj tambahan sebanyak 50 sen. Antara lokasi-lokasi bagi transaksi terbabit adalah pasar raya, kedai runcit dan mesin ATM. Walau bagaimanapun, caj tambahan ini tidak dikenakan oleh *Touch 'n Go* tetapi dikenakan oleh kedai-kedai yang menyediakan kemudahan tambah nilai ini kepada pengguna.

Untuk menjawab soalan (b), semua pengeluar wang elektronik yang telah mendapat kelulusan dari Bank Negara Malaysia (BNM) di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 tertakluk kepada standard dan garis panduan sedia

ada yang dikeluarkan di bawah APK atau APKI. BNM menyelia dan memantau semua pengeluar wang elektronik yang telah mendapat kelulusan BNM khususnya dari aspek berikut:

- (i) kepatuhan kepada keperluan untuk mengekalkan akaun amanah;
- (ii) kepatuhan kepada keperluan keselamatan teknologi maklumat;
- (iii) prosedur untuk pengurusan aduan;
- (iv) kepatuhan kepada keperluan untuk saling kendalian; dan
- (v) kepatuhan kepada Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan.

Dalam mengenakan fi ke atas produk dan perkhidmatan yang ditawarkan, pengeluar wang elektronik dikehendaki untuk mematuhi beberapa prinsip panduan yang dikeluarkan oleh BNM termasuklah mengenakan fi berdasarkan kos langsung sebenar yang ditanggung oleh pihak pengeluar wang elektronik dan menyediakan pendedahan serta notis yang mencukupi kepada pelanggan berhubung fi yang dikenakan.

Secara amnya, peniaga tidak sewajarnya mengenakan surcaj terhadap pengguna untuk transaksi pembayaran elektronik dan pengguna boleh melaporkan aduan tentang peniaga yang ingkar kepada pihak pengeluar wang elektronik sekiranya mereka dikenakan caj tersebut oleh pihak peniaga.

Kerajaan juga berpendapat bahawa *Touch 'n Go* bukanlah suatu monopoli dalam pasaran duit elektronik kerana terdapat pemain-pemain lain seperti *MCash*, *Boost*, *GrapPay* dan *Ali Pay*. Senarai pemegang lesen duit elektronik yang juga pemain-pemain industri juga disenaraikan di laman web BNM. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya dapati jawapan Yang Berhormat ini tidak konsisten. Pertama, kita sedar bahawa sekarang tidak ada perkhidmatan lorong tambah nilai dan soalan saya, kenapa 50 sen dikenakan? Ada setengah tempat kena, ada setengah tempat tidak ada. Kita sedar bahawa *Touch 'n Go* syarikat 52 peratus milik CIMB dan MTD Equity tambah dengan Plus Malaysia adalah selebihnya. Ini bermaksud *left pocket* ke dalam *right pocket*. Kenapa tidak kerajaan mengadakan satu intervensi supaya yang 50 sen itu sepatutnya saya rasa tidak kena?

Kedua, kenapa pula— yang 10 peratus untuk kita bayar *fee parking* ini merupakan satu bebanan kepada rakyat.

#### ■1020

Apa yang berlaku Yang Berhormat kata, Oh! Tidak sepatutnya membebankan pengguna. Akan tetapi dalam konteks ini, 10 peratus lebih tinggi daripada fi bayaran tempat letak kereta. Itu yang sebenarnya berlaku. Jadi jawapan *part (b)*, bahagian dua dengan jawapan (a) Yang Berhormat adalah bercanggah. Kalau bank kita gunakan *cash*, kita kenakan satu bayaran tapi kalau kita guna kad, kita galakkan. Ini tidak konsisten.

Jadi dari segi melindungi pengguna, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa pendirian kita? Kita tahu *Touch 'n Go* dia ada nilai yang tidak habis pakai, kita sedar

itu adalah satu jumlah yang besar. Bagaimana melindungi pengguna dapat balik? Kalau tidak, 50 sen itu hapuskan, 10 peratus itu untuk fi *parking* patut dimansuhkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu minit.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada tiga soalan di sana. Pertamanya adalah bayaran balik tentang nilai yang baki. Ini *Touch 'n Go* telah melaksanakan satu untuk menawarkan perkhidmatan borang *e-Refund* di mana mereka boleh memohon balik *refund* itu melalui website. Ini untuk memudahkan cara pembayaran balik.

Kedua itu adalah mengenai 10 peratus yang dikenakan oleh tempat letak kereta yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Ayer Hitam di mana Yang Berhormat kata iaitu membebankan pelanggan. Itulah polisi yang kita wariskan daripada BN. Sekarang kita sudah memperbetulkan. Sekarang sudah hendak kita menghapuskan kos tambahan itu di mana surcaj 10 peratus itu akan dibatalkan. Akan tetapi, oleh kerana tertekan dengan *contractual obligation* di mana yang saya sebut semasa tamatnya *existing contract*, tidak ada, dia tidak akan dikenakan lagi. *So, it has to be done by stages.*

Ketiganya adalah mengenai 50 sen nilai tambah untuk tambah nilai. Yang Berhormat, pada prinsipnya kalau tidak ada apa-apa pilihan, Bank Negara akan campur tangan dengan untuk menetapkan apa yang munasabah. Akan tetapi, sekarang ada pilihan di mana di seluruh negara ada 11,000 lebih tempat untuk tambah nilai dan di antaranya ada 2000 lebih iaitu *one-quarter* tempat di mana pelanggan boleh tambah nilai tanpa bayaran caj 50 sen dan tempat-tempat yang saya sebut tadi KK Mart itu semua, Watson, KK Mart, Caring Farmasi itu semua tempat itu tidak ada caj 50 sen.

Akan tetapi, untuk yang lain, ini bergantung kepada perbincangan perniagaan, *B2B discussion* di mana tempat pengusaha lain yang mereka untuk menawarkan servis perkhidmatan untuk pelanggan-pelanggan supaya boleh menambah nilai kad mereka, mereka caj kan pengusaha-pengusaha itu caj 50 sen. So, yang tambahan caj 50 sen itu bukan dicaj dan bukan dikutip oleh *Touch 'n Go* tetapi pengusaha-pengusaha seperti sesetengah stesen minyak dan ada juga pasar raya-pasar raya yang mereka untuk menawarkan servis itu, mereka caj 50 sen.

Secara amnya, ada 2000 lebih tempat di seluruh negara di mana pelanggan *Touch 'n Go* boleh menambahkan nilai kad mereka tanpa kena caj. Ini saya mungkin bagi satu analogi supaya Yang Berhormat Ayer Hitam boleh lebih faham. Umpamanya, kalau kita hendak ambil duit daripada ATM, akaun kita di Maybank, kita pergi Maybank ambil duit dari ATM tidak ada caj tetapi kalau pergi CIMB untuk kemudahan itu, kena caj *additional. That is a rational behind it, additional convenience.* So, *itulah* caj 50 sen. Bukan tidak ada pilihan...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Lorong sekarang tambah nilai sudah tidak ada okey.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Lorong tidak ada, bukan semua lorong tidak ada, sesetengah pun ada. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengaku bahawa terdapat 2,880 lokasi di mana tidak dikenakan caj. Namun demikian, kalau didapati seperti apa yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Ayer Hitam bahawa lorong tambah nilai ini sudah tiada, maka syarikat ini seolah-olah telah mempunyai monopoli ataupun hampir-hampir kartel, memang kartel. Maka saya hendak cadangkan mengapa syarikat yang mempunyai keuntungan berjuta-juta ringgit ini, sanggup kah kementerian mencadangkan kepada MEA dan Menteri Kewangan untuk kerajaan ataupun EPF ataupun Khazanah untuk ambil alih agar keuntungan ini seterusnya boleh diagihkan kembali kepada rakyat? Terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ini terpulang kepada Kabinet hendak buat pengambilan ini.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Yang Berhormat Menteri, saya tanya pandangan. Memang terpulang pada Kabinet. Menteri tidak ada kuasa tapi saya hendak tanya pandangan kamu. Saya minta idea.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Saya rasa saya berdiri di sini atas untuk mewakili kerajaan dan bukan untuk meluahkan pandangan saya secara peribadi. So, saya rasa ini memang satu cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Segamat, kita akan memanjangkan, menyampaikan cadangan itu kepada Kementerian MEA dan juga kementerian yang dicadangkan oleh Yang Berhormat untuk dipertimbangkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Hassan, Yang Berhormat Papar.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun ingin berpantun juga pagi ini,

*Terbang pipit sekuit tenaga,  
Hinggap seekor di atas batu,  
Soalan saya yang nombor tiga,  
Mohon Yang Berhormat Menteri jawab untuk membantu.*

3. **Tuan Ahmad bin Hassan [Papar]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan berapa banyak tindakan yang telah diambil terhadap nelayan-nelayan yang menggunakan bom ikan untuk menangkap ikan di laut.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Papar. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, penggunaan bahan letupan untuk menangkap ikan di laut boleh memusnahkan batu-batu karang yang merupakan habitat tempat ikan berteduh dan membiak.

Kegiatan haram ini termasuklah dalam salah satu *Illegal, unreported and unregulated* (IUU) *fishing* yang sangat *destructive* dan menjelaskan sumber perikanan. Malahan ia boleh mendatangkan kecederaan atau membawa kematian kepada pelakunya. Merujuk seksyen 26, Akta Perikanan 1985, kaedah menangkap ikan menggunakan bom ikan yang disebut sebagai

bahan letupan merupakan satu kesalahan yang boleh dikenakan denda tidak melebihi RM20 ribu atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Sejak tahun 2014 hingga 2019 sebanyak 239 kes tangkapan bom ikan telah direkodkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 36 kes telah didakwa di mahkamah. Untuk maklumat tambahan untuk Ahli Yang Berhormat, di Sabah, di mana kebanyakan kes berlaku pada tahun 2019, sebanyak 39 kes tangkapan dan 4 kes didakwa ke mahkamah.

Jadi, bagi mengekang aktiviti penangkapan ikan menggunakan bom ikan, kementerian secara berterusan mengadakan sesi libat urus bersama nelayan setempat untuk meningkatkan kesedaran mengenai kesalahan dan risiko keselamatan kegiatan ini. Operasi penguatkuasaan juga akan ditingkatkan melalui kerjasama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Pasukan Polis Marin dan Polis Diraja Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila soalan tambahan pertama, Yang Berhormat Papar, 30 saat.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Terima kasih. Pastinya dengan penggunaan bom ikan secara haram, banyak terumbu karang yang mati. Ikan juga akan berkurangan dan kita juga akan kehilangan sumber protein sedikit demi sedikit.

#### ■1030

Dari itu, saya ingin bertanya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian supaya aktiviti-aktiviti yang tidak bertanggungjawab seperti pengeboman ikan ini dapat dikekang. Pemeliharaan dan pemuliharaan terumbu karang dan ekosistem yang lain mesti dilakukan dengan lebih terancang untuk mengekalkan ekosistem semula jadi. Terima kasih.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]:** Terima kasih Yang Berhormat Papar. Sebenarnya kes mengebom ikan di kawasan perairan adalah kebanyakannya berlaku di Sabah. Kita memang membuat *enforcement* tetapi kita pun menghadapi masalah dan kekangan-kekangan kerana kita tidak mempunyai— laut itu cukup luas dan bukan senang kita boleh mendapat *enforcement* kerana dia ada yang berlaku pada waktu malam dan ada pula yang berlaku di perairan yang lebih jauh.

Cara menggunakan bom ikan ini kosnya sangat rendah. Cuma RM10 sahaja tetapi mereka boleh dapat 100 kilogram ikan dan sebagainya. Jadi, bergantung kepada *informants* dan kita memerlukan ramai *informants* untuk memberikan maklumat kepada kita. Sememangnya ia berlaku di perairan Sabah. Saya ingin memberi maklumat tambahan.

Tahun 2014 sebanyak 55 kes tangkapan, tahun 2015 - 38 kes, tahun 2016 - 43 kes tangkapan, tahun 2017 adalah 35 kes tangkapan, tahun 2018 - 24 kes dan pada tahun 2019 - 39 kes. Di Sabah *alone*, ada 234 kes daripada total seluruh negara 239 kes. Ini bermaksud bahawa hanya lima kes di luar daripada Sabah. Daripada lima kes yang di luar daripada Sabah, dua kes berlaku di Labuan.

Maka, boleh dikatakan hanya tiga kes sahaja di luar daripada Sabah dan Labuan. Jadi, ini bermaksud bahawa ini sangat berleluasa di perairan Sabah dan kita memerlukan *informants*

untuk memberi maklumat kepada Jabatan Perikanan, Polis Marin dan juga APMM untuk kita melaksanakan *enforcement*. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu nelayan ataupun perikanan ini seperti bom ikan, pukat tunda haram, pencerobohan nelayan asing, menjual minyak di tengah laut dan sebagainya merupakan isu yang seolah-olah tidak ada *ending*-nya. *No ending story*. Isu yang besarnya adalah kerana penguatkuasaan. Seperti kita tahu, isu ini tidak akan mampu diselesaikan oleh kementerian kerana penguatkuasaan di laut bukan di bawah kementerian tetapi di bawah kementerian lain dan juga agensi lain seperti APMM dan sebagainya.

Agensi ini dari segi tanggungjawabnya, fokus mereka adalah isu keselamatan negara dan langsung mereka tidak terlibat dari segi penguatkuasaan di dalam soal perikanan dan sebagainya. Jadi, soalan saya adakah pihak kementerian bercadang untuk mewujudkan unit penguatkuasaan khas di bawah Jabatan Perikanan seperti dulu iaitu untuk menjaga kepentingan dan juga menguatkuasakan isu-isu yang berkaitan dengan isu perikanan seperti bom ikan dan sebagainya?

Penguatkuasaan yang lengkap dengan bot peronda dan peralatan-peralatan lain. Oleh sebab kalau tiada penguatkuasaan oleh Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perikanan, saya yakin setiap tahun setiap kali soalan kepada kementerian, isu ini lah yang akan dibangkitkan secara berterusan.

**Tuan Sim Tze Tzin:** Terima kasih Yang Berhormat Bera yang memberi cadangan. Saya tahu dulu-dulu memang Jabatan Perikanan mempunyai *enforcement team*, dia ada aset-aset yang bagus untuk menjaga perairan dan *enforce the laws on the sea*, Akta Perikanan. Akan tetapi, saya pun tidak faham kenapa pihak pada masa itu Menteri, mungkin Yang Berhormat Bera ke atau telah serahkan kepada APMM. Jadi, ini adalah satu, bukan kata *mistake* lah tetapi satu kelemahan yang berada di bawah Jabatan Perikanan, Kementerian Pertanian.

Sekarang kita tidak mempunyai aset dan juga *manpower* yang mencukupi untuk *enforce* benda-benda yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Bera. Jadi, kita tengah *look in to the issues* ya. Oleh kerana, kita menerima apa-apa yang telah diwarisi. Jadi, kita tengah fikir bagaimana.

Ada cadangan untuk mewujudkan *territorial waters enforcement* maksudnya di bawah Jabatan Perikanan supaya kita ambil sedikit *enforcement power* daripada APMM kerana APMM itu seperti apa yang Yang Berhormat Bera kata adalah fokus kepada penyeludupan, *all these illegal immigrants*, pendatang asing dan penyeludupan dan sebagainya.

Kita ada aktiviti penguatkuasaan bawah bahagian perlindungan sumber. Cuma perlu kolaborasi dengan APMM dan Polis Marin. Akan tetapi ada cadangan untuk kita ambil penguatkuasaan dari segi *territorial waters* tetapi kita perlu berbincang dengan KDN dan juga peringkat Kabinet untuk menyelesaikan isu-isu *enforcement* ini. Terima kasih.

4. **Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Sarawak telah mencapai sasaran 90 peratus guru kelahiran Sarawak dan jika tidak, berapa jumlah permohonan guru untuk kembali ke Sarawak yang masih di dalam proses.

**Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, data pada 5 September 2019 menunjukkan bahawa pengisian keperluan guru di negeri Sarawak adalah seramai 38,289 orang. Manakala bilangan guru kelahiran negeri Sarawak yang mengisi keperluan tersebut seramai 34,292 orang ataupun 90 peratus dan telah mencapai sasaran pelaksanaan dasar 90:10.

Pihak kementerian telah mencapai sasaran lebih awal daripada tahun 2021 dan kita komited untuk melaksanakan dasar pengisian jawatan guru oleh anak Sarawak ini. Bagi penyataan tentang jumlah permohonan guru untuk kembali ke Sarawak, permohonan pertukaran guru ke negeri Sarawak yang akan dipertimbangkan bagi sesi pertukaran Januari 2020 adalah seramai 55 orang bagi sekolah menengah dan seramai 333 orang bagi sekolah rendah. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri. Sebenarnya Menteri, saya hendak tahu berapa ramai kah bilangan yang telah kembali dan telah dihantar ke sekolah-sekolah di bandar sebab kebanyakannya mereka mungkin mengajar di sekolah yang lebih baik keadaannya Menteri. Sekarang ini, kita bercakap mengenai sekolah daif.

Kalau mereka balik ke Sarawak dan dihantar ke sekolah daif, adakah mereka memberi *feedback* dengan izin kepada pihak kementerian supaya kita hendak tahu apakah kriteria yang dimaksudkan dengan daif? Kalau di Sarawak lain, mungkin di Semenanjung lain. Jadi, di sini kita dapat melihat *feedback* dari mereka akan menentukan bagaimana kita hendak memberi mereka maklum balas dari pihak kementerian. Terima kasih.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Tuan Yang di-Pertua, saya kira di situ ada dua soalan. Pertama berkaitan dengan definisi sekolah daif yang saya kira agak tersasar daripada lingkungan soalan ini. Kedua, berkaitan tentang maklum balas daripada guru-guru, itu kita akan berikan secara bertulis kerana *off-hand* memang kita tidak ada maklum balas tersebut. Akan tetapi kita akan berikan secara bertulis. Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan selamat pagi.

#### ■1040

Adakah benar bahawa kebanyakan guru Semenanjung yang bertugas di Sarawak adalah daripada Kelantan? Jika benar, apakah jangka waktu untuk membolehkan mereka pulang ke Kelantan kerana banyak mereka yang hendak kembali ataupun hendak bertugas di Kelantan?

Keduanya, dalam semangat integrasi nasional, adakah dasar 90 peratus ini akan dikaji semula? Ini kerana kita sedia maklum bahawa ada kos *benefitnya* dasar ini. Rakyat Sarawak ingin anak negeri pulang ke Sarawak, pada masa yang sama dari segi sudut kebangsaan adalah

baik jika sebilangan penjawat awam itu bertugas di Sarawak dengan izin, vice versa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Yang Berhormat Jeli, dasar tersebut diteruskan sehingga tahun 2021 dan juga kita perlu ingat bahawa para guru daripada Sarawak ini mereka juga ada yang dilatih di kawasan Semenanjung. Jadi, mereka akan didedahkan dengan kesedaran nasional dan lain-lain lagi. Begitu juga kembali kepada soalan pertamanya, dia ada dua soalan.

Pertamanya tentang bilangan guru yang mengajar di Sarawak daripada Kelantan. Maka di atas semangat nasional jugalah kita lihat perlunya guru daripada Semenanjung, sama ada daripada Kelantan, daripada Terengganu, daripada Johor, daripada mana-mana negeri di Semenanjung pun perlu untuk mereka mencerahkan bakti di Sarawak untuk mendidik anak-anak bangsa.

Berkaitan dengan berapakah bilangan guru daripada Kelantan, itu akan saya berikan secara bertulis kepada Yang Berhormat Jeli. Cuma saya ingin maklumkan, permohonan pertukaran guru dari Sarawak untuk pulang ke Semenanjung Malaysia sama ada ke Kelantan ataupun negeri mana-mana masih diuruskan seperti SOP biasa.

Kementerian Pendidikan Malaysia akan memberikan keutamaan kepada permohonan yang memohon berdasarkan alasan untuk mengikut pasangan, selain turut mempertimbangkan juga kelulusan bagi kes-kes lain seperti kes sakit kronik dan juga kes ancaman keselamatan. Tempoh perkhidmatan guru di negeri Sarawak lima tahun di kawasan bandar dan tiga tahun di kawasan luar bandar dan kawasan pedalaman turut diambil kira dalam pertimbangan kelulusan permohonan.

Kita juga melihat bagaimana jikalau guru-guru tersebut pulang ke Semenanjung, apakah kekosongan akan diisi. Jadi, kita meletakkan keutamaan kepada anak-anak, kepada rakyat, kepada sekolah tanpa kita mengetepikan kebijakan para guru. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera.

*Berkempen di Tanjung Piai,*

*Soalan Sabak Bernam nombor lima.*

5. **Dato' Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kes penipuan atas talian yang melibatkan simpanan persendirian orang ramai di bank-bank Malaysia bagi tempoh 2019 dan nyatakan jumlahnya serta apakah langkah kerajaan dan institusi perbankan bagi mengatasi jenayah ini supaya tidak berterusan dan merugikan penyimpan-penyimpan di bank-bank negara ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pantun dia *synchronization* tidak betul, saya tidak jawab pantunlah. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini secara bersekali dengan satu soalan lain yang turut membincangkan isu sama iaitu berkenaan dengan penipuan atau *telecommunication fraud* atau Macau *scam* oleh Yang Berhormat Tanah Merah bertarikh 27 November 2019.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri memandang serius berhubung kes-kes yang melibatkan jenayah penipuan atas talian yang meliputi pelbagai kategori seperti penipuan melalui telefon dan Internet, *love scam*, pinjaman tidak wujud dan juga *Macau scam*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes penipuan atas talian yang dilaporkan di seluruh negara bagi tahun 2018 adalah sebanyak 4,956 kes dengan melibatkan jumlah kerugian sebanyak RM224,653,895.18.

Manakala bagi tempoh Januari hingga Ogos 2019, sebanyak 3,533 kes direkodkan dengan jumlah kerugian sebanyak RM186,027,122.72. Daripada jumlah kerugian yang dilaporkan bagi tahun 2019 tersebut, sebanyak RM79,483,843.43 kerugian adalah melibatkan *Macau scam* sahaja dengan 1,612 kes telah dilaporkan.

Bagi mengekang jenayah penipuan atas talian ini daripada terus berleluasa, pelbagai usaha telah dijalankan oleh PDRM dalam mengekang sindiket penipuan seperti ini termasuklah dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang, pengoperasian, tangkapan dan seterusnya menjalankan pendakwaan ke atas mereka yang terlibat dalam penipuan ini.

PDRM juga sering mengadakan taklimat, ceramah dan dialog kepada kakitangan kerajaan, syarikat-syarikat swasta, persatuan-persatuan, sekolah, universiti dan NGO mengenai modus operandi sindiket jenayah penipuan ini termasuk jugalah kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, PDRM ada menganjurkan pameran-pameran di kompleks-kompleks membeli-belah. Ini di antara usaha-usaha kita untuk memberikan pendidikan ataupun penerangan kepada orang awam agar jangan mudah terpedaya dengan sindiket dan penipuan ini.

Selain itu juga Tuan Yang di-Pertua, kempen kesedaran juga dibuat melalui pameran-pameran di kompleks-kompleks yang telah saya sebutkan tadi. Pihak PDRM juga telah membangunkan satu portal untuk memudahkan masyarakat untuk menyemak nombor-nombor telefon sindiket dan akaun-akaun bank yang digunakan oleh sindiket dalam urusan pindahan wang mangsa ke akaun sindiket yang boleh disemak melalui portal yang disediakan <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule> .

Selain itu, satu akaun *Facebook Cyber Crime Alert Royal Malaysia Police* juga telah diwujudkan bagi berkongsi dan memberi amaran kepada orang ramai mengenai ancaman penipuan ataupun jenayah siber. Ini dapat membantu orang awam dengan membuat semakan awal dan mengelak daripada menjadi mangsa penipuan.

PDRM juga telah menujuhkan satu *taskforce* yang dinamakan *internet banking task force group* yang terdiri daripada PDRM, syarikat-syarikat telekomunikasi serta institusi-institusi bank tempatan. Pada bulan Mac 2019, sebuah Jawatankuasa Teknikal Jenayah Siber yang terdiri daripada PDRM dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia juga telah ditubuhkan bagi membanteras jenayah penipuan ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjelaskan jawapan tadi. Walaupun kementerian mengambil beberapa tindakan, tetapi kita dapat masih lagi terdapat

penipuan yang dilakukan oleh syarikat-syarikat kepada pengguna. Kita dapat i orang ramai juga mengalami masalah apabila wang simpanan mereka hilang begitu sahaja.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah faktor yang menyebabkan jumlah kes penipuan perniagaan dalam talian terus dan meningkat demi meningkat? Seterusnya, setakat manakah undang-undang, Peraturan-peraturan Pelindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012 di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 telah dilaksanakan? Apakah keberkesanannya untuk mengekang sindiket penipuan dalam bank ini? Sekian, terima kasih.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih dengan soalan tambahan tadi. Tuan Yang di-Pertua, sebagai mana saya sebutkan tadi, kes penipuan ini modus operandi dia sentiasa berubah-ubah. Maknanya di sini dia balik kepada sikap individu yang ada di negara kita. Oleh sebab itu, kita telah menyatakan agar jangan mudah terpedaya kepada iklan-iklan, kepada promosi-promosi yang dilakukan oleh orang-orang ini dan jangan mudah terpengaruh.

*It's good to be true* Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang tawaran ataupun janji itu dijanjikan kepada mereka ini di luar batas akal untuk kita menerima dia. Jadi sebab itu kita telah menyatakan agar orang-orang awam jangan mudah terpedaya dengan janji-janji ini.

Dari segi penguatkuasaan, sebagai mana yang saya sebut tadi bahawa undang-undang penguatkuasaan itu ada, malah tindakan yang tegas juga kita ambil. Kerjasama dengan bank-bank pun kita lakukan. Akan tetapi ia balik juga kepada isu sikap yang ada di luar sana kerana kita tidak boleh menyediakan setiap satu rumah satu polis.

Jadi sebab itulah kita harap kepada orang ramai agar untuk terus jangan mudah terpedaya dengan janji-janji ini dan sentiasa merujuk kepada pihak polis jika ada elemen-elemen ataupun janji-janji tawaran yang di luar batas akal untuk diterima. Selain daripada itu juga dari segi undang-undang tadi, sebab itu kita berharap agar Kementerian Kewangan, Bank Negara khususnya *formulatekan* undang-undang khususnya memperketat undang-undang dan termasuk jugalah KPDNHEP dari segi jualan-jualan secara *online* ini.

## ■1050

Undang-undang ke arah itu perlu dikuatkuasakan kerana kita di Kementerian Dalam Negeri ini hanya sebagai kementerian yang meng-enforce-kan setiap undang-undang yang diluluskan. Terima kasih.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tuan Yang di-Pertua kali keempat saya bangun. Saya mohon laluan Tuan Pengerusi kali keempat saya bangun. Pagi ini sahaja kali keempat Tuan Pengerusi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya jemput Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih.

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Pontian ada baca apa Yang Berhormat Pontian? Yang Berhormat Pontian ada amalkan apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ini baharu pertama kali.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tadi apabila saya campurkan Yang Berhormat Menteri apabila saya campurkan kes itu kes itu berjumlah 8,519 kes kerugian RM410 juta ini adalah satu perkara yang besar. Adakah kita ingin meminda akta-akta yang berkaitan supaya lebih tinggi dan lebih kuat hukuman yang dikenakan dan hebahkan mereka yang dihukum ini, masuk muka depan surat khabar.

Ini adalah hukuman jenayah penjenayah siber pada hari ini. Kemudian satu lagi dalam jenayah siber ini ada judi siber Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dia sudah sampai ke kampung-kampung ini judi siber, judi atas talian ini. Apa tindakan PDRM untuk memastikan judi siber, judi atas talian ini boleh dihentikan seberapa segera yang mungkin. Terima kasih.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih atas soalan tambahan tadi. Tuan Yang di-Pertua isu Macau Scam ini ataupun penipuan atas talian ini merupakan satu masalah yang bukan hanya negara kita menghadapi masalah ini even Amerika Syarikat, negara-negara yang mempunyai teknologi tinggi, Israel *for example*. Baru-baru ini juga peguam negara mereka ada mengumumkan tentang satu kerugian yang cukup besar dialami oleh mereka melibatkan Macau Scam.

Jadi ia merupakan satu isu yang saya setuju merupakan satu isu yang cukup berat dan oleh sebab itulah jika ada cadangan untuk pindaan undang-undang agar satu hukuman yang lebih berat perlu dikenakan kepada mereka. Ini kita akan serahkan kepada Kabinet dan juga Dewan yang mulia ini untuk menelitiya selepas ini.

Berkenaan dengan judi yang disebutkan tadi, Ketua Polis Negara telah memberi amaran kepada semua kakitangan khususnya pegawai-pegawai polis di peringkat daerah-daerah di peringkat akar umbi di bawah bahawa mana-mana pegawai-pegawai daerah yang dikenal pasti terlibat melindungi jenayah-jenayah ini tindakan yang tegas akan diambil.

Di pihak penguatkuasaan pula, PDRM telah diarahkan, malah di kawasan saya sendiri untuk makluman Yang Berhormat kita telah arahkan PDRM untuk ke kampung-kampung dan pekan-pekan yang mana kita kenal pasti ada operasi-operasi judi-judi ini dijalankan. Again, komitmen PDRM khususnya Kementerian Dalam Negeri kita akan memastikan bahawa isu seumpama ini, perjudian haram *online* ini kita banteras habis-habisan dan komitmen IGP juga telah dinyatakan dalam media pun. Beliau telah sebutkan bahawa dia tidak akan melindungi mana-mana pegawai yang telah dikenal pasti, terbukti melindungi ataupun bersubahat dengan mereka-mereka yang menjalankan operasi judi ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Richard Riot anak Jaem, Serian.

**Dato' Sri Dr. Richard Riot anak Jaem [Serian]:** Pembetulan Tuan Yang di-Pertua bukan 'Ryat' – 'Riot'.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Riot.  
[Ketawa]

**Dato' Sri Dr. Richard Riot anak Jaem [Serian]:** Tuan Yang di-Pertua, pagi ini kita telah dihiburkan sejak tadi dengan beberapa rangkap pantun maka sebelum saya mengemukakan soalan saya, saya juga ingin berpantun.

*Satu, dua, tiga dan empat;  
Lima, enam, tujuh dan lapan;  
Saya mohon jawapan yang padat;  
Soalan nombor enam saya kemukakan. [Tepuk]*

6. **Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian]** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah status terkini tentang kehilangan dua orang askar semasa operasi di Pulau Perak, Kedah pada bulan Julai tahun ini.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]:** Soalan ini adalah soalan berkenaan dengan dua askar yang telah hilang pada 19 Julai 2019. Kementerian bersimpati dan *empathy* dengan keluarga dan juga dengan mereka yang prihatin dengan isu ini. Yang Berhormat Menteri Pertahanan sudah jawab soalan ini pada peringkat dasar pada 29 Oktober akan tetapi saya akan ulang jawapan untuk tujuan hari ini.

Operasi CARILAMAT bagi pencarian dua anggota tentera darat telah diaktifkan oleh *Maritime Rescue Sub-Centre (MRSC)* Langkawi yang diuruskan oleh APMM pada 20 Julai 2019 jam 7.30 pagi. Sebuah kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan sebuah kapal Agensi Penguat kuasa Maritim Malaysia (APMM) telah terlibat dalam operasi berkenaan. Operasi CARILAMAT turut dibantu oleh sebuah pesawat Nuri Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan sebuah pesawat Dauphine (APMM).

Pada 21 Julai 2019 jam 7.30 malam, MRSC Langkawi telah menamatkan operasi CARILAMAT bagi aset APMM berikutan tiada sebarang petunjuk dijumpai. Walau bagaimanapun aset TLDM masih meneruskan pencarian di sekitaran Pulau Perak. Kawasan pencarian tertumpu di bahagian Timur Laut Pulau Perak.

Pada 26 Julai 2019 jam 4.45 petang setelah seminggu pencarian dilakukan Operasi CARILAMAT melibatkan aset TLDM telah dihentikan berikutan tiada petunjuk baharu. Operasi CARILAMAT akan disambung semula jika terdapat petunjuk baharu. Walau bagaimanapun aset ATM sentiasa melaksanakan pemantauan di kawasan tersebut bagi mendapatkan sebarang petunjuk baharu. Terima kasih.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan itu. Usaha telah diambil, terima kasih. Soalan tambahan saya, apa yang saya ingin tahu ialah dalam kerja-kerja usaha mencari ini apakah bantuan yang sedang dan akan diberikan kepada keluarga-keluarga yang telah hilang ini?

Oleh sebab saya tahu sehingga tujuh tahun dari kehilangan itu, yang hilang itu keluarga tidak akan mendapat apa juar faedah. Kalau ditembak mati semasa latihan keluarga akan mendapat faedah persaraan, akan tetapi dalam perkara ini keluarga tidak akan menerima faedah persaraan. Jadi soalan saya, apakah bantuan yang sedang dan bakal diberikan kepada keluarga-keluarga yang hilang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong:** Terima kasih Yang Berhormat Serian. Pada 23 Oktober 2019, Lembaga Siasatan muktamadkan bahawa mereka hilang dan selepas tujuh tahun keluarga boleh memohon kalau tidak dijumpai, boleh memohon kematian, *presumed dead* selepas tujuh tahun.

Dalam keadaan di mana mereka dimuktamadkan sebagai hilang oleh Lembaga Siasatan, untuk mereka yang ada keluarga iaitu seorang Koperal David Edmund Rapi, gaji dia akan disalurkan kepada isteri dalam akuan isteri selepas siasatan. So, iaitu bermakna selepas 23 Oktober gaji ini akan disalurkan kepada bekas isteri beliau kerana bekas isteri ini jaga tiga anak dia. Untuk Lans Koperal Moses anak Logers beliau masih belum lagi berkahwin dan beliau tiada ibu bapa, maka gaji dia dihentikan. So, itu adalah keadaannya.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Saya ingat Santubong itu tepian laut, orang tahu semua. Nampak ada juga yang tidak tahu. Tuan Yang di-Pertua hendak buat *correction* sedikit, bukan bekas isteri. *Assumption of death* itu tujuh tahun. Orang *missing, nobody found, assumption of death* boleh berlaku tujuh tahun mengikut undang-undang mereka bukan keputusan Jawatankuasa pun atau sesiapa, undang-undang Malaysia ya. Jadinya persoalan saya, apakah kemudahan selain daripada gaji, perumahan dan sebagainya diberi dengan keluarga ini semasa *presumption of death* itu belum lagi diberi tahun, *take effect* tujuh yang akan datang.

Adakah mereka ini juga diberi kemudahan-kemudahan yang sepatutnya seorang angkatan tentera, anggotanya dari koperal dan sebagainya itu diberi berterusan? Terima kasih.

■1100

**Tuan Liew Chin Tong:** Kalau apa yang patut diberi, akan diberikan mengikut SOP.

**Dato'Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

*Hujung tahun musim tengkujuh,*

*Soalan saya nombor tujuh.*

7. **Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah inisiatif-inisiatif baharu kementerian bagi memperkasa kebajikan warga emas di Malaysia.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]:** Tuan Yang di-Pertua, negara kita akan mencapai status negara tua menjelang tahun 2030 apabila dianggarkan penduduk berumur 60 tahun ke atas adalah 15.3 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk. Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara 2011 hingga 2020 sedia ada masih dilaksanakan malah dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Platform tertinggi yang diperuntukkan bawah dasar ini merupakan Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas yang mana semua isu semasa berkaitan warga emas boleh dibawa untuk perbincangan lanjut oleh semua agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan serta individu yang berkaitan. Inisiatif kebajikan sedia ada yang dilaksanakan oleh kementerian adalah Bantuan Orang Tua berjumlah RM350 sebulan kepada warga emas yang layak serta menyediakan

institusi kebajikan iaitu Rumah Seri Kenangan dan Rumah Ihsan untuk menjaga golongan warga emas yang uzur, daif dan tidak mempunyai waris.

Dalam usaha mempertingkatkan lagi perlindungan dan hak asasi warga emas, kementerian sedang melaksanakan kajian kandungan pendekatan dan skop bagi perwujudan satu akta khusus untuk warga emas di Malaysia. Akta ini juga bertujuan untuk mewujudkan sistem sokongan kukuh kepada warga emas dan penjaga atau keluarga yang terlibat. Draf rang undang-undang warga emas dijangka akan siap pada penghujung tahun 2020.

Cadangan perwujudan akta ini adalah selaras dengan hasil kajian Mobiliti dan Kesihatan Kebangsaan yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan dan kajian dengan izin *Prevent Elder Abuse and Neglect initiative* (PEACE) yang dilaksanakan oleh Universiti Malaya telah menunjukkan hasil kajian yang hampir sama iaitu *prevalence* atau kekerapan penderaan warga emas di Malaysia adalah lebih kurang 10 peratus. Penggubalan akta ini bertujuan agar promosi dan perlindungan hak asasi warga emas dapat diperkasakan dan seterusnya dapat meningkatkan kesejahteraan warga emas.

Kementerian juga sedang dalam tindakan untuk mewujudkan model penjagaan jangka masa panjang warga emas melalui kajian diagnostik bagi membentuk model penjagaan warga emas jangka masa panjang yang bersepada dan mampan di Malaysia. Kajian yang dijangka akan selesai pada penghujung tahun 2020 akan mengambil kira keperluan jagaan kesihatan dan sosial di institusi serta di dalam komuniti.

Skop kesejahteraan dan kebajikan golongan warga emas serta penjaga akan dititikberatkan di dalam kajian ini. Hasil kajian ini dijangka antara lain akan meliputi pembentukan model pembiayaan mampan serta pelan tindakan pelaksanaan penjagaan jangka masa panjang termasuk keperluan modal insan.

Seterusnya, KPWKM melalui kolaborasi dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan *United Nations Development Programme* juga akan melaksanakan Projek Daerah Mesra Warga Emas (*Age-Friendly City*) dengan izin melalui projek perintis di Taiping, Perak. Projek rintis selama dua tahun ini akan dijalankan berdasarkan panduan *Age-Friendly City* daripada *World Health Organization*. Satu kerangka kerja bagi perwujudan daerah mesra warga emas ini akan dihasilkan yang mana boleh diguna pakai oleh pihak berkuasa tempatan lain. Perasmian pelancaran projek rintis *Age-Friendly City* di Taiping telah dilaksanakan oleh Timbalan Perdana Menteri pada 30 Oktober 2019.

Saya ada dua lagi inisiatif tetapi mungkin saya akan jawab dalam soalan tambahan. Terima kasih.

**Dato'Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi dan usaha yang sedang dibuat.

Antara strategi di dalam Dasar Warga Emas Negara untuk kebajikan warga emas ialah penglibatan dan kesepadan antara generasi. Untuk pengukuhan hubungan antara warga emas telah diwujudkan PAWE yang sedang berjalan dengan begitu baik. Akan tetapi, saya ingin tahu apakah pendekatan dan program aktiviti antara pelbagai generasi khususnya dengan generasi

muda supaya ada perasaan kasih dan hormat terhadap warga emas di kalangan anak-anak muda termasuklah anak-anak mereka sendiri yang kelihatan selalunya mengabaikan warga emas ataupun ibu bapa mereka. Terima kasih.

**Puan Hannah Yeoh:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk *intergeneration activity*, kita tidak ada inisiatif baru tetapi apa yang ada adalah program semasa yang berjalan di PAWE di mana banyak universiti ataupun institusi pendidikan akan melawat PAWE sedia ada dan Rumah Seri Kenangan juga. Saya difahamkan Rumah Seri Kenangan banyak menerima kunjungan hormat daripada delegasi sekolah dan universiti yang datang untuk menghiburkan warga emas.

Apa yang kita sekarang mempromosikan di kementerian kita adalah masa untuk keluarga, luangkan masa bersama bukan sahaja dengan *nuclear family* tetapi dengan *extended family* dengan izin. Jadi, apa yang kita sarankan sekarang adalah hari Ahad sepatutnya digunakan sebagai hari keluarga untuk bersama datuk, nenek, ibu dan bapa dan kita kurangkan aktiviti rasmi pada hari Ahad kerana sekarang ini dengan adanya *WhatsApp*, semua orang terus bekerja walaupun mereka berada di rumah ataupun semasa hujung minggu. Terima kasih.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada kementerian adalah sejauh manakah kementerian ada cadangan untuk menambah baik program-program keselamatan sosial sedia ada agar ia menjadi lebih komprehensif. Bagaimanakah jaringan keselamatan sosial ini dapat disiapkan dan disediakan kepada golongan warga emas bagi membolehkan mereka meneruskan kelangsungan kehidupan mereka dalam keadaan tekanan ekonomi dan sara hidup yang semakin meningkat. Terima kasih.

**Puan Hannah Yeoh:** Okey, jawapannya saya ada dua untuk soalan tambahan ini. Pertama adalah kerajaan telah memperkenalkan inisiatif baru seperti jawapan saya pada hari itu iaitu menggalakkan syarikat mengambil semula warga emas untuk kembali bekerja, pengurangan kadar caruman mandatori KWSP daripada enam peratus kepada empat peratus mulai 1 Januari tahun ini telah menyumbang kepada peningkatan sebanyak 14 peratus iaitu jumlah 34,638 warga emas telah pulang bekerja sejak program ini dilaksanakan. Peningkatan ini yang paling tinggi adalah di kalangan warga emas wanita. Mereka melihatkan peningkatan sebanyak 21 peratus untuk golongan warga emas. Jadi dengan adanya skim ini, warga emas yang mampu bekerja boleh terus bekerja dan mempunyai hasil setiap bulan untuk menyara diri mereka.

Kedua adalah program i-Suri yang telah diperkenalkan ini akan menjamin keselamatan sosial yang lebih terapi untuk golongan warga emas selepas mereka mencecah 60 tahun. Terima kasih.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Kali kelima saya bangun Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Oleh sebab kali kelima, saya nak bagi pantun *special* untuk Tuan Yang di-Pertua.

*Kereta terbang entah ke mana,  
Dah lama rakyat tertunggu-tunggu,  
Wahai Speaker yang bijaksana,  
Terima kasih kerana nampak Jelebu. [Ketawa]*

8. **Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah terdapat sebarang kemasukan dalam skala besar rakyat Hong Kong ke Malaysia selepas krisis yang berlaku di negara mereka.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab ada pantun, saya terpaksa jugalah jawab pantun sedikit Tuan Yang di-Pertua.

*Tangkap PATI di waktu malam,  
PATI dibawa ke depot imigresen,  
Soalan bertubi kepada KDN,  
Jawapan tetap tanggungjawab KDN.*

Soalan ini berkenaan dengan imigresen Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Menteri, macam tidak kena saja. [Ketawa]

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Pantun apa ni?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Walaupun tidak kena tapi best punya pantun ni. Pantun Semporna bah.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Akan tetapi sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengalu-alukan rakyat Sepanggar melihat secara *online* sekarang.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Steady Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod oleh Jabatan Imigresen Malaysia, jumlah ketibaan warganegara Hong Kong ke Malaysia pada tahun 2017 adalah seramai 345 orang, seramai 458 orang pada tahun 2018 dan seramai 242 orang pada tahun 2019 iaitu sehingga 31 Ogos 2019.

#### ■1110

Melalui trend statistik yang dicatatkan tersebut, jelaslah bahawa tiada peningkatan yang ketara bagi jumlah kemasukan warganegara Hong Kong ke Malaysia walaupun sekarang ini di Hong Kong, Tuan Yang di-Pertua, berlaku ketidaktentuan dari segi keamanan yang berlaku di sana. Jadi, itulah, saya rasa soalan berbentuk spesifik, jawapan saya pun spesifik. Terima kasih.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri, saya tidak ada pantun, Yang Berhormat Menteri, fasal pantun Yang Berhormat Menteri itu sangat bagus.

Yang Berhormat Menteri, jawapan Yang Berhormat Menteri walaupun ringkas, saya hendak maklumkan bahawa Hong Kong ini dia protes tiga bulan ya, daripada Jun hingga September. Peningkatan permohonan daripada *protestor* ini untuk masuk ke Malaysia bertambah pada tahun 2019.

Soalan saya, Yang Berhormat Menteri. Adakah negara kita sempena dengan program *Malaysia My Second Home* ini, adakah negara ini menjadi satu negara sebagai destinasi pelarian atau transit bagi rakyat-rakyat luar negara yang bermasalah di negara mereka? Yang Berhormat Menteri, itu yang pertama.

Kedua, peningkatan kemasukan daripada Hong Kong daripada tahun 2018 ke tahun 2019, adakah ini akan memberikan kesan buruk kepada kestabilan politik negara kita? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih atas soalan tambahan tadi. Untuk maklumanlah secara statistik yang ada, melalui program *Malaysia My Second Home* ini, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, seramai 14,891 orang warganegara China dan 1,265 orang warganegara Hong Kong telah menyertai program ini sejak tahun 2002 sehingga Jun 2019. Untuk warganegara Hong Kong, seramai 44 orang warganegara Hong Kong telah pun menyertai program ini. Program ini merupakan program injap jangka panjang di bawah inisiatif Kerajaan Malaysia bagi menarik dan menawarkan peluang kepada warganegara asing yang berkelayakan untuk tinggal lebih lama dan berbelanja lebih besar di negara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sebenarnya saya yakin dan percaya melalui program *Malaysia My Second Home* ini, kita juga akan buat *vetting* yang agak ketat bagi memastikan mereka yang masuk ke negara kita ini dari segi kawalan keselamatan ataupun rekod jenayahnya tidak ada.

Dari segi politik pula, saya tidak nampak ia boleh menjadi masalah kepada negara kita memandangkan mereka ini bukan kita berikan pun dari segi kebebasan ataupun kewarganegaraan sebagaimana yang kita takut-takutkan. Kalau kita tengok di negeri Sabah, contohnya, dipertakut-takutkan orang bahawa jika ada orang yang masuk ke negara kita ini, nampak seolah-olah kohnnya akan diberikan kewarganegaraan. Jadi dari segi politik itu, saya rasa tidak nampaklah, Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Kubang Kerian. Terima kasih. *[Disampuk]* Sama juga, lima kali bangun. Terima kasih.

Saya ingin menarik perhatian kepada jawapan-jawapan Timbalan Menteri. Tahniahlah. Cuma ingin dapat penjelasan, hingga setakat ini, berapa banyak permohonan daripada rakyat Hong Kong yang dinyatakan tadi yang di-scan ataupun ditapis dan ditolak oleh pihak kerajaan kerana alasan-alasan yang logiklah, yang munasabah, terutama soal berselindung di sebalik pelarian untuk mendapatkan *second home* di Malaysia? Terima kasih.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Sebagaimana saya sebut tadi, Tuan Yang di-Pertua—terima kasih dengan soalan tambahan tadi—permohonan oleh warganegara Hong Kong ini 44 sahaja, tidak banyak. Akan tetapi, jumlah yang ditolak itu saya belum ada setakat ini, yang saya difahamkan. Terima kasih.

**9. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:

- (a) usaha kementerian melalui Dasar Agro Makanan 2.0 dalam menekankan pembangunan infrastruktur dan penggunaan teknologi moden (agroteknologi); dan
- (b) usaha Kementerian dalam menggalakkan penglibatan belia luar bandar dalam industri pertanian moden sebagai suatu sumber pendapatan yang mampan dan kukuh.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Soalan Yang Berhormat Permatang Pauh ada dua bahagian. Nombor satu adalah penggunaan teknologi dalam Dasar Agro Makanan 2.0 dan bahagian kedua adalah penglibatan belia luar bandar dalam industri pertanian moden.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, usaha memodenkan sektor pertanian telah digariskan di dalam Dasar Agro Makanan Negara 2011-2020 dan hala tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di bawah Prioriti dan Strategi MoA 2019-2020. Untuk Dasar Agro Makanan 2.0 iaitu daripada tahun 2021 sehingga tahun 2030, kita akan merancakkan lagi-lagi dari segi penggunaan teknologi dalam sektor pertanian.

Usaha untuk meningkatkan penerimaan teknologi dalam kalangan petani merangkumi penyebarluasan penggunaan teknologi pertanian iaitu mekanisasi dan automasi, pembangunan model pertanian moden dan pembangunan pangkalan data agro makanan negara iaitu *big data analytics* dinamakan *Agricultural Flagship*.

Sejajar dengan perkembangan teknologi dan revolusi industri 4.0, strategi memodenkan amalan pertanian dengan meningkatkan penerima gunaan teknologi akan terus diberi penekanan dan akan disusun semula dalam penyediaan rangka Dasar Agro Makanan Negara 2.0.

Justeru itu, Dasar Agro Makanan Negara 2.0 akan memberi fokus dalam menangani isu-isu semasa sektor agro makanan yang meliputi produktiviti, kos pengeluaran serta kebergantungan kepada tenaga buruh. Dalam hal ini, penekanan terhadap penggunaan aplikasi teknologi akan mengambil kira perkara-perkara seperti berikut:-

- (i) pengintegrasian teknologi pertanian moden yang bersifat *high tech* seperti penggunaan robot (*agro robotics*), penderia pertanian tepat (*precision farming*), penggunaan dron, pembangunan data pertanian (*big data analytics*), aplikasi berdasarkan *internet of things*, model kilang tanaman dan lain-lain;
- (ii) penglibatan lebih banyak pihak daripada swasta dan pihak industri;
- (iii) penambahbaikan modul dan model pembelajaran pertanian pintar (*smart precision farming*);
- (iv) peluasan skop kursus dan latihan berkaitan teknologi moden melalui *extension services*;
- (v) pemberian bantuan berbentuk insentif kepada para petani;

- (vi) penggalakan dan pemantapan program penyelidikan di institusi-institusi penyelidikan; dan

Kita tahu bahawa R&D itu sangat penting. Jadi, MARDI dan juga institusi-institusi penyelidikan akan dilibatkan untuk mendapatkan input atau *seedling* yang lebih baik.

- (vii) pemerkasaan inovasi dalam penggunaan teknologi.

Untuk merujuk bahagian kedua, soalan yang kedua, kementerian menyedari bahawa penglibatan golongan muda dalam sektor pertanian khususnya para belia masih dalam tahap yang rendah. Dalam mendepani cabaran ini, kerajaan telah melaksanakan pelbagai dasar, strategi dan program yang melibatkan golongan belia termasuk belia luar bandar untuk menceburi sektor pertanian. Salah satu strategi di bawah Dasar Pembangunan Luar Bandar yang dilancarkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) juga menyentuh tentang galakan kepada golongan muda belia menceburi sektor pertanian.

Jadi, dalam usaha menjadikan sektor pertanian sebagai satu sumber pendapatan yang mampan dan kukuh, kementerian ini mempunyai beberapa program yang sedang dijalankan bagi melibatkan penglibatan belia termasuk belia daripada luar bandar dalam industri pertanian moden seperti berikut:-

- (i) melaksanakan program Agropreneur Muda yang menawarkan perkhidmatan dan bantuan seperti berikut:
  - (a) Geran Agropreneur Muda berbentuk barang sehingga RM20,000 bagi setiap projek;
  - (b) pakej pembiayaan khas di bawah TEKUN Nasional sehingga RM50,000 dan di bawah Agrobank sehingga RM200,000 bagi projek pengembangan; dan
  - (c) menyediakan kursus jangka pendek dan khidmat nasihat teknikal dan kewangan melalui jabatan/agensi berkaitan di bawah kementerian.
- (ii) menyediakan skim pembiayaan mekanisasi dan automasi;
- (iii) menyediakan program latihan jangka pendek dan jangka panjang;
- (iv) memberikan latihan pemasaran digital kepada usahawan agro makanan;
- (v) melaksanakan kursus dan latihan khas dalam bidang *internet of things*; dan
- (vi) menganjurkan program-program penemu suaian antara petani dan syarikat-syarikat teknologi bagi meningkatkan pengetahuan dan mempercepatkan pemindahan teknologi terkini kepada para petani.

Sekian, terima kasih.

■1120

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, di atas jawapan. Saya merujuk kepada laporan *Khazanah Research Institute 2019* tentang perbelanjaan yang kerajaan laburkan untuk

penyelidikan dan kajian pembangunan sektor makanan. Ia hanya 12.5 daripada 100, skor yang sangat rendah. Memandangkan Yang Berhormat tadi telah menyatakan dengan jelas tumpuan kerajaan daripada 2020 ke atas, adakah kerajaan akan serta-merta menambah sumbangan terhadap bidang penyelidikan dan juga kajian? Ini kerana kalau tidak, tidak mungkin kita dapat lihat kesannya. Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin:** Untuk makluman Yang Berhormat Permatang Pauh, sebenarnya dalam *research* R&D, dalam pertanian sebenarnya kerajaan memberikan sumbangan yang sangat besar terutamanya dari segi MARDI. Peruntukan untuk MARDI adalah melebih RM250 juta dalam bajet.

Walau bagaimanapun, selain daripada MARDI penyelidikan dari segi geran daripada kementerian yang lain termasuk MESTECC dan sebagainya kepada universiti-universiti contohnya seperti UPM, UMP, UMK di Kelantan dan sebagainya mempunyai geran-geran untuk membantu dari segi *research* dalam pertanian, benih atau cara —pelbagai *research* dari segi pertanian. Jadi ini adalah satu cara kita meningkatkan produktiviti dan juga penggunaan teknologi atau benih yang lebih baik untuk para petani.

Saya setuju bahawa apa yang *Khazanah Research Institute 12.5 out of 100* itu akan kaji. Kita tahu bahawa *adoption* dari segi teknologi masih rendah, ini tidak dapat dinafikan kerana daripada sektor pertanian — kerana para petani masih rasa mereka lebih mengikut cara konvensional dan tradisional dan mereka tidak dapat bantuan dari segi *matching grant* atau — kalau di negara-negara lain, kalau mereka betul-betul fokus dari segi pertanian, mereka akan memberi *matching grant* dari segi peningkatan teknologi. Kita masih belum mencapai tahap tersebut kerana mungkin kekangan kewangan daripada negara jadi kita belum ke arah itu.

Akan tetapi, saya rasa ada kesedaran dari segi pucuk pimpinan tertinggi termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang selalu menekankan tentang pertanian sekarang dari segi menggunakan teknologi dan pergi ke tempat lain seperti Azerbaijan baru-baru ini, beliau menceritakan tentang penggunaan teknologi dalam sektor pertanian di Azerbaijan, China serta seluruh dunia. Maka, kesedaran itu banyak membantu dari segi kementerian untuk melakarkan Dasar Agromakanan Negara yang baru dan kita akan memberikan fokus kepada penggunaan teknologi yang lebih tinggi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan yang kedua saya jemput...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Yang di-Pertua, Paya Besar...

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Pengkalan Chepa.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** ...Pasal pertanian ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:**...Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya minta satu ya.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta satu.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi saya ada dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut mengenai penglibatan orang muda masih di tahap rendah, saya menyangkal perkara itu. Di kawasan saya, ramai orang muda melibatkan diri mereka dalam hal-hal pertanian. Saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu persoalan mereka selalu yang mereka berikan kepada saya adalah dua perkara.

Paling mendesak, petani-petani berskala kecil ini adalah lambakan hasil pertanian dari negeri Thailand dan kos-kos input yang terlalu tinggi dan juga penyewaan jentera-jentera berat untuk mengusahakan kawasan mereka. Ini amat menekan mereka Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab mereka baru bermula dan juga mereka tidak mempunyai modal untuk ditunjukkan sebab *they have not been in business a long time* dengan izin.

Apakah tindakan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang segera dan tuntas untuk petani-petani muda ini untuk juga menggalakkan mereka mendapatkan hal-hal berkaitan teknologi moden dan juga jentera-jentera berat di tahap yang lebih *affordable* dengan izin? Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Saya hendak beritahu bahawa kita ada ramai orang muda sekarang yang mempunyai minat yang begitu tinggi dalam sektor pertanian kerana mungkin adalah usaha daripada kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai orang muda masuk ke dalam sektor pertanian. Ini satu perkara yang sangat baik.

Saya nampak bahawa – baru-baru ini saya pergi ke Tanjung Piai dan saya berjumpa seorang petani, orang muda namanya, Rizuan Yasin. Dia mencebur fertigasi pertanian dan beliau menggunakan teknologi yang baru, menggunakan fertigasi dan sebagainya. Anak nelayan tetapi berjaya dalam penanaman timun, terung dan juga sayur-sayuran sehingga menjadikannya seorang jutawan. Setiap bulan dia mendapat *five figures*, dia punya pendapatan.

Ini bermaksud bahawa di bawah keadaan seperti apa yang diceritakan oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar adalah lambakan hasil dan sebagainya. Kita kena *compete* dengan *global market* tetapi masih boleh berjaya kerana contohnya apa yang berlaku kepada saudara Rizuan, boleh *compete*, boleh berjaya kerana kerajaan akan bantu dari segi pemindahan teknologi dan sebagainya tetapi *our farmers must be able to compete with global market*, kalau tidak *is artificial*. Kalau contohnya Thailand boleh berjaya, kita pun boleh berjaya *and we have to compete on equal footing* sebab *the global market if very – you know is big and everyone has to go compete accordingly*. Terima kasih.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Yang di-Pertua, satu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta maaf, saya ingin teruskan kepada pertanyaan jawab lisan. Seterusnya, saya jemput...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tidak sempat kah Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim, Yang Berhormat Baling.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Dua orang Tuan Yang di-Pertua ada di situ, boleh runding.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Bolehlah, adoi.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**10. Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan sama ada kementerian bercadang meningkatkan usaha memberikan kesedaran kepada masyarakat khususnya kepada ibu bapa mengenai kesan penderaan emosi dan pengabaian terhadap anak-anak.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan program sedia ada, *Smart Parenting* kepada ibu bapa dan masyarakat setempat dalam menangani keselamatan anak. Melalui Program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA) yang diperkenalkan pada tahun 2017 sehingga kini seramai 400 orang fasilitator telah dilatih yang terdiri daripada pelbagai agensi dan NGO. Dari tahun 2017 sehingga September 2019 tahun ini sebanyak 230 program telah dilaksanakan dengan melibatkan seramai 7910 orang peserta daripada ibu bapa di peringkat komuniti telah mendapat manfaat.

Selain daripada program PEKA, agensi seterusnya adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang turut melaksanakan kempen keselamatan kanak-kanak di sekolah dikenali sebagai Sahabat B.I.J.A.K; (*Safe And Protect*). Kempen ini telah dilancarkan pada Oktober 2014 yang bertujuan untuk menyebarluaskan maklumat berkaitan aspek keselamatan kanak-kanak termasuk literasi undang-undang kepada kanak-kanak sekolah, ibu bapa, penjaga, guru-guru dan masyarakat.

Sehingga Julai tahun ini Yang Berhormat, seramai 76,229 orang kanak-kanak dan 337 buah sekolah telah mendapat manfaat daripada kempen yang dijalankan. Kementerian juga amat menggalakkan penglibatan Yang Berhormat untuk melaksanakan program seumpama ini di kawasan masing-masing.

Semalam juga kita telah menganjurkan satu taklimat di Parlimen untuk semua Ahli Parlimen iaitu Model Cakna Diri Lelaki (*Sexual Reproductive Health For Boys*), syllabus yang baru yang telah dihadiri oleh segelintir Ahli Parlimen di atas dan program ini juga kita sarankan untuk Yang Berhormat laksanakan di kawasan Parlimen masing-masing dan bekerjasama dengan LPPKN.

Selain itu, LPPKN turut membangunkan kursus seperti *Keluarga@Kerja* iaitu *Parenting@Work* sejak tahun 2007 bagi membantu ibu bapa menyiapkan diri serta meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ke arah melahirkan keluarga yang berilmu. LPPKN juga turut menyediakan perkhidmatan sokongan emosi kepada keluarga dan anak-anak melalui perkhidmatan kaunseling di pejabat LPPKN negeri. Kita juga telah melancarkan pada tahun ini

kerjasama dengan HRDF untuk memperkasakan lagi program *parenting* kepada majikan dan juga pekerja.

■1130

Selain itu, LPPKN turut melaksanakan program Terapi Minda kepada masyarakat di seluruh negara. Program ini membantu peserta menguruskan stres demi kesejahteraan diri serta memantapkan lagi personaliti dalam pengurusan emosi. Program ini memberi penekanan kepada keseimbangan antara kognitif, fizikal dan emosi menggunakan kaedah terapi. Bermula tahun 2013 hingga September tahun ini, sebanyak 260 program telah dilaksanakan melibatkan seramai 8,647 peserta di seluruh Malaysia.

Sehubungan itu, bagi memanfaatkan 28.7 juta pengguna *internet* di Malaysia, fokus kementerian akan beralih kepada bentuk digital dan *online* untuk *reach out* masyarakat dan golongan sasar kita pada hari ini. Sebagai contoh, perkhidmatan Kafe@TEEN kepada remaja yang sebelum ini dalam bentuk fizikal telah ditambah baik menjadi digital dalam bentuk *online* iaitu *myKafeTEEN app*. Semenjak ia dilancarkan pada November 2018, program ini telah memberi manfaat kepada seramai 3,440 pengguna *online* yang menggunakaninya.

Menyedari penggunaan sistem *online* tinggi di kalangan rakyat, bermula tahun 2020 LPPKN akan memulakan lebih banyak lagi kursus kita seperti Praperkahwinan SMARTSTART semua kita akan menjadikannya *accessible online* kepada semua yang memerlukannya. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama sekali saya hendak mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan, syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri kebijakan yang mana semalam beliau telah mengumumkan bahawa beliau minta semua wanita yang didera oleh suami mereka untuk tampil ke hadapan tanpa segan silu untuk membuat laporan. Oleh sebab soalan ini ada berkaitan dengan anak-anak ini.

Pasukan SCAN (Penderaan dan Pengabaian Kanak-kanak yang Disyaki) melaporkan sebanyak 1,921 kes daripada 3,308 kes penderaan dilaporkan di hospital seluruh negara pada tahun 2018 dan adalah kes penderaan seksual terhadap kanak-kanak. Ini bermakna, lebih separuh daripada kes penderaan anak-anak kategori penderaan seksual. Pada masa yang sama, Malaysia mempunyai nisbah pakar terapi psikologi kepada penduduk yang terendah iaitu 400 pakar kepada 32 juta penduduk. Nisbah 400 pakar ke 32 juta, nisbahnya amat rendah. Kalau hendak dibandingkan dengan nisbah yang kena bersesuaian iaitu 800 *psychologist* dan untuk 32 juta rakyat Malaysia.

Jadi soalan saya kepada Menteri, Menteri menyebutkan tadi berkaitan dengan kempen dan sebagainya, amat menggembirakan kami. Akan tetapi ada atau tidak kajian kerajaan telah buat faktor dan penyumbang utama kes penderaan kanak-kanak ini? Ia juga ada atau tidak kena mengena dengan selepas ini kursus perkahwinan? Kementerian Yang Berhormat harus bekerjasama dengan pihak agama bagaimana memberi kursus-kursus kepada mereka.

Pada masa yang sama juga, saya minta memandangkan Menteri Pendidikan ada di depan ini, tolong minta, pohon keluarkan satu *circular* agar kami Ahli-ahli Parlimen seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi, pohon kami pergi ke sekolah-sekolah, rasmikan mesyuarat PIBG, kami boleh bantu kementerian untuk dalam membantu khususnya penderaan kanak-kanak. Kalau kami tidak dapat masuk ke sekolah, mana mungkin kami...

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan, soalan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tahu anak itu takut bila datang ke sekolah. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab... *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan, soalan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan tolong berikan *circular* ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Agar kami walaupun pembangkang ... *[Dewan riuh]*

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Bukan ceramah politiklah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kami boleh hadir ke sekolah dalam untuk merentas masalah. Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa soalannya? *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut dah tadi soalan tadi. Kenapa nisbahnya – saya sudah beritahu, bolehkah dia tambah daripada 400 pakar kepada 800 pakar?

**Puan Hannah Yeoh:** Saya ingat soalannya. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ada beberapa soalan tambahan. Saya minta sedikit masa untuk menjawabnya.

Pertamanya mengenai punca-punca penderaan kanak-kanak. Saya ada statistiknya. Pertama paling tinggi adalah perbalahan keluarga. Jumlah besar 5,359 kes dari tahun 2013 hingga tahun 2019. Diikuti faktor kedua adalah mengikut teman lelaki iaitu sebanyak 4,543 kes. Diikuti nombor tiga adalah kes kecuaian ibu bapa ataupun penjaga dan pengabaian iaitu sebanyak 3,631 kes. Jadi statistiknya sudah ada.

Apa yang telah kita lakukan inisiatif baru adalah kementerian telah bekerjasama dengan Google Malaysia bagi menayangkan lima buah video pendidikan seksual mengenai sentuhan selamat dan sentuhan tidak selamat di *YouTube*, “Save Touch Bad Touch”. Statistik video di *YouTube* pada 21 Jun tahun ini hingga 4 Oktober tahun 2019 dalam jangka masa kurang daripada empat bulan, kita telah menerima sebanyak 2.79 juta *views* dan sebanyak 6.25 juta *impression*. Manakala daripada segi *view rates* adalah sebanyak 43 peratus serta sebanyak 67,000 klik *share* dan *like*. Ini berdasarkan *feedbacks* daripada Google adalah sangat menggalakkan kepada kementerian kita. Kita akan terus menggunakan cara yang sama untuk *outreach* yang lebih terus kepada kanak-kanak.

Keduanya adalah Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak Dalam Daftar Kanak-kanak yang telah kita lancarkan pada tahun ini. Mengikut statistik pada 1

April 2019 hingga 30 September tahun ini, sebanyak 134 permohonan daripada individu dan pelbagai agensi terutamanya yang berkaitan dengan penjagaan dan pendidikan kanak-kanak seperti taska, mereka telah membuat *screening* sejumlah 2,147 orang kakitangan sedia ada dan bakal pekerja telah dibuat saringan.

Jadi inisiatif seterusnya, kementerian kita akan berbincang dengan pihak MAMPU untuk kita mempunyai akses kepada data-data yang lain daripada Kementerian Dalam Negeri. Buat masa ini, Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual ini kita gunakan data yang kita dapat daripada mahkamah. Selepas orang itu dijatuhi hukuman, nama itu akan diberikan kepada JKM dan JKM akan *update* sistem semakan kita.

Jadi kedua-duanya ini adalah inisiatif terbaru yang telah kita lancarkan tahun ini untuk memastikan lebih ramai lagi kanak-kanak kita akan dijaga dengan selamat. Terima kasih.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana memikirkan dan amat prihatin berkenaan dengan anak-anak kita khususnya yang mengalami penderaan emosi dan juga pengabaian dan kita ada di hadapan pada sekarang ini galeri kita adalah pelajar-pelajar yang saya rasa mereka sedang berikan perhatian dan tumpuan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya berkenaan dengan Kajian Kesihatan Mental Kebangsaan yang baru-baru ini telah mengeluarkan laporan 2017 yang menyebutkan bahawa satu daripada lima anak muda mengalami kemurungan, manakala satu daripada 10 remaja menghadapi masalah tekanan perasaan. Saya telah bangkitkan supaya ada tambahan kerjasama di antara pihak kementerian dengan Kementerian Pendidikan, khususnya yang berkenaan dengan guru kaunseling yang mana nisbahnya agak tinggi iaitu satu kepada 500 tetapi sepatutnya kepada satu kepada 250.

Justeru saya ingin bertanya, apakah cadangan daripada pihak kementerian untuk bekerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan dan juga dengan KDN khususnya berkaitan dengan pihak polis supaya perkara ini juga dapat diberikan perhatian daripada semua pihak dan dilihat secara holistik? Terima kasih.

**Puan Hannah Yeoh:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Kita memang sangat memerlukan koordinasi antara kementerian. Oleh sebab itu, kementerian kita akan berbincang dengan MAMPU untuk *coordinate* semua data yang berkaitan supaya kita tidak buat *adhoc and working in silos* lagi, dengan izin.

Keduanya, apa yang telah kita lihat selama ini, bukan sahaja Kementerian Pendidikan kita kena berkomunikasi tetapi kita kena bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan juga untuk memastikan kaunselor sedia ada sekarang ada tiga jenis. Ada yang bersama sekolah, ada kaunselor JKM dan hospital juga mempunyai kaunselor mereka. Itu sebab kita perlukan koordinasi.

Keduanya adalah kementerian kita telah *identify*, dengan izin kelemahan sedia ada iaitu kita kekurangan tenaga kerja untuk pelindung kanak-kanak dan pegawai psikologi kita. Kita telah membuat audit, kita hanya mempunyai lebih daripada 200 pelindung kanak-kanak seluruh

Malaysia. Akan tetapi populasi kanak-kanak kita, kita sebenarnya memerlukan 1,500 orang pelindung kanak-kanak. Kita sedang berbincang dengan JPA untuk memastikan kita dapat lebih banyak lagi tenaga kerja. Ada banyak kementerian yang mungkin tidak perlu ditambah tenaga kerja tetapi untuk aspek keselamatan kanak-kanak, kita memang tidak boleh kompromi.

**■1140**

Kita kena memperkasakan lagi tenaga kerja dan memberikan bajet yang lebih dan memastikan kementerian kita – kita sedang *planning* untuk mewujudkan agensi kanak-kanak supaya ada bajet khas, ada *expertise*, dengan izin dan tenaga kerja untuk memastikan sebanyak 30 peratus daripada aset negara kita dalam bentuk kanak-kanak ini kita jaga dan pastikan mereka membesar dengan sihat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, dengan jawapan itu tamatlah sesi soal jawab lisan. Usul.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Tuan Yang di-Pertua, elok sampai nombor 11 Tuan Yang di-Pertua. Murid-murid pun ada hendak tengok, guru pun ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada masa, tidak ada masa. Sekarang sudah 11.10 pagi, 11.40 pagi. Silakan Usul.

*[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan Tamat]*

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.40 pg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahaskan dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Kewangan bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2020 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Khamis, 7 November 2019.”

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2020****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2020****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dan Anggaran Pembangunan 2020 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Kedua]**

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Tuan Penggerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingin memaklumkan hari ini adalah perbahasan di peringkat Jawatankuasa bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2020 untuk Kementerian Kewangan. Had tempoh masa perbahasan di peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dihadkan selama 10 minit sahaja bagi setiap Yang Berhormat untuk berbahas seperti semalam. Sekian, terima kasih.

Seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat, kita hadkan juga tempoh untuk Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri untuk menjawab iaitu selama 60 minit. Mengikut sedikit kelonggaran, selama 60 minit merupakan tempoh yang ditetapkan.

**Maksud B.10, B.11 dan B.12 [Jadual]**

**Maksud P.10 dan P.70 [Anggaran Pembangunan 2020]-**

**Tuan Penggerusi:** Kepala Bekalan B.10, B.11, B.12 dan kepala Pembangunan P.10, P.70 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk di bahas. Saya beri kesempatan kepada Yang Berhormat Baling mengikut senarai yang diberikan. Silakan, 10 minit.

**11.43 pg.**

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Penggerusi.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Penggerusi, ada senarai?

**Tuan Penggerusi:** Daripada Pakatan Harapan, saya tidak ada senarai. Tolong berikan senarai kepada saya. **[Disampuk]**

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Kami free flow.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau boleh Tuan Penggerusi...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Siapa yang bangun, ikut Speaker-lah.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau boleh Tuan Penggerusi...

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Tidak payah bahaslah, bagi.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Masa ini tidak perlu senarailah, siapa berdiri Speaker nampak.

**Tuan Pengerusi:** Lebih mudah saya uruskan kalau ada senarai.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Betul, betul Speaker.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau ada senarai ini...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Saya cadang senarai ini hanya untuk tentukan tempoh masa, tempoh masa bahas sahaja.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Untuk berbahas boleh, tetapi untuk Jawatankuasa *normally* kita tidak *apply* begitu.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Elok Tuan Pengerusi ikut senarai, senarai sudah ada Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Lebih elok saya ikut senarai. Ini diberikan kepada saya.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Saya sokong Speaker, saya sokong Speaker.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Silakan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Bekalan 11 – Perkhidmatan Am Perbendaharaan, Butiran 022000 – Sumbangan Bantuan Kemanusiaan. Saya mendapati berlakunya penurunan peruntukan daripada RM13 juta kepada RM5 juta pada tahun 2020.

Untuk makluman, bencana alam merupakan situasi yang tidak dapat kita bendung secara langsung. Khususnya dalam pengalaman-pengalaman yang saya ada khususnya, dalam misi bantuan kemanusiaan. Kita hanya mampu untuk mengawal dan mencegah sebaik mungkin bagi mengelakkan bencana alam. Jadi, apabila saya melihat peruntukan ini telah dikurangkan, adakah terdapat alternatif baharu daripada pihak kerajaan untuk mengelakkan berlakunya bencana alam seperti mengurangkan pencemaran? Kawalan terhadap pemotongan kayu balak, mengurangkan penggunaan kenderaan serta pelbagai lagi.

Di dalam konteks – kalau kita tengok dalam kebencanaan alam ini, kalau berlakunya sesuatu khususnya di kawasan-kawasan pemindahan. Lazimnya bila kita sampai ke bawah untuk membantu, kadang-kadang hendak beli ikan masin pun kena tunggu LO, iaitu hendak dapat arahan daripada kementerian. Inilah di antara perkara yang NADMA hadapi terdahulu. Jadi, saya hendak menanyakan kepada kementerian, bagaimanakah kita mampu mengatasi masalah? Jikalau kita tengok cuaca sehari dua ini amat ketara. Hujan ini saya cukup risau dan khuatir. Dalam bulan 11 dan bulan 12 malah bulan satu akan kita hadapi bencana. Jadi, apakah tindakan proaktif khususnya dalam peruntukan banjir ini tadi?

Berkaitan dengan Bekalan 10 – Perbendaharaan iaitu Butiran 030100 – Syarikat Pelaburan Kerajaan. Saya melihat berlakunya sedikit peningkatan daripada RM10.3 juta kepada RM10.5 juta. Namun, terdapat persoalan dari saya mengenai apa kedudukan aset-aset yang dijual kepada SPV Urusharta Jamaah Sdn. Bhd. Sama ada SPV mengalami keuntungan atau

tidak? Bagaimana SPV hendak bayar Tabung Haji bagi tahun 2019? Ataupun, adakah pihak SPV telah membayar? Ada juga persoalan yang saya hendak tanyakan, betul atau tidak walaupun bayaran itu belum dibuat, ini bukan tuduhan Tuan Pengurus, persoalan. Jadi, ada atau tidak sekarang ini musim haji pihak Tabung Haji kena bayar sewa hotel-hotel Tabung Haji itu kepada Syarikat SPV? Oleh sebab mereka belum dapat bayaran apa-apa lagi. Ini adalah persoalan yang saya hendak tanyakan.

Saya juga difahamkan wang untuk naik haji akan dinaikkan iaitu caruman iaitu kos Tabung Haji memang sudah naik. Zaman Kerajaan Barisan Nasional pun sudah mencecah sebanyak RM23,000 tetapi Kerajaan Barisan Nasional tetap tahap RM9,999 kerana di atas keprihatinan terhadap rakyat. Akan tetapi, saya difahamkan pada tahun hadapan kos haji akan naik ke RM15,000 iaitu peningkatan sebanyak 50 peratus berbanding dengan RM9,980 yang sedia ada.

Saya dengar dalam perbahasan Menteri Jabatan Perdana Menteri di dalam Dewan yang mulia ini, beliau menyatakan kalau hendak pergi haji, kalau tidak ada duit jangan pergi. Akan tetapi saya fikir, itu betul kata Yang Berhormat Menteri tetapi kita kena sedar bahawa kepada penoreh-penoreh ataupun mereka yang jadi petani memang sukar untuk mereka menyimpan RM9,980. Malah dahulu, waktu saya menjadi pengurus kita buat kajian, mereka hanya mampu meletak sebanyak RM30 hingga RM80 sebulan. Jadi, kalau jangka masa hayatnya panjang, *alhamdulillah* dapat mereka pergi tetapi kalau mereka umurnya 61 tahun masih letak RM80 hingga RM90 sebulan, maka tidak dapatlah mereka pergi. Ini juga saya pohon agar kerajaan untuk meneliti semula kemungkinan RM15,000 itu tinggi, hendak naik mungkin boleh sedikit tetapi tidak sampai RM15,000.

Saya juga difahamkan konsep simpanan Tabung Haji akan ditukar kepada konsep Wakalah di mana pendeposit akan dikenakan caj sebanyak 1.5 peratus. Walhal pulangan kepada pendeposit hanya 1.25 peratus kalau mengikut kadar tahun lepas. Jadi, saya pohon kepada Yang Berhormat Menteri, ini adalah Butiran 021300 – Pemberian Kemudahan Projek Khas iaitu saya melihat berlakunya peningkatan peruntukan sebanyak RM1.2 bilion daripada RM1.2 bilion dan saya hendak melihat peruntukan yang dinaikkan sebanyak RM100 juta.

Saya juga ingin bertanya, saya sudah bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan pada sesi penggulungan baru-baru ini, tetapi kita melihat Yang Berhormat Menteri hanya fokus isu 1MDB sehingga habis. Tidak sempat menjawab soalan-soalan yang kami bawa. Di antaranya saya hendak tanya, apakah peruntukan sebanyak RM100 juta iaitu peruntukan untuk *cable car* yang saya sebutkan berkaitan dengan jurang di antara bandar dan luar bandar ada di dalam buku ini? [*Sambil menunjukkan senaskhah dokumen*]. Kita jenuh cari, tidak ada RM100 juta yang diberikan kepada *cable car* di Pulau Pinang. Jadi, ini juga saya hendak minta – saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri ada pada hari ini. Syabas dan tahniah, boleh memberi ulasan dan jawapan yang bakal diberikan.

Bagaimana pula dengan pembaikan kos rumah iaitu di seluruh negara sebanyak RM100 juta.

**■1150**

Adakah strategi Yang Berhormat Menteri Kewangan akan melonjakkan - bagaimana hendak bantu perumahan ini? Oleh sebab saya fikir RM100 juta hanya untuk *cable car* Bukit Bendera, RM100 juta untuk memperbaiki rumah di seluruh negara walaupun Yang Berhormat Menteri sebut saya ingat lagi pada perbahasan, Tuan Pengerusi pun menyampuk waktu itu tanya soalan saya tidak kena, tetapi saya hendak jelaskan di sini kerana platform saya.

Sebenarnya betul untuk kawasan luar bandar memang ada peningkatan bajet tahun 2020, saya tidak menafikannya. Cuma, persoalan saya waktu dan ketika itu kenapa di samakan RM100 juta hanya untuk *cable car* di sebuah negeri Pulau Pinang? Kenapa satu negara RM100 juta untuk memperbaiki rumah, khususnya untuk orang miskin? Inilah persoalan yang saya tanya tetapi Yang Berhormat Menteri tidak sempat hendak menjawab pada hari tersebut.

Satu lagi saya hendak tanya juga berkaitan dalam ucapan saya, saya tanya mengenai perbekalan ini. Kenapakah kita beli Gamuda? Aset awam ini. Kenapa kita beli Gamuda, urusan aset awam? Gamuda iaitu tol Gamuda yang dibeli hanya untuk di *Klang Valley*. Kenapa tidak kita bincang untuk membantu, kita mengambil alih PLUS yang boleh membantu rakyat di seluruh negara daripada Selangor sampai ke Johor sampai ke Perlis, kita boleh bantu. Kenapa hanya membeli dengan RM6.2 bilion ialah beli Gamuda. Gamuda ini dikenali untuk di kawasan bandar sahaja. Jadi, rakyat di luar bandar tidak dapat manfaat.

Kalau kita tengok hari ini, ramai sangat orang berebut sampai naikkan sekejap RM3 bilion, RM4 bilion, RM5 bilion, RM6 bilion, Khazanah kata kami tidak mahu jua,I naiklah sampai RM7 bilion hari ini orang tawarkan. Apa salahnya Kementerian Kewangan dan aset awam boleh membina dan yang aset iaitu Gamuda beri tender kepada orang awam, ramai pelabur-pelabur luar negara dalam negara pun beli. Inilah persoalan yang saya tanya dalam ucapan saya dan tidak mendapat jawapan.

Akhir sekali, saya hendak patuh masa Tuan Pengerusi, saya tidak hendak ada masalah dengan Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya berkaitan dengan projek-projek pembekalan yang saya tengok ada bajet diperuntukkan tetapi semuanya telah dibatalkan khususnya di kawasan saya. Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri orang Kedah juga, Yang Berhormat Timbalan Menteri bukan tidak tahu kawasan saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri pun pernah datang ke kawasan saya.

Kita dapat kelulusan untuk UITM, surat sudah keluar untuk pembangunan itu dibina dan patut siap tahun 2023, dibatalkan. Bila saya tanya dengan Kementerian Pelajaran, dia kata ini MOF batalkan, kami tidak boleh buat apa-apa. Memang kami hendak buat, surat sudah keluar tetapi MOF batalkan, tanya dengan MOF. Jadi, dalam perbahasan ini saya hendak tanya kepada MOF, kenapa? Dan juga rumah mesra rakyat, ini Yang Berhormat Menteri Perumahan dalam Dewan yang mulia ini telah kata lulus untuk di bina 500 buah rumah. Bila sekarang tiba-tiba dalam bajet tidak ada, Yang Berhormat Menteri Perumahan kata, tanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Jadi saya tanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Sehingga untuk makluman Tuan Pengerusi, untuk rakyat Baling ini, satu taman kecil, Taman Herba itu kawasan untuk mereka orang kampung beriadah dan tanam halia, *it is only RM10 million* Tuan Pengerusi, telah diluluskan untuk pembinaan tetapi akhirnya telah dibatalkan. Peruntukan RM10 juta, daripada RM160 juta UITM sampailah ke perumahan untuk orang miskin yang patut dibina 500 buah itu dibatalkan sehingga Taman Herba untuk tanam halia bagi orang kampung yang miskin untuk - di situ di Baling semua penoreh getah. Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu inilah pendapatan sampingan mereka, itu pun di-menidakkan. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab soalan saya yang saya ajukan tadi oleh sebab Menteri tidak sempat jawab baru-baru ini. Terima kasih Tuan Pengerusi saya patuh pada arahan.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Baling kerana mematuhi peraturan. Pembahas seterusnya Yang Berhormat Alor Setar.

**11:54 pg**

**Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya hendak sentuh sedikit sahaja iaitu di bawah kepala B10 – Perbendaharaan yang di bawah Butiran 020000 – Strategik Fizikal. Di mana bawah Butiran 020200 cukai, kita ada satu fungsi cukai yang cukup jelas bagi memastikan sistem dan dasar percukaian yang saksama yang berupaya merangsang pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Akan tetapi, kita hendak nampak dalam belanjawan ini sudah turun dari RM1,900 juta kepada RM13 juta sahaja, penurunan yang cukup tinggi. Pada waktu yang sama, bagi Butiran 070000 – Program Khusus iaitu bawah Butiran 070500 – Fi Agensi Lembaga Hasil Dalam Negeri dari kosong meningkat kepada RM2,600 juta. Maka saya anggap barangkali ini dua adalah satu kerja yang sama, cuma kita ubah dari sistem yang asal kepada satu program khusus.

Maka saya hendak tanya, apa bezanya sekiranya kita letak dalam bentuk program khusus, adakah ini dalam jangka pendek ataupun ada cara-cara yang berbeza? Ini kerana tujuan untuk strategi fizikal yang cukai ini amat penting untuk kita kutip hasil. Yang Berhormat Menteri Kewangan pun sudah banyak kali sarankan bahawa kita hendak perluas-kan *tax base*. Akan tetapi apa yang kita nampak sekarang dalam statistik ini, syarikat yang daftar di Malaysia ini 1.2 juta untuk tahun 2017. Sehingga tahun 2018, sebanyak 1,298,500 lebih syarikat yang daftar bawah sendirian berhad dan berhad. Akan tetapi hanya 62.4 peratus sahaja yang ada daftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri dan di antara ini, hanya 7.8 peratus sahaja yang tertakluk kepada cukai.

Maka saya hendak tanya, fi untuk agensi LHDN tersebut adakah termasuk kerja-kerja untuk kenal pasti syarikat-syarikat yang belum daftar di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri. Saya hendak tanya juga, minta kementerian menjelaskan dalam perniagaan yang bukan daftar bawah akta syarikat tetapi daftar di bawah perniagaan contohnya *partnership* atau *enterprise* yang berjumlah 7.2 juta di Malaysia sehingga tahun 2018 ini dan peningkatan hampir 400,000 setiap tahun. Adakah syarikat-syarikat semua ini daftar dengan LHDN? Berapa di antara mereka

ini ada hantar borang B ataupun caruman ataupun bayaran kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri? Adakah kerja-kerja ini dimasukkan bawah agensi LHDN yang kita letak RM2,600 juta peruntukan tersebut? Adakah tugas-tugas ini dimasukkan di bawah agensi tersebut?

Pada masa yang sama, seluruh Malaysia tenaga kerja yang kita ada sebenarnya adalah 15 juta yang ada kerja yang ada gaji tetapi pada waktu yang sama, yang hanya tertakluk kepada cukai LHDN hanya 16.5 peratus sahaja. Lebih daripada separuh tidak tertakluk di bawah cukai. Memang kita faham, ada yang mungkin belum sampai kelayakan ataupun kemampuan untuk bayar cukai tetapi saya hendak cadangkan saya hendak minta agensi LHDN tersebut buat cara *big data* untuk semak. Kerana apa? Kerana, kalau ikut caruman ataupun banjaran yang kita ada sekarang ini, seseorang ini dapat pendapatan lebih daripada RM3,500 sepatutnya harus mula bayar PCB potongan cukai.

Maka patutlah ada yang sudah daftar dengan LHDN, maka saya minta LHDN jawab dalam 15 juta tenaga kerja ini, berapa di antara mereka ini sudah ada daftar dengan LHDN? Walaupun dia tidak belum layak dikenakan cukai tetapi sekurang-kurangnya dia kena daftar dengan LHDN. Kerana apa? Kerana kalau ikut *hierarchy* yang kita selalu cakap B40, M40. B40 ini kalau ikut definisi sekarang ini lebih kurang bawah pendapatan RM4,000 ke bawah. Sedangkan M40 pun ada 40 percent tetapi berapa ramai yang sudah daftar dengan LHDN? Adakah agensi yang kita hendak wujudkan dalam proses program khusus ini ada mengambil kira tugas-tugas untuk kenal pasti ini.

Saya juga ingin minta kementerian menjelaskan dalam jumlah 14,000 koperasi yang sudah daftar di Malaysia ini, di mana aset sudah mencecah RM140 bilion. Di antara koperasi-koperasi yang ada perniagaan ini, berapa yang sudah daftar dengan LHDN? Berapa yang belum daftar dengan LHDN? Kerana apa, kerana saya minta kementerian, khususnya untuk yang kita hendak wujudkan program khusus di bawah fi agensi LHDN ini, tugas-tugas kena jelas. Saya dimaklumkan dengan satu cadangan yang baharu untuk tahun depan ini, adalah kita wujudkan satu *Test Identification Number* (TIN) ini adalah satu usaha yang baik untuk kita kenal pasti kerana makin lama, makin ramai mereka yang ada transaksi atas *online* ini yang untuk umur yang lebih 18 tahun yang mempunyai hasil pendapatan. Cuma saya hendak tanya, di antara ini adakah nombor TIN ini sama dengan nombor pencukaian borang B dan borang BE? Ataupun kita hendak wujudkan satu lagi sistem pengesanan cukai di bawah program khusus tersebut?

## ■1200

Sekiranya adalah sama maka saya rasa ini adalah cadangan yang baik. Akan tetapi, kalaulari ini adalah satu nombor pencukaian yang lain daripada nombor pencukaian yang asas ini maka saya rasa itu agak mengelirukan. Sekiranya kita ada mewujudkan beberapa program ini, saya hendak sarankan supaya TIN ini *Tax Identification Number* ini boleh connect dengan *online banking* dengan *credit card* supaya kita punya agensi LHDN boleh kesan di mana transaksi daripada duit yang di jalan sini, sana.

Saya akhirnya saya hendak minta kementerian, kalau kita wujudkan usaha yang cukup banyak peruntukan untuk satu agensi LHDN ini maka hala tuju, *target*, fokus kita kena *clear*. Apa

yang saya nampak sebelum ini kita kata kita hendak perluaskan *tax base*, tetapi kita asyik fokus kepada mereka yang sudah ataupun memang ada bayar cukai cuma kita naikkan bayaran cukai mereka. Ini saya rasa bukan satu usaha untuk memperluaskan *tax base*. Apa yang kita perlu adalah saya cadangkan sedangkan kita sudah wujudkan satu program khusus ini apa yang saya harapkan adalah supaya kementerian selepas kita wujudkan program kursus bawah agensi LHDN ini tolong pastikan syarikat-syarikat khususnya syarikat-syarikat yang dapat kontrak kerajaan, yang ada perniagaan bersama dengan kerajaan, ini semua daftar dengan LHDN supaya kita boleh *monitor*, kita boleh tahu berapa dari segi peruntukan kita salurkan dan syarikat tersebut sama ada untung tidak.

Bukan kita hanya fokus kepada mereka yang sudah bayar cukai hanya kita tekan lagi minta dia bayar lebih lagi. Maka, kita nampak dari segi keseluruhan syarikat perniagaan individu ramai lagi belum daftar dengan LHDN maka saya berharap supaya selepas kita dapat memperkuatkannya agensi LHDN ini maka hala tuju fokus itu haruslah beralih kepada mereka yang kita sudah ada *big data*, kita sudah tahu. Sebelum ini, zaman dulu saya masih ingat sebelum ada sistem percukaian *self-taxation* kita ada Borang J. Sesiapa hendak beli kereta, hendak beli motor semua kena tunjuk borang tersebut kerana dia mampu. Dia bayar cukai dulu. Maka, sekarang kalau kita tidak *control* maka lama lagi akan ramai lagi *bankrupt*.

Maka, LHDN bertugas untuk kenal pasti ini cuma saya merayu supaya mengalihkan kepada fokus kepada mereka yang sudah ada kemampuan tetapi belum daftar kepada LHDN dan belum bayar cukai. Bukan semata-mata kita cari mereka yang sudah bayar cukai, kita tekan lagi dapat lebih maka kita tunjuk kita kutip lebih. Sebenarnya ada banyak syarikat ini dia seorang, dia buka 3, 4, 5 syarikat. Bila dia buka satu, dua tahun dia untung dia tutup dia buka satu lagi. Oleh sebab sejarah tidak cukup panjang maka LHDN tidak ikut dia. Maka, kita rugi dari segi itu. Maka, saya minta agensi yang baru kita wujudkan ini bolehlah melaksanakan tugas ini dan fokus kepada mereka yang sebenarnya sudah layak untuk bayar cukai tetapi dia tidak bayar.

Maka, supaya kita ada satu sistem percukaian yang lebih adil kepada semua. Sekian sahaja saya hendak cadang, kalau kementerian tidak mampu hendak jawab dalam lisan boleh bagi dalam tulisan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Alor Setar. Di sebelah sini dahulu. Saya menjemput Yang Berhormat Kuala Krai. Yang Berhormat Kuala Krai ada?

### 12.03 tgh.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** *Bismillahi rahmani rahim,* [Membaca sepotong doa].

Tuan Pengerusi, saya terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya pada pagi ini. Saya merujuk kepada Butiran 060300 iaitu berkaitan dengan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC). Pada tahun 2020 merupakan tahun terakhir tahun ECER ini. Ia bermula pada tahun 2007 dan berakhir pada tahun 2020. Ia melibatkan kos keseluruhan iaitu sebanyak RM112 bilion.

Soalan saya ataupun persoalan yang saya timbulkan pada hari ini ialah apakah pencapaian ECER sehingga pada hari ini? Berapakah peratus projek ini ataupun pembangunan ini mencapai *target*? Berapakah jumlah perbelanjaan yang telah digunakan pada tahun ini? Saya meneliti beberapa teras pembangunan terutama untuk negeri Kelantan antaranya ialah Kota Bharu City Centre di Palekbang. Saya tidak nampak ada sesuatu yang telah dilakukan, malah saya difahamkan antara inti utama projek ini ialah pembinaan jambatan Palekbang. Oleh itu adakah kerajaan mempunyai masa dan bajet untuk menyelesaikan dalam masa terdekat. Saya juga tertarik dengan projek di bawah Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) yang akan memajukan seramai 5,200 orang keluarga di Gua Musang.

Setakat ini, berapakah bilangan keluarga yang benar-benar dapat dimajukan? Juga dalam ECER ini termasuk Pengkalan Kubor menjadi pusat pelancongan sempadan dan pusat perdagangan peringkat Asia Tenggara segi tiga pertumbuhan Indonesia, Malaysia dan Thailand. Di Gunung Musang, Dabong dan Lembangan Sungai Nenggiri diwartakan sebagai Taman Negeri. Dalam perancangannya ialah lebih seramai 10,000 Orang Asli daripada suku Temiang yang miskin tegar akan menikmati kemajuan ECER ini.

Tuan Pengerusi, kedua ialah Butiran 990200 iaitu berkenaan dengan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB). Pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak MAHB yang menjadikan ruang solat di *rooftop* KLIA sebagai tempat untuk umat Islam melakukan solat Jumaat.

Ini adalah satu kemudahan yang sangat baik yang patut dipuji dan kerana kemudahan umat Islam pada hari Jumaat khususnya yang bermusafir untuk mendapat kemudahan ini. Soalan saya ialah dalam masa yang sama kawasan-kawasan atau ruangan *airport* di negeri lain ataupun di KLIA sendiri dan juga KLIA2 yang perlu diambil kira berkaitan dengan ruangan solat biasa yang perlu diper mudahkan supaya ruangan ini dapat dikenal pasti ataupun di akses dengan lebih mudah bagi pengguna di *airport* ini.

Kedua ialah di KLIA2. Saya perhatikan dengan sepatutnya KLIA2 ini mengambil pengajaran daripada ataupun belajar daripada KLIA1. Khususnya isu yang berkaitan dengan kemasukan warganegara di dalam negara yang terpaksa menyorok di bawah tangga untuk masuk ke dalam negara, jalan jauh masuk bawah tangga pusing barulah dapat masuk ke kaunter imigresen. Ini adalah satu perkara yang tidak patut berlaku kerana KLIA2 ini ialah *airport* yang baru dan seolah-olah satu kecacatan yang amat ketara yang berlaku di KLIA2 ini.

Dalam masa yang sama, ramai yang merungut harga makanan yang mahal. Saya mencadangkan pihak MAHB memantau perkara ini kerana yang kadang-kadang menggunakan khususnya KLIA2 yang menggunakan tambang murah ini, kadang-kadang inilah kali pertama mereka menaiki kapal terbang Tuan Pengerusi. Jadi, dalam masa yang sama hendak makan di *airport* dengan makan yang mahal dalam masa yang sama ada keraguan terhadap restoran ataupun *food court* yang ada dijual di situ terhadap sijil halal yang patutnya dipamerkan. Walaupun berada dalam Malaysia tetapi kadang-kadang penjual itu bukan warganegara, kadang-

kadang bukan Islam pun yang menjual itu. Jadi, ini adalah perkara yang patut diambil berat oleh pihak kerajaan dan MAHB supaya perkara ini dapat di atasi ataupun dipermudahkan.

Tuan Pengerusi, Butiran 040100 – Perolehan Kerajaan. Saya meneliti peningkatan bajet yang ketara dalam perbelanjaan-perbelanjaan lain dalam butiran ini daripada sejumlah RM38,500 kepada sejumlah RM4.8 juta. Mohon diperincikan ke manakah peruntukan ini akan disalurkan? Kedua, saya ingin tahu apakah mekanisme yang akan dilaksanakan bagi memastikan perolehan kerajaan dilakukan secara terbuka dan tiada unsur-unsur bawah meja wujud dalam penganugerahan perolehan kerajaan.

Tuan Pengerusi, Butiran 050200 – Pengurusan Wang Tak Dituntut. Saya ingin tahu mengenai peruntukan aset berjumlah RM1.1 juta. Apakah bentuk aset yang dimaksudkan? Berapakah nilai wang yang masih tak dituntut? Apakah program kesedaran yang dilaksanakan oleh pihak kementerian bagi memastikan rakyat celik mengenai isu wang tak dituntut.

Tuan Pengerusi, Butiran 020100 – Fiskal dan Ekonomi. Saya teliti agenda fiskal *reform* dengan penubuhan Jawatankuasa Pembaharuan Cukai, antara inisiatif yang akan diambil oleh jawatankuasa tersebut adalah mengurangkan ketirisan cukai dengan mengkaji semula insentif dan undang-undang sedia ada. Pengalaman sistem cukai SST secara asasnya membuka lebih banyak ruang kepada *tax evasion* dan *transfer pricing*. Soalan saya, apakah mekanisme yang telah dilakukan dalam tempoh hampir setahun pelaksanaan SST ini? Berapakah nilai ketirisan yang berjaya dikesan? Apakah bentuk insentif dan penguatkuasaan undang-undang dilakukan bagi menggalakkan pembayaran cukai SST?

#### ■1210

Tuan Pengerusi, Butiran 09000 – Pelbagai Suntikan Modal. Berdasarkan ucapan belanjawan Menteri Kewangan, terdapat peruntukan bernilai RM30 yang akan dimasukkan ke dalam akaun setiap e-dompet rakyat Malaysia bagi yang berumur 18 tahun ke atas serta pendapatan tahunan kurang RM100,000. Saya ingin mendapatkan kepastian, di manakah item peruntukan e-dompet dimasukkan secara khusus dalam Buku Anggaran Perbelanjaan ini?

Kedua, apakah mekanisme yang dirangka oleh kerajaan bagi mengkreditkan nilai RM30 kepada setiap rakyat yang layak berdasarkan kepada syarat-syarat tertentu?

Ketiga, berapa jumlah peruntukan keseluruhan yang diperlukan kerajaan bagi pemberian tersebut?

Keempat, keimbangan sesetengah pihak berkenaan dengan keselamatan, *security* terhadap pengguna e-dompet ini seperti maklumat perbankan, kebocoran data serta isu berkaitan perisian hasad.

Terdapat golongan yang bimbang mengenai kemungkinan kehilangan transaksi ketika menggunakan perkhidmatan pembayaran digital. Ada juga yang bimbang maklumat perbankan mereka akan terdedah dan sebagainya. Justeru, sejauh mana aspek keselamatan diteliti oleh *service provider* e-dompet di negara ini?

Terakhir, Tuan Pengerusi, ialah Butiran 030400 – Pengurusan Aset Awam. Kerajaan telah melupuskan kira-kira RM20 bilion aset termasuklah sebahagian daripada pegangan

Khazanah dalam IHH Berhad sebanyak RM8.42 bilion, Sapura Upstream sebanyak RM3.7 bilion, telco M1 sebanyak RM1.65 bilion, saham TNB sebanyak RM1.05 bilion dan sebagainya.

Tindakan drastik yang dilakukan oleh kerajaan ini sekali gus mengurangkan kepentingan kerajaan dalam pemilikan tertentu serta membuka ruang lebih banyak kepada pihak asing dalam pembangunan ekonomi negara.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan mengenai apakah kriteria yang telah diambil kira sebelum pelupusan aset itu dibuat? Berapakah jumlah kerugian yang ditanggung dengan tindakan pelupusan aset tersebut disebabkan penjualan aset dalam keadaan harga pasaran saham lebih rendah berbanding pada awal aset tersebut dibeli suatu ketika dahulu?

Sebagai contoh, penjualan aset Khazanah dalam CIMB Berhad pada Disember 2018. Sebelum PRU ke-14, harga saham berada pada paras RM7.30 satu saham, manakala ketika ia dijual, harga saham adalah RM5.78 satu saham. Jadi, berapa keseluruhan kerugian yang ditanggung dengan tindakan pelupusan aset tersebut sepanjang tempoh ini?

Seterusnya, adakah kerajaan berhasrat menjual aset-aset Khazanah yang memiliki 33.2 peratus dalam Malaysia Airport Holdings Berhad, 100 peratus pemilikan terhadap Malaysia Airlines Berhad serta 51 peratus dalam PLUS Malaysia Berhad sepetimana yang telah dilaporkan dalam media hari ini?

Tuan Penggerusi, itu sahaja ucapan saya. Terima kasih.

**Tuan Penggerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Permatang Pauh.

### **12.13 tgh.**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam .... Terima kasih Tuan Penggerusi. Saya rujuk Maksud Bekalan 11, Butiran 020000 – Bayaran Pindahan dan Pemberian termasuklah Butiran Kecil 020500 – Subsidi dan Bantuan Tunai.

Tuan Penggerusi, saya ingin membawa isu berkaitan dengan pembiayaan hospital tenaga pengajar— walau di bawah Kementerian Pendidikan— untuk menyatakan penghargaan kerana Kementerian Kewangan telah meluluskan dana bagi kos operasi hospital-hospital tenaga pengajar dengan menambah supaya bagi tahun ini dan tahun depan, kos operasi sesebuah hospital, khususnya tenaga pengajar, seharusnya dimasukkan dalam perancangan dan tidak perlulah untuk dikurangkan dan kementerian dan juga kerajaan boleh terus untuk memerangi konsesi pembekal ubat yang menyumbang— menurut kajian Navigant di Amerika Syarikat— kepada betapa tingginya kos penyelenggaraan mana-mana pusat perubatan.

Tuan Penggerusi, isu utama yang saya bangkitkan adalah Butiran Kecil 020500 iaitu peningkatan yang melibatkan daripada RM10 bilion lebih kurang atau RM10.7 bilion kepada RM12.3 bilion. Saya faham dan saya hargai komitmen kerajaan dan kementerian dalam menjaga kebijakan rakyat mengurangkan beban menerusi mekanisme subsidi yang disasar.

Hanya persoalan saya, bagi golongan M40, Tuan Pengerusi, mereka akan menerima skim subsidi yang menghantar bantuan menerusi kad subsidi. Saya ingin menanyakan, mengapakah mekanisme ini diperkenalkan? Memandangkan kajian terbitan *Cambridge University Press* pada Ogos 2018 menekankan bahawa *direct cash transfer* tanpa kad ini adalah cara yang terbaik dan ini juga dipersetujui menerusi kajian daripada *Council of Foreign Affairs* dan juga kementerian KPDNHEP. Dalam jawapan mereka, soalan lazim, yang mengatakan program subsidi petrol sebaiknya diberikan menerusi *cash transfer*.

Jadi, M40 ini ternyata diguna pakai satu mekanisme yang baharu. Ada dua pendekatan yang berlainan untuk program subsidi dan salah satu daripadanya ditulis oleh KPDNHEP sendiri, dipilih *cash transfer* kerana kos lain itu melibatkan kos yang tinggi yang sepatutnya kita tidak bazirkan.

Setakat ini, contohnya, Tuan Pengerusi, subsidi petrol yang sedia ada memakan anggaran kos RM100 juta untuk kerajaan setiap minggu ataupun RM400 juta sebulan. Subsidi ini akan memakan keseluruhan kos sebanyak RM183.3 juta sebulan. Kalau kita masuk ke elemen Kad 95 kepada golongan M40, ini akan melibatkan perbelanjaan yang lebih besar untuk mereka cipta infrastruktur dalam penggunaan kad tersebut. Jadi saya faham dalam usaha kita untuk mengurangkan kos tetapi kenapakah kita ambil dan laksanakan mekanisme ini?

Saya juga ingin mempersoalkan syarikat yang menerima kontrak Kad 95 ini adalah GHL Systems Berhad. Ia bernilai lebih kurang RM25.03 juta sebagaimana dilaporkan oleh *The Edge Markets*. Saya mahu menanyakan juga, mengapakah kerajaan bukan sahaja memilih syarikat ini tetapi saya dapatkan salah seorang daripada pengurusnya adalah merupakan orang yang sama dalam Great Eastern dan juga Great Holdings Takaful yang bertanggungjawab dalam program berkait dengan MySalam?

Jadi, saya berharap kementerian dapat menjelaskan kerana kita tidak mahu ada berlakunya kawalan tertentu dari segi pemberian bantuan subsidi termasuklah dengan program di bawah kelolaan kementerian dari segi Kementerian Kesihatan.

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Saya ingin mencelah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Merbok minta laluan.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Saya beri laluan kepada Yang Berhormat Merbok.

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya sebenarnya pun sangat prihatin atas apa Yang Berhormat sebutkan tadi. Soalan saya, adakah Yang Berhormat Permatang Pauh bersetuju dengan saya bahawa ini akan berpotensi untuk berlakunya monopoli? Kerana kita lihat MySalam di bawah Kementerian Kesihatan dan juga mendapat projek RM25.03 juta untuk buat Kad 95 itu adalah pengerusi yang sama, sebuah company. Terima kasih.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Merbok. Tuan Pengerusi, saya harap persoalan tersebut dapat dijawab kerana kita mahu menumpukan kepada pengurangan kos dan pemberian subsidi itu menuju kepada sasaran.

Maka kalau ada mekanisme yang dilihat sebagai menambah birokrasi, lebih-lebih lagi apabila Great Eastern ini dikenali sebagai salah sebuah syarikat yang mendapat pengecualian daripada layanan syarikat-syarikat insurans di luar sana, persoalan ini sebaiknya dijawab.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, minta laluan sedikit.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Pendang.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Sekejap ya, Yang Berhormat Pendang. Tiga minit ya.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Sedikit sahaja. Saya meneliti ucapan Yang Berhormat Permatang Pauh. Kenapa semasa kita award atau anugerahkan MySalam ini kepada Great Eastern, kita tidak buka kepada syarikat-syarikat takaful tempatan? Ini nampaknya agak ada *something* yang kita rasa tidak berapa elok.

**Tuan Pengerusi:** Itu luar sikit itu.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Ya, Yang Berhormat Pendang, saya fikir semua ini mampu terjawab dengan baik oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan atau timbalannya kelak. Hanya saya bimbang kerana saya lihat aspek daripada penerimaan, aspek mereka yang disasar. Untuk MySalam, *the take up rate*, Tuan Pengerusi, adalah lapan peratus. Jadi, kita hendak pastikan setiap subsidi untuk membantu masyarakat terbanyak, dia kena mudah dan senang untuk dituju kepada golongan berpendapatan rendah.

## ■1220

Jadi saya tanyakan, walaupun saya amat menyokong mekanisme subsidi bersasar tetapi ada juga perlu dikemukakan rasional bila kita guna pakai mekanisme tertentu *because of course* dengan izin *it will add-on the cost*. Sementara kita berhadapan dengan banyak kos-kos yang terpaksa di justifikasi oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dan pihak lain, mereka semua sedang mencemburui masing-masing untuk mendapatkan dana lebih dari Kementerian Kewangan. Jadi kalau kita boleh nampak dan ia jelas dari segi pemberian dan juga mengikuti, menepati inti pati segala saranan seperti *Cambridge University Press* dan juga hasil kajian di luar sana.

Kita juga sedar baru-baru ini baru sahaja diberikan The Nobel Prize kepada *Evidence-Based Economics*, di mana mereka bukan sahaja memberi bantuan secara semberono. Mereka memberi bantuan yang memberi kesan dan juga *multiplier effect* yang paling tinggi. Justeru, dalam setiap bantuan kerajaan kalau kita ada dukungan kajian, kita ada dukungan *research-based* dan *evident-based approach*, saya pasti lebih ramai lagi masyarakat di Malaysia akan mendapat manfaat. Setakat itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Keningau. Silakan.

**12.21 tgh.**

**Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa teguran di sini, kurang lebih enam.

Pertama, isu mengenai Butiran 06000 iaitu mengenai Pembangunan Wilayah. Dalam butiran ini, peruntukan untuk pembangunan wilayah nampaknya berat sebelah. Di wilayah Semenanjung mendapatkan jumlah RM117 juta iaitu RM40 juta untuk Johor, RM40 juta untuk Kedah, RM40 juta untuk kawasan-kawasan yang lain iaitu RM37 juta. Jumlah RM117 juta. Manakala Sabah dan Sarawak hanya mendapat RM10 juta iaitu hanya merupakan tujuh peratus daripada jumlah keseluruhan untuk pembangunan wilayah.

Jadi bagi saya, ini tidak seimbang dan tidak akan mencapai matlamat kemakmuran bersama dan untuk menyeimbangkan pembangunan. Jadi, saya minta sekiranya boleh mengubah semula ini supaya lebih seimbang sekurang-kurangnya sepatutnya Sabah dan Sarawak mendapat RM40 juta masing-masing. Kalau boleh seimbang dengan RM117 juta, sama juga dengan di Semenanjung.

Isu yang kedua, mengenai pembayaran pemansuhan duti atas bayaran petroleum iaitu Butiran 02000, di mana pemansuhan duti atas barang petroleum ini telah dibuat berdasarkan kepada ASEAN Free Trade Agreement yang mana Free Trade Agreement ini untuk memansuhkan duti semua di kawasan FTA tidak berlaku. *It did not happen, it did not materialized.* Maka, saya cadangkan RM120 juta ini yang mengganti sepuluh peratus eksport yang terdapat di dalam Perlembagaan di tolak dan di ganti semula, di ganti dengan apa yang digariskan di dalam Perlembagaan iaitu Artikel 112C, Item 1, Bahagian IV di Jadual Sepuluh. Jadi ini bermakna mengikut Perlembagaan, berdasarkan kepada nilai import pada hari ini ke atas produk petroleum yang berjumlah tidak kurang daripada RM10 bilion, sepatutnya Sabah mendapat kurang lebih sepuluh peratus daripada RM10 bilion itu adalah RM1 bilion, bukan RM120 juta. Sarawak saya tidak dapat mengatakan apa-apa kerana saya tidak tahu mengenai isu import di sana.

Jadi yang ketiga, Butiran 021700 — Pemberian Penyelenggaraan Cerun Jalan Raya Negeri, hanya RM60 juta telah diperuntukkan. Adakah ini hanya untuk Semenanjung atau untuk semua negeri di Malaysia? Ini kerana kalau RM60 juta itu tidaklah mencukupi, sedangkan di Sabah memerlukan RM2 'bilion' untuk cerun-cerun. Mohon dijelaskan tentang peruntukan RM60 juta ini.

Begitu juga dengan penyelenggaraan jalan raya, hanya RM36 juta diperuntukkan di bawah Butiran 022100. Sama ada ini hanya untuk Semenanjung ataupun untuk semua?

**Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Boleh tanya sedikit Yang Berhormat Keningau?

**Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]:** Ya.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kinabatangan, boleh? Ya, silakan.

**Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]:** Tidak mencukupi masa. Nanti ya, sekejap. saya habiskan dahulu. Dalam muka surat 150, Butiran 022200 — Pemberian Khas Kepada

Wilayah Persekutuan. Ada butiran di sana pemberian khas RM29 juta untuk Wilayah Persekutuan yang tidak terdapat di dalam Perlembagaan tetapi yang terdapat di dalam Perlembagaan untuk Sabah, pemberian khas ini tidak dibayar ataupun dibayar hanya RM53.4 juta, sedangkan ini tidak merupakan apa yang perlu dibayar, 40 peratus hasil bersih. Saya juga tidak nampak di mana butiran RM53.4 juta ini terdapat di dalam buku ini dan minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Yang kelima, Butiran 990000 — Komitmen Kewangan. Saya tidak nampak komitmen kewangan untuk pembayaran sepuluh peratus cukai eksport ke atas bahan mineral termasuk petroleum di sini dan Artikel 112C Item 3, Bahagian IV Jadual Sepuluh ini memerlukan ini dibayar kepada Sabah tetapi tidak dibayar dan mohon kerajaan mempertimbangkan semula kerana sepuluh peratus ini kurang lebih merupakan jumlah yang besar, RM3.2 bilion dan inilah yang sepatutnya ada di sini tetapi tidak terdapat. Yang Berhormat Kinabatangan?

**Tuan Pengerusi:** Silakan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Ya. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Keningau. Saya cuma hendak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat melihat bahawa peruntukan seperti yang dibaca oleh Yang Berhormat seperti memperbaiki cerun-cerun dan juga naik taraf hanya puluhan juta? Bukankah ini merupakan satu bajet yang tidak langsung boleh masuk akal? Sebab untuk cerun-cerun, yes, memang saya percaya di Sabah itu banyak bukit-bakau yang runtuh dan perlu di baik pulih, demikian juga dengan naik taraf jalan, kalau setakat RM30 juta, RM40 juta, saya tidak tahu mungkin satu jalan sahaja yang boleh dibuat. Terima kasih, Yang Berhormat Keningau.

■1230

**Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan yang mana bajet pada kali ini tidak menggambarkan apa yang keperluan di Sabah dan Sarawak khususnya dari segi infrastruktur dan sebagainya.

Butiran 070500, ada satu peruntukan baharu iaitu RM2.6 bilion, fi agensi Lembaga Hasil Dalam Negeri. Minta penjelasan, *item* untuk apa ini? Perlu penjelasan apa maksudnya.

*Lastly*, Butiran 050600, pengurusan audit, RM10.3 juta iaitu pengurusan audit dalaman. Adakah audit dalaman ini melibatkan syarikat 1MDB memandangkan ia di bawah MOF sekarang? Adakah ini akan dibentangkan di dalam Parlimen ini seperti mana yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Keningau. Yang Berhormat Arau, silakan.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Kangar.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kangar. Maaf.

**12.31 tgh.**

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Pengurus. Saya hanya ingin mengambil sedikit kesempatan untuk berbahas mengenai butiran belanjawan bagi Kementerian Kewangan.

Pertama sekali, saya hendak menyentuh tentang maksud Bekalan 10, perkara di bawah Butiran 020200 – Cukai dan juga Butiran 020300 – Belanjawan Negara. Sebelum itu, saya hendak sebut sikitlah orang kata dari segi latar belakang ini. Kalau kita tengok belanjawan negara sejak lebih 10 tahun lalu, ada lonjakan hasil yang agak besar terutama selepas pengenalan Cukai Barangan dan Perkhidmatan. Namun, walaupun berlaku lonjakan yang besar ini, kita tengok majoriti sekitar 95 peratus hingga 99 peratus daripada hasil ini, kita gunakan untuk perbelanjaan mengurus, ya. Perbelanjaan mengurus. Dalam kata yang lain, perbelanjaan pembangunan kita sejak lebih kurang dalam lebih 10 tahun yang lalu, kita bergantung kepada hasil hutang. Jadi, ini bagi saya, satu yang orang kata tidak baiklah dari segi imbalan.

Jadi, kita hendak cuba mengurangkan hutang. Pada masa yang sama, kita juga hendakkan pembangunan. Jadi, soalan saya ialah dari segi belanjawan negara, apakah usaha kerajaan untuk menstrukturkan semula corak perbelanjaan ini? Ini sudah tentulah ada kaitan dengan cukai. Jadi, selalu kita bila sebut tentang perbezaan GST dan SST, selalu disebut antara kelebihan GST ialah untuk mengelakkan ketirisan cukai. Maksudnya, para peniaga lari ataupun mengelak daripada pembayaran cukai. Jadi, apakah usaha kerajaan untuk mengelakkan perkara ini berlaku? Sebagaimana disebut oleh sahabat saya daripada Alor Setar sebentar tadi, bagaimanakah kita hendak juga orang kata menuju kepada *broad base*, memperluaskan jumlah pembayar cukai supaya ia lebih lestariyah memandangkan jumlah pembayar cukai di Malaysia ini kecil dan jumlah pembayar cukai tertinggi juga jauh lebih kecil. Jadi, ini untuk jangka masa panjang, sudah tentulah tidak sihat. Jadi, saya berharap itu dapat dijawab oleh Kementerian Kewangan nanti.

Untuk maksud Bekalan 11, perkara di bawah Butiran 020500 – Subsidi dan Bantuan Tunai, kita melihat ada peningkatan besar ya, lebih kurang dalam RM1.5 bilion di bawah perbelanjaan ini. Cuma, persoalan saya selepas pemutihan dan juga subsidi bersasar, adakah peningkatan ini bermaksud jumlah penerima bertambah ataupun adakah ia bermaksud jumlah bantuan yang kita berikan kepada penerima bertambah? Ini kerana kalau kita sudah buat pemutihan, kalau kita sudah betul-betul menyasarkan, sepatutnya jumlah ini, penerima ini semakin kecillah ataupun jumlah peruntukan itu semakin kecil. Jadi, saya harap Kementerian Kewangan dapat menjelaskan perkara ini. Jika boleh, saya minta diberikan perincian jenis subsidi dan bantuan tunai yang diberikan. Apakah jenis kategori-kategori penerima yang di bawah peruntukan ini?

Butiran 021900 –Sumbangan Kepada NGO. Ini pun jumlahnya tidak kecil juga. Cuma, apakah jenis NGO dan jenis program yang NGO boleh mohon? Ini sebab NGO ini terlalu banyak di Malaysia ini. Jadi, ada NGO yang baru tubuh, ada NGO yang sudah lama, ada NGO yang buat kerja yang samalah. Jadi, kita hendak mengelakkan ada pertindihan. Bagaimanakah dan di

manakah saluran permohonan ini? Ini kerana ia di bawah Kementerian Kewangan. Kalau kita tahu, kalau di bawah kementerian-kementerian lain, kita tahu lah. Kalau macam KBS, kita boleh mohon kepada kementerian atau jabatan yang spesifik. Akan tetapi, ini di bawah Kementerian Kewangan, saya hendak tahu salurannya di mana dan apakah usaha untuk MOF sendiri ataupun Kementerian Kewangan untuk mengelakkan pertindihan dan memastikan NGO ini bertumpu kepada kegiatan yang diperlukan?

Jadi, oleh sebab tadi saya sebut dari kementerian-kementerian lain pun ada juga sumbangan-sumbangan ini dan juga sebenarnya pusat khidmat rakyat pun, sebagai Ahli Parlimen pun kita bagi juga sumbangan kepada NGO-NGO ini. Bagaimanakah kita hendak mengelakkan pertindihan supaya kita hendak memastikan sumbangan ataupun penerima-penerima ini adillah. Bukan kerana mungkin kerana ada hubung kait politik. Macam dulu, kita tahu tiba-tiba ada wujud satu NGO yang pakai nama *1Malaysia*, tiba-tiba tengok banyak program. Daripada mana ia dapat sumber kewangan, kita tidak tahu. Jadi, kita hendak mengelakkan perkara-perkara yang begitu berulanglah kerana kita tahu kalau NGO-NGO macam ini sudah tentulah ia ada hubungan kait politik yang dekat.

Butiran 022000 – Sumbangan Bantuan Kemanusiaan. Saya hendak tahu sumbangan kemanusiaan ini di dalam atau di luar negara. Adakah penerimanya adalah penduduk tempatan ataupun orang luar...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Kangar, minta sikit. Sikit saja.

**Tuan Pengerusi:** Okey, Yang Berhormat Pendang. Silakan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Kangar. Apabila dibangkit masalah NGO ini, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Kangar. NGO ini adalah satu badan yang memang setiap negara mempunyai NGO kerana NGO inilah berperanan untuk membantu kerajaan. Kadang-kadang kerajaan tidak cukup kakitangan untuk membantu kebajikan, banjir dan sebagainya. Jadi, kalau kita membangkitkan soal bantuan kerajaan kepada NGO, ini adalah satu kita *preemptive*. Kita bergerak ke belakang. Jadi, contohnya di Turki, NGO merupakan satu badan yang sangat dan banyak untuk membantu kerajaan bagi merangsang ekonomi negara dan juga kebajikan. Minta penjelasan.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Ya, saya tidak menolak peranan NGO, malah saya puji sebab peruntukan ini bertambah. Cuma, kita hendak pastikan orang kata – Ini sebab kita NGO banyak, jadi kita hendak pastikan supaya peruntukan ini dapatlah orang kata, orang tahu, semua NGO boleh tahu. Orang kata maksudnya ada ketelusan supaya mereka tahu di mana hendak mohon, jenis bantuan yang macam mana mereka boleh mohon. Ini sebab macam saya cakap tadi, di pelbagai kementerian ada banyak bantuan terhadap NGO. Jadi, apakah beza sumbangan kepada NGO ini berbanding dengan peruntukan daripada kementerian-kementerian yang lain?

Butiran 022000 tadi saya sebut sumbangan bantuan kemanusiaan. Saya tanya tadi, adakah penerima bantuan kemanusiaan ini di dalam atau di luar negara? Adakah penerimanya

penduduk tempatan ataupun luar? Ini kerana kita tahu negara kita juga menerima kehadiran, kita kata *boat people* ataupun orang kata pelarian. Kita juga ada mengambil mereka yang di bawah kategori yang mendapat bantuan daripada UNHCR. Selain daripada itu, kita juga ada ramai kanak yang kita katakan sebagai *stateless*. Adakah sumbangan bantuan kemanusiaan ini juga boleh digunakan untuk misalnya kita menjamin pendidikan kepada anak-anak *stateless* ini kerana ini juga salah satu visi kerajaan yang ingin kita capai.

Seterusnya maksud Bekalan 12, Butiran 020100 – Kumpulan Wang Tabung Biasiswa Sukan, peningkatan daripada RM1.4 juta kepada RM2 juta. Adakah ini untuk atlet sedia-ada? Adakah biasiswa sukan ini untuk pendidikan di dalam atau di luar negara? Berapa ramaikah penerima setahun dan apakah syarat-syarat penerima biasiswa ini?

Butiran 080000 – Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara, peningkatan agak besar daripada RM20 juta hingga RM80 juta. Saya kebetulan sekarang ini terlibat sebagai salah seorang Pengarah dalam Kesatuan Ragbi Malaysia. Ragbi ini semenjak dua, tiga tahun ini, kita banyak menang. Di Sukan SEA kita menang dan di pelbagai pertandingan di peringkat serantau. Kita pun baru habis Kejohanan Ragbi Piala Dunia dan kita berharaplah peruntukan Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara ini mengenal pasti sukan-sukan yang dapat menonjolkan kita punya pencapaianlah. Kita pun baru ini, kita tahu Azizulhasni Awang juga mengharumkan nama negara. Jadi, kita harap atlet-atlet kita yang sudah mencapai tahap pencapaian antarabangsa ataupun paling tidak pun pencapaian hebat di peringkat serantau ini dapat kita jaga dengan baik dan kita pastikan ada cukup pelapis untuk memastikan sukan negara ini terus cemerlang di pelbagai peringkat yang lebih tinggi. Saya percaya peruntukan ini berbeza dengan peruntukan di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

#### ■1240

Sekali lagi, saya harap kementerian dapat terangkan, apakah perbezaannya dari segi kelayakan untuk permohonan, jenis dan cara bagaimana hendak memohon.

Terakhir Butiran 090000 – Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin juga besar sebanyak RM100 juta. Ini kita tahu banyak isu-isu pelajar miskin. Jadi, adakah peruntukan ini untuk pendidikan di peringkat rendah, menengah ataupun di peringkat universiti. Jadi, bagaimanakah cara hendak mohon...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, penjelasan sedikit. Arau.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** ...Agihan.

**Tuan Pengurus:** Ya, silakan Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Apakah Yang Berhormat hendak cadang supaya– saya pun hendak cakap tabung ini dipindahkan kepada Kementerian Pendidikan. Kenapa Kementerian Kewangan mesti pegang sebab dia tidak ada hal tentang hal-hal pendidikan ini? Bukan patut bagi pada Menteri Pendidikan lah.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Sebenarnya semua kementerian ini dia dapat duit daripada Kementerian Kewangan. Cuma sebab itulah tadi saya tanya, saya minta Kementerian Kewangan jelaskan, apakah perbezaan sebab mungkin di peringkat Kementerian

Pendidikan sendiri dia ada program khususnya. Jadi, mungkin Kementerian Kewangan ada program khususnya. Jadi, saya hendak tahu lah apa perbezaannya dan bagaimanakah permohonan dan juga kelayakan.

Sekali lagi untuk kita mengelakkan pertindihan untuk memastikan belanjawan yang kita buat ini tepat kepada sasaran dan orang kata tidaklah timbul tuduhan-tuduhan bahawa yang menerima ini orang yang sama, ada orang yang layak terima tak dapat, ada yang layak terima tapi dia dapat dua kali dan sebagainya. Jadi, itu sahaja. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya mohon mencadangkan.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Kangar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Lipis. Lipis ada?

#### 12.41 tgh.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahir Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya berterima kasih kerana dapat juga turut serta perbahasan Bekalan 2020 bagi Kementerian Kewangan. Saya terus pergi kepada Butiran 020000 – Strategi Fiskal, Anggaran Perbelanjaan bagi Tahun 2019 iaitu anggaran lebih kurang RM1.2 bilion dan saya melihat anggaran ini daripada tahun 2019 iaitu RM3.1 bilion. Jadi, pengurangan yang agak sedikit ketara.

Saya juga ingin menyatakan bahawa baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dari Langkawi telah memberi amaran kepada Malaysia bahawa bakal dikenakan sekatan ekonomi. Sebab saya katakan sedemikian rupa kerana Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) mengatakan mereka akan mengambil tindakan yang wajar untuk memastikan Malaysia mengelak sekatan daripada Amerika.

Akan tetapi saya mengharapkan supaya perkara ini tidak akan berlaku tetapi ia juga bergantung kepada tindakan kita sebab ini adalah melibatkan kewangan di mana Amerika telah meletakkan Malaysia dalam senarai yang ke-16 negara yang mereka mengesyaki sebagai penipu perdagangan.

Pada bulan Mei tahun ini, Malaysia juga telah disenaraikan sebagai salah satu daripada sembilan buah negara untuk dipantau kerana isu *manipulator* mata wang. Maknanya kita telah disenaraikan sebagai pemain mata wang. Minggu lepas pula rangkaian media antarabangsa Reuters mengeluarkan satu artikel yang menuduh kerajaan yang ada iaitu rejim PH sedang berusaha dalam penipuan untuk menolong negara Venezuela dan Iran untuk mengelakkan sekatan ekonomi daripada Amerika. Reuters kata mereka ada bukti bahawa minyak yang diimport dari Venezuela dan Iran telah dilabelkan sebagai minyak Malaysia untuk dieksport semula ke China. Ini ada dalam rujukan keratan akhbar sebenarnya.

Oleh sebab itu kalau eksport minyak dari negara China telah meningkat tiga kali ganda, tetapi bukannya datang daripada Petronas, datang dari pelabelan sahaja. Ini kita mengambil kira suatu langkah yang sangat-sangat kurang bijak kerana perkara ini boleh menjelaskan hasil negara sebenarnya. Oleh sebab itu pada saya, tindakan kita yang diketuai oleh Menteri

Kewangan daripada Bagan mempromosikan Malaysia sebagai negara yang mungkin menerima manfaat dari peluang perdagangan Amerika Syarikat dengan China, merupakan tindakan yang tidak bijak.

Saya menyatakan sedemikian kerana Vietnam adalah merupakan sebuah negara yang menerima manfaat daripada perang perdagangan, tetapi telah dikenakan tarif 400 peratus ke atas eksport barang besi dan keluli oleh Amerika Syarikat bulan lepas sebagai permulaan Amerika Syarikat mengambil tindakan. Kalau kita merupakan sebuah negara yang ketiga terbesar, kita eksport Amerika tetapi kalau kita dikenakan tarif dalam keadaan suasana ekonomi pada hari ini, saya kira negara kita akan mengalami ekonomi yang lebih dahsyat merudumnya.

Ekonomi Malaysia semakin teruk dengan kadar pengangguran yang makin tinggi dan banyak lagi syarikat dijangka bakal gulung tikar kalau keadaan seperti hari ini. Banyak syarikat yang telah mengadu hal dalam perkara ini. Ini langkah-langkah yang perlu kita pastikan jika dilihat secara kasar kadar mata wang ringgit sangat teruk menjunam hanya dibandingkan Thailand. Thailand dahulu, Thailand sekarang. Kalau, saya dimaklumkan tetapi saya tak *check*, dimaklumkan lebih kurang tujuh sahaja dah. Jika dibandingkan 11 atau 12 yang terdahulu tetapi mereka telah lebih mampu lebih jauh menyaingi kita pada hari ini.

Saya hendak pergi kepada butiran seterusnya.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Lipis, boleh sedikit? Yang Berhormat Lipis, sedikit.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat Paya Besar.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Lipis. Berkaitan pengukuhan mata wang Ringgit Malaysia. Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Lipis, adakah patut Kementerian Kewangan menyatakan dalam jawapan nanti, apakah yang akan dilakukan oleh Kementerian Kewangan supaya *fiscal economy* ini dapat dipulihkan supaya mata wang negara kita akan kembali mengukuh dan akhirnya ia akan menyebabkan dasar ekonomi kita dari segi monetari ini akan menyebabkan keuntungan supaya negara kita tidak kekal 3.7 peratus dari segi defisit seperti mana yang dilaporkan oleh Laporan Audit 2018.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Saya sangat setuju sebenarnya Yang Berhormat Paya Besar, sebab inilah langkah sebenar kerajaan bagaimanakah hendak membaik pulih ekonomi kita. Hakikatnya memang teruk sekarang ini. Kita— apakah langkah-langkah sebenarnya yang hendak dilakukan. Kita masih lagi samar— mungkin bukan samar, kita tidak nampak apakah langkah-langkah itu. Oleh sebab itu saya melihat kepada Butiran 020200 – Cukai, Anggaran Perbelanjaan bagi Tahun 2020 iaitu sebanyak RM13 juta sahaja jika dibandingkan 2019 iaitu sebanyak RM1.9 bilion.

Apakah yang terjadi? Begitu ketara sekali penurunannya? Saya tak pertikai kan, tetapi saya nak jawapan yang tepat. Apakah punca ini berlaku? Adakah disebabkan percukaian GST itu telah tidak kembali? Ataupun kita sekarang ini telah banyak perkara-perkara yang boleh menyebabkan sistem percukaian kita tidak dapat memperoleh lebihan kewangan itu. Saya

melihat daripada kekurangan ini sangat besar. Adakah disebabkan kerana ekonomi kita pada hari ini?

Kalau GST, kita kenakan satu sahaja percukaian kepada rakyat. Akan tetapi hari ini kita sudah kena cukai soda, levi pelepasan dan sebagainya cukai-cukai yang hendak dikenakan kepada rakyat tetapi rakyat tidak nampak, kononnya GST itu tidak baik. Akan tetapi yang ada sekarang ini, cukai yang lebih banyak yang boleh lebih menyusahkan kepada rakyat. Tak percaya, turun padang. Tanya kepada masyarakat, tanya pekedai-pekedai, kedai aksesori, kedai tayar, kedai *spare part*, kedai sebagainya waima *hardware* sendiri yang berlipat kali ganda harga yang telah naik. Akan tetapi inilah hakikat sebenar yang perlu Timbalan Menteri Kewangan yang ada di sini melihat perkara ini. Saya hendak melihat kenapa penurunan yang begitu ketara sekali bagi Butiran 020200 ini.

Bagi contoh Butiran 96000 – Padang Bola Sepak Tiruan. Bajet RM32 ribu sahaja. Saya ingat ini memalukan Menteri KBS. Lebih baik jangan masuk dalam bajet, minta dalam bajet lain, butiran-butiran lain yang lebih banyak boleh disalurkan kepada KBS. Sebanyak RM32 ribu sahaja, nak buat apa? Malu Menteri KBS. Kalau ini peruntukan yang dia dapat, adakah dia memohon banyak ini sahaja? Apa terjadi kepada belia?

Saya hendak pergi kepada Butiran 021200 – Pemberian Kemudahan Asas Kecil bagi tahun 2020, RM150 juta sahaja. Apa yang hendak dibuat RM150 juta? Sarawak sahaja dia sebut tadi, dia perlu bajet RM2 bilion. Ini RM150 juta.

Butiran 021300 – Pemberian Kemudahan Projek Khas, Anggaran perbelanjaan bagi tahun 2020 iaitu RM1 bilion jika dibandingkan sebelum ini RM1.1 bilion, yang tadi bandingnya RM300 juta.

#### ■1250

Saya hendak tanya, apakah ini termasuk dalam projek-projek yang diluluskan oleh zaman Barisan Nasional? Saya banyak juga permohonan-permohonan yang lulus zaman BN tetapi tidak dilaksanakan pada hari ini. Contoh yang saya hendak beri mudah sahaja, masjid-masjid ada tiga-empat buah masjid yang telah diluluskan zaman BN. Masjid ini Tuan Pengerusi, saya sebenarnya masjid-masjid ini masjid yang sangat kritikal, yang setiap kali hari hujan akan banjir. Ini yang diluluskan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Mohd Najib, Yang Berhormat Pekan. Akan tetapi sekarang telah dibatalkan permohonan itu. Kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tolong pertimbangkan kembali sebab ini masjid kritikal. Masjid yang juga tempat perpindahan orang banjir dan ini semua telah dipotong.

Cuma saya hendak pergi butiran yang akhirnya iaitu Butiran 09000 – Pelbagai Suntikan Modal. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan, sebelum ini Kerajaan Negeri Pahang telah mengeluarkan sejumlah pinjaman bagi perbelanjaan banjir tahunan iaitu sebanyak RM14.7 juta bagi tahun 2014 dan RM28.5 juta bagi tahun 2015. Saya hendak bertanya kepada keseluruhan RM43 juta ini, bilakah kerajaan di bawah Kementerian Kewangan hendak membayar kembali. Oleh sebab saya tengok Butiran 09000 – Pelbagai Suntikan Modal ini tinggi, RM8.129 bilion yang masih bayar kepada Kerajaan Negeri Pahang.

Satu lagi perkara iaitu pembiayaan mudah iaitu *soft loan* bagi penganjuran Sukan Malaysia Ke-15 negeri Pahang juga belum dibayar. Sehingga kini jumlah terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Negeri Pahang sebanyak RM205 juta atas penganjuran tersebut dan saya dimaklumkan negeri-negeri lain yang menganjur telah dibayar. Kenapa Pahang didiskriminasikan tidak membayar dan Johor sudah dapat. Kenapa Pahang didiskriminasikan atas bayaran itu?

Adakah sebab Kerajaan Negeri Pahang ini Kerajaan Pembangkang? Tidak boleh buat macam itu sedangkan kita laungkan, kita hendak sama adil untuk diberikan hak sama rata kepada negeri-negeri walaupun Pahang, Kelantan, Terengganu dan juga Perlis. Saya harap Yang Berhormat Menteri lihat, kaji dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pun telah berjumpa dengan Tun Dr. Mahathir iaitu Perdana Menteri daripada Langkawi menyebut akan membayar kepada kerajaan negeri. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merakamkan ucapan terima kasih kerana Tuan Pengerusi mengizinkan saya berbahas pada hari ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat Lipis. Sekarang saya menjemput, Yang Berhormat Petaling Jaya bangun awal tadi ya. Itu masalahnya kalau ada senarai lebih senang. *[Ketawa]* Silakan.

#### 12.53 tgh.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** *[Ketawa]* Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk kepada Butiran 020300 – Belanjawan Negara. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) merupakan sebuah institusi hak asasi manusia kebangsaan yang ditubuhkan 20 tahun yang lalu. Bukan sahaja untuk menasihati tetapi juga membantu serta memantau kerajaan dalam bidang hak asasi manusia dan juga sebagai sebuah badan yang mempunyai kuasa yang menyiasat mana-mana aduan berkenaan dengan perlanggaran hak asasi manusia.

SUHAKAM memainkan peranan yang penting dalam menjadi medium perantaraan di antara rakyat terutamanya mereka yang ditindas dan tidak mendapat hak yang sepatutnya dengan Kerajaan Malaysia tanpa mengira kaum, agama, bangsa dan latar belakang mereka. Dalam era Malaysia Baharu, tugas dan peranan yang dimainkan SUHAKAM telah dipertingkatkan lagi.

Pada bulan Ogos yang lalu, pelantikan seorang Pesuruhjaya Kanak-kanak merupakan antara pembaharuan yang diambil kerajaan dalam melindungi hak kanak-kanak. Berdasarkan kos perbelanjaan beberapa tahun yang lalu, SUHAKAM menggunakan sebanyak 92 peratus peruntukan mereka semata-mata untuk membiayai kos *overhead* manakala hanya lapan peratus lagi digunakan untuk menjalankan program-program.

Anggaran perbelanjaan SUHAKAM semakin meningkat. SUHAKAM mempunyai sebanyak 90 orang kakitangan dan tiga buah pejabat. Selain itu Pesuruhjaya-pesuruhjaya SUHAKAM mempunyai *structure allowance* yang rendah yang tidak dikemas kini sejak ia ditubuhkan 20 tahun yang lalu dan ini seharusnya dikaji semula.

Selain itu, kereta-kereta yang digunakan oleh Pesuruhjaya SUHAKAM juga telah melebihi 14 tahun dan sering mengalami kerosakan. SUHAKAM telah memohon supaya peruntukan mereka adalah sebanyak RM17 juta termasuk RM1 juta untuk Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak yang baru ditubuhkan. Oleh itu, saya ingin bertanya apakah peruntukan yang akan disediakan untuk SUHAKAM kerana ini tidak ditunjukkan dalam *detail* perbelanjaan. Saya juga ingin memohon supaya peruntukan untuk SUHAKAM dapat dimasukkan dalam belanjawan pada tahun-tahun hadapan.

Isu yang kedua ialah merujuk kepada Butiran 030500 – Unit Kerjasama Awam Swasta. Anggaran peruntukan mengurus tahun 2020 bagi Unit Kerjasama Awam Swasta adalah sebanyak RM16 juta. Sementara itu, anggaran mengurus tahun 2019 bagi Unit Kerjasama Awam Swasta adalah lebih kurang RM30 juta. Anggaran peruntukan pembangunan tahun 2020 bagi dana fasilitasi adalah sebanyak RM300 juta. Sementara itu, anggaran pembangunan tahun 2019 bagi dana fasilitasi adalah RM1 bilion lebih kurang.

Dilihat terdapat penurunan dalam peruntukan kewangan yang disediakan kepada UKAS di mana ia adalah agensi pusat yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaras projek-projek penswastaan, *public private partnership* dengan izin dan projek kerjasama sektor awam swasta yang memberi impak kepada ekonomi negara dan boleh diberi suntikan dana fasilitasi.

Selanjutnya dari perkara ini, beberapa projek pembangunan yang merupakan kerjasama sektor awam dan sektor swasta yang telah menerima dana fasilitasi setakat ini. Apakah mekanisme yang digunakan bagi menentukan sama ada sesuatu projek boleh diberi pembiayaan dana fasilitasi.

Berbalik kepada jumlah peruntukan dana fasilitasi telah berkurangan sebanyak RM1 bilion berbanding tahun lepas. Mengapakah penurunan begitu besar ini telah dilakukan? Apakah kerajaan merancang untuk mengurangkan projek kerjasama di antara sektor awam dan sektor swasta pada tahun 2020? Selain itu juga, apakah kerajaan mempunyai perangkaan atau usaha lain yang dapat bagi merangsang pelaburan sektor swasta dalam projek-projek pembangunan.

Akhir sekali ialah merujuk kepada Butiran 020500 – Subsidi dan Bantuan Tunai. Kerajaan telah memperuntukkan RM5 bilion bagi meneruskan Program Skim Bantuan Sara Hidup bertujuan membantu ekonomi rakyat terutamanya golongan B40, meringankan kos kehidupan. Pemberian bantuan sara hidup tahun depan turut diperluaskan meliputi RM1.1 juta individu bujang berusia melebihi 40 tahun berpendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan. Sebagai tambahan, OKU berumur 18 tahun dan ke atas dengan pendapatan kurang RM2,000 sebulan turut layak menerima bayaran BSH.

Namun begitu, tempoh pendaftaran bagi BSH tidak dibuka sepanjang tahun. Hal ini menimbulkan kekeliruan dan rasa tidak puas hati kepada mereka yang berkelayakan tetapi tidak mendapat sebarang bantuan kerana tidak sempat mendaftar pada tempoh pendaftaran dibuka pada awal tahun ini. Pendaftaran BSH juga penting kerana merupakan satu kriteria untuk rakyat menerima bantuan lain seperti Peka B40, mySalam dan lain-lain.

Soalan saya, adakah kerajaan bercadang membuka tempoh pendaftaran bagi tahun 2020? Apakah langkah yang akan diambil untuk menjadikan proses pendaftaran lebih *accessible* kepada rakyat sepanjang tahun 2020? Selain itu, satu pendekatan lebih menyeluruh perlu dirangka bagi meminimumkan sebarang risiko yang dihadapi oleh golongan B40.

Adakah kerajaan mempunyai perancangan lain atau melihat skim BSH ini sebagai satu solusi muktamad bagi menyelesaikan isu kemiskinan yang tidak pernah selesai berdekad lamanya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat Petaling Jaya. Selepas ini adalah giliran Yang Berhormat Kubang Kerian. Silakan Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang.

*[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.02 tengah hari]*

■1430

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli Yang Berhormat, mesyuarat diteruskan dengan perbaasan peringkat Jawatankuasa. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kubang Kerian. Sila, 10 minit.

2.33 ptg.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Cukup kuota Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Cukup.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Cukup.

**Beberapa Ahli:** Cukup.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Jangan cakap cukup, takut tidak cukup, nanti jadi kes. Baik kita bilang dulu.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Kalau Yang Berhormat Kubang Kerian tidak mahu bahas, biar Yang Berhormat Rasah ambil alih.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** No, bukan masalah bahas. Kalau bahas tidak cukup kuota, tidak makna. Cukup ya? Cukup.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Teruskan ya. Yang Berhormat Kubang Kerian, sila teruskan.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Sebab saya tengok seorang Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tidak ada.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada, di dalam Kamar. Sila, sila Yang Berhormat.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Okey.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Bawah 18 ini.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Kuorum memang tidak cukup, baru 18. Dia sepatut 26.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kuorum tidak cukup ini.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Kuorum tidak cukup.

**Seorang Ahli:** Ada, cukup.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Mana cukup, bilanglah.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Yang Berhormat Rasah cuba bilang.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Bilang, bilang.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Cameron Highlands baru masuk ini. Cuba tengok.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Sekejap, cuba bilang sekarang. Tuan Pengerusi, saya minta maaf. Saya bukan hendak timbul itu, sebab peraturan Dewan kita kena hormati, itu saja. Kalau Tuan Pengerusi kata okey.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Baru 21. Macam mana you bilang. 21 baru.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Yang Berhormat Jelutong sudah macam 10 sudah.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Ada, ada masuk ini, tengok.

**Seorang Ahli:** Cukup, cukup.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Tanjong Malim masuk.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Ada 21.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Ada 21, 22, 23. Tiga lagi.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Ada.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Pergi panggil BBC, panggil BBC, tiga lagi panggil.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tidak, bilang, bilang, bilang.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Bilang.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Bilang sekali lagi, bilang.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Yang Berhormat Jelutong dengan Yang Berhormat Rasah, saya bukan pertikai.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tidak, tidak, faham. Kita kiralah. Mana Yang Berhormat Pendang. Yang Berhormat Pendang mana?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Bukan pertikai. Ada lagi. Mana Yang Berhormat Pendang?

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Baik, masalah bukan siapa.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Mana Yang Berhormat Bagan Datuk?

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Masalahnya Dewan tidak boleh mula, kalau tidak cukup kuorum.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Kota Bharu, Yang Berhormat Marang. Sudah cukup sudah. Cukup, cukup.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Tunggu, tunggu, tunggu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Mana Yang Berhormat Pekan.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Tunggu cukup, tunggu cukup.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Tapah mana? Yang Berhormat Tapah, hilang.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Marang.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Mana?

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Bachok.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Tidak, Yang Berhormat Menteri dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak ada.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sebelum saya jemput Setiausaha bilang. Yang Berhormat yang duduk di luar, sila masuk.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Batu Gajah masuk. Yang Berhormat Batu Gajah ada, Yang Berhormat Batu Kawan ada, Yang Berhormat PJ ada, okey.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, ada kuorum, sila Yang Berhormat.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Boleh?

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Okey, boleh teruskan Yang Berhormat Kerian, okey.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat yang duduk di luar, sila masuk Dewan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Pengerusi, saya...

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** BBC kena *commit* lah. BBC.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya minta maaf...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, saya tahu. Blok pembangkang pun kosong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ya, *floor* pembangkang pun kosong.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak apa, tidak apa. Teruskan Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya minta supaya jangan buang masa.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Okey, terima kasih. Saya bukan berkira siapa pembangkang, siapa kerajaan. Asalkan kuorum cukup.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** ‘*Masa itu emas*’. Sila.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Peraturannya ialah kena cukup. Itu saja.

*Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi saya memberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan 2020 peringkat jawatankuasa pada kali ini. Saya tidak akan mengambil masa yang panjang, mungkin ada beberapa *item* yang utama saja yang akan disentuh. Pertama sekali Butiran 020000 – Strategi Fiskal di bawah Butiran 020200 - Percukaian. Tuan Pengerusi, pertama saya ingin mendapatkan penjelasan mengenai sejumlah RM14.4 bilion pembayaran balik cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang seharusnya dipulangkan semula kepada sejumlah 121,429 pihak termasuk syarikat dan individu.

Begitu juga sejumlah RM17.6 bilion pembayaran balik untuk cukai pendapatan. Adakah semua tuntutan tersebut telah dijelaskan sehingga September 2019? Mohon diberikan perincian pembayaran secara bulanan atau mengikut jenis cukai. Sementara itu adakah terdapat akaun-akaun penerima yang telah dibekukan atau ditutup atau mempunyai masalah perakaunan yang lain.

Kedua, apakah mekanisme yang akan diambil oleh kerajaan bagi memastikan kelemahan kutipan cukai yang disebabkan oleh ketidakcekapan pentadbiran, pelarian atau ketirisan dapat diatasi. Hal ini kerana dapatan sehingga akhir 2017 menunjukkan sejumlah 62.4 peratus daripada 1.25 juta syarikat yang mendaftar dengan Lembaga LHDN, namun hanya sebanyak 7.8 peratus atau 61 ribu syarikat sahaja yang tertakluk kepada cukai.

Adakah kerajaan juga akan mengkaji semula intensif cukai galakan pelaburan bagi memastikan pulangan optimum daripada pelaburan dan jika ada, apakah insentif-insentif percukaian tersebut. Ketiga saya melihat kerajaan sedang meluaskan asas percukaian selari dengan cadangan IMF supaya menggalakkan keseimbangan antara cukai langsung dan cukai tidak langsung. Sejak pembentangan Belanjawan 2019 hingga sekarang, kerajaan telah dan akan memperkenalkan beberapa cukai baharu iaitu cukai perkhidmatan atas perkhidmatan import bermula 1 Januari 2019, duti eksais ke atas minuman bergula bermula 1 Julai 2019, levi pelepasan bermula 1 Jun 2019 dan cukai perkhidmatan digital bermula 1 Januari 2020.

Persoalan saya, berapakah unjuran hasil daripada setiap cukai baharu berkenaan pada tahun 2020? Berikutnya ialah Butiran 030000. Tuan Pengerusi berdasarkan kepada akta terkini, jaminan kerajaan adalah sebanyak RM27.8 bilion sehingga akhir Jun 2019. Jumlah tersebut dikatakan termasuk dengan anggaran komitmen untuk projek kerjasama awam swasta (PPP)

dan insentif pembiayaan swasta (PFI). Saya ingin mendapatkan perincian jaminan kerajaan untuk PPP dan PFI dan dana mudah cara untuk insentif pelaburan atas pelaburan sektor swasta yang telah diluluskan sejak tahun 2018 hingga separuh pertama 2019.

Berikutnya ialah Butiran 060000 di bawah Kepala 060300 – Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur. Di mana peruntukan tahun 2019 ialah kosong dan peruntukan tahun 2020 sebanyak RM32 juta. Tuan Pengerusi, berdasarkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, telah dinyatakan dengan jelas bahawa peruntukan Kerajaan Persekutuan akan diagihkan secara lebih adil dengan memberi keutamaan kepada enam negeri kurang membangun iaitu Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis.

Bagi Wilayah Timur, apakah peruntukan khas yang disalurkan oleh kerajaan untuk merancakkan aktiviti perekonomian berdasarkan bidang *focal* utama yang telah digalakkan, antaranya pelancongan, pembuatan, kewangan dan insurans.

**■1440**

Saya juga ingin dapat penjelasan berhubung dengan perkara tersebut secara terperinci iaitu apakah projek-projek yang telah pun diluluskan bagi Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur? Kalau kita lihat dalam Kajian Separuh Penggal yang lalu, kita dapat dalam peruntukan pembangunan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan, kita dapat berlaku ketidakseimbangan dalam pembangunan wilayah yang ketara termasuk Sabah, Sarawak dan negeri-negeri yang saya sebutkan tadi sehingga timbul satu perbincangan ataupun daripada ucapan wakil daripada Sabah dan Sarawak tadi yang mempertikaikan tentang agihan tersebut yang dianggap tidak sama ataupun tidak adil. Kita bimbang takut ketidakadilan ini akan menyebabkan berlakunya jurang pembangunan yang lebih ketara pada masa depan.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 020000 – Bayaran Pindahan dan Pemberian. Sejumlah pemberian subsidi dan bantuan tunai pada tahun 2020 diunjurkan meningkat sebanyak RM1.66 bilion berbanding tahun 2019. Sekiranya ditinjau amalan yang dilakukan oleh kerajaan pada tahun ini dan sebelumnya, kerajaan mengambil pendekatan rasionalisasi subsidi dan memperkenalkan subsidi bersasar. Jumlah penerima subsidi semakin berkurangan. Oleh itu, saya mohon supaya kerajaan menjelaskan butiran subsidi dan bayaran tunai mengikut jenis serta berapakah jumlah peruntukan yang disediakan bagi kategori-kategori tersebut.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh soal Butiran 020000 – Bayaran Pindahan dan Pemberian. Sebanyak RM24,099,700 diperuntukkan di bawah Butiran 022300 – Pejabat World Bank Group (WBG) di KL. *Global Knowledge and Research Hub* telah mula beroperasi di Malaysia sejak tahun 2016. Berdasarkan daripada dokumen anggaran hasil, tiada peruntukan yang diperuntukkan untuk Pejabat WB pada tahun 2019.

Namun, pada tahun 2020, sejumlah RM24 juta disalurkan untuk hal tersebut. Saya ingin mendapatkan penjelasan pihak kerajaan, apakah objektif kerangka perundangan dan hasil yang telah diperoleh sepanjang WB beroperasi di Malaysia? Apakah bentuk kerjasama yang sedang dijalankan antara kerajaan dengan *World Bank*?

Saya juga ingin menyentuh soal beberapa item yang lain termasuklah soal pembangunan berhubung dengan perkara di bawah Butiran 100000 – Kumpulan Wang Amanah Pendidikan (INSPEN). Tahun 2019, sebanyak RM2 juta diperuntukkan. Namun, pada tahun hadapan, hanya RM700 ribu sahaja diperuntukkan. Saya tengok jumlah pengurangan ini terlalu ketara dan saya ingin mendapat penjelasan, apakah faktor yang menyebabkan kerajaan memotong hampir RM1.3 juta? Jumlah RM1.3 juta kekurangan berbanding tahun 2019. Sedangkan INSPEN ini sebenarnya makin terus berkembang dan sepatutnya kerajaan beri perhatian dan tumpuan bagi pembangunan institusi tersebut.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh soal berhubung dengan Butiran 00113 – Pembangunan Lima Koridor. Kalau kita lihat dalam peruntukan perbelanjaan tahun 2019, jumlah anggaran harga projek ialah RM14.25 bilion, sedangkan yang sebenar hanya sebanyak RM314 juta. Jumlah ini sangat ketara menunjukkan bahawa ada beberapa projek yang telah pun diluluskan dalam tahun 2019 yang tidak dapat dijalankan atas beberapa faktor. Mungkin kita harapkan pihak Menteri dapat menjelaskan tentang perkara-perkara tersebut. Di manakah atau apakah projek yang terpaksa dibatalkan atau ditangguhkan dan apakah perancangan pada tahun 2020?

Tuan Pengerusi, saya fikir itu sahaja yang ingin saya sentuh dalam ruang waktu yang ada.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, penjelasan. Penjelasan. Penjelasan.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Apakah Yang Berhormat ingin bertanya kepada kementerian, yang dimaksudkan lima koridor itu boleh tidak diperincikan koridor Pantai Timur berapa, Utara berapa, Selatan berapa? Boleh tidak diperincikan?

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Ya. Saya fikir boleh masukkan di antara perincian tersebut dan beberapa projek yang dalam bajet awal ada tetapi tidak dilaksanakan dapat diperjelas. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya. Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Beruas. Selepas Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Jelebu.

## 2.45 ptg.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 060200 berkenaan dengan *Northern Corridor Implementation Authority* (NCIA). Saya ingin dapatkan penjelasan, apakah pendirian NCIA sekarang berkenaan dengan rancangan asal NCIA untuk menjadikan Bagan Serai di Perak sebagai pusat pengangkutan bagi kawasan utara? Adakah rancangan asal untuk membina satu lapangan terbang antarabangsa masih dalam pertimbangan NCIA?

Butiran selanjutnya yang saya hendak rujuk ialah Butiran 040500 – Perbendaharaan Malaysia Sabah, RM5.2 bilion dan Butiran 040600 – Perbendaharaan Malaysia Sarawak, RM4.5 bilion. Ucapan pada peringkat dasar saya telah disalah tafsir oleh beberapa pihak daripada Sabah dan Sarawak. Sebenarnya saya memang menyokong Sabah dan Sarawak untuk mendapat peruntukan yang lebih untuk membangunkan Sabah dan Sarawak yang memang sekian lama ini tertinggal dari segi pembangunan oleh kerajaan yang lepas.

Apa yang saya nyatakan semasa perbahasan dasar ialah bahawa kalau dibandingkan dengan apa yang negeri Perak dapat, memang peruntukan itu jauh lebih daripada apa yang Perak dapat. Untuk negeri Perak, kita hanya dapat RM1.92 bilion untuk tahun 2019 dan bagi tahun 2020, Perak hanya dapat RM1.97 bilion. Jadi, saya kata kalau negeri Perak boleh mendapat RM5.2 bilion atau RM4.5 bilion, memang negeri Perak akan sangat bersyukur dan berterima kasih.

Apa yang saya nyatakan hari itu ialah pihak pembangkang, parti-parti lawan PH di negeri Sabah dan Sarawak, mereka tidak bersyukur. *I was only describing what is the actual fact.* Memang semua di sini pihak pembangkang kepada Kerajaan PH ini memang *was not happy*. Jadi, *what I was saying is only describing the unhappiness*. Jadi, harap orang-orang Sabah dan Sarawak tidak silap faham dengan apa yang saya ucapkan yang telah diputarbelitkan oleh beberapa pihak.

Lagi satu perkara, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Butiran 00113 – Pembangunan Lima Koridor. Saya ingin menyatakan bahawa di bawah peruntukan ini, adakah satu projek yang diminta oleh pihak kerajaan negeri untuk pelancongan di negeri Perak iaitu satu pekan bersejarah ataupun pekan budaya yang hendak dirancang di kawasan Kampung Koh, Sitiawan di kawasan saya? Adakah ia telah diperuntukkan di bawah pembangunan lima koridor ini di bawah NCIA?

Tuan Pengerusi, saya memohon agar beberapa perkara yang saya bangkitkan semasa perbahasan dasar, yang tidak sempat dijawab oleh Menteri, boleh dijawab pada peringkat Jawatankuasa ini iaitu tentang cukai-cukai ke atas kelapa sawit ses sebanyak RM13, cukai eksport dan juga *windfall tax* yang dikenakan.

#### ■1450

Kita dapati kerajaan telah pun memberikan banyak subsidi untuk semua tanaman-tanaman yang lain tetapi untuk kelapa sawit ini, selama ini kerajaan telah mengenakan berbagai-bagai cukai ke atas kelapa sawit pada masa industri kelapa sawit tidak menguntungkan, saya memohon kepada kerajaan untuk membatalkan semua cukai-cukai berkenaan.

Akhir sekali, tentang cukai ke atas usahawan-usahawan. Saya memohon agar semua perbelanjaan untuk perniagaan-perniagaan SME ataupun peniaga-peniaga yang telah digunakan mesti ditolak sebelum cukai dikenakan seperti perbelanjaan petrol, susut nilai jentera ataupun peralatan dan perbelanjaan melayan pelanggan-pelanggan dan sebagainya. Kalau ini tidak boleh diambil kira semasa percukaian, cukai yang dikenakan ke atas peniaga-peniaga ini atau pengusaha-pengusaha ini jauh lebih daripada yang dinyatakan dalam senarai cukai.

Itu saja Tuan Pengerusi saya harap kerajaan dapat memberikan jawapan yang boleh menggembirakan kepada rakyat, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jelebu, sila.

## 2.52 ptg.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tuan Pengerusi terima kasih. Pertama, saya hendak sebut bahawa berlaku pengurangan yang agak ketara bagi peruntukan mengurus untuk Kementerian Kewangan bagi tahun 2020 sebanyak RM33 bilion. Mohon pihak kementerian memberikan justifikasi kepada pengurangan peruntukan ini.

Kedua Tuan Pengerusi, saya hendak masuk kepada Bab Bekalan 10, Kementerian Kewangan Butiran 040200 – Strategi Nasional. Adakah pihak kerajaan boleh bersetuju dan mengakui projek *Malaysian Vision Valley* yang telah diilhamkan semasa pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional adalah satu projek yang tepat dan bersifat memenuhi keperluan untuk jangka masa panjang.

Pentadbiran kerajaan yang terdahulu telah melihat bahawa perkembangan ekonomi di Lembah Klang menghampiri tahap tepu dan perlu dipindahkan ke kawasan yang berhampiran. Ini seperti yang telah saya sebut dalam ucapan dasar, perbahasan peringkat dasar Tuan Pengerusi, bahawa Negeri Sembilan adalah *second Klang Valley in the making* dengan izin. Maka pihak kerajaan Kementerian Kewangan harus mengambil kira tentang pembangunan di Negeri Sembilan dan juga negeri-negeri yang berhampiran bagi kesejahteraan rakyat.

*Malaysian Vision Valley 2.0* (MVV 2.0) dilihat hanya merupakan satu pelancaran semula yakni oleh Kerajaan Pakatan Harapan terhadap segala apa perancangan rapi yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional yang terdahulu. Adakah terdapat sebarang perbezaan ketara atau nilai tambah yang diberikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan kepada pelancaran projek MVV 2.0 ini?

Ketiga, apakah status *memorandum of understanding* (MoU) yang telah ditandatangani antara *Sime Darby Property, Brunsfield International* dan juga Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP)? Berapakah jumlah pelaburan yang telah dikeluarkan oleh ketiga-tiga pihak ini pada peringkat awal? Dan yang penting sekali saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian bahawa apakah status MoU yang terkini?

Seterusnya Tuan Pengerusi, adakah pihak kerajaan sedar bahawa antara nadi penting kejayaan projek *Malaysian Vision Valley* ini adalah jaringan kereta api laju *high-speed rail* (HSR) yang dirangka oleh kerajaan terdahulu dan ini adalah merupakan satu projek yang akan memberikan impak yang paling maksimum, semaksimum yang mungkin. Tanpa bantuan jaringan HSR ini kita akan dapati bahawa projek ini tidak akan mendapat satu keputusan yang terbaik.

Sehingga hari ini projek *high-speed rail* ini masih tergantung statusnya, dari hari ke hari kos pembinaan akan meningkat dan semakin lambat keputusan tentang projek ini

dimuktamadkan semakin tinggi kosnya kelak. Adakah kerajaan sedar dan adakah ini adalah merupakan projek yang bakal dihapuskan oleh pihak kerajaan?

Kelima Tuan Pengerusi, apakah pelan alternatif yang dirangka oleh pihak kementerian bagi memastikan jaringan pengangkutan awam terutamanya menerusi hab penghubung antara *Malaysian Vision Valley* dan kawasan lain sekiranya keputusan kerajaan untuk menghapuskan projek HSR atau *high-speed rail* ini tidak diteruskan oleh pihak kerajaan.

Setelah hampir setahun MVV 2.0 dilancarkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan apakah perkembangan terkini pelaburan yang berjaya dibawa masuk ke dalam kawasan MVV 2.0 ini? Mohon diperincikan pelaburan yang sebenar yang telah dilakukan? Dan berapakah pelaburan daripada pihak swasta? Dan juga berapakah jumlah ataupun total pelaburan daripada pihak asing?

Akhir sekali, berkaitan dengan topik ini, apakah perkembangan terkini cadangan Kerajaan Negeri Sembilan untuk mewujudkan zon bebas cukai di kawasan MVV 2.0. Adakah sudah terdapat sebarang perbincangan serius yang dilakukan dengan Kerajaan Pusat? Dan jika ada adakah Kerajaan Pusat bercadang untuk meluluskan permohonan ini?

Tuan Pengerusi, hasil daripada perbahasan di peringkat dasar, saya ada menyebut tentang soal masalah negara pada tahun 2020 adalah masalah stres yang melanda rakyat Malaysia. Jadi, apa yang telah saya sebutkan tadi adalah salah satu daripada punca stres ini adalah berkaitan dengan kesesakan jalan raya. Negeri Sembilan adalah merupakan salah satu daripada kawasan atau negeri yang boleh menyelesaikan masalah kepada punca stres rakyat kita yang berkaitan dengan kesesakan jalan raya, Tuan Pengerusi.

Pertama, kesesakan daripada selatan ke ibu kota, *high-speed rail* selesai mental ataupun *stress level* masyarakat akan berkurang kerana kesesakan pada setiap *peak-hour* hujung minggu akan selesai. Kedua, Tuan Pengerusi, kita kena terima suka atau tidak bagi Kelantan, Terengganu dan juga Negeri-negeri Pantai Timur, yang pertama mereka akan mendapat stres apabila balik setiap hujung minggu, pada setiap cuti umum— laluan antara Gombak, laluan *highway* Karak dan sebagainya.

Punca ini adalah merupakan lambakan kenderaan yang kita tidak boleh kawal dan juga jajaran kita semakin berkurangan. Mana kita boleh selesai Tuan Pengerusi? Negeri Sembilan *outer-ring road*, antara Seremban pergi ke Kuala Pilah, pergi ke Jempol terus ke Muadzam ataupun Negeri Sembilan, Jelebu *outer-ring road*, daripada Jelebu masuk ke Cenah, masuk ke Simpang Durian terus keluar ke Muadzam. Ini adalah merupakan satu antara kaedah yang boleh menyelesaikan masalah kesesakan dan terus menyelesaikan masalah yang bakal melanda negara kita iaitu masalah stres masyarakat negara kita Tuan Pengerusi.

Kemudian saya sebut sekali lagi dalam Dewan yang bertuah ini, kita juga mempunyai alternatif ketiga yakni jajaran antara Jelebu pergi ke Ampang daripada sekarang ini satu jam setengah tinggal setengah jam. Jadi, ini adalah merupakan antara perkara yang harus diberikan perhatian oleh pihak kerajaan.

Tuan Pengerusi, jangan senyum. Saya hendak masuk ke topik yang ketiga, tinggal tiga minit.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Takkannya saya hendak menangis. *[Ketawa]* Saya tekun mendengar...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Senyum itu elok Yang Berhormat Jelebu, senyum elok.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Ya, Tuan Pengerusi senyum memang *handsome*.

**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** Tampin jangan lupa.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tuan Pengerusi, saya masuk kepada Butiran 020200 berkaitan dengan cukai. Tuan Pengerusi, dalam pada kerajaan memberikan fokus kepada B40 kita jangan lupa M40 yang harus kita beri perhatian. Dalam keadaan ekonomi semasa yang tidak begitu baik, kos sara hidup yang semakin meningkat dari hari ke hari walaupun mereka tergolong dalam kelompok M40 hidup kebanyakan daripada mereka adalah merupakan hidup dalam keadaan yang tidak sesenang mana. Ramai daripada golongan M40 di luar sana yang tidak boleh menunggu hujung bulan macam Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi tidak perlu tengok gaji, tidak perlu tengok pendapatan bulanan...

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Minta laluan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** ...Akan tetapi, M40 kena tunggu setiap bulan untuk menampung lubang-lubang yang perlu mereka tampung pada setiap bulan. Ini hakikat.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Minta laluan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Setiawangsa.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Nanti dululah, sekejap. Lepas *time* habis, saya baru bagi *time*.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Itu semua orang boleh.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Selepas dua kali belanjawan Tuan Pengerusi, selepas dua kali belanjawan Pakatan Harapan dibentangkan di Dewan ini saya melihat golongan ini seolah-olah dipinggirkan. Kalau tidak jelas pun seolah-olah dipinggirkan kerana saya mengambil contoh dari segi aspek cukai pendapatan.

Sewaktu pembentangan Bajet 2018, pada 27 Oktober, Barisan Nasional telah mengumumkan kadar cukai pendapatan individu pemastautin dikurangkan dua mata peratusan bagi banjaran pendapatan bercukai antara RM20 ribu ke RM70 ribu. Secara ringkasnya, pengurangan kadar cukai pada tahun 2018 adalah antara tiga peratus ke 14 peratus Tuan Pengerusi.

#### ■1500

Langkah yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini telah memberi manfaat kepada 2.3 juta pembayar cukai pada ketika itu dan ia meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat antara RM300 sehingga RM1,000 dan dianggarkan RM1.5 bilion lebih pendapatan yang boleh digunakan dapat dibelanjakan oleh rakyat berbanding dengan apa yang dibentangkan pada tempoh dua tahun kebelakangan ini Tuan Pengerusi.

Saya hendak teruskan. Saya mengambil contoh bagi item pelepasan cukai, satu sahaja kerana masa Tuan Pengerusi. Saya mengambil contoh bagi item pelepasan cukai perbelanjaan rawatan perubatan keperluan khas dan penjagaan ibu bapa. Dahulu Barisan Nasional bagi pelepasan RM5,000 tetapi sekarang ini sudah tidak relevan lagi Tuan Pengerusi. Maka, saya hendak cadangkan daripada pelepasan RM5,000 itu yang sudah tidak lagi relevan mengikut keadaan semasa sekarang. Maka, saya hendak cadangkan kerajaan yang *reform* sekarang ini bolehlah naikkan daripada RM5,000 kepada RM7,000 atau RM8,000.

Tuan Pengerusi, bagi pelepasan cukai untuk jaga ibu bapa pula hanya RM3,000 diperuntukkan dahulu. Sekarang ini kalau hendak *reform*, jadi kena ubah kerana RM3,000 itu adalah tidak lagi relevan dan tidak lagi sesuai bagi satu keluarga yang mempunyai anak yang bekerja ataupun yang ramai Tuan Pengerusi.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya hendak tanya kepada pihak kerajaan. Apakah langkah spesifik yang diambil oleh pihak kementerian khusus untuk membantu golongan M40 ini? Adakah pihak kementerian melihat golongan ini sebagai satu golongan yang sudah stabil dalam soal pendapatan ataupun tidak perlu sebarang bentuk bantuan daripada pihak kerajaan?

Soalan kedua, berapakah jumlah terkini individu yang menjadi pembayar cukai secara total pada hari ini? Ataupun ada berapakah hasil kutipan daripada cukai pendapatan yang berjaya dikutip bagi tahun 2018 dan 2019? Adakah pihak kementerian boleh mempertimbangkan untuk memberikan pengurangan mata kutipan cukai pendapatan ini dan menambah item tambahan untuk memberikan pengurangan cukai?

Akhir sekali Tuan Pengerusi, pasal saya ikut masa. Adakah item-item dalam pelepasan cukai pendapatan masih sama sahaja berbanding dengan sewaktu permintaan Kerajaan Barisan Nasional? Ataupun adakah di antara item pelepasan cukai yang dibuang bagi tahun tafsiran 2019? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelebu kerana menepati masa. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Segamat. Yang Berhormat bukan Ahli Parlimen kelas ketiga seperti yang diadu. Sila, 10 minit.

### 3.02 ptg.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Kelas ketiga itu kita akan tahu dalam masa beberapa hari ini. Bagaimanapun saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Merujuk kepada Bekalan 10, Butiran 020200 – Cukai. Kita mendapati bahawa butiran itu tidak lengkap, tidak ada *footnote*. Dengan tiadanya *footnote* ini, sukar untuk saya berbahas. Saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan nanti akan juga– kalau boleh berikan bertulis ataupun menyatakan.

Merujuk kepada Bekalan 12, Butiran 020000 – Kumpulan Wang Tabung Biasiswa Sukan iaitu pada tahun 2020 ada RM2 juta. Saya mahu mendapatkan pencerahan dan bagaimanakah ia akan diagihkan dan sebagainya? Merujuk kepada Bekalan 10, Butiran 070500 – Fi Agensi Lembaga Hasil dalam Negeri (LHDN) sebanyak RM2.6 bilion. Ini adalah suatu yang penting

walaupun saya kurang faham apa maksud fi. Adakah ia merupakan satu pemberian kepada mereka untuk pembangunan dan juga sebagainya? Apa yang pentingnya di negara ini kita perlu memperkasakan LHDN kerana Lembaga Hasil Dalam Negeri ini adalah satu yang amat penting kerana ia merupakan satu pendapatan kepada negara, *income*.

Kita mendapati sering kali kalau kita pergi kepada pejabat-pejabat LHDN, contohnya Damansara, bangunannya sudah uzur, dengan perabot yang sudah lama, lif yang tidak berfungsi dan juga sebagainya. Akan tetapi ini merupakan agensi yang paling utama untuk membawa keuntungan kepada negara. Kita cuba melihat kepada negara Singapura. Kalau kita tengok peruntukan dan sebagainya kalau LHDN itu ia penting, *inland revenue*. Ini kerana mereka yang akan membawa pendapatan kepada negara dan pendapatan inilah yang akan diagihkan dan juga sebagainya.

Seperti yang kita lihat dalam buku ini, maka saya ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan. Adakah ia untuk menambah baik ataupun apa-apa lagi bantuan yang boleh diberikan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri? Agar mereka juga mempunyai satu sistem di mana membolehkan mereka memungut cukai dengan lebih efisien dan lebih baik.

Salah satu negara yang terbaik di dunia dalam ini adalah untuk memungut cukai ini ialah Singapura. *The one of the best* dengan izin, *they know how to collect from the best*, daripada keluar rumah dan juga sebagainya kalau mereka dapat. Kita hendak tengok macam mana Malaysia boleh belajar juga daripada Singapura. Adakah Yang Berhormat Menteri Kewangan sanggup melihat ke selatan dan belajar daripada mereka?

Seterusnya Butiran 070700 – *Valuer Information System*, sebanyak RM70 juta ini. Adakah ia akan diberikan tender terbuka ataupun telah diberikan ataupun dengan cara perolehan yang lain? Berkenaan dengan Butiran 021600 – Pemberian Bantuan Bil Lampu kepada PBT dan juga sebagainya. Saya ucapkan tahniah kerana kenaikan daripada RM140 juta kepada RM160 juta. Namun demikian, saya ingin tahu, bagaimanakah agihan ini dilaksanakan? Oleh sebab ada PBT yang kaya.

Contohnya di negeri Selangor, mereka memang cukup besar dan juga sebagainya. Akan tetapi PBT di peringkat daerah, contohnya daerah-daerah yang terpinggir daripada pembangunan seperti Segamat ini. Kita mendapati bahawa mereka mengalami masalah yang besar untuk membayar bil-bil dan juga sebagainya. Adakah mereka akan memberikan kategori yang berbeza di mana dengan izin, *need base* kepada PBT ini? Saya minta jika betul, saya mahu tahu daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan, berapa banyakkah akan diberikan kepada Majlis Perbandaran Segamat?

Seterusnya Butiran 021900 – Sumbangan kepada NGO sebanyak RM30 juta. Sejumlah RM20 juta kepada RM30 juta sesuatu yang baik tetapi saya mempunyai pandangan yang berbeza. *non-government organization* (NGO) dan mereka ini apabila *non-government organization* tetapi perlukan *government organization* – duit daripada kerajaan untuk diberikan. Saya mendapati di peringkat daripada projek mesra rakyat dan juga diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen, kami juga memberi kepada NGO. Maka kita mendapati bahawa di peringkat pusat

Kementerian Kewangan beri kepada NGO, selepas itu di peringkat negeri berikan kepada NGO, peringkat Parlimen berikan kepada NGO dan kita memang berikan NGO.

Akan tetapi ada kalanya – sudah tiba masanya untuk kita kaji balik NGO yang bagaimana kita bagi? NGO yang membantu gerakan hala tuju negara ini harus dibantu, bukan semua NGO. Ini kadang-kadang kita salah bagi NGO, selepas itu mereka ada NGO ini bergerak menentang kerajaan atau menentang polisi-polisi kerajaan yang mementingkan rakyat. Ini kita harus kaji kembali, apakah kriteria? Bagaimanakah pelaksanaannya? Berapa banyak dan juga sebagainya. Jika betul NGO ini kalau Kementerian Kewangan berikan, sila berikan kriteria. Agar saya juga boleh mencadangkan NGO-NGO yang boleh bergerak bersama dengan Kementerian Kewangan. Agar kita– contohnya kita memberi kesedaran kepada rakyat dalam pembayaran cukai dan juga sebagainya.

Pada masa yang sama, kita juga ada Butiran 120100 – Kumpulan Wang Tabung Bantuan Perubatan. Saya ingin juga bertanya, bagaimanakah ia dilaksanakan? Di mana yang boleh mohon ataupun agensi ataupun organisasi yang mana? Pada masa yang sama, saya juga mengambil kesempatan ini di mana saya mendapati perbahasan yang saya buat di peringkat dasar contohnya, mengenai cukai korporat dan juga sebagainya tidak dijawab. Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawabnya secara bertulis kalau boleh. Ini kerana saya kadang-kadang bersusah-payah saya berbahas, berdebat tetapi kadang-kadang terlepas pandang. Saya bukan kata MP kelas ketiga kali ini. Kali ini terlepas pandang.

Seterusnya saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberikan kepada saya, saya pulangbalik 4 minit 30 saat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada tawar-menawar Yang Berhormat? Terima kasih Yang Berhormat Segamat kerana menepati masa. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Santubong sebagai wakil Sarawak, sila.

### 3.08 ptg.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Tuan Pengerusi, memang boleh beli nombor ekorlah nampaknya. Sekali berdiri terus dapat.

Tuan Pengerusi, saya ringkas sahaja. Mungkin tidak sampai lima minit pun. Itu yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat daripada Sabah tadi berhubung dengan Butiran 021100 – Bayaran Pemansuhan Duti Import dan Eksais atas Barang Petroleum kepada negeri Sabah dan Sarawak. Jadi saya ingin bertanya, apakah pemansuhan yang dimaksudkan oleh pihak kerajaan dalam belanjawan ini? Saya juga ingin bertanya dengan kerajaan menerusi Kementerian Kewangan, bagaimana pendirian kerajaan buat masa sekarang atas tuntutan Sarawak berhubung dengan cukai yang telah dikenakan ke atas negeri Sarawak? Lima peratus untuk *top up* daripada apa yang diberi oleh Kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri berhubung dengan Petroleum di negeri Sarawak iaitu lima peratus ditambah lagi dengan cukai yang dikenakan oleh negeri Sarawak lima peratus. Saya hendak jawapan.

Ini kerana Tuan Pengerusi, seperti mana yang kita tahu bahawa Sarawak masih hampir 20 tahun di belakang Semenanjung daripada sudut pembangunan. Jadi, selama 50 lebih tahun kita merdeka, harapan kita masih berkecual begitu sahaja. Saya banyak *repeat* perkara ini, dalam Dewan ini. Kalau kita *check* pada tahun 1992 semasa pengucapan wawasan itu dahulu, saya sebut perkara ini bahawa Sarawak kena ditangani dengan secara yang berlainan dari sudut pemberian.

■1510

Di sini kerajaan masih terpinga-pinga belum tahu macam mana hendak buat. Hanya pada zaman Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak, bukan hendak puji Yang Berhormat Pekan ya. Zaman dia daripada tahun 2009 hingga tahun 2017, peruntukan begitu banyak hingga terbinanya atau terancangnya *Borneo Pan Highway* yang dibuat sekarang ini. Ini pun masih tertanya-tanya, apabila JKR ambil alih nanti, adakah JKR berkemampuan hendak buat. Jadi saya hendak tanya, apa peruntukan ini dan apa kedudukan tuntutan kerajaan negeri kepada Kerajaan Pusat berhubung dengan cukai yang dikenakan, *sales tax* dikenakan petroleum produk ini kepada negeri Sarawak.

Kedua yang saya pun hendak bangkit ialah berhubung dengan NGO juga. Butiran 021900 – Sumbangan kepada NGO. Tuan Pengerusi sebenarnya NGO ini saya *establish my position* oleh sebab saya banyak terlibat dengan NGO pada masa dulu yang dapat sumbangan daripada kerajaan. Pertama, saya dalam Pengakap mungkin tidak ada ramai orang macam saya. Saya 49 tahun daripada *Tenderfoot* pada tahun 60-an. Berusia 49 tahun setengah dalam Pengakap dan saya meletak jawatan oleh sebab *principal* pada tahun 2007 apabila pergerakan Pengakap itu diserahkan kepada Tan Sri Dr. Haji Shafie bin Mohd Salleh dahulu saya tidak setuju dengan Tan Sri Dr. Haji Shafie bin Mohd Salleh sebab Pengakap itu *apolitical* yang tidak terlibat dengan politik.

Akan tetapi, Tan Sri Dr. Haji Shafie bin Mohd Salleh menggunakan itu sebagai landasan politik dia, saya tidak setuju. Selepas saya nasihat sebagai orang lama dalam Pengakap, dia tidak dengar, saya meletak jawatanlah sebab saya tidak ada kuasa. Saya jumpa dengan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri sekarang berapa kali, tiga, empat kali. Suruh dia ambil alih kedudukan Tan Sri Dr. Haji Shafie bin Mohd Salleh sebagai *Chief Scout of Malaysia*. Akan tetapi, Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu mengatakan bahawa "oh! I'm the chairman of 14 cabinet committee". Jumlah 14 tidak banyak sebenarnya, ada orang sampai 20 pun boleh laksanakan.

Jadi, itu lagi saya gagal. Akhirnya saya kata kalau macam ini lah keadaannya, kalau Pengakap tadi sejumlah 148 *million* ahli Pengakap seluruh dunia, kita telah mengecewakan dan menganiayai Pengakap sebab terlibat dengan politik. Jadi, saya meletak jawatan. Saya pernah berbincang dengan pihak NGO *Civil Society* dan kumpulan NGO-NGO lain di Warsaw pada ketika dahulu dan wakil daripada *Civil Society* daripada New York, wakil kepada United Nations datang berjumpa kami, kita berbincang macam mana untuk *raise fund* untuk NGO. *Incidentally*, Tuan Pengerusi dengan izin, negara Hungary ada *display* kat luar itu.

Negara Hungary mengatakan dia kena satu peratus daripada cukai negara itu. Mana-mana pemberi cukai, satu peratus daripada cukai itu dikumpul, diletakkan satu *trust fund* dan *trust fund* itu diberikan kepada tiap-tiap NGO yang dapat. Jadi dengan sendirinya kalau ini dibuat, tiap-tiap NGO akan dapat sumbangan daripada pihak kerajaan secara *direct* dan dia tidak perlu lagi terangkan semua Wakil Rakyat bagi kepada NGO.

Akan tetapi, tiap-tiap NGO diberi peruntukan. Tidak kira sama ada dia setuju dengan kerajaan, tidak setuju dengan kerajaan, asalkan jangan bukan NGO yang menyokong *terrorism* dan benda-benda yang bertentangan dengan perundangan dan NGO-NGO yang mendatangkan kesan buruk kepada kerajaan daripada sudut jenayah ataupun *terrorism* ataupun apa-apa perkara yang tidak baik kepada negara.

Jadi, sepatutnya kita pada ketika itu mempelopori bahawa konsep yang dibuat oleh negara Hungary itu *is the best*. Akan tetapi, itu konsep pada tahun 2000 dahulu. Mungkin Hungary sekarang pun sudah berubah, kerajaan sudah berubah dan jadi akhirnya kalau kita lihat perubahan juga berlaku di Malaysia, apabila Pakatan Harapan mengambil alih, banyak NGO-NGO ini yang sekarang tidak mendapat sumbangan lagi daripada pihak kerajaan. Saya juga pernah menjadi Pegawai Tertinggi dalam *ex-police association* ataupun Persatuan Bekas-bekas Polis yang diiktiraf oleh kerajaan, yang menerima sumbangan daripada kerajaan, tetapi sekarang tidak lagi menerima sumbangan tersebut.

Jadi mereka ini juga terpinga-pinga, macam mana hendak bantu pergerakan mereka. Ini kerana, orang bekas polis ini kebanyakannya dia adalah orang yang sudah umur 50 dan 60 tahun ke atas, dia tidak mampu lagi. Orang-orang di luar sana, walaupun saya menyeru pihak korporat, pihak yang banyak duit, yang kaya-raya, oleh sebab kestabilan negara ini membuat kekayaan mereka sendiri. Akan tetapi, mereka hanya kalau dia sumbang sumber kewangan kepada mana-mana badan, mana-mana orang, dia hendak dapat Datuk, dia hendak dapat Tan Sri, tetapi *ex-police* tak boleh bagi lah.

Jadi itulah kenapanya *ex-police* itu tidak dapat sumbangan lagi. Jadi, dia perlu mendapat sumbangan daripada kerajaan. Kalau kita lihat pengakap, tidak kurang daripada setengah juta ahli pengakap di Malaysia. Di Sarawak sahaja kita ada sejumlah 48 ribu ahli pengakap. Begitulah *ex-police* yang mempunyai hampir seramai 300 ribu ahli berdaftar seluruh negara. Jadi, kita kena bantu mereka NGO ini. Tuan Pengurus, sekian sahaja. Terima kasih.

**Tuan Pengurus [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Santubong, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rasah. Selepas itu Yang Berhormat Kuala Krai.

### 3.16 ptg.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Tuan Pengurus yang cukup budiman yang memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa Kementerian Kewangan pada petang ini. Saya ambil kesempatan pada petang ini untuk mengemukakan beberapa perkara. Pertama, apabila saya merujuk kepada buku bajet ini tempoh hari, daripada muka surat yang berkaitan dengan Kementerian Kewangan di muka

surat 131. Sekali pandang, saya sebenarnya terkejut sebab peruntukan untuk Kementerian Kewangan sendiri jatuh mendadak, khasnya peruntukan mengurus.

Saya cukup terkejut sebab dia Kementerian Kewangan adalah kementerian yang keras kepada belanjawan. Sekali saya tengok daripada muka surat 131 sehingga muka surat terakhir untuk Kementerian Kewangan, pada muka surat 155, baru saya tahu yang peruntukan mengurus itu jatuh mendadak berbanding dengan peruntukan tahun 2019 disebabkan kejayaan dan juga janji Kerajaan Pakatan Harapan yang berjaya mengembalikan semua wang daripada cukai pendapatan dan cukai GST di bawah Butiran-butiran 160000 dan Butiran 170000.

Maknanya, apa yang telah dijanjikan dalam Belanjawan 2019 oleh Kerajaan Pakatan Harapan telah berjaya diselesaikan dan dikotakan sepenuhnya memulangkan sebanyak RM37 bilion kepada rakyat Malaysia supaya wang tersebut cair semula dalam pasaran rakyat tempatan. Tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan. Berdasarkan rekod ini, saya yakin dan saya percaya Kerajaan Pakatan Harapan akan terus menerus melaksanakan segala janji yang kami telah buat selama ini. Tidak seperti rejim kerajaan dahulu yang ambil wang rakyat, tetapi gagal memulangkannya, gagal mengembalikannya kepada rakyat Malaysia sehingga terpaksa ditanggung oleh kerajaan baharu Pakatan Harapan.

Tahniah kepada kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Langkawi dan juga Kementerian Kewangan di bawah Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Perkara kedua, *okey* ini bagi sejuk sedikit. *[Ketawa]* Perkara kedua, berkenaan dengan Bekalan 11 di bawah Butiran 021600 – Pemberian Bantuan Bil Lampu kepada PBT. Saya nampak peruntukan tahun 2019 adalah sebanyak RM140 juta dan untuk Belanjawan 2020 dinaikkan kepada sejumlah RM160 juta. Saya menyambut baik sebab saya percaya banyak lagi tempat, tidak kira di bandar dan luar bandar yang memerlukan pemasangan lampu jalan baru dan perkara ini perlu dilakukan secara berterusan dari tahun demi tahun.

Ini sebab kita tahu banyak tempat baru yang diterokai, jalan baru dibuka dan pertambahan kenderaan di atas jalan setiap tahun. Cuma saya hendak tanya, sebanyak RM160 juta ini agihannya, macam mana? Agihan dia daripada Kementerian Kewangan, agensi mana yang bertanggungjawab dan apakah justifikasi untuk diberikan peruntukan ini sebab kita tahu ada peruntukan lain di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, di bawah KPPT juga berkaitan dengan tajuk yang lebih kurang sama.

#### ■1520

Perkara seterusnya adalah di bawah Bekalan 10, Butiran 070000 – Program Khusus. Di bawah itu saya nampak ada satu tajuk Fi Agensi Lembaga Hasil Dalam Negeri yang menarik perhatian saya sebab kebetulan *figure* tersebut RM2.6 bilion. Ia mengingatkan saya kepada insiden yang kita semua tahu, rakyat Malaysia semua tahu apabila sebut RM2.6 bilion tersebut. Jadi, saya hendak tanya...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tetapi saya yakin Kerajaan Pakatan Harapan tidak akan melakukan apa yang telah terjadi kepada kes RM2.6 bilion sebelum ini.

Jadi, saya hendak bertanya kepada kementerian, apakah belanja yang besar ini? Kenapa hendak membayar fi RM2.6 bilion tersebut? Apakah kegunaannya? Apakah ia akan membawa apa-apa keuntungan ataupun pulangan yang lebih lumayan kepada kutipan hasil kerajaan dan sebagainya?

Perkara seterusnya adalah di bawah Pembangunan 10 iaitu di bawah Butiran 09000 – Pelbagai Suntikan Modal. Saya nampak penambahan peruntukan yang agak tinggi juga sebanyak RM3 bilion iaitu kalau tahun 2019 sebanyak RM5.16 bilion, tahun 2020 sebanyak RM8.13 bilion. Jadi, apakah tujuan kepada kenaikan yang mendadak di bawah peruntukan ini? Saya percaya ia mungkin berkaitan dengan teknologi 5G yang kita hendak *promote*, kita hendak ketengahkan ini. Juga, pihak manakah yang akan menerima sumbangan atau impak positif yang utama daripada peruntukan yang besar ini?

Butiran seterusnya di bawah Bekalan 11, Butiran 020500 – Subsidi dan Bantuan Tunai. Saya nampak ada peruntukan yang besar untuk Belanjawan 2020 iaitu sebanyak RM12.3 bilion. Saya hendak tanya, macam mana mekanisme agihannya? Sebab, ini melibatkan satu peruntukan sebanyak RM12 bilion, satu jumlah yang sangat besar. Juga, pihak manakah yang layak ataupun dipertimbangkan untuk menerima peruntukan di bawah tajuk ini? Apakah ia ada berkaitan dengan keperluan kepada golongan B40 ataupun kepada pihak perindustrian?

Seterusnya di bawah Bekalan 11, Butiran 021900 – Sumbangan kepada NGO. Tadi ada rakan-rakan juga yang menyebut berkenaan dengan perkara ini. Ada kenaikan RM10 juta daripada tahun sebelumnya iaitu tahun depan ada RM30 juta diperuntukkan di bawah peruntukan kepada NGO ini. Saya hendak bertanya, apakah pemberian ini secara terus daripada kementerian kepada penerima iaitu NGO yang berkaitan?

Kalau kita hendak tengok jumlah NGO yang ada dan berdaftar dengan ROS di Malaysia, berpuluhan ribu, cukup banyak. Kalau semuanya layak menerima, saya rasa RM30 juta ini jauh daripada mencukupi. Jadi, saya percaya RM30 juta ini hanya spesifik kepada NGO yang tertentu. Jadi, apakah kriteria? Kalau ada NGO yang terlibat yang ingin mendapatkan bantuan peruntukan di bawah tajuk ini, mereka kena merujuk permohonan mereka kepada agensi mana? Adakah *direct* kepada Perbendaharaan ataupun kepada agensi-agensi di bawah MoF ataupun kepada agensi lain yang bertanggungjawab ke atas peruntukan ini?

Dua perkara lagi. Di bawah Bekalan 11, Butiran 040500 – Lembaga Pinjaman Perumahan Sektor Awam (LPPSA). Saya nampak ada satu peruntukan yang besar untuk tahun depan sebanyak RM1.2 bilion berbanding dengan tahun 2019 yang tidak ada. Ia di bawah kod pemberian dan kenaan bayaran tetap. Apakah peruntukan RM1.2 bilion ini dikhaskan sebagai pinjaman perumahan khasnya kepada kakitangan awam? Saya percaya ia berkaitan dengan pinjaman.

Sekiranya benar, saya menyambut baik peruntukan yang besar ini sebab apabila Kerajaan Pakatan Harapan begitu bersungguh-sungguh untuk membantu rakyat, khasnya

golongan B40 dan seterusnya M40, saya rasa kerajaan kenalah mempunyai komitmen yang tinggi untuk membantu membela nasib kakitangan awam khasnya daripada B40 dan M40 supaya kakitangan awam yang menjadi tonggak kepada pentadbiran awam dan juga kerajaan sentiasa terbelia. Saya menyambut baik peruntukan ini. Cuma, saya hendak memohon kepastian daripada pihak kerajaan.

Perkara terakhir yang saya hendak sebutkan pada petang ini ialah di bawah Maksud Bekalan 12, Butiran 010000 – Kumpulan Wang Rizab Negeri. Kita nampak tahun depan sebanyak RM500 juta atau setengah bilion diperuntukkan. Jadi, apakah ia peruntukan ini? Sama ada peruntukan ini adalah pemberian yang wajib mengikut Perlembagaan kepada setiap negeri ataupun digunakan untuk tujuan-tujuan spesifik? Jadi, saya mohon jawapan daripada pihak kementerian.

Saya juga hendak tanya, kalau mengikut Kumpulan Wang Rizab Negeri ini, saya percaya semua negeri di Malaysia akan mendapat bahagiannya. Saya hendak tanya, Negeri Sembilan mendapat berapa daripada sejumlah RM500 juta ini?

Jadi, sekian sahaja beberapa hujah saya pada petang ini. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pendang dan selepas itu dua kota iaitu Yang Berhormat Kota Kinabalu dan Yang Berhormat Kota Tinggi.

### 3.26 ptg.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi memberi peluang kepada saya untuk membahaskan berkenaan dengan Kementerian Kewangan.

Saya hendak terus kepada Butiran 020100 – Fiskal dan Ekonomi. Tujuan butiran ini ialah membantu kerajaan menilai ekonomi dan fiskal serta sosioekonomi negara dalam jangka pendek dan juga sederhana serta menggubal dasar ekonomi fiskal dan kewangan selari dengan pelan jangka masa panjang bagi mengubah ekonomi negara.

Yang Berhormat Menteri Kewangan mengatakan kerajaan menggunakan kaedah *accrual accounting* ataupun dalam bahasa Malaysia, akruan. Jika sekiranya akruan digunakan, maka kita boleh bersetuju kredit dan liabiliti ini dijadikan hutang negara yang disebut kurang lebih RM1.1 trilion. Liabiliti adalah hutang yang dijamin oleh kerajaan. Biasanya untuk projek-projek rakyat, contohnya saya bagi macam Pan Borneo, kerajaan menjamin tetapi kerajaan tidak bertanggungjawab untuk membayar. Begitu juga dengan MRT.

Ini juga sekiranya projek-projek ini mengalami *abandon* ataupun kerugian dan sebagainya, barulah kerajaan bertanggungjawab. Jadi, tidak ada masalah sebab penjadualan bayaran telah dibuat oleh syarikat-syarikat ini termasuk MRT. Jadi, untuk lebih efisien, sebab itu kerajaan menjadi penjamin kepada liabiliti ini. Jadi, hutang kerajaan yang sebenar kita balik kepada RM686.8 bilion. Liabiliti lebih kurang RM300 bilion.

Akan tetapi, kerajaan menjadikan sebab menggunakan sistem akruan— apabila akruan, kerajaan perlu menyenaraikan semua aset-aset kerajaan. Saya bagi contoh. Dia kena *tagging* aset-aset kerajaan ini, kemudian dibuat penilaian semasa ataupun *current value*. Jadi, barulah kita boleh tahu. Contohnya bangunan sekolah dan juga *property* sekolah di bawah Kementerian Pendidikan. Ini perlu disenaraikan. Sekolah rendah ada 7,000 dalam Malaysia ini dengan kos setiap masa pembinaannya lebih kurang RM16 juta. Begitu juga dengan sekolah menengah, ada 2,000 dalam seluruh Malaysia, kos pembinaan adalah RM40 juta. Kita darabkan 2,000 sekolah menengah dengan RM40 juta sebuah, jadi kita tahu dah. Begitu juga dengan sekolah rendah. Ada 7,000, kita darabkan dengan RM16 juta. Jadi, kita tahu berapa trilion harta-harta, aset negara. Itu baru Kementerian Pendidikan. Jadi, maknanya kalau hutang negara RM1 trilion *against* ataupun kita ada aset-aset yang telah dinilai lebih kurang RM10 atau RM15 trilion, jadi tidak ada masalah.

Keduanya, kita ada *fixed asset* dan juga *property*. Kita ada juga *variable asset*. Yang ini, kalaular kerajaan mengalami masalah kecairan tunai, kita boleh *liquidate* ataupun cairkan aset-aset *variable* yang dikenal pasti bagi boleh membantu kerajaan pada ketika kritikal itu.

Begitu juga kita tengok kita boleh mengunjurkan aset-aset dan *property* kerajaan dalam bentuk tanah dan juga bangunan sekolah. Itu hanya baru di bawah Kementerian Pendidikan. Kerajaan melalui Kementerian Kewangan boleh mengarahkan setiap *property* dan aset kerajaan ini dibuat penilaian dan kita boleh tahu aset-aset negara ada berapa trilion. Jadi, ini memudahkan kerajaan untuk membuat *ratio margin* untuk *future value*.

### ■ 1530

Jadi, ini memudahkan kerajaan untuk membuat *ratio margin* untuk *future value*, jadi ini memudahkan Kementerian Kewangan bagi menentukan kedudukan fiskal negara. Ini benda yang kita tengok tidak ada satu dimasukkan sebagai peruntukan bagi membuat perkara-perkara seperti ini dalam penilaian yang akan dibuat perancangan oleh kerajaan untuk masa depan.

Kita tengok di sini juga kita boleh melihat maka memudahkan kerajaan membuat penilaian masa hadapan berdasarkan penguncutan dan juga perkembangan ekonomi negara. Kalau kuncup pun kita boleh tahu sudah macam mana kita hendak ambil tindakan, maknanya kita sudah ada *planning* untuk lima tahun, 10 tahun sekiranya kita tahu. *Every ten years* kita akan berlaku, kita akan *facing problem* ekonomi ataupun inflasi atau sebagainya.

Ini perkara-perkara yang harus kerajaan melihat sebagai perbandingan sekiranya nilai aset dan *property* negara itu melebihi RM15 trilion, itu anggaran sahaja ataupun kita dibandingkan dengan hutang RM1 trilion maka tidak menjadi mudarat kepada negara. Sekiranya kerajaan menghadapi apa-apa masalah ketika itu dan kerajaan juga difahamkan bahawa kerajaan mempunyai *sinking fund* di agensi-agensi kerajaan yang lain sekiranya berlaku sesuatu yang di luar jangka.

Kerajaan boleh menggunakan *sinking fund* ini termasuk Petronas dan juga Khazanah yang kita fahamkan, mereka ini ada *sinking fund*, yang *contingency* sekiranya berlaku sesuatu dengan izin. Namun begitu, kerajaan melalui Kementerian Kewangan, adakah telah menyusun

perancangan ini untuk mengawal kejatuhan nilai mata wang ringgit Malaysia kalau sudah ada apa kaedahnya?

Saya hendak terus kepada Butiran 020200 iaitu Cukai. Saya hendak menetapkan saya ingin membangkitkan persoalan mengenai isu ketirisan cukai. Pertama, apakah mekanisme yang telah diambil oleh Kementerian Kewangan untuk mencegah berlaku ketirisan dan pelarian cukai dalam SST, contohnya *transfer pricing* dengan izin dan *black economic* yang dianggarkan kira-kira RM10 bilion begitu juga hanya 16.5 peratus daripada RM15 juta tenaga kerja yang tertakluk kepada cukai pendapatan individu. Ketirisan atau pelarian cukai ini menjadi isu yang serius dan perlu ditangani serta pada masa yang perlu memantapkan sistem pentadbiran dan sistem cukai negara.

Kedua, Kerajaan Persekutuan juga mahu meluaskan asas percukaian. Saya melihat tindakan pihak kerajaan mahu mengimbangkan cukai langsung dan cukai tidak langsung, yang ini akan memangsakan rakyat. Dalam tempoh dua tahun ini, kerajaan telah memperkenalkan empat cukai penggunaan baharu malah ura-ura mendapati kerajaan akan memperkenalkan satu lagi cukai baharu iaitu cukai karbon.

Tindakan ini akan menyebabkan tekanan kepada pasaran dan akan menyebabkan kenaikan harga barang, tidak akan berkulalah. Maknanya, rakyat akan terus menderita dengan cukai-cukai yang dirancang oleh kerajaan yang akan dicadangkan oleh kerajaan untuk dilaksanakan. Jadi, mana yang kerajaan membela rakyat? Tidak ada seperti mana janji PRU14 dahulu. Jadi kita minta pihak Kementerian Kewangan untuk menjawab soalan-soalan ini dengan cukai-cukai yang pelbagai yang telah dilaksanakan oleh kerajaan.

Ketiga, pergantungan kepada hasil berkaitan petroleum. Belanjawan tahun 2020 menyasarkan purata harga minyak mentah dunia iaitu *USD62 per barrel* atau per tong. Walhal, kebanyakan firma penyelidikan antarabangsa ini menganggarkan harga minyak mentah pada tahun 2020 sekitar *USD55 per barrel* hingga *USD 60 per barrel* ataupun per tong.

Akibat daripada pergeseran geopolitik dunia, adakah ini akan menyebabkan berlaku kelompongan hasil daripada Kerajaan Persekutuan? Jadi, hendak buat bajet pun kena tengoklah juga dengan benda-benda yang kita hendak dapat sebagai *revenue*. *Revenue* kita hilang di pasaran di laut antarabangsa pun dianggarkan lebih daripada RM20 bilion ke RM30 bilion seperti mana *illegal market* yang berlaku di penjualan petrol, di pasaran antarabangsa di dalam tengah laut, dikatakan sekarang ini menjadi isu.

Seterusnya, saya hendak menyentuh berkenaan dengan pihak kastam iaitu Butiran 020500. Tuan Penggerusi, seterusnya saya ingin menyuarakan mengenai isu pengkorporatan Jabatan Kastam Diraja Malaysia, adakah kerajaan mahu meneruskan pengkorporatan ini? Berdasarkan kepada kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sebelum ini terdapat beberapa usaha yang akan dijalankan untuk memperkasakan JKDM. Saya minta penjelasan, apakah usaha-usaha yang sedang dijalankan? Selain itu, saya minta juga apakah halangan untuk mengukuhkan keberkesanan fungsi JKDM ini?

Ini perkara-perkara yang kita sekarang ini melihat kelihatan satu penstruktur semula ke atas Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Saya hendak tanya lagi, adakah duit yang kita bagi tanggungjawab kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia untuk *refundable GST tax* dengan izin, telah dimasukkan kembali yang dikatakan duit ini disilap masuk, bukan hilang, cuma orang tidak faham dia kata perompak, ia silap masuk apakah *misparking* dalam akaun yang disatukan, jadi dia tidak faham kaedah dia.

Jadi kita hendak tanya kerajaan, adakah dimasukkan balik untuk Jabatan Kastam membayar kepada tuntutan yang dibuat oleh peniaga-peniaga yang mana mereka menjadi ejen kepada kutipan GST ini. Ini sudah disahkan oleh Ketua Akauntan Negara bahawa duit itu tidak hilang, RM19.4 bilion masih ada cuma dimasukkan dalam akaun yang disatukan, saya minta jawapan daripada pihak Kementerian Kewangan.

Begitu juga dengan—kerana kita hendak melihat satu lagi saya minta perbandingan tadi disebut kata kita akan dapat perolehan yang tinggi tahun 2020 hasil daripada kita menggantikan SST kepada GST tetapi tahun 2019 kita belum habis lagi kita sudah menganggarkan, kita hendak kena tengok trend tahun 2019 ini kutipan cukai hasil daripada SST ini dalamnya masih ada *black economic*, yang mana ini kita boleh tengok *revenue* ini berapa *percent* yang kita hilang yang kita boleh ambil tindakan untuk mengurangkan *black economic* ini ataupun *revenue* kepada kerajaan ini.

Ini juga kita minta jawapan daripada pihak Kementerian Kewangan hasil yang ada pada tahun 2019 yang dijangka sebab tahun 2020 itu bajet anggaran tetapi nampak sudah lebih, kalau lebih kena tengok pada tahun 2019 sebab tahun 2018 bulan Mei sehingga bulan Disember itu dia berlaku *tax holiday* apa semua, kita tidak boleh hendak bagi perbandingan lagi.

Akan tetapi, tahun 2019 ini *insya-Allah*, kita akan dapat satu jumlah yang tepat dan barulah kita tengok unjuran sampai *three-quarter* bulan September, sekarang ini kerajaan tidak membentang lagi tidak mengumumkan lagi perolehan SST selepas kita melaksanakan GST. Saya ingat itu sahaja soalan-soalan saya sebab tiga isu yang saya bangkitkan, tiga butiran. Terima kasih Tuan Pengerusi di atas masa yang diberikan kepada saya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kota Kinabalu. Selepas itu, Yang Berhormat Kota Tinggi dan Yang Berhormat Sibuti. Sila.

### 3.37 ptg.

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada maksud Bekalan 10 – Perbendaharaan, Butiran 030500 – Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Maksud Pembangunan 10, Perbendaharaan Butiran 81000 – Kajian Kemungkinan UKAS dan Butiran 97000 – Dana Fasilitasi.

Saya mendapat bahawa peruntukan bagi Kajian Kemungkinan UKAS di bawah Butiran 81000 telah pun dikurangkan sebanyak 50 peratus iaitu dari RM1 juta bagi tahun 2019 kepada RM500,000 untuk tahun 2020. Selain itu, saya juga mendapat bahawa dana fasilitasi di bawah

Butiran 97000 hanya RM300 juta pada tahun 2020 setelah dipotong dengan agak ketara daripada RM1.4 bilion pada tahun 2019. Ini membangkitkan satu persoalan yang besar iaitu adakah dasar Kerajaan Pakatan Harapan bercadang untuk *downsizing* atau menyemak semula fungsi UKAS pada masa yang akan datang.

Nama penuh UKAS adalah Unit Kerjasama Awam Swasta dan agensi ini telah pun ditubuhkan selaras dengan Dasar Persyarikatan Malaysia, satu dasar yang diperkenalkan pada tahun 1981 ketika Yang Amat Berhormat Langkawi menjadi Perdana Menteri untuk kali pertama. UKAS ditubuhkan selaras dengan Dasar Persyarikatan Malaysia. Apabila dasar ini diperkenalkan pada tahun 1981, ia bertujuan untuk menggalakkan kerjasama sektor awam dan sektor swasta di mana kedua-duanya bertindak dan beroperasi dalam sebuah syarikat Malaysia.

Saya difahamkan bahawa melalui dasar ini kedua-dua pihak saling bergantungan di mana sektor swasta sebagai pendukung kepada aktiviti perdagangan dan ekonomi manakala sektor awam menyediakan dasar-dasar utama, menentukan arah dan perkhidmatan sokongan yang tertentu dan kondusif bagi kemajuan perniagaan.

Dalam dasar ini, kerajaan telah memperuntukkan tanah khusus yang dinamakan tanah fasilitasi atau *facilitation fund* untuk menyokong projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak swasta sebagai sumbangan kerajaan melalui kerjasama sektor awam dan sektor swasta.

#### ■1540

UKAS adalah agensi pusat yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan projek-projek penswastaan, PPP dan projek kerjasama sektor awam-swasta yang memberi impak kepada ekonomi negara dan boleh diberi suntikan dana *facilitation fund*. Dasarnya adalah baik, tetapi mekanisme *facilitation fund* UKAS pada pendapat saya, kemungkinan ada sedikit kelemahan atau kepincangan. Di sini, masalah utama ialah apakah yang akan berlaku terhadap *facilitation fund* UKAS bagi projek kerjasama sektor awam-swasta yang terbengkalai.

Di Bandar raya Kota Kinabalu, terdapatnya satu projek kerjasama sektor awam-swasta yang sepatutnya dibiayai oleh UKAS iaitu *skybridge* yang menghubungkan Oceanus Waterfront Mall sehingga Kompleks Asia City. *Skybridge* ini yang terletak di tengah-tengah Bandar raya Kota Kinabalu telah pun terbengkalai selama dua tahun akibat pemaju swasta yang menjalankan projek pembangunan Oceanus Waterfront telah gulung tikar dan kerana terlampaui banyak hutang.

Projek yang terbengkalai ini tidak boleh tidak dipedulikan sahaja. Hakikatnya, *skybridge* ini adalah diinginkan, diharapkan, diperlukan dan akan digunakan oleh ramai orang di Kota Kinabalu dan seharusnya disiapkan. Sekiranya dibiarkan sahaja, ia akan menjadi eyesore dan akan menjasaskan imej Kota Kinabalu sebagai bandar raya yang maju di Sabah.

Saya dimaklumkan bahawa ada satu mesyuarat di antara Yang Berhormat Menteri Kewangan yang dihadiri oleh Datuk Bandar DBKK dan dua orang Menteri negeri Sabah pada 30 September tahun ini. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah pun bersetuju untuk membiayai 50 peratus kos untuk menyiapkan *skybridge* yang terbengkalai tersebut dengan syarat Kerajaan

Negeri Sabah membiayai baki 50 peratus. Di sini saya ingin bertanya, apakah respons, maklum balas daripada Kerajaan Negeri Sabah? Adakah mereka setuju dengan ini atau tidak?

Sekiranya belum, saya ingin merayu sekali lagi kepada Kerajaan Persekutuan untuk mempertimbangkan semula sama ada boleh membiayai kesemua kos untuk menyiapkan *skybridge* yang tergendala tersebut kerana kos yang digunakan untuk menyiapkan bahagian-bahagian yang belum selesai cuma RM4 juta. Namun, RM60 juta sudah diluluskan pada kerajaan yang terdahulu dan sekarang kos yang diperlukan untuk menyiapkan baki projek itu cuma RM4 juta. Saya minta kalau boleh, mempertimbangkan sekali lagi.

Dengan ini, satu lagi soalan berkenaan dengan UKAS iaitu adakah Kerajaan Persekutuan masih bercadang untuk meneruskan dengan *facilitation fund* sebanyak RM500 juta bagi Tanjung Aru Eco Development (TAED) seperti yang telah diluluskan atau dijanjikan oleh kerajaan yang terdahulu? Sekiranya akan diteruskan, adakah ia tanpa syarat ataupun dengan apa syarat yang baru yang akan dikenakan?

Tuan Pengurus, saya ingin juga merujuk kepada Maksud Bekalan 11 - Perkhidmatan Am Perbendaharaan, Butiran 021100 – Bayaran Pemansuhan Duti Import dan Eksais atas Barang Petrol ke Negeri Sabah dan Sarawak. Di sini jumlahnya adalah RM240 juta satu tahun iaitu masing-masing RM120 juta untuk Sabah dan RM120 juta untuk Sarawak. Menurut Datuk Emeritus Profesor Dr. Shad Saleem Faruqi, negeri Sabah dan Sarawak adalah berhak untuk mengenakan duti import dan duti eksais ke atas produk petroleum di bawah Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Namun demikian, Kerajaan Barisan Nasional yang terdahulu telah pun membuat pindaan kepada Akta Cukai Jualan 1972 pada tahun 1999. Berikutannya, bayaran pemansuhan duti import dan eksais atas barang petroleum kepada Sabah dan Sarawak seperti dalam Butiran 021100 telah pun diperkenalkan. Dalam kata lain, hak negeri Sabah dan Sarawak untuk mengutip duti import dan eksais atas barang petroleum telah pun digantikan dengan bayaran langsung sebanyak RM120 juta dalam bentuk geran tetap setiap tahun. Ini tidak sepatutnya berlaku, tetapi ia sudah berlaku dan ia berlaku pada tahun 1999 ketika Barisan Nasional menjadi kerajaan di peringkat persekutuan dan kedua-dua negeri.

Apa pun ju keadaan ini, ini adalah pada tahun 1999. Selepas 21 tahun kemudian iaitu pada tahun 2020, jumlah RM120 juta setahun ini saya rasa sepatutnya disemak semula. Memang ini tidak mencukupi pada masa sekarang. Kalau menurut Zainal Ajamain, penasihat Kerajaan Negeri Sabah mengenai Perjanjian Malaysia 1963, sekiranya Sabah boleh mengutip duti import dan eksais atas barang petroleum, maka kerajaan negeri berpotensi mengaut keuntungan mencecah RM5 bilion setahun pada tahun 2019.

Persoalan sekarang, saya ingin meminta Jawatankuasa Khas Kabinet (Pemandu) Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 di peringkat Kabinet untuk mengkaji semula dan menyemak semula sama ada gantian untuk Butiran 021100 ini iaitu Bayaran Pemansuhan Duti Import dan Eksais atas Barang Petroleum kepada Negeri Sabah dan Sarawak diminta untuk dikaji balik supaya tahun depan kita ada satu anggaran yang disemak semula.

Sekiranya Kerajaan Persekutuan tidak membuat pertimbangan atas ini, maka saya nampak kemungkinan Kerajaan Negeri Sabah ada ura-ura akan ikut langkah Kerajaan Negeri Sarawak iaitu untuk mengenakan *sales tax* atas barang petroleum di negeri tersebut. Saya berharap ini memang tidak berlaku. So saya minta jasa baik daripada Kerajaan Persekutuan untuk mempertimbangkan penyemakan semula ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu. Sekarang Yang Berhormat Kota Tinggi. Selepas itu Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Rantau Panjang dan Yang Berhormat Bukit Bendera.

### 3.46 ptg.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa perkara yang saya hendak bangkitkan. Pertama, merujuk kepada Butiran 070200 – Emolumen Kakitangan Kontrak. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, berapakah jumlah penambahan kakitangan kontrak yang dilantik sehingga menyebabkan peningkatan yang ketara antara tahun 2019 dengan 2020? Dalam peruntukannya meningkat, kalau kita lihat dua kali ganda daripada peruntukan tahun yang lepas. Itu yang pertama. Keduanya Tuan Pengerusi, saya juga hendak tahu, adakah kakitangan yang baharu dilantik ini akan menggantikan kakitangan kontrak yang telah pun dibuang semasa pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan?

Bagaimana agaknya proses lantikan ini dibuat agar isu-isu yang dikatakan oleh Kerajaan Pakatan seperti isu kroni, *favoritism* ini semua dapat dikekang? Ketiga Tuan Pengerusi, sejauh mana kerajaan... *[Disampuk]* Sudah. Jangan hendak *anu*, kita tengah *anu*. Ketiga, sejauh mana kerajaan bersedia untuk mempertimbangkan bayaran agaknya, bayaran sagu hati kepada pekerja kontrak yang telah pun diberhentikan tanpa notis kurang daripada tiga bulan? *[Disampuk]* Tidak boleh, tidak boleh mencelah.

Seterusnya– Yang ini boleh, yang ini. Seterusnya di bawah Butiran 090100 – Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). Kita tahu tujuan utama penubuhan KWAPM ini ialah untuk membantu ibu bapa daripada yang tidak berkemampuan, berpendapatan rendah, miskin dan sebagainya supaya anak mereka dapat ke sekolah, selaras dengan Dasar Pendidikan Wajib yang telah pun diperkenalkan pada Januari 2003, zaman Kerajaan Barisan Nasional dahulu.

Jadi saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Menteri, agaknya berapa jumlah pelajar yang dibantu melalui KWAPM ini pada tahun 2019? Agaknya berapakah sasaran baru pelajar yang akan menerima bantuan bagi tahun 2020? Selain daripada itu, apakah nisbah mengikut kaum? Adakah bantuan kepada pelajar Orang Asli ini diberikan keutamaan ataupun tidak?

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Mutalib [Maran]:** Mencelah.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Ya, ya boleh.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Maran. Sila.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Mutalib [Maran]:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kota Tinggi. Boleh saya hendak ke belakangkan sedikit tadi tentang pekerja kontrak

tadi? Pekerja kontrak ini kita mempunyai pengalaman walaupun mereka kontrak, tetapi ramai mereka ini dibuang. Apakah usaha kerajaan untuk supaya pekerja kontrak diambil, diserapkan ke jawatan tetap? Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Kedua ialah daripada segi bantuan KWAPM tadi. Saya ingin tahu, bagaimanakah – mungkin Yang Berhormat ada maklumat sebab kerajaan negeri pun memberikan bantuan kepada pelajar-pelajar miskin ini dan di peringkat pusat juga. Bagaimana kerja ini ataupun bantuan-bantuan ini diselaraskan antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Maran. Tuan Pengerusi, saya minta masukkan persoalan itu sekali supaya Yang Berhormat boleh jawab ya.

Seterusnya Tuan Pengerusi, berkaitan dengan KWAPM tadi, selain daripada peruntukan yang disediakan oleh kerajaan, jumlahnya besar bagi perolehan tabung KWAPM ini. Sehingga kini agaknya, berapakah perolehan yang kita terima daripada sumber luar yang telah disalurkan?

#### ■1550

Apakah agaknya mekanisme yang diambil oleh pihak MoF dengan KPM untuk memberikan galakan supaya sektor swasta, GLC dan sebagainya turut bertanggungjawab menyumbang kepada tabung KWAPM.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Butiran 00107 – *Southern Johor Development*. Ini pertama kali saya dengar. Jadi, saya selaku orang Johor, saya hendak mendapatkan pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan *Southern Johor Development* ini. Pertama, agaknya berapa banyak projek sambungan, berapa banyak pula projek baru? Dan adakah kos-kos tambahan daripada projek sambungan, ada kos atau tidak? Kos tambahan daripada projek sambung. Apakah agaknya pecahan projek di bawah *Southern Johor Development* ini, infra kah, kajian kah atau sebagainya. Bagaimana agaknya peruntukan yang telah dinyatakan di bawah butiran ini akan disalurkan di bawah *Southern Johor Development* ini.

Saya juga hendak tahu, saya yakin rakyat Johor pun hendak tahu, apakah agensi yang terlibat dan bagaimana agaknya pihak MOF memantau projek-projek sambungan dan perancangan untuk tahun 2020? Saya juga mewakili rakyat Johor, saya pun hendak tahu kawasan atau sektor fokus untuk tahun 2020.

Terakhir Tuan Pengerusi, bawah Butiran 00113 – Pembangunan Lima Koridor. Dia tulis Pembangunan lima koridor sahaja. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah dia melibatkan Koridor Iskandar Malaysia, ada atau tidak? Oleh sebab dia antara lima koridor, saya tidak tahu mungkin agaknya sudah dipindah nama kah. Kalau ada, bolehkah Yang Berhormat Menteri berikan *detail* sedikit. Apa kaitannya bawah butiran ini Pembangunan Lima Koridor ini dengan Pembangunan Koridor Iskandar Malaysia. Jadi, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Timbalan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sibuti, sila.

**3.52 ptg.**

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus pergi ke B.11 iaitu Butiran 021100 – Bayaran Pemansuhan Duti Import dan Eksais atas Barang Petroleum kepada Negeri Sabah dan Sarawak. Di mana kita melihat pembayaran setiap tahun sebanyak RM240 juta yang telah diteruskan oleh kerajaan dan juga Sarawak menerima sebanyak RM120 juta. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kota Kinabalu tadi yang membangkitkan perlunya kerajaan untuk menyemak semula kadar RM120 juta kepada setiap negeri.

Saya ingin menambah sedikit beberapa perkara berkenaan perkara ini di mana permulaan bayaran pemansuhan ini dimulakan pada tahun 2000 sebanyak RM83 juta sehingga tahun 2006. Kemudian disemak semula bermula daripada tahun 2007, Sabah dan Sarawak menerima sebanyak RM120 juta.

Adalah wajar pada masa kini kerajaan menyemak semula kadar pemansuhan. Ini berdasarkan Jadual Kesepuluh Bahagian V di mana perkara ini adalah merupakan perkara pertama di mana duti import boleh dikenakan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Sekiranya pendapatan ini dimansuhkan, Kerajaan Persekutuan kena menggantikan nilai yang sama.

Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu berkenaan tentang kerajaan Sabah juga ingin melaksanakan cukai jualan. Ini adalah satu perkara yang baik dan juga saya menyokong sekiranya Sabah turut melaksanakan cukai jalan tersebut kerana perkara tersebut terdapat di dalam Perlembagaan, No. 7 dalam Jadual Kesepuluh Bahagian V. Di mana setiap Sabah dan Sarawak dibenarkan untuk mengenakan cukai jualan.

Sekiranya kerajaan ingin menyemak semula kadar pemberian pemansuhan ini, apabila kita melihat daripada data-data kewangan kerajaan, dalam tempoh 16 tahun daripada tahun 1984 sehingga 1999, kerajaan Sarawak mendapat pendapatan daripada duti eksais import ini sebanyak RM2.8 bilion ataupun RM2,810 juta. Manakala sepanjang daripada tempoh yang sama tahun 2000 sehingga tahun 2016, kerajaan hanya mendapat RM1,660.45 juta iaitu lebih kurang RM1.6 bilion. Ini ada kekurangan lebih kurang- banyak kekurangan yang saya lihat dan adalah wajar kerajaan menyemak ataupun membawa perkara ini di dalam perbincangan *Special Steering Committee*.

Seterusnya saya ingin menyentuh Bekalan Perbendaharaan B.10, Butiran 060400 – Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA). Sebanyak RM10 juta peruntukan telah diluluskan oleh kerajaan dan juga saya melihat koridor ataupun RECODA ataupun SCORE di Sarawak ini mempunyai potensi yang besar. Walaupun demikian, saya melihat peruntukan yang diberikan kepada RECODA agak berkurangan berbanding dengan koridor-koridor wilayah ataupun wilayah pembangunan yang lain.

Menyentuh berkenaan tentang pembangunan koridor ini, saya ingin menyentuh kepada Maksud Pembangunan P.10 iaitu Butiran 00113 – Pembangunan Lima Koridor di mana peruntukan sebanyak RM819,300,012. Saya ingin mengetahui berapakah peruntukan yang telah

diberikan kepada koridor pembangunan SCORE ataupun RECODA dan juga apakah bentuk pembangunan yang sedang dirancang oleh pihak kerajaan.

Selain itu, saya ingin pergi kepada B.10 iaitu Butiran 070300 – Sewa Beli Mesin Pengimbas sebanyak RM235,158,200 jumlah yang diperuntukkan ini adalah satu peruntukan yang baru. Saya ingin mengetahui apakah jenis sewa beli mesin pengimbas ini dan bagaimanakah proses tender dijalankan? Apakah tujuan dana ini diletak di dalam belanjawan? Selain daripada itu, saya ingin menyentuh kepada perkara Butiran 021200 – Pemberian Kemudahan Asas Kecil. Sebanyak RM150 juta telah diperuntukkan dan saya ingin mengetahui, berapakah jumlah yang akan dibelanjakan dan berapakah jumlah yang diperoleh oleh setiap kerajaan negeri?

Berkenaan tentang Butiran 021300 – Pemberian Kemudahan Projek Khas lebih kurang sebanyak RM1.2 bilion angka yang telah dinyatakan. Begitu juga saya telah melihat buku anggaran ini terdapat beberapa kementerian yang mengemukakan butiran berkenaan tentang projek khas. Apakah jenis-jenis projek khas yang akan dilaksanakan? Adakah Ahli Parlimen ataupun pihak kerajaan negeri boleh memohon projek khas tersebut? Begitu juga apakah tujuan sebenar pemberian kemudahan projek khas ini? Adakah projek khas ini melibatkan pembangunan *infrastructure* ataupun projek-projek berskala besar.

Begitu juga saya ingin menambah sedikit berkenaan tentang Butiran 021900 - Sumbangan kepada NGO yang telah disentuh juga oleh Yang Berhormat MP Segamat dan juga Yang Berhormat Santubong dan beberapa orang YB, saya bersetuju. Saya ingin mengetahui NGO apakah yang telah menerima sumbangan pada tahun sebelum ini iaitu tahun lepas?

Apakah kriteria untuk pemberian kepada NGO? Saya juga mencadangkan, memandangkan kita mempunyai dana untuk pemberian kepada masjid-masjid dan juga surau, adakah baiknya sekiranya dapat membantu sedikit terutamanya kerajaan Sarawak untuk menambah dana dalam UNIFOR kami, *unit for other religions* (UNIFOR) di mana kami memberi sumbangan kepada pembinaan tokong, *church* ataupun *chapel*. Adakah pihak kementerian mempunyai dana sedemikian untuk membantu rakan-rakan ataupun keluarga-keluarga kita yang bukan beragama Islam.

Selain daripada itu juga, saya ingin menyentuh berkenaan tentang Bekalan B.10, Butiran 070500 berkenaan tentang Fi Agensi Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Ini adalah satu peruntukan yang baru berjumlah RM2.6 bilion. Saya ingin mengetahui adakah fi ini akan meliputi keseluruhan kos yang ditanggung oleh pihak LHDN.

#### ■1600

Saya juga mencadangkan agar LHDN di setiap bahagian ataupun di setiap daerah di negeri Sarawak dapat ditambah baik dari segi infrastruktur dan juga membekalkan kepada pegawai-pegawai kenderaan ataupun apa-apa aset untuk mereka menjalankan penyiasatan ataupun berjumpa dengan pelanggan. Ini adalah sangat penting dan juga jumlah RM2.6 bilion ini adalah satu jumlah yang besar dan dari manakah angka fi diperoleh.

Seterusnya saya ingin menyentuh berkenaan tentang B.10 Butiran 050200 – Pengurusan Wang Tak Dituntut. Berlaku peningkatan daripada RM9.8 juta kepada RM12.98 juta. Saya ingin mencadangkan di sini agar pengurusan wang tak dituntut ini dapat dijalankan sepenuhnya secara *online* ataupun mewujudkan satu aplikasi untuk memudahkan pelanggan untuk menyemak data-data ataupun maklumat wang-wang mereka yang tidak pernah dituntut.

Pada masa kini pelaksanaan adalah secara manual agak bukan menyusahkan tetapi sedikit melambatkan. Saya juga ingin mengetahui berkenaan tentang status pemberian *grant* di bawah 112D di mana saya tidak dapat melihat sebarang unjuran berkenaan tentang pertambahan *grant* tersebut. Mungkin pihak kementerian boleh memberi jawapan.

Begitu juga saya ingin bertanya, adakah nilai ini telah dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seperti yang telah dinyatakan di dalam media bahawa rundingan masih dijalankan dan akan diputuskan bersama oleh Yang Amat Berhormat Langkawi dan juga kedua-dua Ketua Menteri daripada Sabah dan juga Sarawak. Tuan Pengerusi, ini sahaja bahas saya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Ahli Yang Berhormat hari ini lebih 40 orang Ahli Yang Berhormat berminat untuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Setakat ini lebih kurang 20 orang, ada lebih lagi 20 orang. Saya cadangkan Yang Berhormat Menteri gulung pada pukul 7 malam selama 1 jam. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Rantau Panjang.

#### 4.02 ptg.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil kesempatan ini juga untuk berbahas di peringkat jawatankuasa Maksud B.10, B.11 dan B.12. Kalau kita merujuk daripada Butiran 020100 – Fizikal dan Ekonomi, kita melihat banyak usaha-usaha yang telah dibuat untuk menambahkan lagi terutama dari sudut mengatasi masalah ekonomi dalam negara kita.

Persoalannya yang saya ingin tahu adalah apakah usaha terkini pihak kerajaan untuk memastikan supaya pengurangan hutang negara. Oleh sebab kita lihat hampir dua tahun pemerintahan Pakatan Harapan, hutang negara bertambah begitu banyak. Jadi apakah usaha dan strategi yang telah dirancang oleh pihak kerajaan untuk memastikan hutang negara kita tidak terus bertambah. Apakah usaha untuk memastikan pengurusan dari segi perbelanjaan negara dapat dijimatkan.

Begitu juga saya ingin menyentuh tentang Butiran 020200 iaitu berkaitan dengan cukai. Saya ingin tahu berapakah jumlah syarikat yang berdaftar setakat ini yang sebagai pembayar cukai? Berapakah syarikat yang dalam maklumat kerajaan yang belum berdaftar? Apakah tindakan terhadap syarikat-syarikat yang belum mendaftar?

Apakah kerajaan dapat mengesan syarikat-syarikat yang sengaja lari daripada cukai ini? Berapakah tindakan yang diambil kepada syarikat-syarikat ini yang mereka sengaja tidak

membayar cukai? Berapakah kerugian anggaran yang telah didapati hasil daripada mereka yang enggan membayar cukai?

Kalau kita lihat daripada statistik tahun 2019, cukai jualan pendapatan negara berjumlah RM13.9 bilion, cukai perkhidmatan pendapatan negara berjumlah RM8.1 bilion. Kalau kita melihat hasil ini jauh masih ketinggalan dengan hasil kutipan GST tahun 2017 berjumlah RM44.3 bilion. Jadi saya ingin tahu apakah perancangan kerajaan untuk menampung kekurangan hasil pendapatan ini dan sejauh mana kejayaannya.

Begitu juga tentang kita bersyukur kepada Allah kerana kenaikan harga petrol menyebabkan penambahan kepada pendapatan negara. Kalau kita banding tahun 2017, pendapatan negara hasil daripada petroleum hanya 15.7 peratus. Pendapatan negara pada tahun 2019 sebanyak 30.9 peratus. Ini menyebabkan pertambahan pendapatan negara.

Soalnya sekarang ialah saya mengharapkan daripada hasil petroleum yang didapati kepada kerajaan ini hendaklah ditunaikan hak yang dijanjikan. Oleh sebab itu royalti contohnya sebagai yang dijanjikan dalam manifesto dan dijanjikan oleh kerajaan hendaklah segera dibayar jangan tertangguh lagi, jangan beralasan lagi. Saya harap hak dan rakyat hendaklah ditunaikan kepada semua negeri termasuk Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Saya ingin juga menyentuh berkaitan dengan perbelanjaan belanjawan negara. Sejauh mana peruntukan yang dirancang di dalam belanjawan ini menepati untuk mengimbangi masalah jurang pendapatan di antara Malaysia Timur dan Malaysia Barat. Jadi sejauh mana program-program yang dirancang ini benar-benar menepati hasrat yang dijanjikan oleh kerajaan. Jadi saya ingin tahu, berapakah peruntukan keseluruhan di dalam bajet 2020 untuk negeri Kelantan.

Begitu juga saya ingin tahu tentang peruntukan yang dikhurasukan terutama dalam pembangunan yang berkaitan dengan infrastruktur. Jadi, sejauh mana peruntukan yang diberi? Oleh sebab kalau kita melihat dalam bajet pembangunan yang diberikan kepada kita, di mana 24.5 peratus daripada perbelanjaan pembangunan melibatkan sektor pengangkutan. Jadi berapakah jumlah peruntukan untuk sektor pengangkutan kepada negeri Kelantan dalam Bajet 2020.

Saya ingin tahu juga ialah tentang berkaitan dengan 030000 – Strategi Pelaburan. Saya ingin tahu setakat ini berapakah jumlah syarikat yang sedang melabur dalam negara kita? Berapakah syarikat-syarikat baru yang sedang didaftarkan? Dari sudut pengurusan aset-aset negara juga saya ingin tahu berapakah jumlah aset-aset yang telah dijual setakat ini? Berapa dalam perancangan untuk pencairan? Apakah sebagai ganti aset yang telah dijual itu untuk menggantinya? Apakah program perancangan yang telah dibuat? Sejauh mana perancangan kerajaan untuk memastikan terutama pengurusan aset awam ini tidak menjadi satu yang merugikan dari sudut jangka pendek dan jangka panjang.

Jadi saya ingin penjelasan Butiran 030300 berkaitan dengan pelaburan strategi. Apakah program-program yang telah dirancang dalam program pelaburan strategi setakat ini? Begitu juga menyentuh tentang Butiran 050200 – Pengurusan Wang Tidak Dituntut. Apakah setakat ini? Apakah perkembangannya? Berapa jumlahnya? Apakah penyelesaiannya setakat ini?

Begitu juga tentang Butiran 050600 – Pengurusan Audit Dalam. Setakat ini saya ingin tahu apakah cabarannya? Apakah pencapaiannya? Apakah perancangan masa depan untuk lebih berkesan? Sejauh mana audit terutama agensi kerajaan termasuk Petronas supaya mereka ini dapat – laporan Petronas ini dapat dibentang di Parlimen. Oleh sebab kami Ahli Parlimen tidak pernah tahu, apakah maklumat perkembangan sedangkan ia adalah sebahagian daripada khazanah negara milik rakyat. Jadi, seharusnya laporan dan maklumat ini dibentangkan dalam Dewan.

Begitu juga tentang saya ingin tahu tentang Butiran 060330 – Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur terutama yang berkaitan dengan ECER. Jadi sejauh mana pencapaian setakat ini? Apakah program-program yang telah berjaya diselesaikan? Berapakah projek-projek yang masih tertangguh? Apakah cabaran dan masalah yang dihadapi setakat ini? Apakah harapan kerajaan untuk memastikan ataupun usaha kerajaan untuk memastikan Projek Ekonomi Wilayah Pantai Timur ini dapat menjana ekonomi rakyat sebagaimana yang di matlamat asal penubuhan koridor ini.

Begitu juga saya ingin penjelasan iaitu berkaitan dengan Butiran 021300 – Pemberian Kemudahan Projek Khas. Saya ingin penjelasan dengan peruntukan RM1.211 bilion ini apakah projek khas yang dimaksudkan? Berapakah peruntukan adakah projek khas ini diberikan kepada negeri Kelantan dan juga mengikut negeri-negeri. Kalau boleh saya ingin tahu mengikut negeri-negeri projek khas ini bagaimana pembahagiannya. Saya ingin tahu juga Pembiayaan *Funding Gap* KTMB, Butiran 021400. Jadi, saya ingin tahu apakah pembiayaan yang dimaksudkan.

#### ■1610

Begitu juga menyentuh Butiran 021700 – Pemberian Penyelenggaraan Cerun Jalan Raya Negeri. Saya ingin tahu sejauh mana usaha sebab kita lihat banyak isu berkaitan dengan masalah jalan raya di seluruh negara yang masih belum selesai terutama kawasan yang berisiko tinggi, yang boleh membawa kehilangan nyawa. Jadi sejauh mana keberkesanan projek ini, adakah dengan bajet sebanyak RM60 juta ini mencukupi? Dalam bajet ini, saya ingin tahu di manakah fokus pemberian penyelenggaraan cerun dan jalan raya negeri dan berapakah sumbangan ataupun program ini untuk negeri Kelantan.

Begitu juga menyentuh Butiran 021900 – Sumbangan kepada NGO, sebanyak RM30 juta. Saya ingin tahu siapakah atau apakah NGO-NGO yang telah mendapat sumbangan ini dan apakah program-program yang mereka laksanakan di bawah Kementerian Kewangan sehingga mendapat peruntukan sejumlah RM30 juta daripada Kementerian Kewangan.

Begitu juga berkaitan dengan Butiran 040300 – Hapuskira Pinjaman. Saya ingin minta penjelasan item-item berkaitan dengan hapus kira pinjaman ini dan bila ia dihapuskan? Begitu juga saya ingin penjelasan tentang Butiran 990000 – Komitmen Kewangan yang melibatkan tiga syarikat utama iaitu Govco Holdings Berhad, Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) dan Asset Global Network Sdn Bhd. Saya ingin tahu apakah perkembangan dan apakah komitmen kewangan yang menjadi tanggungjawab kerajaan sehingga memperuntukkan begitu banyak dalam Bajet 2020. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Bukit Bendera. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Jasin.

#### 4.11 ptg.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan Butiran 070400. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana memperuntukkan sejumlah RM10 juta untuk menyelenggarakan dan membaiki karters Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Saya memohon juga daripada peruntukan ini sebahagian hendaklah juga disalurkan ke Kampung Kastam di Butterworth dan juga di Gelugor, Pulau Pinang. Ini kerana saya dapati bahawa perlu ada naik taraf di karters-karters Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Di bawah butiran yang sama Tuan Pengerusi, saya juga ingin membangkitkan satu isu sampingan iaitu masih terdapat ratusan kontena sisa plastik tersadai di pelabuhan di Butterworth. Ada juga kontena-kontena sisa plastik yang juga di Kuarters Kastam di Butterworth. Apakah usaha di bawah Kementerian Kewangan untuk menyelesaikan isu kerana masih terdapat ratusan kontena sisa pepejal yang sepatutnya dihantar balik tetapi masih tersadai di pelabuhan dan juga di Kuarters Kastam.

Di bawah Butiran 040200 Tuan Pengerusi, saya ingin di bawah nama Strategi Nasional. Di bawah butiran ini adalah tentang pengurusan *Urban Transformation Center* (UTC) atau Pusat Transformasi Bandar. Sebelum ini terdapat pengumuman bahawa akan ditubuhkan UTC pertama di Pulau Pinang, di Komtar. Saya ingin meminta Kementerian Kewangan memberikan satu jangka masa atau tarikh tentang bagaimana *progress* UTC di Komtar Pulau Pinang ini. Bilakah ia akan disiapkan dan bila akan dibuka untuk memberikan perkhidmatan kepada orang ramai.

Butiran yang seterusnya 060200 iaitu di bawah Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA). Saya nampak terdapat satu di bawah tahun 2020 ada satu peruntukan yang agak besar, sebanyak RM40 juta. Saya meminta butiran kerana NCIA ini juga merangkumi negeri Pulau Pinang. Saya ingin meminta satu butiran *detail* apakah peruntukan ini untuk kegunaan projek yang mana?

Di bawah Butiran 022000 iaitu di bawah Sumbangan Bantuan Kemanusiaan. Saya perhatikan di bawah butiran ini, sumbangan bantuan kemanusiaan ini terdapat pengurangan kerana pada tahun 2019 adalah di bawah butiran sumbangan bantuan kemanusiaan, sebanyak RM13 juta diperuntukkan. Akan tetapi pada tahun 2020 telah dikurangkan sebanyak RM8 juta kepada RM5 juta sahaja. Apakah pengurangan ini dan sebab kenapa pengurangan ini kerana di bawah tajuk ini, sumbangan bantuan kemanusiaan. Apakah atau bagaimana wang ini dikurangkan?

Di bawah butiran satu lagi, di bawah Butiran 990200 – Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB). Terdapat satu penambahan yang agak besar. Pada tahun 2019, sejumlah RM80 juta dan sekarang RM182 juta. Terdapat penambahan sebanyak RM100 juta. Ini kerana sebelum ini

terdapat pengumuman bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang akan di naik taraf dan diperbesarkan, sama ada ini terjatuh di bawah kategori ini dan minta diberikan butiran.

Saya ingin juga merujuk kepada Butiran 160000 – Kumpulan Wang Amanah Tabung Bayaran Balik Cukai yang sebelum ini sejumlah RM18 bilion dan juga di bawah Butiran 170000 – Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP), RM19 bilion, sejumlah RM37 bilion pada tahun 2019. Di bawah tahun 2020, dia diturunkan— hingga tinggal RM100 juta sahaja. Apakah *progress* pembayaran balik cukai ini dan sama ada perkara ini akan dibereskan pada hujung tahun ini untuk kebaikan pembayar cukai. Ini sahaja beberapa maklum balas dan juga pertanyaan saya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi memberi saya peluang untuk mengambil bahagian. Saya terus kepada Butiran 020100 – Fiskal dan Ekonomi. Selepas itu Butiran 020300 – Belanjawan Negara. Butiran 040100 – Perolehan Kerajaan. Butiran 160000 – Kumpulan Wang Amanah Tabung Bayaran Balik Cukai LHDN. Butiran 170000 – Kumpulan Wang Amanah Tabung Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP).

Tuan Pengerusi, belanjawan tahunan adalah sebenarnya merupakan satu mekanisme ataupun instrumen untuk melaksanakan apa yang terkandung di dalam rancangan pembangunan lima tahun. Justeru, Belanjawan 2020 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini adalah merupakan kesinambungan kepada Kajian Separuh Penggal (KSP) RMKe-11 yang telah dibentangkan pada 18 Oktober tahun lalu.

Saya perhatikan belanjawan ini telah meliputi enam tonggak yang terkandung di dalam KSP tersebut. Walau bagaimanapun Bahagian Pertama Tonggak Kedua, Memperkuatkukan Pembangunan Inklusif telah tidak ditangani secara jelas dan khusus. Saya akui bahawa Bahagian Kedua – Kesejahteraan Rakyat telah disentuh dengan agak meluas. Sesungguhnya saya dapatti tiada perhatian khas yang diberikan oleh kerajaan khususnya untuk jurang kejayaan antara kumpulan (*inter-group inequalities*) dengan izin, juga tiada usaha khusus untuk menambahkan pemilikan ekuiti bumiputera sebanyak 11 peratus yang telah digariskan dan dipahatkan dalam Kajian Separuh Penggal yang lalu.

Oleh yang demikian, saya bimbang tindakan tertentu yang diambil untuk mencapai objektif tertentu bukan sahaja tidak mampu untuk merapatkan jurang, malah ia boleh pula berkonflik di antara satu usaha untuk merapatkan jurang tersebut. Lantas, dikhuatiri matlamat jurang kekayaan antara kumpulan seperti antara kaum melalui perkongsian kemakmuran yang dijuarai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak akan tercapai.

## ■1620

Contoh pertama yang tepat ialah tentang penjualan aset. Saya faham tentang keperluan penjualan aset yang mendesak untuk menambahkan hasil kerajaan. Namun, tiga daripada empat kaedah yang dikemukakan itu adalah mencurigakan, sekalipun pada prinsipnya ia adalah

baik iaitu menjunjung prinsip ketelusan dan juga semangat persaingan. Tiga kaedah tersebut ialah: pertamanya, mengurangkan pegangan kerajaan dalam syarikat bukan strategik; keduanya, melaksanakan model kerjasama awam-swasta atau, dengan izin, *public-private partnership* melalui proses transaksi tukaran tanah; dan yang terakhirnya, menjual tanah secara berjadual.

Mekanisme yang akan diguna pakai ialah tender terbuka atau dijual kepada pembida yang tertinggi untuk memaksimumkan hasil kita. Mekanisme ini belum tentu adil kepada semua terutama jika ia dibuka kepada semua orang-orang asing kerana padang yang tidak sama rata. Oleh yang demikian, sebelum ia dilaksanakan, perlulah kita pastikan dahulu bahawa persaingan itu mesti adil dan juga saksama.

Saya beri satu contoh yang terakhir ini. Apabila penjualan tanah TRX yang dipunyai oleh Tabung Haji yang dijual walaupun dapat keuntungan RM200 juta, tetapi itu bukan konsep dan matlamat pertama kita. Dalam Dewan ini telah pun dicadangkan tanah Tabung Haji di TRX tidak boleh dijual dan mesti dibangunkan kerana kita hendak tengok kalau boleh ada satu harta kepunyaan yang boleh kita banggakan. Itu sebenarnya identiti Melayu dan juga Islam. Akan tetapi, kenapa ia dijual?

Seterusnya, jika ia diteruskan tanpa apa-apa intervensi, maka saya bimbang mekanisme berkenaan sudah pasti akan memberikan kelebihan kepada syarikat-syarikat besar terutamanya syarikat-syarikat asing yang mampu memberikan tawaran yang terbaik. Ini bermakna mekanisme tersebut akan menguntungkan kera di hutan. Jika ia hanya terbuka di dalam negara, kerisauan kita masih lagi bersarang sebab dalam keadaan sekarang, kebanyakan syarikat-syarikat besar adalah kepunyaan bangsa asing. Ini sebenarnya tidak inklusif. Ada pula aset itu yang dijual, pembelinya dirahsiakan. Tidak dibuat secara tender terbuka tetapi dirahsiakan pembelinya.

Contoh seterusnya, peruntukan untuk menaik taraf dan menyelenggarakan semua sekolah-sekolah. Apakah asas pemberian tersebut?

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Jasin. Sekejap, Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Saya hendak tanya kepada kerajaan, apakah sebenarnya asas pemberian peruntukan tersebut?

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Sila.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Jasin tadi ada menyebut penjualan aset yang terbesar termasuk TRX-Tabung Haji. Jadi, apakah keseluruhan aset dijual ini, RM35 bilion ini mampu untuk membayar hutang tertangguh? Saya lihat tadi Yang Berhormat Jasin ada sebut banyak lagi aset yang telah pun dijual. Jadi, adakah penjualan ini secara tender terbuka atau pilihan syarikat mengikut kroni mereka?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Tuan Pengurus, ini yang kita persoalkan. Kalau kita sebut tentang ketelusan, kita mesti buka secara terbuka. Seperti yang

saya sebut tadi, kita kena mengambil kira tentang kemampuan pada masa kini dan bukan sahaja kemampuan untuk semua, bahkan kita mesti pastikan ada elemen bumiputera di sana.

Seterusnya, pada peruntukan untuk menaik taraf, peruntukan sekolah tadi. Misalnya, pada tahun 2019 yang lalu, sekolah kebangsaan mendapat RM250 juta sahaja. Kalau kita bahagikan semula— kerana sekolah kebangsaan ada 9,000 buah.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Minta laluan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Kita hanya dapat RM27,778 sebuah sekolah.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Minta laluan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Berbanding dengan tahun ini, dinaikkan sebanyak RM300 juta. Okey, bagus, saya ucapkan tahniah. Tapi masih lagi kita jauh...

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Tuan Pengerusi, saya minta laluan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Diam, diam.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** ...Kalau berbanding dengan Sekolah Kebangsaan Tamil atau Sekolah Kebangsaan Cina. Saya tidak ada masa, tinggal lagi dua minit.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Okey, terima kasih. Sebab saya hendak dengar dia tolak sendiri.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Minta maaf. Jadi, daripada segi tahun 2020 ini, kalau dengan RM300 juta pun diberi, kita hanya dapat sekarang RM33,333 satu sekolah kebangsaan berbanding dengan sekolah Cina dapat RM38,000, sekolah Tamil dapat RM93,000.

Paling penting sekali, Tuan Pengerusi, saya tengok di sini ada sekolah persendirian Cina dapat sampai RM200,000 lebih satu sekolah. Dia sekolah persendirian. Pada tiap-tiap tahun dia akan mengadakan jamuan besar-besaran, dia akan *collect* berjuta-juta, kita beri lagi peruntukan. Jadi, didapati sekolah ini sudah jadi sekolah premium, sekolah hebat. Berbanding dengan sekolah kebangsaan yang sepatutnya kita berikan perhatian tetapi peruntukan kita berikan tidak adil.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Yang Berhormat Jasin, boleh minta laluan? Cuma hendak tanya, boleh atau tidak Yang Berhormat Jasin namakan satu sekolah yang dia *collect* berjuta-juta ringgit setiap tahun?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Tak payah namakan. Dalam kawasan saya sendiri ada. Di Melaka ada. Akan tetapi, tak payahlah.

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Yang Berhormat Jasin, minta laluan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Tuan Pengerusi, dari segi jumlah nilai purata, jelas ia tidak sama rata. Isunya, adakah ia adil dan saksama?

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Bagi nama sekolahlah, baru kita boleh minta Kementerian Kewangan tak perlu bagi. Kalau ada nama.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Boleh minta laluan?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Saya hendak tanya kepada kerajaan, apakah asas pengiraan untuk agihan-agihan peruntukan kepada setiap sekolah?

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Adakah kawasan sendiri tak tahu nama sekolah? Minta pencerahan sedikit.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Duduklah. Duduk, duduk.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Jika ia tidak saksama, maka purata yang lebih kecil bagi sekolah kebangsaan berbanding sekolah-sekolah lain boleh menyebabkan jurang kesejahteraan hidup— tonggak kedua— antara kaum dan antara bandar dan luar bandar makin bertambah luas.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Boleh tanya penjelasan?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Sila.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Saya ingin dapat sedikit penjelasan. Peruntukan kepada sekolah persendirian Cina ini, apakah ia melanggar Akta Pendidikan? Ini kerana ia dari segi peruntukan, sepatutnya ia tidak berhak mendapat— kalau ikut peraturan yang ada. Mungkin dapat penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Jasin. Terima kasih.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Ertinya hari ini UMNO dengan PAS tidak setuju...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat, sebab itu kita perlukan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** ...Peruntukan diberikan kepada sekolah Cina. Adakah begitu?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Walaupun ia ditambah RM50 juta jadi RM300 juta...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Jasin, boleh beri laluan?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** ...Masih lagi tidak adil, Tuan Pengurus.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Hei, jangan panaslah. Relaks-relaks.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Saya terus kepada butiran...

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Saya ada satu soalan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Jasin.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Jangan lihat sekolah ikut kaum.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Sekolah persendirian lah. Bukan sekolah bantuan kerajaan.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Ada juga kaum Melayu pergi ke sekolah Cina.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Ini sekolah persendirian.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Kenapa kita kena pisahkan mengikut sentimen kaum?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Butiran 160100 – Kumpulan Wang Amanah Tabung Bayaran Balik Cukai sebanyak RM18 bilion.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Pengerusi, boleh Yang Berhormat Jasin beri laluan?

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Boleh jelaskan?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Dan juga Butiran 170000 – Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP).

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa telah tamat, Yang Berhormat Jasin.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Adakah Yang Berhormat cuba mengatakan PAS dan UMNO hari ini tidak setuju peruntukan diberi kepada sekolah-sekolah Cina?

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Mana ada cakap ini macam? Dengar betul-betul.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Kedua-dua ini berjumlah sebanyak RM37 bilion. Jadi saya hendak tanya...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa telah tamat, Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Ini yang terakhir, Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya sekarang, bayaran balik ini kepada GST sebanyak RM19.4 bilion yang dikata dicuri ataupun dirompak hari itu, selepas itu kita dapat wang tersebut masih berada di dalam akaun apabila kita tutup akaun tahun 2018...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tak apa, itu minta Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Itu sebab dijadikan alasan untuk menjarah wang PETRONAS. Jadi kita hendak tahu sekarang, di mana wang tersebut diletakkan? Adakah ia diletakkan di dalam *Consolidated* ataupun satu tabungan khas?

Yang terakhir sekali...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa sudah habis sudah, Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Akhir sekali, Butiran 070500 — Fi Agensi Lembaga Hasil Dalam Negeri sebanyak RM2.6 bilion ini. Apakah pengiraan kita beri fi kepada LDHN? Kerana kita tahu mereka telah mengutip begitu banyak sekali dan sekarang sebenarnya dia begitu ada semangat sekali kerana fi dia terlalu besar. Jadi kita hendak tahu, bagaimanakah cara pembayaran ini dibuat kepada LHDN dengan mendapat RM2.6 bilion? Pada tahun lalu tak ada, tahun ini pula ada. Jadi saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri.

Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pasir Gudang. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Sila, Yang Berhormat Pasir Gudang.

**4.29 ptg.**

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Mungkin saya lihat sepatutnya saya ini belakang lagi, ramai orang sebelum saya. Saya tak nak melompat—*queue jumper*.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Kalau kawan-kawan izinkan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya tengok telah ditulis oleh Speaker sebelum ini.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagi saya pun boleh.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Okey, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Lompat masuk UMNO pun boleh, *no problem*.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Teruskan.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mohon membahaskan Maksud Bekalan 10 berkenaan Perbendaharaan, di bawah Butiran 040000 – Perkhidmatan Kewangan Awam.

**■1630**

Saya mohon Kementerian Kewangan, Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya ambil perhatian perkara yang saya sebutkan ini. Pihak Bank Negara nampaknya tidak ambil peduli tentang penindasan yang dilakukan oleh bank-bank komersial yang mengenakan fees bayaran ke atas dokumen-dokumen pinjaman, *loan documents*. Apakah yang sedang berlaku sekarang ini? Bank-bank komersial kenakan bayaran antara RM100 hingga RM500 kepada peminjam-peminjam (*borrowers*), dengan izin. Peminjam-peminjam terpaksa membeli dari bank dokumen-dokumen pinjaman walaupun kos percetakan ditanggung oleh peguam cara (*solicitor*). Bayaran atau fi tersebut akhirnya ditanggung oleh peminjam-peminjam sebagai sebahagian daripada bayaran guaman.

Ada kes peguam-peguam dipaksa oleh pihak bank untuk menanggung fi atau kos tersebut. Peminjam yang menandatangani dokumen pinjaman dengan bank yang disediakan oleh peguam cara bank, kena membayar dokumen-dokumen pinjaman itu. Dokumen-dokumen itu yang daripada RM100 sampai RM500 itu adalah dokumen yang standard. Kesannya peminjam-peminjam terpaksa membayar kos tambahan apabila membuat pinjaman dari bank. Pihak peguam juga mendapat bayaran yang tidak seberapa, dengan izin *peanuts* bagi kerja-kerja profesional yang mereka lakukan. Terutamanya dalam kes pembelian harta tanah atau rumah kos rendah, kos pertengahan atau rumah mampu milik. Untung besar ialah pihak-pihak bank.

Saya difahamkan bahawa Majlis Peguam Malaysia telah membantah kepada bank-bank yang mengenakan bayaran fi tersebut. Mengenakan fi bagi penjualan dokumen pinjaman oleh pihak bank kepada peminjam-peminjam adalah salah, melanggar seksyen 37(2), *Legal Profession Act 1976* (Akta Profesional Undang-undang 1976). Saya dimaklumkan juga pihak Majlis Peguam Negara (*Bar Council*) telah membuat beberapa representasi menulis surat kepada Bank

Negara Malaysia. Akan tetapi, Bank Negara Malaysia telah gagal dan masih gagal hingga ke hari ini untuk memberhentikan tindakan tidak sihat menindas dan melanggar undang-undang yang telah membebankan para pengguna secara tidak adil.

Tuan Pengerusi, Bank Negara Malaysia adalah sebagai bank pusat yang bertanggungjawab mengawal dan mengatur bank-bank di Malaysia. Bank Negara Malaysia mesti bertindak kerana pada masa sekarang ini, peminjam-peminjam dan juga peguam-peguam ditekan oleh pihak bank yang begitu berkuasa dan bermaharajalela kerana mereka anggap mereka kaya dan kebal.

Saya bercakap di sini, di dalam Dewan Rakyat ini, supaya pihak Bank Negara Malaysia dan bank-bank berhenti dari amalan menindas orang ramai yang menjadi para peminjam. Mohon Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat melakukan sesuatu dengan segera. Tuan Pengerusi...

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Mencelah, mencelah.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Ya, sila.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Dengan izin Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Bukan caj ini sahaja yang kita lihat, bank-bank komersial banyak mengenakan caj-caj lain. Setiap tahun bank-bank komersial mengisyiharkan keuntungan yang terlalu besar. Hampir semua bank besar mengisyiharkan keuntungan yang tersangat besar berbanding dengan fungsi bank untuk mengatur dan menguruskan ekonomi negara, sokongan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Saya menyokong bahawa Bank Negara Malaysia menyiasat semua fi yang dikenakan oleh bank-bank komersial ini supaya tidak membebankan rakyat. Terima kasih.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Saya meneruskan perbahasan saya. Isu yang kedua iaitu Maksud Bekalan 10 di bawah tajuk Perbendaharaan juga. Butiran 060100 – Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA). Di dalam belanjawan ini, RM40 juta diperuntukkan oleh Kementerian Kewangan kepada IRDA. IRDA ini pihak berkuasa Iskandar Malaysia yang keluasan Iskandar Malaysia ini, di selatan Johor ini, empat kali lebih besar daripada Singapura.

Ada satu perkara yang saya ingin nyatakan di sini Tuan Pengerusi, iaitu pihak Kerajaan Persekutuan telah melaburkan berjuta-juta ringgit malahan bilion untuk pembangunan di kawasan IRDA ini, Iskandar Malaysia. Akan tetapi, yang saya lihat yang untung ialah syarikat-syarikat besar khususnya daripada luar negara. Saya ingin bertanya supaya Kementerian Kewangan meneliti sedikit, apa yang sebenarnya kuasa IRDA ini? Adakah ia bertindih-tindih, ada kelompongan berlaku?

Misalnya, dalam kawasan IRDA ini, ada hutan *reserved*, hutan bakau di Sungai Pulai telah digazet sebagai hutan bakau dan bertaraf Ramsar, tapak Ramsar. Akan tetapi seluas 800 hektar di Sungai Pulai, hutan bakau ini – warta itu telah dibuka. Gazet itu telah dilupuskan, telah dibangunkan satu pusat *resort* padang golf bertaraf antarabangsa, 18 lubang. Sudah ada

*highway* yang menghubungkan ke *airport*, ke Singapura kan? Jadi, saya hendak bertanya, adakah projek pembangunan misalnya *resort* padang golf itu mendapat kebenaran dan kelulusan oleh pihak IRDA? Ini sebab IRDA *joined –Chairman* itu ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Jadi, siapa sebenarnya yang berkuasa? Boleh terlepas itu. Tanah hutan bakau yang telah digazetkan itu boleh dibangunkan untuk padang golf.

Satu lagi, saya berterus-terang di dalam Dewan Rakyat ini. *Forest City* dalam kawasan IRDA itu, empat buah pulau dibangunkan, dibina rumah-rumah yang tidak mampu dibeli oleh rakyat kita untuk pasaran warga asing. Adakah projek ini termasuk dalam projek yang dikawal oleh IRDA yang mempunyai implikasi alam sekitar dan sebagainya?

Sungai Selat Johor itu sudah sempit, dekat dengan pelabuhan Tanjung Pelepas. Kalau tidak kawal, betul-betul berlanggar kapal di situ. Saya nampak dengan mata saya sendiri. Jadi, saya ingin pihak Kementerian Kewangan dan Yang Berhormat Menteri lihatkan, adakah IRDA ini ada taring, ada kuku, ada gigi untuk melaksanakan projek Iskandar Malaysia, Johor ini? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Sekarang, saya jemput Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

#### 4.39 ptg.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

Saya ingin menyentuh beberapa butiran. Pertamanya berkenaan dengan Maksud Bekalan 020000 – Strategi Fiskal, Butiran – 020300, Belanjawan Negara. Isu pertama yang saya ingin suarakan berkaitan royalti petroleum. Saya ingin merujuk Aktiviti 3, Belanjawan Negara, Bahagian C, Mengurus pemberian kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, keputusan Jemaah Menteri dan juga Majlis Kewangan Negara.

Berdasarkan hasil yang diperoleh daripada Operasi Petroleum, Pihak Berkuasa Bersama Malaysia – Thailand (MTJA) pada tahun 2018, Kerajaan Persekutuan mendapat sejumlah RM1.58 bilion sebagaimana tercatat dalam Buku Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Tahun 2020 pada muka surat 180 dan muka surat 181.

#### ■1640

Berdasarkan perjanjian 9 Mei 1975, PETRONAS hendaklah membayar wang tunai kepada Kerajaan Negeri Kelantan secara bayaran tahunan sebanyak yang setara dengan lima peratus pada nilai petroleum yang didapati dan diperolehi di perairan Kelantan. Soalan saya, berapakah jumlah sebenar pengeluaran daripada operasi MTJA? jika dirujuk kepada Dokumen Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 hingga unjuran 2020 didapati secara puratanya jumlah yang diterima oleh kerajaan adalah sekitar RM1.7 bilion setahun. Sekiranya diambil sifir mudah

jumlah pengeluaran mungkin sekitar RM35 bilion setahun. Oleh itu, Kerajaan Negeri Kelantan juga berhak mendapat hasil daripada operasi petroleum daripada kawasan MTJA ini.

Lanjutan mengenai perkara ini saya ingin memetik satu laporan berita BERNAMA bertarikh 22 September 2019 yang bertajuk, *MTJA An Example of Maritime Shared Prosperity. ‘The two neighboring countries inked an agreement to jointly explore and exploit non-living resources in the Joint Development Area (JDA) of approximately 7,250 square kilometres, located offshore about 150 kilometers from Kota Bharu, Kelantan and 260 km from Songkhla, Southern Thailand for mutual and equal benefits of the two countries’*.

Kenyataan ini membuktikan isu persempadan laut tidak timbul lagi. Sebagaimana digunakan hujah terbaru oleh kerajaan bahawa penyelesaian kepada *sea boundaries* adalah merupakan halangan untuk dilunaskan bayaran royalti kepada Kelantan. Kenyataan ini membuktikan isu pencemaran laut tidak timbul malah tidak timbul lagi wang seharusnya diterima oleh Kelantan disalurkan kepada Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan (AATD). Maka Kementerian Kewangan harus menjelaskan berapakah hasil yang diperoleh daripada PETRONAS menerusi operasi MTJA dan jumlah yang sepatutnya diperoleh oleh Kerajaan Negeri Kelantan.

Saya juga berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana akhirnya mengiktiraf bahawa 10 medan minyak daripada dua lapangan besar yang terletak di Kelantan iaitu lapangan Bumi Selatan dan lapangan Suria Selatan. Soalan saya, kalau itu yang dikatakan 10 telaga minyak yang sudah pun dilunaskan bayaran royalti oleh PETRONAS berjumlah RM1.2 bilion namun diletakkan dalam akaun AATD, bagaimana pula dengan medan blok PM301, PM302 yang mempunyai 14 telaga minyak yang langsung tidak bertindih dan tidak ada pertikaian *sea boundaries* iaitu Telaga Bunga Dahlia, Bergading 1, Bergading B, Bergading C, Bergading D, Bunga Teratai, Bunga Kamelia, Bunga Kesumba, Bunga Anggerik, Bunga Zetung, Ular, Gajah dan Bunga Melati? Ini 14 telaga minyak yang tidak ada pertindihan dan tidak ada pertikaian *sea boundaries* sebagaimana hujah yang digunakan oleh kerajaan yang terbaru untuk menafikan bayaran royalti terus kepada Kelantan.

Saya ingin minta penjelasan daripada pihak Kementerian Kewangan, berapakah jumlah hasil yang diperoleh oleh PETRONAS kepada kerajaan daripada kedua-dua lapangan ini ? Dan berapa pula royalti yang seharusnya dibayar oleh Kementerian Kewangan kepada Kerajaan Negeri Kelantan daripada kedua-dua lapangan ini?

Kemudian, apabila disebut ada 10 kawasan medan minyak yang royalti sudah dilunaskan kepada PETRONAS, namun ditahan di bawah akaun AATD, bagaimana pula kalau sekiranya ada perbincangan antara Kerajaan Negeri Terengganu dan persetujuan dengan Kelantan yang medan minyak tadi dikatakan bertindih antara dua sempadan negeri ini — kalau sekiranya Terengganu bersetuju untuk sebagaimana yang disebut dalam *journal oil and gas* bahawa 20 peratus telaga minyak tersebut berada dalam negeri Terengganu dan 80 peratus berada dalam perairan negeri Kelantan.

Kalau sudah dua negeri ini bersetuju, apakah kerajaan ada lagi alasan lain untuk tidak melunaskan bayaran kalau sekiranya persetujuan dibuat di antara kedua-dua negeri ini atau pun hendak tunggu satu penyelesaian yang saya tidak tahu bagaimana mekanisme penyelesaiannya itu yang dikatakan sempadan laut yang tidak selesai tadi. Jadi, kalau ada persetujuan di antara dua negeri ini, adakah kerajaan boleh mempertimbangkan untuk melunaskan bayaran kepada Kerajaan Negeri Kelantan hasil daripada telaga minyak yang dikatakan bertindih itu.

Kemudian, kalau dikatakan dalam buku anggaran hasil ini kalau kita melihat kepada pendapatan daripada kawasan MTJA RM1.5 bilion tahun 2018, Yang Berhormat semua, Tuan Pengerusi boleh baca buku ini, kalau tak nak pakai buku yang dibuat oleh pegawai-pegawai di Kementerian Kewangan ini, boleh campak sahaja buku-buku ini. Jadi, macam mana Kementerian Kewangan tidak boleh mematuhi apa yang ditulis dalam buku ini. Kalau hasil tahun 2018, jumlahnya RM1.5 bilion dari kawasan MTJA kawasan di antara Thailand dengan Malaysia, kalau ini adalah bayaran separuh yang dibayar kepada Thailand, separuh dibayar kepada Malaysia, bermakna separuh yang dibayar kepada Malaysia itu adalah hak negeri Kelantan.

Terjelas dalam perjanjian yang dan disebut oleh pada perjanjian 1975 dan dihuraikan lagi pada Julai tahun 2018 yang lalu oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi bahawa itu adalah hak negeri Kelantan. Jadi kalau RM1.5 bilion pada tahun 2018 hasilnya untuk Kelantan, separuh sudah RM750 juta lebih. Tahun 2019, masih lagi dalam *estimate* RM1.753 bilion, separuhnya daripadanya sudah berapa juta. Tahun 2020, RM1.9 bilion, separuh daripadanya sudah berapa? Kalau dikatakan ini hak Malaysia dengan Thailand, kalau tidak ada Kelantan, mana mungkin Malaysia akan dapat bahagian tersebut. Ini kerana sempadan terakhir negara kita berada di negeri Kelantan, sempadan dengan Thailand.

Jadi, ini adalah hujah-hujah yang saya rasa sudah pun kita acap kali sebut dan hanya masuk telinga kanan keluar telinga kiri sahaja. Tidak ditunaikan. Apa lagi hujah yang hendak diguna pakai, suruh tarik balik saman kita tarik balik walaupun ada kata kita kena berhemah, jangan berhujah hendak marah-marah kepada Kerajaan Pusat, sudah macam-macam kita buat, sudah berhikmah, sudah berhemah. Suruh tarik balik saman, tarik balik. Kata selepas tarik balik saman hendak dilunaskan bayaran tetapi sampai sekarang tidak diberikan bayaran tetapi hanya diberikan penerusan kepada apa yang dibuat sebelum ini iaitu bayaran wang ehsan.

Kemudian, isu yang kedua saya hendak bangkitkan ialah yang berkaitan dengan....

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Dua minit lagi Yang Berhormat.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:**...belanjawan sifar atau pun bajet sifar. Konsep ini merujuk kepada proses belanjawan yang memperuntukkan pembiayaan berdasarkan kepada kecekapan dan keperluan program serta bukan melalui sejarah perbelanjaan terdahulu. Saya melihat ada dua sikap yang berlaku dalam perbelanjaan ini. Pertama menghabiskan peruntukan sebelum tarikh kewangan berakhir. Kedua memohon peruntukan tetapi tidak dibelanjakan pula. Perkara ini telah ditegur dalam Laporan Audit Negara yang dibentangkan dalam Parlimen ini.

Laporan Audit 2018, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan terdapat sejumlah RM67.12 juta peruntukan yang diluluskan yang dipohon dalam *supplementary budget* bagi 15 projek melibatkan lapan kementerian, jabatan tidak dibelanjakan langsung. Jadi kalau pohon bajet tambahan tetapi tidak dibelanjakan, apa sebenarnya yang berlaku? Adakah perbelanjaan tidak dibelanjakan ini semua masuk dalam kumpulan wang yang disatukan?

Kemudian saya hendak sebutkan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ketika berkempen di Tanjung Piai bahawa Kelantan berhutang dengan Kerajaan Pusat untuk bayar gaji RM100 juta lebih. Sebenarnya apa yang telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat Kota Bharu dalam perbahasan ucapan dasar, apa yang dituntut oleh Kerajaan Negeri Kelantan sebagai pendahuluan adalah pendahuluan daripada jumlah RM180 juta lebih wang premium yang tidak dibayar oleh Kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri, bukan minta duit Kerajaan Pusat.

Jadi kita minta pendahuluan dahulu sebelum dilangsahkan RM180 juta lebih, kita minta pendahuluan RM100 juta untuk kegunaan keperluan kerajaan negeri. Jadi tidak betul, ini pusing, main politik pusing. Saya ingat rakyat pun sekarang sudah marah ramai dengan Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Menteri Kewangan ini. Tuhan pun marah, hantu pun marah sekarang ini. Jadi kalau ini macam, kita tukarlah kerajaan ini *Insya-Allah*. Sekian Tuan Pengerusi, hantu pun marah, syaitan pun marah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Bagan Serai.

#### 4.49 ptg.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Maksud B10, 060000 — Pembangunan Wilayah, RM137 juta. Butiran 060200 — Pihak Berkuasa Pelaksana Koridor Utara (NCIA), RM40 juta. Lebih kurang hampir 30 peratus daripada peruntukan ini ataupun *Northern Corridor Implementation Authority*.

Jadi, ini adalah badan pelaksana polisi, strategi dan juga hala tuju bagaimana untuk mengimbangkan ekonomi di negeri-negeri di Utara Malaysia sehingga tahun 2025.

#### ■1650

Jadi apa yang saya hendak tekankan, NCIA khususnya di Parlimen Bagan Serai ataupun salah satu tempat di negeri Perak ini. Pertamanya tentang bagaimana untuk meningkatkan pendapatan petani-petani. Ini menjadi isu kerana sudah sekian lama pesawah-pesawah, terdapat bencana umpamanya banjir, ribut, penyakit padi dan juga baru-baru ini benih datang lambat dan sebagainya, ini semua adalah perkara-perkara yang menjelaskan hasil padi dan juga bermakna pendapatan petani-petani.

Jadi hari ini, NCIA dengan projek yang dikatakan EMM – Projek Estet Padi ini yang dilancarkan pada tahun ini, saya berharap projek ini benar-benar dapat meningkatkan pendapatan ataupun hasil (*yield*) ini yang dikatakan dahulu daripada dua ke tiga metrik tan per

hektar boleh menjangkau enam metrik tan per hektar ataupun lebih lagi. Dengan ini pendapatan petani, pendapatan pesawah akan meningkat dan akan merubah kehidupan mereka.

Saya ingin tahu lah kos dana yang disediakan, keluasan dan berapa petani yang terlibat, bagaimana petani-petani dipilih. Juga yang dikatakan teknik pertanian yang moden dengan implementasi Industri 4.0 ini, bagaimanakah pengairannya, tanahnya, penuaianya dan sebagainya.

Perkara kedua ialah usaha yang akan dilakukan oleh NCIA ini iaitu tanaman kontan (*cash crops*) ini untuk membantu petani-petani juga. Saya difahamkan ini adalah fasa kedua. Jadi fasa pertama, bagaimanakah statusnya, bagaimanakah *success story*, kejayaan-kejayaan yang dicipta selama ini.

Perkara ketiga ialah *eco-tourism*. Satu lagi perkara yang boleh dilihat oleh NCIA iaitu di Parlimen Bagan Serai umpamanya, ada Pulau Orang Utan. Saya dapat difahamkan di tempat ini di Pulau Orang Utan itu orang Malaysia tidak banyak pergi, yang banyak pergi adalah pelawat-pelawat dari luar negara seolah-olah orang Malaysia yang datang ke situ sebagai pelawat tidak minat dengan tempat itu hanya pergi ke *theme park*.

Jadi ini saya haraplah kerajaan atau NCIA ini dapat melihat bagaimana untuk mempromosikan Pulau Orang Utan ini melalui Yayasan Pulau Orang Utan. Baru-baru ini Pulau Orang Utan jetinya terbakar. Adakah mereka mendapat bantuan daripada kerajaan? Seperkara lagi ialah di Kuala Gula. Kuala Gula di Parlimen Bagan Serai ini tempatnya di mana terdapat burung-burung hijrah yang datang daripada utara yang pindah ke selatan, singgah di Kuala Gula. Ini satu lagi tempat di mana ada hutan paya bakau dan ada marin, makanan marin, makanan laut dan juga tempat yang dijadikan ujian, uji kaji ataupun *research and development* untuk pelajar-pelajar dan juga peminat-peminat alam sekitar.

Dahulu saya pernah bercakap beberapa kali tentang mewujudkan *Ramsar site* di kawasan ini. Hari ini nelayan-nelayan di kawasan itu telah bimbang apabila dengar ada projek PSR hendak membuat tiga pulau jadian di Penang Selatan. Mereka bimbang tentang ekosistem yang akan rosak yang akan mengganggu-gugat hutan paya lumpur itu, dataran lumpur di sana yang akan mengakibatkan kerosakan pantai dan juga kehilangan makanan-makanan yang baik untuk burung-burung yang datang ini. Jadi ini kerisauan jangka panjang tentang projek-projek ini.

Jadi saya dapat harap NCIA melihat perkara ini kerana bila ada projek yang besar yang dapat mengubah kehidupan di situ umpamanya. Dahulu tahun 2010 kita bercadang hendak buat *airport* di Bagan Serai kerana di utara Malaysia perlu ada *airport* dan Penang sudah *congested* tanahnya terhad. Bagan Serai ada tanah yang baik, ada tanah yang landai dekat dengan *highway*, dekat dengan pelabuhan, dekat dengan tempat industri. Inilah masa dan keperluannya dan memberi manfaat kepada negeri Kedah dan juga Perlis. Saya selagi tidak wujudnya satu lagi Lapangan Terbang Antarabangsa di utara Malaysia saya tetap mengatakan Bagan Serai adalah satu tempat yang baik kerana pelan telah wujud daripada tahun 2010 lagi.

Tuan Pengerusi, Maksud B.11. 990000 – Komitmen Kewangan, RM80 juta dahulu 990200 – Malaysian Airport Holding Berhad (MAHB) RM182 juta peningkatan hampir RM100 juta. Jadi MAHB ini dia satu syarikat yang besar, dia jaga operasi, dia jaga *airport*, pengurusan dan *maintenance airport* itu hari ini. Ada dua perkara saya hendak cakap di sini.

Pertamanya, berita-berita yang tular baru-baru ini tentang kerosakan, kecacatan di KLIA 2. Kita dengar hari ini laluan lapangan terbang, laluan kapal terbang mendap, tenggelam, tidak rata yang membahayakan kapal terbang. Paip pecah, siling bocor, lif tidak jalan, eskalator tidak jalan. Ini kedengaran kompelin-kompelin yang kita dengar. Kebimbangannya ia boleh mengganggu operasi dan juga keselamatan kapal terbang di sana.

Jadi saya ingin tahu Tuan Pengerusi, berapakah kos yang telah dibiayai oleh MAHB untuk buat *repairing work, resurfacing work* untuk *repair* jalan-jalan, perkara ini sejak ia bermula beroperasi. Saya ingin tahu berapakah kos, berapakah dana yang disediakan untuk hendak *repair* pula tahun 2020?

Oleh kerana *airport* yang baru ini, KLIA 2 ini *airport* yang baru. Baru, sudah hendak kena *repair* dan *repair, repair, repair* dan *repair*. Banyak duit rakyat habis. Jadi ini kita bimbang kerana sepatutnya duit-duit ini digunakan untuk naik taraf *airport-airport* yang lain. Buat *airport* di Bagan Serai dan sebagainya. Kegunaan ini kita kena pastikan ia lebih jitu.

Tuan Pengerusi, perkara kedua ialah yang saya tengok sendiri ialah saya pun selalu juga naik di KLIA 2 ini, pengalaman penumpang. Penumpang tidak selesa, kesesakan di kaunter Imigresen berlaku hari-hari. Boleh pergi tengok siapa yang naik kapal terbang dapat nampak. Bagaimana kelam-kabutnya pintu pelepasan yang jauh. Orang tua-tua, wanita, orang yang mengandung, anak-anak, orang yang sakit, OKU. Ya kita ada *walkator*, kita ada *buggy* tetapi tidak cukup, tetapi tidak cukup.

Jadi mungkin - bagaimana pintu pelepasan dibuat dengan jauh. Saya lihat, saya pun tidak tahu bila saya masuk, ini *airport* ke *shopping mall* kah. Perlukah ada *shopping mall* yang besar di situ. Orang hendak pergi *shopping* kah, orang hendak naik kapal terbangkah. Jadi ini yang saya nampak. Kerusi tidak cukup, orang bergelimpangan tidur merata-merata. Pekerja-pekerja asing nampak tidur bergelimpangan. Jemaah haji pun nampak merata-rata daripada Indonesia *picnic* berkelah atas lantai.

Ini suasana *airport* yang kita nampak hari ini yang mana LCCT ini adalah di antara yang terbaik katanya. OAG telah memberikan pengiktirafan nombor satu *connectivity* yang terbaik dalam dunia, 60 peratus daripada pelawat-pelawat yang datang melalui KLIA dan KLIA 2 adalah melalui LCC – *Low Cost Carrier*. Jadi kita hendak kena jaga ini. Apa yang saya nampak di sana ada hotel yang mahal. Itu satu lagi. Orang yang datang ini kalau dia letih, dia hendak tidur hotel. Cuba tanya, cuba masuk dan tanya. Ada hotel satu-dua di situ, sangat mahal.

Jadi ini Tuan Pengerusi perkara-perkara yang kena dilihat. MAHB bertanggungjawab atas perkara ini kerana operasi. PAC yang dikutip, *airport tax* yang dikutip, maka kutipan ini adalah kutipan duit rakyat, rakyat yang naik kapal terbang tetapi bagaimanakah service yang ada

hari ini, bagaimanakah perkara-perkara yang ada hari ini menyebabkan ketidakselesaan, menyebabkan kesusahan dan juga menyebabkan keselamatan tergugat.

Jadi saya haraplah Tuan Pengerusi, dalam perkara, dalam Butiran 990200 ini. MAHB, dananya telah meningkat daripada RM80 juta kepada RM182 juta. Lihat perkara ini betul-betul supaya tanggungjawab dan fungsi MAHB dapat dilakukan dengan sebaik-baiknya. Untuk siapa? Untuk rakyat Malaysia. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Bagan Serai, sekarang saya jemput Yang Berhormat, saya bagi laluan kepada Yang Berhormat Ipoh Timur dan diikuti oleh Yang Berhormat Kepala Batas.

#### 4.59 ptg.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan tiga perkara dalam perbahasan ini. Perkara pertama Butiran 990000 berkenaan dengan komitmen kewangan. Saya mendapati bahawa komitmen kewangan yang dianggarkan pada tahun 2020 di awal butiran tersebut adalah sebanyak RM559,237,600 dan di bahagikan kepada tiga syarikat iaitu Golfcall Holdings. Sdn. Bhd. – RM260 juta, MAHB – RM182 juta dan Aset Global Network Sdn. Bhd. – RM117 juta.

Saya ingin bertanya kepada Menteri Kewangan berkenaan dengan apakah komitmen kewangan ini sama ada ia merupakan pembayaran balik hutang yang dijamin oleh kerajaan atau merupakan pembayaran yang lain.

#### ■1700

Sekiranya saya membandingkan angka ini dengan angka yang dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit Tahun 2018 berkenaan dengan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, di Jadual 2.51, ia ada menunjukkan bahawa GovCo Holdings Berhad, obligasi bayaran balik bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM1.5 bilion dan penyaluran peruntukan kerajaan adalah pada RM1.5 bilion. Untuk Asset Global Network Sdn. Bhd., obligasi bayaran balik bagi tahun kewangan 2018 adalah RM142.22 juta dan penyaluran peruntukan kerajaan adalah sebanyak RM60.90 juta sebagai tanggungjawab jaminan oleh kerajaan.

Apabila saya meneliti angka-angka yang dinyatakan di bawah tajuk butiran yang tadi saya sebut tadi, sememangnya anggaran yang dinyatakan tersebut tidak *tally* dan saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan apakah tujuan komitmen kewangan di sini. Sekiranya komitmen kewangan ini bukan merupakan komitmen kewangan untuk jaminan, apakah tujuannya? Sekiranya berlaku satu situasi yang mana kerajaan terpaksa untuk mengeluarkan wang, menyalurkan wang untuk tujuan pembayaran balik jaminan tersebut, di manakah wang tersebut akan disalurkan, dari butiran mana? Itu nombor satu.

Nombor dua berkenaan dengan Butiran 021600 – Pemberian Bantuan Bil Lampu kepada PBT. Saya nampak angka telah melonjak untuk RM20 juta ke RM160 juta pada tahun 2020. Berkenaan dengan pemberian bantuan bil lampu ini, saya ingin bertanya kepada pihak Yang

Berhormat Menteri sama ada, ada apa-apa cadangan khasnya bersama-sama dengan kementerian KPKT untuk mendapatkan satu peruntukan yang lebih besar untuk menukarkan lampu 'PPD' kepada lampu LED yang lebih cerah dan juga lebih menjimatkan elektrik dan sama ada juga kerajaan mempunyai peruntukan ataupun cadangan untuk menuarkannya sebagai lampu solar yang mana boleh menjimatkan elektrik untuk satu jangka masa yang amat panjang. Pada hal ini, saya juga cadangkan supaya kerajaan boleh mengadakan kerjasama dengan pihak swasta untuk menampung sebahagian, mungkin menampung sebahagian kos yang terlibat dalam apa-apa juga *arrangement* yang akan diadakan dengan pihak kerajaan.

Isu yang ketiga yang saya hendak bangkitkan adalah di bawah Butiran 160000 dan 170000 berkenaan dengan Kumpulan Wang Amanah Tabung Bayaran Balik Cukai dan Kumpulan Wang Bagi Pemberian Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP). Kedua-dua ini pada tahun ini, tahun 2019, mencatatkan satu angka RM18 bilion dan RM19 bilion, jumlahnya RM37 bilion. Saya percaya bahawa angka ini adalah, jumlah ini adalah diperlukan untuk tujuan pembayaran balik cukai keuntungan dan cukai GST yang belum lagi dipulangkan sebelum ini.

Saya hendak mendapat pengesahan daripada pihak Yang Berhormat Menteri bahawa antara senarai yang mana jumlah pembayaran balik cukai pendapatan dan cukai GST yang masih belum, yang sebelum ini belum lagi dipulangkan dan dipulangkan secara berperingkat-peringkat, berapa banyakkah wang yang sudah dikembalikan? Untuk mereka yang belum lagi menerima balik wang pembayaran balik ini, bilakah mereka boleh mendapat kembali wang tersebut?

Untuk mereka yang tidak layak, sama ada pihak kementerian telah pun memaklumkan kepada golongan tersebut berkenaan dengan kegagalan ataupun ketidaklayakan mereka? Ini kerana kami sememangnya mendapat maklumat daripada peniaga-peniaga dan pembayar cukai yang mana ada antara mereka, ramai antara mereka telah pun menerima balik semula, mendapat balik semula pemberian balik cukai ini, tetapi ada sebahagian yang masih belum lagi mendapat balik pembayaran balik cukai ini.

So dengan itu, itu merupakan tiga perkara yang saya hendak bangkitkan. Sekali lagi saya berterima kasih kepada Tuan Pengurus untuk memberikan peluang kepada saya pada petang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengurus [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kepala Batas. Kemudian, diikuti oleh Yang Berhormat oleh Labuan, akan mula dengan tujuh minit. Sekarang saya masih kekal 10 minit. Sila Yang Berhormat Kepala Batas.

## 5.05 ptg

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengurus. Banyak sudah yang telah pun dibangkitkan oleh rakan-rakan MP dan juga rakan-rakan daripada Ahli Parlimen. Jadi bagi tujuan untuk perbahasan peringkat jawatankuasa bagi maksud perbekalan

dan pembangunan, semua perkara yang berkaitan di bawah Kementerian Kewangan dan Perbendaharaan, saya hanya akan memusatkan kepada tiga perkara sahaja untuk saya bangkitkan dalam perbahasan peringkat jawatankuasa. Pertamanya adalah Butiran 070000 - Program Khusus, sub Butiran 09000 di bawah tajuk Pelbagai Suntikan Modal yang mana yang telah tertera di situ jumlah sebanyak RM8.1 bilion. Saya kira ini adalah satu jumlah yang cukup besar dan suntikan modal berjumlah RM8.1 bilion adalah jumlah yang terbesar dalam tempoh empat tahun. Jadi saya hendak minta, saya kira ada masa lagi, saya hendak minta bahawa Yang Berhormat Menteri di jawapan nanti kalau boleh beri saya secara terperinci syarikat-syarikat yang hendak disuntikkan modal sebanyak RM8.1 bilion ini sebab jumlah ini amat signifikan. Saya kira Dewan ini berhak untuk mengetahui syarikat-syarikat yang akan mendapat *injection of capital* ini. Adakah ini ada merupakan *new acquisition* ataupun *new venture* ataupun suntikan kepada GLC yang sedia ada sebab kita ada lebih kurang 70 syarikat di bawah MKD. Kita ada juga SPV dan 46 syarikat yang merupakan dikatakan milik majoriti di bawah MKD dan ada juga syarikat-syarikat GLC yang hari ini berada dalam keadaan kedudukan kewangan yang agak lemah. Jadi menjadi suatu perkara yang ingin diketahui, apakah suntikan modal ini juga dianggap dalam bentuk pembiayaan kepada mereka yang mempunyai kedudukan yang lemah ataupun lebih tepat lagi *bail out*. Jadi saya pohon supaya pihak Yang Berhormat Menteri untuk menjawab soalan ataupun persoalan berkaitan dengan suntikan modal ini.

Keduanya ialah perkara yang berkaitan dengan strategi fiskal, Butiran 020000. Ini adalah suatu benda yang penting kerana Dasar Fiskal Negara adalah dasar yang menentukan perjalanan perbelanjaan dan di antara aspek utama adalah dasar percukaian. Tadi banyak disebut tentang bagaimana perlu perimbangan antara cukai langsung dengan cukai tidak langsung. Namun, satu teks kajian ekonomi yang dibuat oleh *OECD Economic Surveys* berkaitan dengan Malaysia menyatakan bahawa terdapat kelemahan yang perlu ditangani oleh kerajaan dengan segera. *The OECD Economic Surveys* mencadangkan Malaysia memberi tumpuan terutamanya tiga perkara *microeconomic policy*, *fiscal sustainability* dan *inclusive growth*. Saya melihat bahawa langkah koreksi dalam belanjawan kali ini dan pembetulan fiskal dan mikro ekonomi masih belum dapat memberi keyakinan kepada institusi sebesar badan penyelidikan seperti OECD ini. Antara yang ditekankan juga ialah keperluan untuk memperluaskan *tax base* dan yang disebutkan juga ialah Malaysia *needs to have a raise tax revenue ratio to GDP by further improving efficiency of tax administration broadening tax bases and increasing indirect tax revenue in particular consumption related taxes to reduce reliance on oil related revenues. Either* saya tidak berhajat hendak *dwell too much on GST atau SST*, tetapi apa yang dibangkitkan menunjukkan bahawa Dasar Fiskal Negara berada dalam keadaan yang dikatakan agak tempang.

Jadi, saya pohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah pandangan OECD ini akan diambil kira dalam memperbetulkan koreksi terutamanya berkaitan dengan dasar percukaian negara yang lebih membina dan yang lebih merata.

■1710

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Satu minit.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Okey.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Boleh kita simpulkan banyak pandangan para *economist* bagi sebuah negara untuk menuju ke *advance economy*. *Tax base* yang besar adalah penting terutama kita menuju kepada *manufacturing* kepada *services* di mana *structure* cukai itu harus menggambarkan lebih besar *base* nya. Sudah pasti kepada *advance economy*, SST tidak sesuai. Bagaimana pandangan?

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Ya, saya setuju kerana ini adalah masalah *structural*. Oleh sebab sebenarnya satu lagi *Revenue Statistic in Asian and Pacific Economies*, berkaitan dengan *tax to GDP ratio* meletakkan negara Malaysia berada dalam kelompok-kelompok negara yang cukup-cukup tidak ingin kita berada dalam kelompok yang sama. Papua New Guinea, Vanuatu, Fiji, Samoa, dan kita berada di keadaan yang jauh di belakang, Thailand, Philippines dan juga Singapore. Dalam soal pendekatan ataupun fiskal polisi ini yang membabitkan tentang dasar percukaian.

Terakhir sekali, yang berkaitan juga dengan fiskal yang ada kaitan dengan pembayaran hutang negara di bawah T13 ataupun 04000. Saya mengakui bahawa kalau diambil sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, total *liability as against to debt ratio* memang telah berkurangan daripada 82 percent ke dikatakan 75 percent. Namun, *the component* utama, *the direct debt* masih menunjukkan peningkatan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Kewangan *direct debt* ini datang daripada *the issuance of bond* ataupun penerbitan-penerbitan MGII, MGS dan penerbitan ini selalunya untuk membiayai tiga perkara. Pertama adalah untuk membiayai hutang-hutang yang telah sampai ke tempoh matang atau barangkali lebih tepat lagi a *debt roll over*.

Keduanya, adalah untuk membiayai fiskal defisit semasa kerajaan. Namun, yang ketiga yang menjadi suatu benda yang agak janggal pada saya adalah *prefunding*. Jumlah *prefunding* ini dilihat cukup tinggi. Apakah *prefunding* adalah bentuk model baharu untuk diadakan *overborrowing*? Sebab apa *prefunding* ini saya lihat kalau kita ambil awal untuk pembayaran yang matang hujung tahun bukankah *there will be a holding cost*? *Cost effectiveness* ia tidak memberi keuntungan kepada kita sebab pada waktu sekarang *interest rate* dikatakan ada pada kadar yang rendah dan berkemungkinan pun akan menjadi lebih rendah mengikut Bank Negara. Saya tidak tahu yang terakhir, yang mutakhir.

Kalau kita lihat *relationship* antara pasaran bond dengan pasaran *interest* ini, dia ada *inverse relationship*. Kalau *interest rate* turun bererti dia akan naik, *bond charges* ataupun *bond cost* akan naik. Akan tetapi dalam keadaan begini tidak saya nampak bahawa kos penerbitan bon itu akan menjadi lebih rendah. Jadi, *prefunding* ini saya lihat adalah suatu kaedah yang agak janggal dan saya mohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

Terakhir sekali berkaitan dengan ini adalah benda yang penting, berkaitan pengurusan keberhutangan. Banyak yang disebut oleh Ahli-ahli Parlimen berkaitan dengan *debt to GDP ratio*. Akan tetapi ada satu perkara yang tidak disebut adalah berkaitan dengan *debt servicing ratio*. *Debt servicing ratio* tahun 2020, *interest* yang bakal dibayar adalah RM35 bilion. Kalau kita ambil *debt servicing ratio* dibahagikan dengan RM241 bilion, *operating expenditure* bererti ia adalah 14.52 percent. Daripada tempoh 2014 sehingga lahir 2017, *debt servicing ratio* berada sekitar 11 sehingga lahir 13.

Malahan negara-negara seperti Singapore, *debt servicing ratio* berada *has been capped below 11 percent*. Ini adalah kali pertama *debt servicing ratio* mencecah 14 peratus. Suatu benda yang cukup membimbangkan. Apatah lagi tatacara dan tata kelola perbendaharaan, mungkin Yang Berhormat Menteri boleh tanya Kementerian Kewangan meletakkan bahawa *debt servicing ratio* tidak boleh melepas 15 peratus. Sebanyak 14.52 peratus ini satu angka yang cukup meresahkan dan membimbangkan yang memberi perlambangan bahawa pengurusan hutang negara pada waktu ini dikelola dengan keadaan yang tidak begitu cekap.

Jadi, saya hendak tanya dua, pertama komitmen kerajaan untuk pastikan bahawa 15 percent *debt servicing ratio* ini *will not be breach*. Keduanya apa kaedah untuk memastikan ia dikurangkan? Jadi, dengan itu saya ucapkan terima kasih.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Mencelah sedikit. Apa pandangan Yang Berhormat bahawa berhadapan dengan Rancangan Malaysia ke-12 dan dasar fiskal bajet akan terus membengkak, *tax base* yang kecil, saiz ekonomi yang besar tetapi *tax base* kita kecil. Ini akan menyebabkan Malaysia berada dalam keadaan yang cukup membimbangkan.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Saya setuju dan saya hendak baca satu laporan daripada Moody's sebab Menteri Kewangan selalu kata, Moody's mengekalkan penarafan. Apa yang tidak ditulisnya ialah Moody's juga menyatakan nota. Notanya ialah bahawa Kerajaan Malaysia berkemungkinan gagal capai sasaran berikutnya permintaan yang lemah. Belanjawan yang menumpukan pertumbuhan sasar dan defisit yang berkurangan secara berterusan. Ini *this what exactly said in the note by Moody's*. So, saya fikir semua ini perlu diambil pertimbangan dan saya pohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kepala Batas. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Labuan, tujuh minit.

### 5.16 ptg.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terus ke Butiran 021200 – Pemberian Kemudahan Asas Kecil dan Butiran 021300 – Pemberian Kemudahan Projek Khas. Saya tertarik dengan dua tajuk ini yang mana peruntukan yang diberikan pun memang agak besar. RM1.2 bilion untuk pemberian kemudahan projek khas. Saya pun kurang pasti tetapi bunyinya macam peruntukan untuk infrastruktur dan Labuan satu tempat yang selalu dilupakan. Dia di sebelah Borneo tetapi tidak juga dalam Sabah, wilayah tetapi tidak juga di Klang

Valley. Jadi, memang tidak ada pilihan wakil rakyat Labuan satu sahaja, dia kena cakap hal Labuan.

Di Labuan kita banyak aset-aset kerajaan, infrastruktur dan sebagainya yang sangat memerlukan untuk diselenggarakan. Akan tetapi peruntukan yang dibagi kepada Perbadanan Labuan yang dibagi kepada Kementerian Wilayah memang jauh daripada cukup. Jadi, saya lihat Labuan ini yang sebenarnya pernah berada di bawah Menteri Kewangan pun sebelum ini dan Labuan sebagai pusat kewangan antarabangsa, saya lihat dia bolehlah juga menjadi satu tempat yang diberikan perhatian yang tinggi oleh Kementerian Kewangan termasuk dalam hal-hal infrastruktur.

Kita ada kes baru-baru ini orang *jogging* pegang pintu *Botanical Garden, gate Botanical Garden* jatuh terhimpit muka dia. Sebab apa, sebab ia tidak di selenggara lama dan dah mula membahayakan rakyat. Jangan cakap kita punya Terminal Feri Antarabangsa, nama antarabangsa tetapi *leaking* air hujan masuk dan pejabat-pejabat Kastam, Imigresen semua pun dimasuki air dan dia punya *air conditioning* pun tidak kerja. Jadi, memang sangat menyediakan lah. Kalau hendak sebut lagi memang banyak sangat.

Apabila kita tanya KPKT, eh bukan KPKT, KPLB. KPLB pun cuba hendak tolong-tolong tetapi KPLB ini dia lebih kepada kawasan *rural*. Dia kata Labuan ini sebenarnya Wilayah Persekutuan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan. Akan tetapi Wilayah Persekutuan ini sebenarnya kalau sekali cakap orang ingat Putrajaya, Kuala Lumpur, memang tidak ada kampung. Rupa-rupanya Wilayah Persekutuan Labuan ini ada 27 kampung. Ada nelayan, ada petani dan disebabkan dia sudah tidak masuk di dalam radar KPLB, maka banyak lah infrastruktur yang terbiar.

## ■1720

Jadi Butiran 021600 – Pemberian Bantuan Bil Lampu Kepada PBT. Saya rasa ini pun memang relevan juga untuk perkataan supaya sebahagiannya patut ditolong PBT Labuan, diberi kepada PBT Labuan. Selalu orang kata lampu-lampu di Labuan ini tidak diguna, tidak *on* pun. Cuma *on* kalau ada Menteri dan Perdana Menteri datang. Jadi memang tidak patutlah Labuan sebagai Wilayah Persekutuan, pusat kewangan antarabangsa, *logistical hub oil and gas upstream* tapi tidak *up to the standard*.

Baru-baru ini kita punya Menteri Kesihatan datang. *Alhamdulillah*, dia cakap memang Labuan patut di-*upgrade* sebab tidak *match* dengan status ia apa yang ada. Nampak pula Butiran 021900 – Sumbangan kepada NGO. Sumbangan kepada NGO ini memang sangat banyak NGO di Labuan yang memerlukan sumbangan. Sekarang ini sumbangan mereka mengharap daripada korporat-korporat, ekonomi *oil and gas* pun tidak berapa memberangsangkan. Jadi teruklah kita.

Satu-satunya wakil rakyat yang adalah tempat mereka datang dan saya tidak mempunyai keupayaan untuk melayan semua kemahuan mereka walaupun apa yang mereka buat itu adalah sesuatu yang sepatutnya diberikan sokongan. Mereka *volunteer* untuk membawa kesejahteraan kepada rakyat dan membela rakyat.

Butiran 022200 – Pemberian Khas kepada Wilayah Persekutuan sebanyak RM29 juta. Ini kalau dapat hujung ia yang RM9 juta itu pun sudah cukup. Akan tetapi selalunya memang tidak jumpa. Saya berharap pada tahun-tahun akan datang ada butiran yang berasingan Pemberian Khas kepada Wilayah Persekutuan Labuan. Jadi tidak payah hendak sibuk-sibuk minta, ia memang diberikan khas kepada Labuan. Yang Berhormat Menteri Kewangan mohon diperjuangkan. Kita punya Timbalan Menteri pun sudah datang Labuan. Memang dia pun sedar itu Labuan memang memerlukan banyak perhatian.

Saya balik ke belakang ada di sini Pembangunan Lima Koridor – Butiran 00113. Banyak peruntukan yang diberikan RM819 juta untuk tahun 2020. Dalam lima koridor ini kalau kita tengok dalam pembangunan wilayah IRDA, NCIA, semua, RECODA dan SEDIA, tidak ada satu pun yang Labuan masuk dalamnya. SEDIA untuk *the whole the state of Sabah* tetapi Labuan yang kecil yang cuma 10 batu daripada *shore* Sabah itu tidak masuk di dalam SEDIA. Sebab apa? Sebab ia mungkin bukan lagi di bawah pentadbiran Sabah.

Jadi *disadvantage* pula menjadi Wilayah Persekutuan pada hal menjadi Wilayah Persekutuan patutnya menjadi *advantage*. Jadi saya berharap sesuatu dapat dibuat supaya peruntukan besar ini sekurang-kurangnya dapat juga melimpah ke Labuan dan pembangunan ataupun perancangan besar negeri Sabah ataupun SEDIA ini, koridor Sabah ini tidak melupakan Labuan dan menjadikan Labuan sebahagian daripada perancangan. Oleh sebab Labuan mahu rancang sendiri kecil sangat pun. Sepatutnya jadi sebahagian daripada *region* Sabah itu nanti. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengurus [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Dungun tujuh minit.

#### 5.24 ptg.

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]:** *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Pengurus mengizinkan saya untuk mengambil bahagian pada peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Kewangan. Butiran pertama yang saya ingin untuk sebutkan ialah Butiran 060300 – Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) yang bagi peruntukan tahun 2020 ini adalah sebanyak RM37 juta.

Akan tetapi kalau kita melihat kepada aktiviti yang hendak dilaksanakan iaitu berdasarkan kepada fungsinya merangsang, menggalak dan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi Pantai Timur dengan cara saksama dan mampan, bertaraf dunia serta menjadi destinasi pilihan untuk melabur, bekerja dan tempat tinggal tetapi hakikat setelah sekian lama dilancarkan ECERDC ini khusus bagi Pantai Timur dan lebih-lebih lagi untuk Terengganu kita tidak melihat pelaburan yang dirangka itu menuju kepada fungsi yang dirancang dari awal penubuhan ECERDC ini.

Oleh itu ingin tahu berapakah jenis-jenis pelaburan yang dirangka khusus untuk Terengganu bagi mencapai matlamat dan maksud dari aktiviti yang akan dijalankan. Kedua adalah projek-projek pembangunan yang sedang dilaksanakan di Terengganu.

Kemudian berpindah kepada Butiran 00113 – Pembangunan Lima Koridor. Anggaran tahun 2019 ialah RM1.090 bilion dan bagi tahun 2020 RM819 juta.

Jadi, kita lihat bagi peruntukan tahun 2020 ini dikurangkan sedangkan keperluan pembangunan masih sangat diperlukan untuk koridor-koridor Pantai Timur khususnya Terengganu. Jadi pohon penjelasan pecahan dan agihan mengikut koridor-koridor yang diberikan peruntukan daripada RM819.312 juta bagi tahun 2020.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Yang Berhormat mencelah.

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]:** Sila.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta pandangan Yang Berhormat, sebenarnya ECER ini diwujudkan adalah bertujuan untuk mengimbangkan pembangunan antara Pantai Barat dan Pantai Timur. Timur ialah Pahang, Terengganu, Kelantan dan juga sikit Johor. Akan tetapi lepas perubahan kerajaan sebelum daripada itu sebenarnya banyak projek telah pun dicadangkan oleh ECER untuk pembangunan Kelantan, Terengganu dan Timur ini.

Apakah Yang Berhormat mempunyai maklumat tentang berapa projek yang dulu telah diluluskan tetapi sekarang telah pun diberhentikan. Kita harap kerajaan sekarang yang baharu ini mesti meneruskan projek-projek ini. Ini kerana kalau tidak sudah tentulah Terengganu, Kelantan dan Pahang ini akan ketinggalan. Sedangkan ECER ini itulah matlamat dia. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Maran saya minta supaya masukkan dalam ucapan saya dan jadi satu soalan yang juga perlu kepada jawapan Menteri. Memang kalau kita melihat pada tahun 2019, tiada peruntukan yang diberikan cuma pada tahun 2020 ini dimasukkan anggaran RM37 juta. Jadi mohon penjelasan.

Ketiga, saya ingin untuk bangkitkan ialah perkara yang berkait dengan Butiran 990100, Butiran 990200 dan Butiran 990300 yang di bawah Butiran 990000 – Komitmen Kewangan. Di mana Tuan Pengerusi bagi kita melihat dalam peruntukan tahun 2020, RM559,237,600 dan bagi tahun 2019 RM372,237,600. Ini berdasar kepada komitmen kewangan ini adalah berasaskan kepada Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 muka surat 66 hingga 69 telah mendedahkan bahawa pendahuluan bayaran balik pinjaman yang dijamin berjumlah RM2.389 bilion bagi lima syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan).

Antaranya Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), Govco Holdings Berhad dan Jambatan Kedua Berhad. Kemudian apabila kita melihat kepada apa yang disentuh oleh Ketua

Audit Negara yang menyatakan bahawa keupayaan kelima-lima syarikat untuk membayar balik pendahuluan yang telah diberikan tidak dapat dipastikan.

■1730

Berdasarkan Perkara 8 Akta Jaminan Pinjaman Pertubuhan Perbadanan 1965, syarikat wajib membuat bayaran balik kepada kerajaan berhubung bayaran yang didahului. Oleh itu, saya ingin meminta penjelasan. Pertama, bagaimana perkembangan pembayaran semula wang pendahuluan berkenaan? Kedua, mengapa kerajaan terus memperuntukkan sejumlah peruntukan lagi kepada GovCo Holdings, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dan Aset Global Network Sdn. Bhd.? Daripada apa yang disebut di bawah komitmen kewangan ini iaitu lebih besar daripada tahun peruntukan 2019. Jadi perlu kepada penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Dungun. Mengikut senarai yang di depan saya ini sekarang giliran Yang Berhormat Mersing. Yang Berhormat Papar? Ya Yang Berhormat Mersing sebelah sana ya. Ada dua minit.

**5.31 ptg.**

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing]:** Sudah sebut itu Tuan Pengerusi lagu Kajang Pak Malau Kajang Bertempat. Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Mersing, perlukan dua minit sahaja kan? *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing]:** Memang dua minit. Saya terus hendak merujuk kepada Perkara 060000 – Pembangunan Wilayah khususnya Butiran 060300 – Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) yang diberi peruntukan hanya sebanyak RM37 juta bagi anggaran 2020.

Saya ucapkan banyak terima kasih kepada ECER kerana masukkan Mersing dalam Wilayah Pantai Timur. Ini kerana secara tradisi, secara nilainya Mersing tidak jauh beza dengan rakan-rakan di Pantai Timur. Cuma saya hendak merujuk khusus, saya difahamkan kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta untuk *design* baharu jambatan yang satu-satunya jambatan strategik di bandar atau pekan Mersing. Saya difahamkan oleh ECER peruntukan sebanyak RM170 juta telah pun diberikan bagi membina semula jambatan. Oleh sebab jambatan ini dahulu *bailey bridge* dengan izin, dan hanya dibina semula sewaktu Rancangan Malaysia Ketiga di mana Ahli Parlimen Mersing masa itu adalah Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Akan tetapi jambatan itu terlalu rendah, jadi tidak boleh bot yang lebih besar, mudir atau hilir ulang-alik antara kuala dengan hulu.

Dengan adanya *design* jambatan baharu ini yang saya difahamkan RM130 juta akan menyelesaikan masalah terutamanya dalam suasana cuti umum untuk bergerak enam kilometer dia ambil masa kadang-kadang sehingga dua jam. Kawan saya daripada Rompin pun kompelin. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri Kubang Pasu solat agaknya. Saya hendak tahu, sama ada RM37 juta ini adalah sebahagian daripada pembangunan yang di peruntukan untuk pembinaan jambatan baharu di Mersing? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Mersing. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Papar, tujuh minit.

### 5.34 ptg.

**Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Seperti mana yang kita tahu, perbelanjaan mengurus telah diberi peruntukan sebanyak RM5.32 bilion manakala sebelumnya ialah RM4.35 bilion. Apa yang penting ialah perbelanjaan pembangunan diberi peruntukan sebanyak RM9.65 bilion manakala tahun sebelumnya RM6.55 bilion. Ini menunjukkan kenaikan sejajar dengan misi kementerian untuk mengurus kewangan dan ekonomi negara dengan cekap, telus dan berkesan untuk mencapai matlamat pembangunan negara. Jadi, terima kasih juga saya ucapan kepada Yang Berhormat Bagan yang telah memberi peruntukan yang begitu besar kepada negara kita.

Merujuk kepada Butiran 010000 – Pengurusan diperuntukkan sebanyak RM301.9 juta berbanding dengan RM409.9 juta. Ini menunjukkan penurunan sebanyak RM108 juta. Apakah dengan penurunan ini tidak akan menjelaskan pentadbiran kewangan kerajaan kita? Butiran 020000 – Strategi Fiskal juga ada penurunan daripada RM3.12 bilion kepada RM1.27 bilion. Saya ingin bertanya, apakah penurunan ini tidak akan membawa impak negatif kepada fiskal negara dan akan membantutkan pembangunan negara? Butiran 030000 – Strategi Pelaburan diberi peruntukan sebanyak RM44.5 juta berbanding RM63.8 juta sebelumnya. Saya juga ingin bertanya, apakah penurunan ini tidak akan menjelaskan kelancaran dan strategi pelaburan Kementerian Kewangan?

Butiran 060000 – Pembangunan Wilayah diberi peruntukan sebanyak RM130 juta di mana tahun sebelumnya tidak ada peruntukan. Soalnya, apakah sebetulnya permohonan ini? Saya mohon pencerahan daripada kementerian. Butiran 070000 – Program Khusus, diberikan peruntukan sebanyak RM3.03 bilion di mana hanya diberi RM29 juta tahun sebelumnya. Ini merupakan lonjakan yang terlalu tinggi. Jadi saya ingin bertanya, apakah pembangunan yang dirancang untuk peruntukan ini? Saya juga ingin tahu, adakah negeri Sabah akan dapat sedikit agihan daripada peruntukan ini? Ini kerana yang kita tahu negeri Sabah merupakan negeri yang dahagakan pembangunan. Seperti kami kekurangan bekalan air terawat, bekalan elektrik, jalan raya dan sebagainya. Butiran 070500 – Fi Agensi Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) diberi peruntukan sebanyak RM2.6 bilion, amaun ini terlalu besar. Dari itu, saya ingin kementerian memberikan perincian supaya peruntukan ini dapat dipergunakan dengan sempurnanya demi meningkatkan perolehan cukai negara.

Selain daripada itu, kita harus tahu LHDN adalah merupakan agensi kerajaan yang ditugaskan untuk memungut cukai dari orang perseorangan, syarikat dan sebagainya. Dengan peruntukan yang diberi, sudah tentu tiba masanya LHDN dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan ataupun pembayar cukai. Jangan biarkan pembayar cukai menunggu

begitu lama sebelum giliran mereka dipanggil untuk urusan berkenaan percukaian. Tolonglah mereka sebaik mungkin supaya mereka akan selesa apabila berurusan dengan LHDN.

P.10, Butiran 09000 – Pelbagai Suntikan Modal, diberikan peruntukan sebanyak RM5.1 bilion kepada RM8.12 bilion. Kenaikan ini amat ketara. Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah perincian untuk pembangunan ini? Adakah negeri Sabah dapat sedikit agihan daripada peruntukan ini? Seperti mana yang kita tahu, Sabah lagi ketinggalan dalam pembangunan industri hiliran yang boleh menjana banyak pekerjaan untuk orang-orang Sabah dan mereka akan dapat bekerja di tempat mereka sendiri.

■1740

Saya juga berharap supaya peruntukan ini tidak akan digunakan untuk menjamin syarikat-syarikat yang bermasalah.

Butiran 97000 – Dana Fasilitasi, peruntukan yang diberi sebanyak RM300 juta berbanding dengan RM1.38 bilion tahun sebelumnya. Kenapakah peruntukan ini dikurangkan? Sebagaimana yang kita tahu Sabah merupakan negeri yang paling mundur daripada infrastruktur. Jadi jika dana fasilitasi ini dikurangkan, berapakah agihan yang akan diberi untuk negeri Sabah?

B.11, Butiran 10000 – Emolumen, diperuntukkan sebanyak RM24.9 juta pada tahun sebelumnya dan tidak ada tahun 2020. Jadi saya ingin tahu apakah ini tidak akan menjelaskan pelaksanaan program kementerian? Jadi terima kasih Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**5.41 ptg.**

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Kewangan.

Saya ingin merujuk B.10 Butiran 020000 – Strategi Fizikal, dan juga merujuk kepada Butiran 020100 – Fiskal dan Ekonomi; Butiran 020200 – Cukai, dan Butiran 020300 – Belanjawan Negara.

Tuan Pengerusi, saya ingin mendapatkan jawapan atau pandangan dan strategi daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan berkaitan defisit fiskal negara yang saya lihat semakin hari semakin meninggi bermula pada tahun 2014, 3.5 turun kepada 3.2, turun kepada 3.1 dan 2017 kepada 3.0 peratus, lebih kurang defisit RM40,000. Akan tetapi apa yang telah dinyatakan dalam *Audit Report 2018* dan menunjukkan bahwasanya tahun 2018 kewangan negara defisit 3.7 peratus, lebih kurang RM53.39 bilion.

Jadi saya nak minta pertanyaan kepada Kementerian Kewangan, apakah jangkaan terkini defisit negara walaupun kita tahu *audit report* akan keluar pada tahun hadapan tetapi saya perlukan jawapan daripada Kementerian Kewangan apakah jangkaan defisit bagi tahun 2019? Apakah langkah pihak kementerian untuk menambah baik supaya defisit kita kembali kekal berada di tahap sekurang-kurangnya seperti mana tahun 2017 iaitu 3.0 peratus.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian, bagaimana yang harus dilakukan oleh pihak kementerian untuk mengukuhkan mata wang Ringgit Malaysia. Kita juga harus lihat bagaimana pengalaman Thailand, dahulu *Thai Baht* tidak berapa kuat dan kali ini nampaknya lebih kuat. Bagaimana Kerajaan Malaysia harus mempertimbangkan satu langkah yang very cepat supaya pengukuhan mata wang negara amat diperlukan bagi kita mengimbangi cabaran global yang selalu disebut oleh Yang Berhormat Bagan.

Saya juga ingin menyentuh berkaitan apakah yang akan dilakukan oleh pihak kementerian sebab di Dewan yang mulia Tuan Pengerusi, telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Langkawi bahawasanya melalui SST akan berlaku peningkatan jumlah kutipan. Ini sebab *Audit Report 2018* Tuan Pengerusi, telah menunjukkan bahawasanya 2018 kita hanya dapat mengutip lebih kurang RM44 bilion berbanding 2017 RM61 bilion.

Apabila kita mansuhkan GST dan *tax holiday* selama tiga bulan, kita sepatutnya mengutip RM44.289 bilion tetapi kita hanya dapat mengutip RM20 bilion dan kita kekurangan lebih kurang 54.3 peratus iaitu RM24 bilion. Yang Amat Berhormat Langkawi telah menyatakan di Dewan yang mulia ini semasa sesi soal jawab lisan, mereka akan lakukan sesuatu. Saya hendak tahu apakah jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan berkaitan perkara tersebut.

Tuan Pengerusi, saya melihat bahawasanya di bawah Butiran 020300 – Belanjawan Negara. Saya agak keliru Tuan Pengerusi apabila melihat data-data yang dicatat dalam Laporan Penyata Kewangan Tahun 2018 dengan apa yang tercatat dalam Anggaran Perbelanjaan 2020. Saya faham berkaitan anggaran, berkaitan jangkaan - *expectation*, tetapi apabila anggaran sebenar yang dicatatkan dalam *Audit Report 2018*, angkanya tidak sama seperti mana yang dicatatkan dalam buku Anggaran Perbelanjaan 2020.

Saya minta kekeliruan ini harus dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri yang menjawab nanti supaya kita mempunyai data asas kepada ekonomi negara bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen merujuk kepada dokumen rasmi ini tetapi pihak luar dan tempatan juga melihat inilah bajet yang kita akan bawa untuk memacu ekonomi negara.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya juga hairan bagaimana Butiran 09000 – Pelbagai Suntikan Modal yang juga nampak terkeliru dari segi datanya, RM212 bilion telah dinyatakan dalam Buku Anggaran Bajet 2020 tetapi dalam laporan audit hanya mencatat lebih kurang RM12.7 bilion. Ini satu angka yang cukup besar termasuk juga dengan dana fasiliti.

Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan wang tidak dituntut. Saya harap ada semakan *online* dan berapa banyak wang yang tidak dituntut yang sedang ada? Apakah langkah pihak kementerian untuk menggubal Akta Wang Tidak Dituntut yang saya kira sudah lama 1965.

Saya juga ingin menyentuh berkaitan Pembangunan Lima Koridor di bawah Butiran 00113. Dalam Rancangan Malaysia Ke-11, kita telah memperuntukkan RM14.2 bilion dalam buku tetapi dalam *Audit Report* hanya menunjukkan data RM12.9 bilion. Akan tetapi penggunaan duit setakat 31 Disember 2018 hanya RM346 dan saya harap Yang Berhormat Menteri menjawab

nanti dapat memberi penjelasan baki yang telah diperuntukkan ini adakah cukup untuk kita laksanakan tahun 2019 dan 2020.

Saya juga menyentuh 060300 – Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECRDC). Saya harap ada projek-projek yang dinyatakan termasuk dalam Kawasan Parlimen Paya Besar.

Saya hendak pergi kepada Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara, Butiran 080100. Saya hendak tahu adakah bajet yang ditingkatkan RM60 juta itu melibatkan YPC. Saya juga hendak tahu, apakah yang digunakan RM20 juta pada tahun ini.

Saya juga suka nak menyentuh satu minit yang terakhir ini Tuan Pengerusi, berkaitan GOVCO Holdings, Malaysia Airport Holdings Berhad, Assets Global Network dan saya kira ketiga-tiga ini adalah satu perkara yang amat mendukacitakan seperti mana yang telah dilaporkan oleh *Audit Report*. Saya mengharapkan sangat satu penjelasan yang jelas komitmen kewangan ini dapat diperjelaskan di Dewan yang mulia ini.

Saya hendak pergi butiran yang terakhir Tuan Pengerusi, Butiran 022300 – Pejabat *World Bank Group* (WBG) di Kuala Lumpur. Saya yakin *World Bank* ini merupakan satu agensi yang menjadi mata dan telinga kepada pihak luar untuk mempengaruhi sentimen pelabur luar negara untuk masuk dalam negara kita. Cumanya ada beberapa soalan Tuan Pengerusi iaitu:

- (i) adakah peruntukan kali pertama ini akan memberi impak kepada kajian-kajian yang dilaksanakan?
- (ii) bagaimana bidang penumpuan *World Bank Group* ini untuk melabur perbelanjaan tersebut? dan
- (iii) adakah *World Bank Group* ini sanggup berkongsi *raw data* yang mereka peroleh daripada kajian yang mereka lakukan secara terbuka supaya ia tidak *bias*.

Kadang-kadang laporan-laporan antarabangsa ini tidak memberi kebaikan kepada negara kita. Itulah sebabnya saya mengharapkan sangat pihak kementerian dapat memperjelaskan supaya *raw data* ini dapat dikongsi dengan sama. Saya ingat itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih banyak.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Masjid Tanah. Masjid Tanah, tidak ada? Silakan.

#### **5.49 ptg.**

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terperanjat Masjid Tanah.

Masjid Tanah ingin menyentuh beberapa butiran. Pertamanya saya ingin menyentuh tentang Butiran 040000 berkenaan dengan Bayaran Ganti, Pulang Balik dan Hapus Kira di bawah butiran kecil 040500 iaitu Lembaga Pinjaman Perumahan Sektor Awam yang mana saya melihat satu jumlah yang cukup besar, RM1.2 bilion.

Jadi saya ingin mendapat pencerahan daripada pihak kementerian, apakah itu bentuk pinjaman yang akan diberikan ataupun ianya untuk membayar atau melunaskan hutang ataupun menghapus kira hutang-hutang terdahulu. Ini kerana kalau kita tengok laporan daripada CUEPACS bagi tahun 2016, terdapat lebih kurang 960 ribu penjawat awam yang masih lagi tidak mempunyai rumah. Kiranya lebih 75 peratus di bawah usia 40 tahun penjawat awam ini. Jadi ini adalah satu angka yang cukup merisaukan.

■1750

Jadi saya ingin bertanya, adakah sekiranya betul diberikan pinjaman untuk perumahan itu, bagaimanakah kementerian hendak menggalakkan lebih ramai lagi penjawat awam supaya memiliki rumah sebaik sahaja mereka layak apabila bergelar sebagai penjawat awam? Adakah dengan RM1.2 bilion itu akan dipendekkan tempoh pinjaman? Hari ini kita melihat di bawah LPPSA, dia boleh sampai menjangkau umur 90 tahun. Adakah terdapatnya polisi baharu ataupun kaedah faedahnya daripada empat peratus, ada hasrat untuk dikurangkan ataunya bagaimana? Oleh sebab hari ini kita melihat senario yang berlaku pada hari ini, sebab ada yang sudah hendak hampir bersara pun masih lagi tidak mempunyai rumah dan kasihan untuk mereka ini. Ada juga terdapat penjawat awam yang terpaksa berkongsi bersama dengan keluarga lain untuk membantu dari segi penempatan mereka.

Keduanya saya ingin menyentuh tentang Butiran 080000 – Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara yang mana kita lihat bagi tahun 2020 akan naik sebanyak RM60 juta berbanding pada tahun 2019 sebanyak RM20 juta sahaja. Saya amat gembira selaku yang sama-sama dalam pembangunan sukan juga saya amat gembira dengan kenaikan ini dan saya ingin mengucapkan, rakamkan ucapan terima kasih dan juga penghargaan. Cuma yang menjadi persoalan, bagaimanakah caranya sebab RM60 juta kenaikan ini cukup besar. Bagaimanakah cara, adakah tetap sama untuk memohon untuk Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara ini? Contohnya, kita ada banyak pasukan negara, tidak kiralah daripada sukan mana yang berpotensi untuk bertanding keluar negara. Untuk membawa pasukan keluar negara, satu jumlah yang cukup besar untuk membawa pasukan-pasukan ini. Kadangkala kita terpaksa mengeluarkan perbelanjaan sendiri dan apatah lagi pasukan-pasukan sukan ini, kita hendak mereka fokus bagi menghadapi pertandingan. Akan tetapi, apabila mereka dibebankan dengan perbelanjaan makan, minum, penempatan, pengangkutan, mereka terpaksa bertanding, jadi ia amat membebankan mereka. Jadi, saya amat berharap supaya ia dapat diambil kira.

Keduanya, aspek pembangunan sukan juga janganlah hanya dipandang bola sepak, tetapi dipandang juga sukan-sukan yang lain, sukan-sukan yang berprestasi. Walaupun bukan berprestasi tinggi, tetapi yang berpotensi tinggi juga harus dipandang dan juga sukan yang boleh di akar umbi. Maksudnya untuk Parlimen-parlimen, Ahli-ahli Parlimen membantu pembangunan sukan di Parlimen masing-masing.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang Butiran 021900 iaitu Sumbangan kepada NGO, tambahan sebanyak RM10 juta. Saya ucapkan terima kasih. Cumanya saya ingin bertanyakan jumlah yang menjadi RM30 juta ini, adakah kita melihat kepada pemberian NGO

yang bentuk yang bagaimana? Adakah mereka yang baru setahun jagung sahaja kita hendak bagi peruntukan ataupun NGO-NGO yang berdaya saing, aktif dan banyak melakukan kebajikan, sukarelawan ataupun bentuk pendidikan dan sebagainya? Jadi, saya ingin harap benar agar dipandang untuk pengorbanan ataupun penglibatan NGO-NGO ini. Sebenarnya RM30 juta ini pun agak sedikit, sepatutnya diberikan lebih banyak lagi. Oleh sebab hari ini NGO di Malaysia ini cukup banyak sekali. Akan tetapi, mereka acap kali mendapat halangan dari segi mendapatkan bantuan untuk mereka meneruskan perjuangan di dalam NGO mereka.

Saya ingin bertanya, pada awal tahun 2019 ini, terdapat saya ada terbaca Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ada menyatakan bahawa akan diadakan nanti Kumpulan Wang Amanah Nelayan. Jadi saya melihat dan saya meneliti setiap butiran ini tidak adupun lagi butiran mengenai itu. Adakah bagaimana, adakah peruntukan ini tidak ada ataupun bagaimanakah statusnya? Saya rasa itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih di atas peluang yang diberikan.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Masjid Tanah. Sekarang adalah giliran Yang Berhormat Arau. Silakan.

#### 5.54 ptg

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil alih tempat Yang Berhormat Jempol sebab Yang Berhormat Jempol bagi peluang kepada saya. Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Okey, yang pertama sekali saya hendak ucap tahniah kepada seorang daripada Ahli Parlimen kita yang menyebut tentang, dia bercakap fasal dasar, tetapi Tuan Pengerusi biarkan dia bercakap.

Jadi saya hendak komen bahawa tentang *income tax* tadi, *income tax* tadi iaitu *income tax* sekarang memberi perhatian kepada syarikat yang membayar cukai dan selepas itu akan berlakulah beberapa tekanan, syarikat itu digalakkan untuk membayar tambahan dan sebagainya. Akan tetapi, dia merupakan tekanan. Dalam keadaan perniagaan yang teruk sekarang ini, *income tax* juga, LHDN kena pergi kepada syarikat-syarikat yang belum lagi membayar apa-apa cukai. Jadi kita minta apa itu, saya juga seperti Yang Berhormat Alor Setar tadi meminta supaya dipertimbangkan syarikat yang belum membayar cukai. Akan tetapi, syarikat yang sudah bayar cukai itu kita hendaklah berpada-pada sebab mereka hendak meniaga pun teruk sekarang. Dengan tekanan-tekanan nanti, kita akan menghadapi masalah.

Keduanya ialah Butiran 030000 – Strategi Pelaburan. Kutipan pada tahun 2019 RM63.8 bilion, tetapi ada kekurangan sebanyak RM44.5 bilion pada tahun 2020. Jadi saya hendak tahu, kenapa ini berlaku? Oleh sebab pengurangan ini agak ketara iaitu daripada RM63.8 bilion kepada RM44.5 bilion, satu yang harus diperhatikan dengan serius. Kita juga ingin supaya Butiran 030000 ini dibaca sekali dengan T.13 di mana pembayaran hutang. Ini di mana pembayaran hutang pada tahun 2019 ialah RM33 bilion, tetapi pada tahun 2020 RM34.9 bilion. Berdasarkan kepada pembayaran hutang tadi, kita lihat ada masalah sebab wang yang telah dikutip itu melebihi daripada yang sepatutnya kita bayar. Contoh Yang Berhormat, kalau RM33 bilion kita hendak bayar hutang, sebab saya bukan kira angka di sini, ialah persepsi di mana sering kali

disebut, “Kenapa jual harta kerajaan?” “Ini kerana hendak bayar hutang 1MDB”. “Kenapa ambil duit Petronas RM82 bilion?” “Ini kerana hendak bayar hutang 1MDB”. “Kenapa tambahan hutang negara kepada RM130 bilion?”, “Hendak bayar hutang kerajaan lama”.

Yang Berhormat, daripada segi angka ini menunjukkan bahawa kita hanya membayar RM33 bilion pada itu *interest*. Pada tahun 2020, *interest* kita bayar RM34.9 bilion. Saya hendak tahu pokoknya berapa untuk membolehkan kita lihat sejauh mana yang wang yang dikutip itu digunakan untuk membayar hutang? Gunalah perkataan-perkataan yang lebih harmonis dan manis. Sekarang sudah hendak masuk dua tahun, bahawa wang ini digunakan untuk pembangunan negara. Kenapa dituduh bayar hutang? Bayar hutang tak apa. Bayar hutang 1MDB. Padahal kelmarin telah disebut dengan terang bahawa hutang 1MDB ialah lebih kurang 0.2 peratus daripada hutang yang dibuat, yang dijamin oleh kerajaan. Jadi sebut betul-betul Yang Berhormat, jangan. Oleh sebab ini Timbalan Menteri Kewangan yang saya rasa boleh menyelamatkan keadaan. Kami berada dalam keadaan tenang hari ini sebab tak tahan dengan cara jawapan yang hanya mengatakan bahawa kita bayar hutang 1MDB, bayar hutang 1MDB tetapi, dalam bajet tak tunjuk dekat mana yang dia bayar hutang. Jadi kita minta penjelasan tentang perkara ini. Kalau Yang Berhormat sudah setuju dengan ucapan saya, jawab ya cukup. Tak payah ulas-ulas sebab ucapan ini agak panjang dan waktu Maghrib pula.

Kemudian, saya juga hendak sentuh seperti kawan-kawan saya sebut yang lain tentang Butiran 060200 – Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA). Jadi ,RM40 juta dan termasuk juga pertumbuhan lima koridor yang diberi Butiran 00113 – Pembangunan Lima Koridor. Yang Berhormat, *okey* saya tak ada masalah. Saya menyokong sebab NCIA dan saya merupakan penasihat NCER yang pertama dahulu sejak ia ditubuhkan. Akan tetapi yang saya hendak minta diberi perhatian sekarang ini, bagi perhatian kepada negeri. Ini sebab kita tak boleh kalau *northern corridor* ini yang melibatkan utara, Perak, Pulau Pinang, Kedah, Perlis. Jadi, kita buat tumpuan. Kalau Pulau Pinang, ini dia elektronik. Kalau Kedah, Kulim Hi-Tech, kalau Perak Utara seperti yang kawan-kawan saya sebutkan. Kuala Perlis apa dia? Jadi habis kuat dia kata, ada harum manis.

Kita hanya bercakap seronok-seronok, tetapi tidak memberi penumpuan yang khusus. Sekarang ini kita hendak bagi tumpuan yang khusus kerana NCER ini mesti dibagi peruntukan untuk negeri-negeri. Saya minta Perlis dikhususkan. Kalau Perlis, bagilah orang Perlis yang meniaga. Ini kita kadang-kadang sebut Perlis, tahu-tahu siapa-siapa yang datang meniaga kita pun tak tahu. Kita kena ingat NCER dan semua koridor ini, CEOnya dibagi gaji kalau saya tidak silap ialah saya tanya Yang Berhormat, CEOnya ini bertaraf apa? Saya mendapat maklumat kata taraf tiga. Taraf tiga mengetuai satu agensi yang kecil, padahal KSU kementerian ada berbilion ringgit peruntukan, juga diberi taraf yang sama seperti CEO lima koridor ini yang mendapat gaji ialah Turus III.

**■1800**

Kalau gajinya Turus III, peruntukannya mesti sekurang-kurangnya RM1 bilion ke atas tetapi Turus III, peruntukannya ialah gaji RM40 juta. Jadi Yang Berhormat, saya rasa memalukan. Minta diperbetulkan perkara ini.

Kemudian yang berikutnya ialah saya ingin bertanya, apakah yang dimaksudkan dengan Butiran 030300 – Pampasan kerana Kerosakan Disebabkan oleh Pasukan Keselamatan. Apakah ini? Saya tidak faham.

Kemudian yang keduanya ialah hapus kira pinjaman RM26 juta dalam Butiran 040300 – Hapuskira Pinjaman. Tidak faham, tolong beri penerangan. Faham, faham tetapi tidak ada tulis di mana-mana.

Kemudian yang ini, fasal bantuan bencana negara RM50 juta. Bantuan bencana, masuk bawah NADMA. NADMA, duduk di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kenapa diuruskan oleh Kementerian Kewangan? Saya mendengar cerita Kementerian Kewangan ini semua hendak kawal pada dia.

Saya hendak tanya, berapa Pegawai Khas yang dilantik kepada Menteri Kewangan? Sekarang ini, pegawai PTTK, dulu Menteri dapat seorang, sekarang dapat tiga orang. Hebat *hangpa*. Dulu Timbalan Menteri tidak ada PTTK, sekarang sudah ada seorang. Jadi saya hendak tanya, berapa perbelanjaan yang telah ditambah untuk beri PTTK kepada Menteri dan berapa Menteri Kewangan ada Pegawai-pegawai Khas yang saya tengok terlalu ramai. Padahal, pegawai Kementerian Kewangan, harus diuruskan oleh Kementerian Kewangan sebagai mana biasa.

Tambahan sedikit sahaja Tuan Pengerusi. Kemudian Butiran 090000 – Kementerian Pendidikan dan juga Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM).

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya minta ini dimasukkan di bawah kementerian...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Arau, hendak tanya sedikit boleh? Hendak tanya sedikit boleh?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Apa?

**Tuan Pengerusi:** Hendak tanya.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Sebab tadi Yang Berhormat – Hendak minta izin ya, tanya sedikit.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Boleh, boleh.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Sebab Yang Berhormat tadi kata, sekarang ini Menteri ada tiga orang Pegawai Khas, Tugas-tugas Khas. Kalau yang dulu berapa orang? Hendak tanya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Seorang.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Seorang sahaja Menteri?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Timbalan? Timbalan tidak ada?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Seorang Menteri, Timbalan tidak ada. Sekarang Menteri ada tiga orang, timbalan ada seorang. Hebatlah.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Dulu Menteri seoranglah?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Apa?

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Dulu setiap Menteri ada seorang sahaja?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Seorang sahaja. Saya bukan Menteri ya.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang lain-lain itu macam mana?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey Yang Berhormat.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Okey, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kemudian, Tabung Khas Amanah Pelajar Miskin, saya minta diberi kepada...

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Rasah boleh jadi Menteri nantilah, Yang Berhormat Rasah, beri peluang Yang Berhormat Rasah jadi Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, boleh dipertimbangkan. Dia nampak garang tetapi orangnya baik. Dia cuma tentang – Komunis sahaja. *[Dewan ketawa]*

Berhubung dengan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin...

**Tuan Pengerusi:** Ini tidak ada butiran. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Kenapa ini tidak beri kepada Kementerian Pendidikan?

Kemudian Yang Berhormat, Butiran 180000 – Kumpulan Wang Amanah Projek Pelantar Benua Malaysia. Ini serius Yang Berhormat. Dulu saya jadi pegawai di kementerian tanah pada *early 80s* dulu, ia duduk di bawah kementerian tanah, pelantar benua. Saya tahu pasal masa itu orang minta pasir, saya kata serah Menteri, Menteri kata tidak lulus. Jadi, itu sahaja kedudukan pelantar benua tetapi sekarang ini pelantar benua, duduk di bawah Kementerian Kewangan. Kenapa duduk di bawah Kementerian Kewangan? Yang Berhormat, pelantar benua ini ialah sumber kekayaan negara yang harus diuruskan dengan baik. Kenapa beri RM1 juta? Yang Berhormat, saya cadangkan kita beri RM100 juta untuk menguruskan pelantar benua, sama seperti yang kita bangunkan di Terumbu Layang-Layang dan juga di tempat-tempat lain. Ini disebabkan Beting Patinggi Ali Yang Berhormat, duduk di kawasan... *[Ketawa] [Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi:** Saya menunggu-nunggu istilah itu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya? Beting Patinggi Ali duduk di kawasan...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *Pi mai pi mai tang tu juga.*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak apa. Boleh tukar nama saya kepada '*Mr. Beting Man*'. Okey, Beting Patinggi Ali sebagai contoh, sumber kekayaan Malaysia berada di sana *and then* kita beri RM1juta. Yang Berhormat, kita kena serius supaya pelantar benua ini mesti diuruskan oleh satu kementerian terutamanya Kementerian Pertahanan, mungkin ataupun mana-mana yang boleh memastikan pelantar benua itu diuruskan dengan baik.

Ini Tuan Pengerusi, saya hendak beritahu...

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah habis Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sedikit Tuan Pengerusi, hendak beritahu. Ini ilmu. Saya tidak akan beri ilmu ini kepada orang lain tetapi untuk Tuan Pengerusi sahaja.

Apa yang dikatakan *coral* kita ini hidup, *coral* hidup dan Beting Patinggi Ali, dia hidup Tuan Pengerusi. Dia hidup dan dia jadi sebuah beting daripada tidak ada apa. Jadi, kalau sekiranya pelantar benua tidak diuruskan dengan baik, akhirnya orang luar yang menguruskan pelantar benua dengan datang mengambil gambar selepas itu menyebarkan dalam *National Geographic* dan sebagainya. Padahal ini harta amanah Malaysia.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, yang pertama ialah Kumpulan Wang Tabung Biasiswa Sukan beri kepada Kementerian Belia. Walaupun saya tidak berapa suka dengan Menteri ini, tetapi berilah kepada dia uruskan dengan baiknya.

Kemudian Tabung Bantuan Bencana Negara berjumlah RM50 juta, saya minta ditukarkan.

Kemudian, Tabung Amanah Lembaga Peperiksaan. Kenapa Kementerian Kewangan pegang Lembaga Peperiksaan? Tidak logik. Beri kepada Menteri Pendidikan, walaupun Menteri Pendidikan banyak menjawab jawapan-jawapan yang tidak bagus sebagai seorang Menteri tetapi berilah kementerian yang berkenaan untuk menjaganya termasuk Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin. Saya ingin bertanya, Kumpulan Wang Amanah Dana Automotif Bumiputera ini berapa orang yang mendapat manfaat? Cara memohon dan bagaimana untuk mendapatkannya?

Lain-lain saya sebutkan sedikit lagi bahawa saya menentang keras, sekeras-kerasnya Kumpulan Wang Amanah Projek Pelantar Benua Malaysia ini duduk di bawah kementerian sebaliknya diserahkan kepada mana-mana kementerian yang boleh membangunkan pelantar benua sebab sumber kekayaan, khazanah-khazanah Malaysia ini ialah terletak di kawasan pelantar benua. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Gerik. Silakan Yang Berhormat Gerik.

#### **6.05 ptg.**

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Pengerusi, saya turut sama juga untuk membahaskan dalam Jawatankuasa. Perkara pertama yang saya hendak sentuh ialah Butiran 050200 – Pengurusan Wang Tak Dituntut. Saya hendak tahu, berapa jumlah wang yang tak dituntut? Kenapa ia tidak dituntut dan kenapa ia jadi wang tak dituntut? Adakah kerana di bank tinggal RM10 dan pelbagai lagi? Minta pihak kerajaan tolong jelaskan.

Perkara yang kedua dalam Butiran 060200 – Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA). Tadi Yang Berhormat Arau ada sebut ramai rakan yang sebut. Saya berharap NCIA terus membangun di tempat saya terutamanya saya tahu rancangan yang ada ialah di Royal Belum. Sehingga ke hari ini saya tidak puas hati, walaupun tumpuan di kawasan Hulu Perak ialah untuk

membangunkan pelancongan tetapi kita melihat *boat houses* yang ada tadi tidak dipantau dengan baik yang akhirnya dia jadi tidak cantik untuk pelancongan di Royal Belum. Dalam masa yang sama, fokus juga diberikan dalam bidang pertanian tetapi kita tahu NCIA ini ialah gabungan di antara swasta dengan tempatan untuk dibangunkan. Maka saya hendak tahu, setakat ini, berapa peruntukan dibelanjakan daripada NCIA ini untuk kawasan Parlimen Gerik?

Butiran yang seterusnya ialah Butiran 030500 – Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS). Selama ini saya tahu UKAS ialah sebuah jabatan yang duduk di bawah Jabatan Perdana Menteri yang menguruskan hal-hal swasta yang ada hubungan dengan kerajaan. Akan tetapi hari ini nampak UKAS telah duduk di bawah Kementerian Kewangan. Maka, apakah projek-projek yang terus dilaksanakan oleh pihak UKAS di bawah Kementerian Kewangan? Ini kerana pada kita UKAS setakat ini telah membangunkan cuma di kawasan sebahagian besarnya projek yang selama ini kita tahu di kawasan Kuala Lumpur. Bangunkan bangunan yang tinggi-tinggi antara kerjasama pihak swasta dengan kerajaan di mana kerajaan ada hak pegangan. Setakat ini tolong minta pihak Kementerian Kewangan menjelaskan apakah tugas UKAS telah duduk di bawah Kementerian Kewangan.

Seterusnya Butiran 96000 – Padang Bola Sepak Tiruan. Saya tahu di kawasan saya, kita ada buat padang bola sepak tiruan tetapi di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Saya dimaklumkan sehingga hari ini, pihak kementerian tidak menjelaskan bayaran kepada kontraktor lebih daripada RM2 juta atau RM3 juta. Maka saya berharap supaya perkara tersebut hendaklah diselesaikan kerana saya difahamkan padang tersebut telah siap tahun sudah, awal tahun sudah. Apakah segala-galanya kena menyembah kepada Kementerian Kewangan untuk memastikan pembayaran akhirnya kontraktor-kontraktor tadi, mereka juga manusia yang hendak hidup, hendak makan. Kalau kita tidak bayar dalam tempoh setahun atau dua tahun, apa yang akan berlaku? Kalau kita Ahli Parlimen tidak dibayar gaji setahun, macam mana?

#### ■1810

Kalau mereka yang bermula mungkin boleh. Kalau macam saya dua bulan tidak bayar saya rasa saya lari malam kerana tidak ada kewangan. Oleh sebab itu, saya berharap sangatlah bukan setakat padang tiruan boleh sepak tadi, kontraktor-kontraktor kelas F yang membuat projek yang belum dibayar tadi pun tololnlah bayar supaya mereka pun boleh hidup juga. Saya juga hendak menyentuh Butiran 070200...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan Yang Berhormat, penjelasan sedikit.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Pada padang tiruan. Padang tiruan ini, dahulu dua tahun yang lepas saya dengar cerita mereka hendak mansuhkan dan dimasukkan di bawah kementerian yang lain. Akan tetapi, saya ingat masih muncul, saya terkejut. Saya ingat kementerian *overlook*. Kalau hendak masuk Yang Berhormat, kena bagi pastikan kita hendak buat setahun 10 padang ataupun 13 padang setahun, kena buat macam itu. Ini tidak tahu peruntukan yang dibagi untuk buat padang apa ya? Saya ingat tidak lepas ini. Kalau tidak Yang

Berhormat masuk dalam peruntukan khusus iaitu membina 15 padang, *alright fine*. Oleh sebab ini diusahakan pemikirannya oleh KSP yang lalu. Jadi apakah kita cadang untuk supaya ini dimansuhkan atau ini diberi peruntukan 15 padang setahun?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih, tolong masukkan ucapan Yang Berhormat Arau itu dalam ucapan saya. Betul disediakan peruntukan cuma RM32,000 sahaja agak tidak logik yang ditunjukkan oleh pihak Kementerian Kewangan.

Butiran 070300 – Sewa Beli Mesin Pengimbas sebanyak RM235 juta. Saya tidak tahu untuk apa ini. Kalau boleh dijelaskan. Saya rasa ini mungkin Kastam kemungkinan ataupun Imigresen. Jadi kita berharap sewa yang tinggi ini memberi pulangan yang baik kepada pintu masuk negara di mana kita tahu pembolosan daripada macam-macam terutama peringkat negeri yang bersempadan dengan macam tempat saya di Keroh ataupun Pengkalan Hulu. Kalau pengganas masuk menyeludup senjata api dan pelbagai lagi dia memberi kesan sebab bajetnya tinggi sebanyak RM235 juta. Maka, minta penjelasan daripada pihak kementerian.

Satu lagi yang saya hendak sentuh ialah Butiran 070500 – Fi Agensi Lembaga Hasil Dalam Negeri. Agak tidak logik hari ini orang-orang yang kena bayar *income tax* ini macam ketakutan dan mengalami masalah sakit jiwa, disuruh bayar yang mana kebanyakannya macam kontraktor kelas F pendapatan banyak mana. Hendak ditengok lima tahun yang lalu, duit sudah habis beli kereta, kahwin dua, dan pelbagai lagi. Saya berharap kerajaan janganlah menganiayai rakyat di bawah dengan mengejar mereka ke sana ke mari. Akhirnya dia akan menjadi masalah kepada rakyat.

Saya berpendapat, kalau Kerajaan Pakatan Harapan sentiasa hendak menyalahkan kerajaan yang lalu, segala-galanya salah kerajaan yang lalu, lebih baik kerajaan hari ini letak bagi balik kepada Barisan Nasional memerintah setiap kerajaan bertanggungjawab, hutang dan liabiliti mereka tanggung, uruskan negara dengan baik. Saya yakin pihak pembangkang pun akan menyokong kerajaan kalau buat dengan baik. Akan tetapi bila sentiasa menyalah dan disalahkan akhirnya kita akan naik marah dan suasana yang tidak baik berlaku dalam negara. Saya percaya negara Malaysia adalah sebuah negara yang cukup aman tetapi takbirlah negara dengan baik dan rakyat percaya kepada kepimpinan kerajaan yang baharu. Sekian, terima kasih

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Saya menjemput Yang Berhormat Taiping sekarang, silakan.

#### 6.14 ptg.

**Tuan Teh Kok Lim [Taiping]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Merujuk kepada Butiran 06000, saya menyambut baik peruntukan RM137 juta untuk pembangunan wilayah. Di bawah butiran ini, Taiping berharap dapat turut terlibat di bawah pihak berkuasa Perlaksanaan Koridor Utara (NCIA) dengan peruntukan RM40 juta.

Saya telah dimaklumkan oleh Majlis Perbandaran Taiping, cadangan menaik taraf dan pembangunan semula Bukit Larut di Taiping yang telah diluluskan di bawah NCIA pada tahun 2018 sebanyak RM3 juta dengan kertas cadangan yang lengkap tetapi dengan dukacitanya

peruntukan tersebut telah ditarik balik untuk kegunaan kawasan lain. Saya memohon penjelasan daripada pihak Menteri sebab-sebab menarik balik peruntukan tersebut ke kawasan lain dan pada masa yang sama memohon supaya cadangan tersebut dimasukkan sebahagian daripada Butiran 060200.

Untuk makluman Jawatankuasa, Bukit Larut merupakan pusat peranginan tertua di Malaysia yang juga satu-satunya tarikan pelancongan yang utama yang menjadikan Taiping disenaraikan sebagai 100 Destinasi Lestari Terbaik Dunia 2018 dan berjaya memenangi tempat ke tiga di dunia. Sepatutnya, peruntukan yang berlebihan harus disalurkan. Oleh itu besarlah harapan saya agar peruntukan sekurang-kurangnya RM3 juta seperti yang dijanjikan dapat ditunaikan pada tahun 2020.

Selain daripada itu, di bawah Butiran 020200 – Cukai. Saya tertarik dan memohon penjelasan dengan angka RM1.9 bilion untuk tahun 2019 berbanding RM2.9 bilion satu penurunan cukai yang begitu ketara. Diharap pihak kementerian akan memberi penjelasan yang terperinci. Dengan itu, sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Taiping. Yang Berhormat Bera sekarang silakan. Tidak ada? Okey, kita akan tunggu Yang Berhormat Bera. Seterusnya, Yang Berhormat Tebrau?

**Seorang Ahli:** Tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada? Yang Berhormat Rompin silakan.

#### **6.17 ptg.**

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak banyak hanya ada dua perkara. Pertama ialah Butiran 070000 – Program Khusus. Satu keadaan bajet yang luar biasa nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada RM29 juta meningkat sehingga RM3 bilion hampir sama dengan peruntukan pembangunan Jabatan Perdana Menteri. Jabatan Perdana Menteri RM3.5 bilion ataupun RM3.8 bilion. Akan tetapi program khas di Kementerian Kewangan sahaja RM3.3 bilion, apa dia? Adakah ini memberi wang kuasa yang terlalu besar kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk meluluskan projek-projek dan sebagainya? Ini saya minta diteliti supaya tidak ada salah anggap di kalangan rakyat dan juga pegawai-pegawai kerajaan di Kementerian Kewangan sendiri.

Keduanya Tuan Pengerusi, pembangunan lima koridor. Satu peruntukan yang besar tetapi tidak dibelanjakan umpamanya pada tahun 2018 hanya RM314 juta sahaja dibelanjakan. Bagi tahun ini dan pada tahun depan diperuntukkan RM819 juta, banyak dan saya ucapkan terima kasih termasuklah kawasan ECR dan di Rompin sendiri kawasan saya.

Pada tahun 2018, banyak peruntukan dipotong pembangunan. Rompin terkenal sebagai kawasan industri pelancongan di mana Pulau Tioman, Rompin Indah, *sport fishing* dan banyak peruntukan itu dipotong. Saya berharap dengan adanya peruntukan yang begitu besar pembangunan lima koridor, peruntukan-peruntukan yang berasaskan kepada pembangunan

pelancongan diberi kepada Rompin semula. Saya minta *list-lah* kalau dapat. Bertulis pun tidak apa daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri projek-projek yang perlu diluluskan.

Selalunya ECR dia ingin melaksanakan projek itu sendiri dan ini menyebabkan lambat. Saya cadangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya projek-projek ini disalurkan kepada jabatan-jabatan kerajaan yang ada di setiap daerah umpamanya RM5 juta diberi kepada majlis daerah untuk dilaksanakan.

#### ■1820

Kalau ada sebanyak RM3 juta untuk bina jalan baharu, diberi kepada pejabat daerah untuk laksanakan. Ini mempercepatkan lagi proses pelaksanaan projek-projek pembangunan di lima koridor ini terutamanya di negeri Pahang yang luas, besar. Kalau projek ini hendak dilaksanakan oleh ECER sendiri, tidak mungkin akan dapat dilaksanakan sepenuhnya. Jadi, kalau diberikan kepada jabatan-jabatan Kerajaan *Federal* yang ada di negeri Pahang, saya percaya projek-projek ini dapat dilaksanakan dengan cepat dan peruntukan untuk Rancangan Malaysia Kesebelas sampai RM14 bilion dapat dilaksanakan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Yang Berhormat Setiu, silakan.

#### 6.20 ptg.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 060300 – Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC). Terdapat peruntukan baharu sebanyak RM37 juta di bawah item Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap ECERDC ini. Saya mohon kerajaan memperincikan peruntukan tersebut. Apakah ia melibatkan pembelian dalam negeri atau sebagainya?

Kedua, saya mendapat maklum bahawa kerajaan tidak akan lagi membiayai kewangan bagi sebuah projek agropolitan ternakan kambing di Parlimen Setiu. Pertama, sejauh manakah kebenaran perkara tersebut? Kedua, apakah kerajaan berhasrat membuka kawasan baharu bagi projek agropolitan ini? Sejauh manakah kejayaan program yang sedia ada dalam meningkatkan pendapatan B40?

Kedua, Butiran 030100 – Syarikat Pelaburan Kerajaan. Baru-baru ini Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) telah mengumumkan dividen paling rendah iaitu sebanyak dua peratus bagi tahun kewangan berakhir 2018, dengan agihan sebanyak RM161.2 juta. Pemberian dividen yang rendah tersebut disebabkan oleh semakan kewangan oleh sebuah firma audit yang mengenal pasti beberapa ketidakpatuhan dan kelemahan tadbir urus kewangan dalam LTAT ini. Saya mohon pihak kementerian menjelaskan aspek-aspek kelemahan dan urus tadbir yang dimaksudkan. Serta, apakah langkah kerajaan bagi memulihkan semula kedudukan kewangan dan pelaburan LTAT ini? Apakah kerajaan akan menggunakan mekanisme yang sama seperti Lembaga Tabung Haji yang menggunakan SPV bagi menguruskan *under performing asset*, dengan izin Tuan Pengerusi dalam LTAT atau sebagainya? Ketiga, apakah kementerian merancang untuk menyelaras aspek perakaunan syarikat-syarikat GLC mahupun GLIC bagi

memastikan tiada masalah yang timbul pada masa akan datang? Mohon penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri.

Butiran yang ketiga, Butiran 020200 – Cukai. Saya ingin menyentuh isu pembayaran balik, *refund* GST berakhir Ogos 2019 sebanyak 66.4 peratus ataupun sebanyak RM15.2 bilion *refund* GST telah dibayar. Saya ingin bertanya, berapakah lagi syarikat yang belum dibayar? Bilakah *refund* GST ini akan dapat diselesaikan sepenuhnya oleh pihak kerajaan? Sekian Tuan Pengerusi, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Pengerusi:** *Waalaikumussalam.* Lain-lain belum sampai lagi, jadi saya menjemput Yang Berhormat Kapit.

#### **8.24 ptg.**

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan bermula dengan – saya hendak menyentuh hal Maksud Bekalan 11 – Perkhidmatan Am Perpendaraan, Butiran 020500 – Subsidi dan Bantuan Tunai. Jadi, saya nampak dari tahun 2019, peruntukan adalah RM10.7 bilion. Untuk tahun 2020 nanti, tahun hadapan dinaikkan kepada RM12.4 bilion. Jadi, ada pertambahan bagi peruntukan ini sebanyak RM12.5 bilion. Saya minta pencerahan tentang subsidi ini ataupun bantuan juga, secara terperinci ya. Tolong senaraikan segala subsidi dan bantuan yang diberi itu.

Jadi, saya beralih kepada Maksud Bekalan 12, peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun, Butiran 110000 – Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan Untuk Golongan Berpendapatan Rendah Sabah dan Sarawak. Jadi, saya nampak tidak ada perubahan. Tahun 2019, sejumlah RM20 juta diperuntukkan. Tahun 2020 juga, sejumlah RM20 juta. Jadi, bagi saya ini tidak memuaskanlah Yang Berhormat Menteri Kewangan, tidak ada pertambahan sepatutnya ditingkatkan sejumlah peruntukan ini. Sepatuunya ada supaya lebih ramai lagi rakyat di Sabah dan Sarawak, lebih-lebih lagi di Sarawak sebab saya dari Sarawak untuk menikmati bantuan seperti ini. Oleh sebab masih ada keperluan yang banyak. Masih ramai mereka memerlukan bantuan seperti ini dan program ini. Jadi, saya mohon penjelasan yang sepatutnya ada. Kalau boleh tidak terlalu lewat untuk ditambahkan, mungkin.

Jadi, saya beralih kepada Maksud Pembangunan 10, Perpendaraan. Butiran 00113 – Pembangunan Lima Koridor, sebanyak RM819.3 juta diperuntukkan. Apa tujuan peruntukan ini? Saya anggapan sebagai untuk mengendalikan pelbagai ataupun melaksanakan pelbagai projek di koridor-koridor ini. Bagi saya, kalaular tujuannya sebegini mungkin untuk Ahli-ahli Yang Berhormat di kawasan-kawasan lain mengatakan peruntukan ini besar RM819 juta. Bagi saya sebab di Sarawak, koridor masih banyak memerlukan bantuan kewangan ataupun kewangan untuk maksud ini. Untuk kita melaksanakan lebih banyak lagi projek infrastruktur asas di Sarawak. Jadi, bagi saya ini tidak mencukupi sebab tidak sampai RM1 bilion pun. Jadi, tolong tengok mengapa terlalu sedikit. Kalaular daripada RM819 juta ini, separuh atau 50 peratusnya diberi kepada Sarawak dan Sabah, mungkin adil kepada kawan-kawan yang di negeri-negeri lain, yang ada juga koridor pembangunan ini.

Masih dalam maksud itu Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Maksud Bekalan 10 iaitu Butiran 060400 – Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA), RECODA di Sarawak ini diberi peruntukan RM10 juta sahaja. Jadi, bagi saya ini pun tidak cukup. Saya berharap tidak ada dalam RM10 juta ini digunakan untuk melaksanakan projek pembangunan seperti projek-projek infrastruktur asas dan sebagainya. Mungkin ini adalah untuk perbelanjaan ataupun untuk *administrative expenses* sahaja, *operation expenses* sahaja – *operational* ya. Jadi tolong beri penjelasan bagaimana RM10 juta ini diberi kepada RECODA. Kita berharaplah kalau boleh lebih banyak lagi sepatutnya diperuntukan untuk RECODA sebab negeri Sarawak ini besar. RECODA ini merangkumi kawasan yang begitu besar sekali. Mungkin beberapa negeri di Semenanjung ini dalam satu RECODA sebab ia merangkumi kawasan Kapit, Baram, Lawas, Limbang, Bintulu, Miri dan sebagainya.

■1830

Banyak yang kita rancangkan untuk merancakkan lagi pembangunan di kawasan itu, jadi RM10 juta ini tidak cukup. Tadi saya telah sebut RM819 juta, saya anggap mungkin sebagai belanja pembangunan.

Terakhir Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Maksud Pembangunan B.10, Perbendaharaan. Butiran 090000 – Pelbagai Suntikan Modal. Pada tahun 2019, RM5.16 juta, untuk tahun depan, tahun 2020 dinaikkan kepada RM8.13 juta. Jadi tolong berikan pencerahan tentang nama-nama syarikat, badan atau agensi yang bakal ataupun mana-mana institusi yang bakal menerima atau mendapat suntikan modal ini. Juga berikan nama institusi khasnya di Sarawak, mana-mana ada institusi yang bakal mendapat daripada program suntikan modal ini. Jadi dengan itu Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Kapit.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tebrau ada- tidak ada ya? Tidak ada. Oleh itu saya menjemput Yang Berhormat...

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Sibu.

**Tuan Pengerusi:** ...Tanjong Karang sebagai pembahas terakhir.

### 6.31 ptg.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang tunggu kita sampai habis dengar kita bercakap, nota diambil. Tahniah saya ucapkan.

Saya hendak sentuh satu butiran iaitu Butiran 040100 – Perolehan Kerajaan. Kita hendak mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa banyak kah jumlah projek yang telah pun dianugerahkan secara runding terus. Ini kerana kita sedia maklum dasar yang diumumkan bahawa dasar yang telus dan tidak ada runding terus.

Soalan yang sama sebenarnya Tuan Pengerusi, saya telah pun tanya hari Selasa tetapi jawapan yang saya dapat amat mendukacitakan kerana tidak menjawab soalan saya. Soalan saya senang sahaja, saya hendak tahu berapa banyak jumlah projek yang telah dianugerahkan? Kita faham bahawa daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa ada kriteria tertentu ertinya lima kriteria-kriteria khusus yang akan ditimbangkan untuk sesebuah syarikat itu diberikan projek secara runding terus.

Jadi, saya hendak tanya satu projek yang hari itu menjadi agak kontroversi iaitu projek pembinaan bangunan guna sama Persekutuan Kota Bharu, Tunjong, Kelantan. Reka dan bina secara runding terus. Jadi adakah projek ini telah pun dilaksanakan dan kalau projek ini diberikan secara runding terus, bolehkah tidak dimaklumkan bahawa daripada lima kategori khusus yang telah pun disenaraikan ini, projek ini masuk kategori yang mana? Nombor satu kah, nombor dua kah, nombor empat ataupun nombor lima? Jadi nak tahu secara khusus yang itu.

Saya amat mengharapkan supaya diberikan senarai ini kerana kalau mengikut jawapan yang diberikan ini ialah bahawa semua perolehan ini secara runding terus yang dilaksanakan oleh kementerian dan agensi telah pun dipaparkan di portal MyProcurement. Jadi, kalau sudah ada senarai ini, tidak ada sebab mengapa pihak kementerian tidak boleh memberikan jawapan secara khusus apabila saya tanya berapa banyak projek yang diberikan secara runding terus. Ini amat penting kerana inilah salah satu kempen yang dibuat oleh pihak PH sebelum mereka menjadi kerajaan, memperlekehkan kita, konon runding terus ini menyebabkan unsur-unsur rasuah dan sebagainya dan itu pun telah dijanjikan bahawa projek-projek yang dibuat ialah secara projek yang telus.

Kedua, ini mungkin saya hendak tanya kerana melibatkan dua buah kementerian ini, satu ialah Kementerian Pendidikan, di mana kita sedia maklum bahawa Menteri Pendidikan telah mengumumkan bahawa akan melaksanakan sarapan pagi, kalau tidak silap saya RM1.6 bilion. Jadi, saya sudah tengok bahawa Kementerian Pendidikan yang ada bajet untuk Rancangan Makanan Tambahan ada sebanyak RM255 juta, Bantuan Makanan Pra Sekolah sebanyak RM87 juta ada. Akan tetapi untuk sarapan pagi ini tidak ada.

Jadi, adakah ia ini termasuk di mana? Adakah projek ini termasuk di bawah Kementerian Kewangan- tadi Yang Berhormat Arau pun bagi beberapa contoh, sepatutnya bajet itu di bawah kementerian-kementerian tertentu tetapi hari ini diletakkan di bawah Kementerian Kewangan. Jadi adakah projek sarapan pagi yang tidak ada dalam Kementerian Pendidikan, mungkin ada bajet tambahan.

Saya tengok dalam projek di bawah Kementerian Kewangan pun tidak jumpa juga. Jadi, adakah yang mana satu ini projek ini dilaksanakan ataupun tidak? Ini yang saya hendak dapatkan penjelasan kerana apabila Menteri sudah umum, ia menjadi satu dasar dan mestilah dilaksanakan. Jadi jangan *dok* janji-janji, yang janji manifesto pun tidak boleh hendak tunai, yang dasar-dasar baru pun tidak boleh hendak tunai. Jadi jawapan Parliment pun saya tengok, jawapan yang tidak menjawab soalan yang dibangkitkan. Jadi, saya berharap selepas ini dapat jawapan yang lebih jelas. Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Karang. Dengan itu, selesai sudah pembahas-pembahas...

**Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Sibu, Sibu. Last sekali Sibu.

**Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Hulu Rajang, boleh?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Hulu Rajang? Baiklah.

**Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Soalan saya tidak pernah diangkat pun, kesian saya di...

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Sibu.

**Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** ...Sini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Sibu

**Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Saya terus kepada butiran. Yang Berhormat Sibu kah?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Hulu Rajang? Ya silakan Yang Berhormat Hulu Rajang.

### 6.36 ptg.

**Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Saya terus kepada Butiran 060400 – Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) yang diberikan peruntukan sebanyak RM10 juta. Tadi rakan saya Yang Berhormat Kapit telah memberitahu. RECODA Tuan Pengerusi adalah satu lembaga yang diberi tanggungjawab membangunkan negeri Sarawak. Akan tetapi hanya RM10 juta diberikan, ini satu jumlah yang sangat kecil berbanding dengan peruntukan untuk Wilayah Pembangunan Iskandar sebanyak RM40 juta dan Koridor Utara sebanyak RM40 juta. Jadi, Sarawak, kalau saiznya sebesar Semenanjung Malaysia Tuan Pengerusi.

Sebagai Ahli Parlimen, saya begitu tidak senang hati Tuan Pengerusi. Bukan hendak mengkritik rakan-rakan ataupun kerajaan daripada Pantai Timur, semuanya adalah Ahli Parlimen yang gigih dan rajin dalam memberikan khidmat kepada rakyat. Akan tetapi Tuan Pengerusi, kuasa RECODA tersebut adalah besar. Jadi, saya mohon agar Kementerian Kewangan memberikan sama rata kerana kita tahu, kita rakan kongsi pertubuhan Malaysia ini tetapi apa yang saya nampak tadi kita sangat diketepikan.

Butiran 010200 – Bayaran Sewa Kereta Saloon Jabatan-jabatan Kerajaan. Jika tidak silap saya strategi fiskal kerajaan sekarang akan berjimat cermat dalam belanjawan dan mengurangkan kos operasi kerajaan. Akan tetapi, kita lihat di sini ada peningkatan sebanyak RM3 juta bagi bayaran sewa kereta kerajaan. Jadi, peningkatan 40 peratus daripada belanjawan lepas, mengapa perkara ini masih terjadi? Kereta jenis apakah yang akan disewa Tuan Pengerusi? Bukankah ekonomi sekarang bakal mengalami cabaran yang lebih hebat dan kenapa kita membazirkan wang rakyat Tuan Pengerusi?

Ditambah lagi dengan Butiran 050700 – Khidmat Perunding. Peningkatan daripada RM9.3 juta kepada RM20.5 juta. Jadi, begitu banyak perunding yang digunakan. Adakah

Kementerian Kewangan sudah kehabisan pakar Tuan Pengerusi? Kenapa peningkatan yang begitu drastik? Siapakah perunding-perunding yang berkenaan?

Jadi, saya ingat zaman konsultan *overpriced and overrated*, dengan izin. Ini sudah berakhir tetapi rupa-rupanya masih ada walaupun dalam kerajaan yang baru ini. *What I can say*, cakap tidak serupa bikin, suruh rakyat berjimat cermat kerana ekonomi kita tidak elok tetapi kerajaan masih berbelanja dengan sesuka hati. Jadi, saya berharap Kementerian Kewangan sila jelaskan kenapa perlu peningkatan RM3 juta bagi sewa kereta dan peningkatan RM11 juta bagi khidmat perunding, dengan izin, *walk your talk, price what you phrase*. Sekian terima kasih.

#### ■1840

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang mempersilakan Yang Berhormat Sibu, ya.

#### 6.40 ptg.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 060400 – Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA). RECODA ini saya hendak tahu, bagaimanakah peranan RECODA antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri? Ini kerana mengikut *Board of Directors RECODA*, dia diperakui oleh *Chief Minister of Sarawak*. Kebanyakan dalam *board of directors* adalah Ahli-ahli Yang Berhormat Menteri di dalam Kerajaan Sarawak. Tidak ada banyak wakil dari Kerajaan Persekutuan. Jadi, bagaimana kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri untuk membangunkan? Ini kerana RECODA ini memainkan peranan yang sangat penting untuk membangunkan koridor SCORE di Sarawak. Ia melibatkan banyak tanah dari Kerajaan Persekutuan. Jadi saya hendak tahu, bagaimana memantau aktiviti RECODA ini oleh Kerajaan Persekutuan? Bagaimanakah kita memastikan mereka menjalankan peranan mereka dengan telus dan adil? Ini kerana kebanyakan masih di bawah pimpinan Kerajaan Negeri Sarawak. Jadi, saya harap kementerian boleh berikan sedikit penjelasan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Sibu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Kewangan untuk menjawab.

#### 6.42 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** *Bismillahir Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada semua rakan-rakan Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk memohon penjelasan dan sebagainya dalam peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ini tidak sampai separuh daripada apa yang patut saya jawab. Lagi tengah *dok* datang itu.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Jawab Pengkalan Chepa.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Ya. [Ketawa] Jadi, *insya-Allah* saya cuba setakat yang ini. Jadi, saya ingat *the rule of the* Dewan ini yang mana tidak ada, kita jawab secara bertulis ya Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Jadi, yang pertama, Yang Berhormat Baling tidak ada di sini.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada. Secara bertulis.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Kita jawab secara bertulis, *insya-Allah*. Yang Berhormat Alor Setar ada di sini? *Aloq Staq, Aloq Staq*. Yang Berhormat Alor Setar bertanyakan tentang LHDN ya, fi agensi. Saya kira ramai rakan-rakan kita yang bertanya tentang fi agensi bagi Lembaga Hasil Dalam Negeri. Lembaga Hasil Dalam Negeri Tuan Pengerusi, merupakan Badan Berkanun Diasingkan Saraan (BBDS) semenjak tahun 2015. Ya. Fi agensi dibayar kepada LHDN atas perkhidmatan yang mereka berikan sebagai ejen pemungut cukai bagi kerajaan, ya. Peruntukan fi ini bagi tahun 2019, kita letakkan di bawah Butiran 020200 – Cukai. Oleh sebab itu, kita lihat ada penurunan.

Jumlah fi yang dibayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri sebagai BBDS ini adalah *negotiation* di antara kerajaan dengan pihak LHDN. Perkiraan bagi tahun 2019 adalah berdasarkan kepada 1.5 peratus daripada kutipan kasar yang dikutip oleh mereka. Bagi tahun 2020, ada sedikit *negotiation*. Mereka mohon agar dapat ditingkatkan sedikit dan pihak kerajaan telah bersetuju untuk memberi 1.85 peratus daripada kutipan kasar yang dikutip oleh mereka. Jadi sebab itu, fi ini, maknanya mereka akan gunakanlah untuk mereka punya *operating expenditure (OPEX)* termasuk keperluan tadi ada rakan saya daripada mana tadi yang sebut – Oh ya, daripada Segamat. Katanya lif tidak berfungsi dan sebagainya. Mungkin Yang Berhormat Segamat lawati itu yang memang dalam keadaan sedemikian. Akan tetapi, saya tengok rata-ratanya pejabat LHDN ini kalau dibandingkan dengan pejabat-pejabat yang lain, saya ingat ia adalah agak baik. Akan tetapi, mungkin mereka perlu perbaiki yang seperti disebutkan oleh Yang Berhormat Segamat tadi. Ini semua akan diambil daripada fi yang kita berikan di dalam bajet ini.

Pada tahun sebelum ini, kita letakkan di bawah Butiran 020200. Akan tetapi bagi tahun 2020, kita letakkan di bawah Program Khusus, Butiran 070500 bagi tujuan tersebut. Kita kira *insya-Allah*, LHDN ini yang merupakan agensi barisan hadapan kitalah bagi untuk memungut cukai ini. Kita akan pastikan bahawa mereka akan dapat beroperasi dengan baik, diberikan segala kemudahan dan sebagainya. Memang kita sentiasa berpesan dan memberi pesan, sementara kita hendak agresif untuk memungut cukai sebanyak mungkin, tetapi kita harus juga memegang pada etika yang mana harus membayar cukai, bayar cukai. Kalau ada yang cuba hendak elak, kita cuba dengan sedaya mungkin untuk berurusan dengan mereka dengan secara yang baik dengan tidak menimbulkan dan memberikan tekanan seperti yang saya ingat Yang Berhormat Gerik *kot* sebut tadi. Ini kerana akhirnya cukai yang dibayarkan ini ialah untuk kita pulangkan balik semula kepada rakyat dalam bentuk pembangunan dan sebagainya.

Yang Berhormat Alor Setar juga bertanya tentang usaha kerajaan bagi mereka yang mengelakkan pelarian cukai. Jadi, LHDN mengambil tindakan melalui program pengumpulan maklumat bagi menjelaki semua syarikat dan perniagaan. Program ini dijalankan melalui

pengumpulan maklumat tambahan seperti maklumat pelbagai punca pendapatan, maklumat pembelian dan pemilikan aset, maklumat keahlian persatuan, kelab dan sebagainya. Ia kata tidak mampu hendak bayar, tiba-tiba tengok *member* kelab TPC yang kita tahu hendak jadi *member* di TPC - Yang Berhormat Segamat angkat signal dekat saya. Sekarang ini, saya ingat mungkin melebihi 30, 40 *membership fee* dialah, *membership fee* yang tinggi dan sebagainya. Jadi, yang ini juga kita pantau. Jadi, objektif utama program ini adalah untuk menyokong aktiviti penguatkuasaan dan pematuhan yang dijalankan oleh LHDN dan seterusnya menyediakan maklumat bagi tujuan pembesaran asas cukai iaitu pendaftaran fail cukai pendapatan baharu untuk yang belum berdaftar dengan LHDN.

Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, kita juga menghantar, LHDN juga pantau *to the extend* yang kadang-kadang nampak macam *business*-nya tidak berapa hendak besar. Contohnya, yang buat *char kuey teow* atau apa, *quite simple*. Kita hantar orang untuk pergi tengok yang sebelum ini dia tidak pernah *declare* ataupun dia tidak pernah membayar cukai. Kita tahu *char kuey teow* ini sepinggan dia guna sebiji telur. So, kita boleh kira berapa banyak *tray* telur yang dia ada, *times by* berapa ya? Satu *tray*, 24 biji?

**Seorang Ahli:** Ya.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Itu yang rajin memasak, tahu. Tidak memberikan respons dekat saya itu, saya ingat kurang... [Ketawa]

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Ingat *char kuey teow* ini tidak paya jawablah Yang Berhormat Menteri. Ada lagi yang penting.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Ya, okey, okey. *Dak*, saya hendak sebut kata kita akan cuba untuk pastikan bahawa mereka yang perlu membayar cukai, akan membayar cukai dan tidak sebaliknya. Okey, Yang Berhormat Alor Setar.

Ketiga ialah Yang Berhormat Kuala Krai.

**Tuan Penggerusi:** Tidak ada.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Yang Berhormat Kuala Krai bertanya tentang ECRA sebanyak RM37 juta.

#### ■1850

Apakah pencapaian dan sebagainya? Apa projek yang dijalankan? Untuk negeri Kelantan bagi projek ECER ini, semua projek tahun 2019 adalah mengikut jadual perancangan dan status bagi negeri Kelantan sahaja, enam projek telah siap, tiga projek dalam pelaksanaan dan tiga projek dalam perancangan. Untuk makluman, saya ingat ini mungkin Yang Berhormat Rantau Panjang pun ada tanya tentang *overall development expenditure* bagi- bukan ECER sahaja tetapi keseluruhan ya.

Untuk tahun 2019, RM1.37 bilion dan bagi tahun 2020 RM1.46 bilion. Maknanya ada peningkatan untuk projek-projek pembangunan. Saya ingat *detail* kepada yang enam, tiga dan tiga tadi Yang Berhormat Kuala Krai, boleh saya jawab secara bertulis? Terima kasih.

Bagi tahun 2020, bajet adalah sebanyak RM47.5 juta bagi negeri Kelantan sahaja. Bagi projek Jambatan Palekbang yang di dalam- antara komponen di dalam Kota Bharu City Centre

(KBCC) itu telah diluluskan sebagai projek baharu di dalam RMKe-11, *Rolling Plan 2020*. Saya ingat untuk tahun 2020 ini bagi status Jambatan Palekbang yang kita anggarkan RM250 juta. Untuk tahun hadapan adalah bagi kerja-kerja *consultancy work*, untuk tujuan memanggil kontrak bagi projek Jambatan Palekbang ini.

Bagi projek South Kelantan Agropolitan di Gua Musang di bawah KESEDAR, terdapat 625 peserta di dalam projek ini dengan julat pendapatan peserta ada yang antara RM1,000 hingga RM1,900. Jadi ada beza sedikit antara peserta-peserta itu tetapi keseluruhannya adalah 625 orang peserta.

Berkenaan dengan status *Growth Triangle*, Plaza IMT-GT di Bukit Bunga yang telah siap pada 28 Julai 2019 dan diserahkan kepada KESEDAR dan Majlis Daerah Tanah Merah pada 3 November 2019, maknanya baru serah lah bagi menyokong kegiatan ekonomi *Growth Triangle* dan inisiatif *cross-border* yang terdapat di situ. Jadi kita harap *insya-Allah* ia akan dapat berfungsi seperti mana yang kita harapkan dan dapat membangunkan ekonomi di kawasan tersebut.

Berkenaan dengan pembangunan Taman Negeri, buat masa ini CIAST sedang bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Kelantan sendiri bagi pembangunan di Tanah Tinggi Lojing yang mewujudkan peluang pekerjaan dan keusahawanan dan kita cuba memanfaatkan seramai mungkin Orang Asli di kawasan tersebut. Jadi ini juga sedang berlangsung Yang Berhormat.

Kemudian, isu MAHB yang Yang Berhormat sebut tentang *food court* dan apa semua itu, saya ingat ini antara perkara-perkara yang mereka akan terus berikan perhatian dan memperbaiki yang mana yang perlu sebab seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat mana tadi, kita punya LCCT ini antara yang menerima penumpang paling ramai. So, *experience* pertama ke dalam negara kita ini, *besides* KLIA yang lama itu, lebih ramai di sini, jadi keperluan untuk kita menjaga dan memastikan bahawa *experience* mereka yang pertama—apa yang disebut sebagai *moment of truth*, turun-turun kapal terbang sahaja kalau tiba-tiba macam disebut tadilah, *queueing* yang terlalu panjang dan sebagainya akan menyebabkan dia terlekat di pemikiran dia, selepas itu *the sweet moments* yang dia ada keseluruhan dalam negara kita itu akan terpadam dengan *moment of truth* yang pertama. Jadi *insya-Allah* itu akan diperbaiki oleh pihak MAHB.

Berkenaan dengan wang yang tidak dituntut. Ramai Ahli Yang Berhormat bangkitkan tentang wang yang tidak dituntut ini. Berapa banyak amaun yang terkini? Sehingga 31 Oktober Yang Berhormat, jumlah serahan yang kita terima adalah sebanyak RM10.862 bilion dan jumlah bayaran balik adalah RM2.085 bilion dan jumlah yang di kredit semula ke hasil. Wang yang tidak dituntut ini ialah yang ada dalam baki bank, deposit yang dia bayar ke mana-mana, apa semua ini, akan diserahkan kepada Kumpulan Wang Yang Tidak Dituntut ini.

Kemudian, kita akan kembalikan dan inilah juga yang banyak dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi ialah prosedur untuk tahu adakah tidak kita wang yang tidak dituntut. Manalah tahu Yang Berhormat Kota Tinggi *dok* ada RM8 juta kah wang yang tidak dituntut, mana tahu? Jadi kita pun tak pernah pergi *check*. Nak *check*... *[Disampuk]* Ya? Okey, bukan RM8 juta, RM12 juta banyak sedikit lagi.

Jadi, nak *check* itu kadang-kadang menimbulkan susah, Yang Berhormat Bera. Nak turun mungkin daripada Bera, nak *check probably the nearest station* nak *check*, katalah Temerloh. Saya jangka, tak tahu lah. Katalah Temerloh, nak kena *travel* jauh. Kemudian, *queue* pula. Kemudian, bila *check* ada RM2.10. Jadi dengan *travelling*—jadi kita minta supaya ini dijalankan secara *online*. *Alhamdulillah*, pihak Akauntan Negara Malaysia sudah pun *develop software* ini untuk kita akses secara dalam talian. Data-data telah pun *di-upload*, dan sekarang ini kita tengah *stress test*.

Maksud *stress test* ini— bukan Ahli Parlimen yang duduk dalam ini lama-lama sahaja *stress*, data pun dan *software* itu pun kalau banyak kita *upload*, kita nak kena buat *stress test* supaya jangan bila kita dah buka kepada *public*, orang masuk, masuk, masuk sahaja tiba-tiba dia *crash*. So, kita tengah buat *stress test*, *insya-Allah biiznillah*, kita harap hujung tahun ini ataupun awal tahun depan ia dapat kita akses secara *online*. Jadi rakyat Malaysia dengan mudah untuk akses, tahu berapa banyak lagi duit dia yang tinggal dan kemudiannya pergi membuat tuntutan. Bukan mudah, kalau dia kata ada—kalau tadi yang ada RM12 juta itu, *sure* esok dia sudah pergi tuntut. Akan tetapi kalau ada RM2.10, *just forget about it* lah kan.

Jadi ini yang kita harap akan dapat memudahkan *public* untuk *check* berapa wang yang tidak dituntut yang ada milik dia. Bagi wang yang tidak dituntut ini, setelah 15 tahun tak dituntut ia akan dimasukkan kembali di dalam Kumpulan Wang Disatukan kepada hasil negara. Akan tetapi walaupun dimasukkan semula, kemudian bila kita *check*, tiba-tiba ada, kita nak tuntut balik, masih boleh. So, ini akan secara berterusan. Jadi, baki terkini wang tidak dituntut adalah sebanyak RM6.932 bilion. Okey, itu wang tidak dituntut.

Kemudian juga ditanya tadi kesedaran orang ramai terhadap wang tidak dituntut. Yang Berhormat Kuala Krai, kita adakan taklimat, kita sediakan kaunter atau *booth* apa semua ini, tetapi *nothing will beat the system* yang kalau kita dapat *check online* ini, saya ingat *insya-Allah* akan lebih ramai untuk memiliki itu. *Insya-Allah*.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sedikit sahaja.

**Dato' Ir. Amiruddin bin Hamzah:** Yang Berhormat Kuala Krai juga...

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Sedar kah Yang Berhormat bahawa dengan jumlah wang yang tidak dituntut ini kalau didedahkan ia akan menjadi salah satu daripada strategi *scammer* ini untuk menipu rakyat di bawah ini. Sudah ada yang saya dapat maklumat mangsa-mangsa yang kononnya untuk dapatkan duit dana tertentu ini terpaksa bayar dan mereka terperangkap akhirnya mereka sudah pergi jauh dan nak balik ke belakang tak boleh dah, dan terus terperangkap. Ini minta komen Yang Berhormat Timbalan Menteri.

■1900

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Saya ingat untuk kita dedah—maksud dedah *info* ini sepatutnya hanya akan didapati oleh orang yang hendak *check* itu sahaja lah. Cumanya, kalau dia menggunakan orang “*consultant*” itu, mungkin itu yang Yang Berhormat maksudkan. Akan tetapi saya ingat *advantage* untuk kita menyediakan dan untuk memudahkan orang *check* berapa

yang ada ini, saya ingat jauh *out way* daripada kebarangkalian benda-benda itu. Mungkin kita boleh buat dalam bentuk *extension*— kita maklumkan kepada orang ramai tentang perkara-perkara ini dan elakkan daripada ditipu.

Kemudian ditanya tentang OS 30000 – RM1.1 juta untuk pembelian aset apa. Peruntukan ini adalah untuk keperluan perpindahan Pejabat Bahagian Wang Tak Dituntut sekarang di Menara Maybank, Kuala Lumpur ke Putrajaya dan pembelian ini adalah untuk pembelian perabot, kos ubahsuai pejabat dan sebagainya untuk mereka pindah ke pejabat yang baharu.

Tentang mekanisme untuk mengurangkan ketirisan hasil, saya ingat sikit sebanyak tadi saya sudah sebutkan tentang apa yang dilakukan oleh pihak LHDN. Kemudian kita buat banyak Ops lah. Ops Jerjak, Ops Bimbing, Ops Kapal, Ops Outlet, Ops Kanvas, macam-macam Ops untuk pastikan bahawa mereka yang perlu membayar itu membayar. Ditanya tentang pelaksanaan cukai SST. Yang Berhormat, pencapaian hasil cukai SST adalah sebanyak RM22.798 bilion dan bilangan pendaftar SST adalah sebanyak 67,584 pendaftar sehingga 31 Oktober. Pencapaian ini telah melebihi sasaran awal yang telah kita letakkan. Saya kira *insya-Allah* kalau dipergiatkan lagi *target* yang ini, kita boleh capai lebih daripada itu lagi *insya-Allah*.

*[Tuan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Jawatankuasa]*

Kemudiannya— Yang Berhormat Kuala Krai banyak ini. Ya tau, tentang e-dompet dari Yang Berhormat Kuala Krai. Cadangan ini adalah untuk kita *kickstart* suatu— ke arah hendak menjadikan masyarakat kita ini istilah dia adalah *nirtunai*. *Nirtunai is cashless* ya. *Nir* dalam bahasa Sanskrit itu maknanya tiada iaitu *zero*. So, *nirtunai, cashless society*. Jadi, untuk kita *kickstart* supaya ada tabiat ini di kalangan rakyat Malaysia untuk menjadi *cashless society*, ke arah *cashless economy* itu.

Jadi, rangsangan ini adalah diberikan RM30 bagi rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas dengan pendapatan kurang daripada RM100,000 setahun dengan melibatkan peruntukan RM430 juta. Kita harap selepas daripada itu mereka akan sambung. Maknanya, kalaulah habis RM30 itu, lepas itu dia pun berhenti, tak tercapailah hasratnya. Kita harap kita *kickstart*, dia kata “eh! Mudah rupanya”. Maknanya tak perlu bawa *cash* yang banyak. Kita harap ini akan dapat meneruskan itunya.

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Cukup? Okey lah *depa* cakap cukuplah Yang Berhormat Kuala Krai ini, banyak sangat. Okey saya pindah kepada yang seterusnya...

**Dr. Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Yang Berhormat Permatang Pauh. Yang Berhormat Permatang Pauh bangkitkan tentang pembiayaan di hospital tenaga pengajar. Ya, kita telah luluskan geran kepada hospital tenaga pengajar tahun 2020 sebanyak RM1.334 bilion, peningkatan sebanyak hampir enam peratus— 5.86 peratus daripada tahun 2019. Jadi, kelulusan

bagi geran hospital tenaga pengajar ini memang kita asingkan daripada hospital biasa yang duduk di bawah Kementerian Kesihatan. Yang ini duduk di bawah Kementerian Pendidikan.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Sedikit sahaja Yang Berhormat, kalau boleh.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Ya.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Terima kasih kerana saya hargai— sebelumnya ada ura-ura yang dimaklumkan kepada hospital-hospital tenaga pengajar di mana mereka terpaksa mengemukakan perancangan kos operasi. Jadi peningkatan ini amat saya hargai. Hanya, boleh atau tidak kementerian memberikan jaminan supaya bila bercakap tentang kos operasi yang memberi kesan kepada gaji doktor, kebajikan petugas-petugas di hospital tidak akan— maksudnya tidak melalui birokrasi lah sebelum dibelikan kelulusan. Kalau jaminan ini dapat diberikan, maka mudah untuk mereka mengatur, bagi melayan dan memberi khidmat kepada pesakit.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Sebenarnya Yang Berhormat, prosedur-prosedur biasa yang perlu diikuti maknanya untuk mereka *submit* perancangan mereka itu adalah satu yang biasa. *Insyah-Allah* kita akan cuba pastikan bahawa *red tapes* ini tidak akan *bog them down* lah dengan izin dan mereka akan dapat terus memberikan dan menjadikan hospital tenaga pengajar itu sebagai hospital tenaga pengajar di samping melatih bakal-bakal doktor kita dan juga memberi khidmat kepada masyarakat yang berada di sekeliling kita.

Kemudian Yang Berhormat juga telah bangkitkan tentang peningkatan subsidi M40— kenapa guna kad dan sebagainya. Seperti yang diumumkan, program subsidi petrol kita akan perluas bukan hanya penerimaanya dari kalangan BSH sahaja. Maka ramai juga— tadi yang disebut M40 juga berada dalam keadaan yang tidak selesa mana. Apatah lagi kalau mereka mempunyai keluarga yang sedikit besar.

Maka, ini kita lanjutkan juga kepada mereka yang dalam M40. Cumanya dalam kumpulan M40 ini, kita gunakan Kad95 sebagai cara untuk kita sampaikan kepada mereka. Ini adalah sebagai langkah kawalan supaya mereka gunakan hanya untuk membeli petrol sahaja. Akan tetapi kalau yang B40 itu, kita beri sedikit kelonggaranlah. Daripada nak berasap motor dengan berasap dapur, mungkin lebih baiklah berasap dapur daripada berasap motor. Itu kita beri kebebasan kepada mereka. Akan tetapi M40, maknanya diberikan khusus untuk pembelian petrol sahaja.

Kita juga boleh— dengan data yang ada ini untuk kita monitor pembelian sebenar produk tersebut. Manakala bagi kontrak pembangunan sistem Kad95 ini, kita telah jalankan secara tender terbuka dan di mana syarikat GHL Transact Sdn Bhd telah berjaya dan dilantik untuk membangunkan sistem ini. Saya— ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Kepala Batas.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Saya hendak tanya, tadi disebut fasal bahawa kaerah yang digunakan untuk memanggil tender itu tender terbuka. *Was it* tender terbuka ataupun RFP?

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Sorry-sorry. *It is RFP. Sorry it is RFP* ya. Tidak—kalau tender terbuka ini kita sediakan spec dan semua, kemudian kita *call then they quote based on the specs* yang kita letak itu. Akan tetapi yang ini is RFP. Maknanya mereka yang masuk dan cadangkan—guna kad, begini, begini *and this is our cost*. Syarikat yang lain mungkin boleh mencadangkan. Sorry, Yang Berhormat Kepala Batas. *It is RFP actually. Some sort kind—hybrid of an open tender juga lah...*

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Ya, tapi banyak beza dia itu. Oleh sebab RFP pun saya difahamkan bahawa yang dijemput itu adalah jumlah *company* yang tidak begitu banyak dan *shortlisting* pun diadakan dalam jumlah yang begitu sedikit. Jadi kaedah perolehan itu saya rasa mungkin ada yang bertanya kenapa tidak dibuat dengan cara yang lebih luas. Contohnya, selalunya dibuat dahulunya bila dipanggil RFP kemudiannya dibuat *proof of concept* (POC). Daripada *proof of concept* barulah ada *shortlisting*. Malangnya saya difahamkan proses itu tidak berlaku.

#### ■1910

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Okey. Saya ingat kalau RFP ini, maknanya kita tidak sama sekali mengehadkan mana-mana pihak yang rasa dia ada *expertise* dalam perkara tersebut untuk masuk. Kemudian macam yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kepala Batas tadi, kita tak pergi sampai ke proses POC. Oleh sebab pada waktu itu, saya ingat kita berjanji untuk menjalankan program ini *second half of 2019. So, we were a bit rushing* untuk ini. Masa jadi POC itu memang kita tidak buat tetapi *other processes* untuk memastikan bahawa *we are getting assistant that is stable and workable* juga kita telah buat. Terima kasih.

Kemudian, Yang Berhormat Permatang Pauh juga membangkitkan tentang Butiran 020500 – Subsidi dan Bantuan Tunai. Peningkatan peruntukan daripada RM10.7 bilion kepada RM12.3 bilion. Jadi peruntukan ini Yang Berhormat, pertamanya ialah bagi tujuan subsidi petrol LPG dan diesel, kenaikan sebanyak RM700 juta daripada RM3.3 bilion pada tahun 2019 kepada RM4 bilion pada tahun 2020.

Kemudian, bayaran subsidi bahan api Sabah kepada SESB kenaikan sebanyak RM21 juta. Kemudian Program Subsidi Petrol Bersasar sebanyak RM1.7 bilion dan pampasan tol, kenaikan tol yang kita tidak benarkan untuk dinaikkan adalah sebanyak RM315 juta. Jadi, itu yang menyebabkan ada kenaikan yang disebutkan tadi.

Okey, ya ada yang bertanya. Pengerusi GA Shell ini dengan syarikat MySalam ini sama. Adakah ini kebetulan ataupun macam mana? Kebetulannya Yang Berbahagia Datuk Kamarudin bin Taib merupakan Pengerusi GA Shell dan dia juga Syarikat Great Eastern Takaful Berhad. *Actually*, dua program ialah dua yang berasingan. Dia tidak ada kena-mengena antara satu sama lain. Kebetulan pengurusnya adalah orang yang sama. Kita buat juga ini berdasarkan RFP seperti yang disebutkan tadi dan Great Eastern tadi itu adalah untuk Program mySalam yang mereka telah tawarkan dana sebanyak RM2 bilion untuk melaksanakan bagi B40 dan sebagainya.

Okey habis sudah Yang Berhormat Permatang Pauh. Kelima, Yang Berhormat Keningau. Yang Berhormat Sik ada ya? Tidak ada. Habis.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, jawapan bertulis.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Yang Berhormat Kangar? Yang Berhormat Kangar pun tidak ada, sembahyang agaknya. Yang Berhormat Lipis?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Lipis ada.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Ya, ya Yang Berhormat Lipis. Banyak juga kawan-kawan yang lain juga bertanyakan tentang— saya ingat banyak Yang Berhormat Lipis bangkitkan bersamaan juga dengan yang lain. Saya ingat satu yang mungkin tidak tersentuh lagi ialah berkenaan dengan— kenapa padang bola sepak tiruan ini RM32,000 sahaja? Ramai yang lain pun bangkit juga, Yang Berhormat Arau pun bangkitkan juga.

Pembinaan padang bola sepak tiruan ini adalah inisiatif yang diumumkan oleh mantan Perdana Menteri semasa Bajet 2012 dahulu ini. Sehingga kini semua projek padang bola sepak tiruan di bawah seliaan MoF. Semasa itu diletakkan di bawah MoF dan tidak kepada KBS, telah siap sepenuhnya dan diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan dan Jabatan Belia.

Peruntukan RM32,000 ini bagi tahun 2020 adalah bagi tujuan *final* akaun. Pembayaran akhir untuk kita tutup bagi semua akaun sebab itu RM32,000 sahaja Yang Berhormat. Semuanya 12, saya sebut tadi 12. Akhirnya sekali ini di kawasan Pontian, yang balik berkempen sehari ini tidak nampak ini di Taman Megah Pontian, Johor. Itu yang *last*, yang kita hendak tutupkan.

Kemudian, Yang Berhormat Petaling Jaya. Sebenarnya Yang Berhormat banyak bangkitkan tentang SUHAKAM. Saya hendak kata macam mana, saya ingat mungkin Yang Berhormat *missed the boat* sikit sebab SUHAKAM ini sebenarnya duduk di bawah JPM. JPM dibincangkan secara terperinci semalam. Akan tetapi apa pun, saya ingat ia telah direkodkan dan hasrat dan kemahuan Yang Berhormat itu saya pasti akan didengari *loud and clear* oleh JPM. Boleh Yang Berhormat ya?

Ya Yang Berhormat juga membangkitkan tentang apakah mekanisme yang digunakan untuk menentukan sama ada satu projek itu boleh diberi dana fasilitasi. Ini di bawah UKAS. Terdapat jawatankuasa di peringkat UKAS yang turut dianggotai oleh MOF, MEA, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), yang berperanan untuk menilai dan memperakarkan sesuatu projek sama ada boleh diberikan dana fasilitasi sebelum diangkat kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan melalui Ketua Setiausaha Perbendaharaan untuk diluluskan.

Jadi, kita tahu bahawa dalam projek-projek yang dilaksanakan oleh pihak swasta ini, kadang-kadang ia hendak laksanakan dengan dana dia *100 percent* macam tidak *feasible*. Jadi, kerajaan masuk melalui UKAS dan mereka *apply* untuk kita *evaluate* dan tengok – okey, kalau *100 percent* daripada mereka mungkin tidak berapa *feasible* tetapi kalau kita bantu dari segi jalan masuk yang kemudiannya jalan masuk itu tidak pun jadi hak mereka *is a public*, kegunaan *public*. Kalau macam ini akan menyebabkan kebolehlaksanaan projek itu dilakukan, *it is feasible*. Ini

yang dinilai dan kemudiannya setelah *committee* ini membuat penilaian dan diperakukan dan diangkat untuk diluluskan dana fasilitasi ini.

Saya ingat mutakhir ini mereka bentangkan dalam satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri, saya juga ada dalam itu untuk hasil daripada jawatankuasa itu untuk kemudiannya kita membuat keputusan. Yang Berhormat juga bertanya kenapa telah dikurangkan dan kenapa begitu besar. Jadi, penurunan peruntukan yang besar adalah disebabkan oleh penyelesaian semua komitmen projek tahun 2020 yang dilaksanakan berdasarkan kemampuan dan kedudukan kewangan semasa negara.

Jadi yang kita lepaskan ini ialah *submission* yang sebenarnya sudah agak lama. Kemudian kita tengok semula dan untuk pergi dan *facilitate* bagi dana fasilitasi yang baharu ini. Buat masa ini, kita merasakan bahawa kemampuan itu belum ada secukupnya. Apabila nanti *insya-Allah*, keadaan mengizinkan kita akan laksanakan tengok semula perkara tersebut.

Yang Berhormat juga bangkitkan tentang BSH yang telah diperluaskan kepada individu bujang yang terima pendapatan kurang RM2,000 sebulan. Jadi Bantuan Sara Hidup merupakan salah satu bantuan tunai kerajaan yang bermatlamat untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat berpendapatan rendah.

Di samping membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap golongan yang memerlukan dan seterusnya memberikan impak yang tinggi kepada rakyat. Bantuan ini diberikan secara menyeluruh kepada semua yang layak tanpa mengira kaum, agama, lokasi mahupun latar belakang politik. Pada masa ini, proses pendaftaran masih dijalankan mengikut tempoh tertentu yang akan diumumkan kelak oleh kerajaan. Cadangan daripada Yang Berhormat untuk melaksanakan pendaftaran sepanjang tahun akan diteliti dan kita kaji bagi memastikan kesesuaian ke atas program BSH.

#### ■1920

Kerajaan amat terbuka pada pandangan dan cadangan supaya ia kekal relevan kepada golongan yang kita sasarkan ini. Yang Berhormat juga bertanya tentang perancangan kerajaan untuk merangsang pelabur sektor swasta pada masa hadapan. Jadi UKAS memang berperanan sebagai agensi untuk menjalinkan kerjasama strategik di antara sektor awam dan swasta melalui projek-projek kerjasama awam-swasta. Jadi, macam saya sebut tadi, fungsi ini akan kita teruskan dan apabila sampai masa keadaan ekonomi lebih mengizinkan, kita akan *revive* dan lihat semula lebih banyak projek yang seumpama ini.

Kesembilan Yang Berhormat Kubang Kerian...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, penjelasan sedikit boleh tak?

**Tuan Penggerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Sila, sila.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya ada kebimbangan sedikit dengan perkataan bila ekonomi pulih, keadaan ekonomi yang terkekang. Jadi, apakah boleh diberi satu pendekatan yang berbentuk jangka masa. Contohnya, kita akan pulihkan ekonomi kita dalam

masa setahun ataupun kita terkekang sekejap mungkin dalam enam bulan. Lebih kurang macam itu. Sebut macam, ekonomi kita esok saham akan melambung Yang Berhormat.

Akan tetapi kalau Yang Berhormat bercakap terkekang, ekonomi akan pulih dan pelabur sendiri rasa macam waswas. Ini kerana bilakah akan pulih dan bilakah akan hilang kekang? Jadi pandangan Yang Berhormat, boleh tak bagi satu jangka masa tertentu untuk membolehkan kita mendiges&ikan dengan izin ‘rasanubariasmaramah’ semua orang.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Ya, langkah konsolidasi fiskal ini ialah suatu yang telah kita umumkan daripada awal lagi. Kalau Yang Berhormat perasan, 2020 ini kita cadang defisit fiskal kita ialah pada 3.0 peratus. Akan tetapi akhirnya kita angkat bagi jadi 3.2 peratus kerana kita merasakan dengan keadaan iklim geopolitik dan juga *trade* antara China dan Brexit yang tidak pasal-pasal di sana pun, semua ini memberikan kesan.

Jadi, kita naikkan sedikit supaya ia menjadi benda yang kita dapat *spend* dan kita harap ekonomi kita akan terus berkembang dengan keadaan yang demikian. Jadi, maksud saya itu Yang Berhormat Arau ialah apabila kita selesai melunaskan benda-benda yang patut kita lunaskan. Jadi, kita akan ada banyak ruang, *fiscal space* untuk kita belanjakan di sektor-sektor yang akan menyebabkan ekonomi kita akan terus berkembang. Saya harap Yang Berhormat boleh tengok dan kemudian Yang Berhormat *habaq* saya kata indeks sudah naik sedikit.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Ya, ya sila.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat Paya Besar.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya meneliti berkaitan dengan fiskal ini. Cuma dalam penghujahan saya tadi, saya ada minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk nyatakan, adakah sasaran kita pada tahun ini 3.4 peratus dapat dicapai dengan keadaan sekarang ini? Maknanya kita tinggal baki lagi dua bulan ini untuk mencapai 31 Disember 2019, adakah 3.4 peratus ini dapat dicapai? Kalau tidak boleh dicapai, macam mana kita hendak buat? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. *Insya-Allah* 3.4 peratus kita *on track* ya Yang Berhormat Paya Besar. Kita akan capai itu *insya-Allah*. Sebenarnya memang *track* kita itu ke arah 3.0 peratus untuk 2020. Kemudian yang saya sebutkan tadi itu memandangkan faktor-faktor yang di luar kawalan kita dan sebagainya itu kita naikkan balik ke 3.2 peratus.

Akan tetapi apa pun kita harap *insya-Allah* saya ingat semua pihak akan berusaha sebaik mungkin untuk memastikan bahawa ekonomi kita ini akan dapat digerakkan dan semua rakyat akan mendapat manfaat daripada perkara itu. Saya beralih kepada...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit, sedikit...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, akhir sekali tajuk ini Yang Berhormat bagi bertulislah sebab *confirm* tidak dapat ingat. Apakah kedudukan defisit di

Singapura, Indonesia, Filipina, Thailand dan juga Kemboja yang kita lihat lebih menggalakkan defisit ataupun perbelanjaan sehingga menyebabkan ekonomi mereka melambung dalam keadaan jatuh.

Contohnya hari ini jatuh 3.49 peratus. Jadi, tidak patut. *A day before* naik sedikit tetapi saya percaya esok akan naiklah sebab cara Yang Berhormat jawab yang *cool* dengan *calm* ini akan menyebabkan ada sedikit petanda baik. Seolah-olah Yang Berhormat macam Yang Berhormat Menteri Kewangan apabila dia jadi setiausaha agung nanti.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya hendak sambung sedikit. Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Pengerusi, apabila Yang Berhormat Menteri sebut di awal penjelasan dan jawapan tadi yang menyatakan kutipan sebab defisit ini berkaitan perbelanjaan dengan pendapatan negara. Apabila cukai langsung ini, cukai tidak langsung ini apabila kita kutip ini dan saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Amat Berhormat Langkawi ada nyatakan bahwasanya SST ini akan dikutip supaya menyamai kutipan GST semasa penghujahan dalam sesi soal jawab.

Jadi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa yang akan dilakukan oleh kerajaan supaya kutipan ini dapat ditingkatkan sebab kita kehilangan 54.3 peratus. Apa yang dibuat oleh kerajaan supaya RM22.79 bilion SST Yang Berhormat sebutkan tadi dapat ditingkatkan sebab saya nampak *gap* tinggi ini hendak menyampaikan RM44 bilion ini. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat, boleh tak?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Bera, sila.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat kata ada strategi untuk menggerakkan ekonomi kita. Ya kalau kita lihat dari segi unjuran hasil kerajaan ia menguncup pada 7.1 peratus. Banyak faktor yang mengancam ataupun yang mampu mengekang pihak kerajaan untuk mendapatkan, mengembangkan dan juga seperti Yang Berhormat kata tadi untuk menggerakkan ekonomi kita.

Sebagai contoh, krisis ekonomi global misalnya tentunya akan sahaja memberi kesan kepada kita. *Trade war* antara US dengan China dan kita merupakan dagangan terbesar China dan US tentu juga terkesan. Harga minyak kita masih rendah kalau kita hendak bergantung kepada dividen daripada hasil minyak, tentu sahaja tidak boleh kerana harganya rendah.

Harga komoditi utama kita sawit masih lagi rendah, ancaman boikot masih tidak selesai dengan EU dan sekarang ini India pula mengancam untuk memboikot dan sebagainya. Jadi, bagaimanakah kerajaan boleh mengatasi perkara-perkara ini?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Sedikit Yang Berhormat Menteri, Lipis.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Kepala Batas. Selepas itu Yang Berhormat Menteri jawab ya. Sila.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Menteri. Saya bangkitkan banyak perkara sebentar

tadi sebenarnya dan hanya dijawab padang bola RM32,000 sahaja. Saya bercakap tadi bilion-bilion tetapi jawabnya RM32,000, bukan juga tetapi RM32,000 sahaja.

Saya melihat jawapan Yang Berhormat Menteri bagaimana hendak mengurangkan defisit itu. Saya tadi ada bangkitkan perkara apabila kita menggunakan import nama Venezuela dan Iran, eksport kita Petronas telah menurun. Maka sudah pastilah hasil pendapatan kita pun menurun. Bagaimanakah kita hendak mengurangkan defisit itu, persoalannya apabila eksport kita itu kurang dan dalam keadaan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bera sebentar tadi dalam keadaan harga komoditi yang begitu menjunam dan sekatan-sekatan daripada negara lain.

Apa yang lebih penting lagi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, persoalan-persoalan yang saya bangkitkan tadi adakah dijawab secara bertulis sebab saya melihat 13 minit sahaja lagi. Adakah akan dijawab secara bertulis ataupun terus diam macam itu? Umpamanya saya tanya hutang kepada kerajaan negeri sewaktu SUKMA, hutang sewaktu banjir. Saya hendak tahu ini, saya hendak tahu dengan jelas sebab saya bangkitkan perkara ini untuk kerajaan negeri saya. Menteri Besar mungkin tunggu jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, okey Yang Berhormat Kepala Batas, sila.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terpaksa tanya ini bukan sebab saya rasa masa tidak sempat untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri menggulung nanti untuk soalan yang saya tanya. Ini berkait dengan apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Bera dengan ditanya oleh Yang Berhormat Paya Besar. Memang betul, bilamana Yang Berhormat Timbalan menteri mengatakan sasaran 3.2 peratus defisit untuk dicapai, walaupun benda itu bunyi *very optimistic* tetapi saya sebut tadi bagaimana Moody's tidak merasakan itu suatu *optimism* dan ini dikeluarkan dalam kita 16 Oktober baru sahaja bilamana Moody's yang dikatakan mengekalkan penarafan yang disebut tadi bahawa disebut di sini bahawa *the government may narrowly miss the target of that 3.2 percent. I mean of growth focus budget* dan juga *deficit reduction*.

#### ■1930

Kedua tadi saya beri laporan fasal OECD tentang fiskal di mana OECD ini adalah satu benda badan pemikir ekonomi yang tersohor yang dikenali semua. Dia menyarankan supaya kita melihat kepada untuk tidak membuat penumpuan *over reliance on oil related revenues*, sebaliknya untuk *raise tax revenue ratio to GDP, broadening tax basis especially consumption related tax. I do not want to go to that point*, tetapi ini adalah yg disebut oleh OECD. Jadi, saya hendak tanya apa yang ditanya tadi, apakah rancangan bagi memastikan the *skepticism* daripada Moody's ini benar-benar tidak menjadi realiti? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Okey, saya ingat saya pergi yang Yang Berhormat Lipis dahulu. Saya minta maaf Yang Berhormat Lipis, saya pun berpandukan - Tadi memang saya *scribble* ini dan jawapan ini yang diberikan oleh pegawai, Yang Berhormat Lipis terlekat

yang itu sahaja. Jadi, yang lain itu saya janji *insya-Allah* untuk kita jawab kan secara bertulis kepada sahabat baik saya juga, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang ini, kami sama-sama. Dia kerja BERNAS dahulu, saya di Perlis masa Yang Berhormat Arau jadi MP masa itu. Kita akan beri secara bertulis, saya bagi jaminan kepada Yang Berhormat Lipis.

Tentang - Saya ingat saya singgung sekalilah kot yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bera dan oleh Yang Berhormat Kepala Batas. Saya ingat *the fact that Moody's retain* kita punya *ratings* itu, walaupun ada dia punya *footnote* lah kita kata, kita akui bahawa untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang sedemikian ini adalah suatu *is a daunting task*, mengambil kira suasana dan persekitaran yang ada di dunia sekarang ini.

*In fact* Yang Berhormat Kepala Batas, saya ingat *second quarter of Singapore* punya *economic growth*, mereka menguncup sekejap, *second quarter*. So, ini realitinya yang ada. *Insya-Allah we will try our level best* untuk memastikan. Oleh sebab itu sekarang ini Yang Berhormat, untuk memastikan bahawa pelaburan yang masuk dalam negara kita ini walaupun *ease of doing business* kita punya *index* itu, *we fair a bit better now*.

Akan tetapi, masih ada langkah-langkah yang diambil yang mengambil masa yang menyebabkan kemudiannya Vietnam yang cadang hendak masuk dekat kita, tiba-tiba akhirnya *landed* dekat Vietnam sebab saya difahamkan katanya Vietnam ini dia bukalah, *mai* lah. Jadi, *maybe steps* yang kita ini sudah ada *proven steps*, kita yang sudah ada sebelum ini dan *we will try our level best* untuk kita hendak *narrow down the number of days* untuk kita membuat keputusan...

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Sekejap Yang Berhormat, sekejap.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** *The thing, we are trying our level best* itu memang jawapan yang cukup cantik. Cuma yang kita hendak dengar, *what are the line of/in pipeline that the plans that you have, you know, to make sure the targeted deficit* itu dapat dicapai *based on the skepticism* yang juga diutarakan dengan *some concern by the Moody's*.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Okey, okey. Antaranya ialah kita hendak supaya *investment* sama ada *foreign* ataupun *domestik* banyak, yang kemudiannya akan menyebabkan kita *employment*. Kita *provide employment* kepada anak-anak muda kita, graduan kita. *The kind of employment* yang kita mencari ini tidak lagi macam dahulu, jenis pergi *assemble* apalah semua, akhirnya dengan gaji yang kita tawarkan orang tempatan tidak mahu, terpaksa bawa masuk pula daripada Vietnamlah apalah semua. *No, no. Not anymore.*

Jadi yang kita hendak *move up the value chain* sedikit, yang lebih *high-tech* sedikit dan sebagainya. Jadi antaranya itu, itu yang saya sebutkan tadi. Sekarang ini sudah ada di peringkat pegawai MITI, MoF dan beberapa yang lain, mereka duduk untuk *screen through* semua permohonan-permohonan yang masuk ini, kemudian membuat beberapa perakuan dengan cepat.

Kemudian ada di peringkat *Ministers* pula, MITI punya *Minister* dan juga MoF dibentangkan sebulan sekali, duduk itu setelah mereka *go through* semua permohonan masuk untuk kita mempercepatkan dan kemudiannya kita harap ini akan bukan setakat diluluskan, kemudian *realize*. Kemudiannya ia akan menjadi suatu yang akan dapat menggerakkan ekonomi kita.

Kemudian Yang Berhormat juga...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: [Bangun]**

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Sekejap ya, tidak ada masa ini Yang Berhormat Pendang. Kita bersempang di luarlah. Saya dengan Yang Berhormat Pendang boleh bersempang di luar. Kemudiannya Yang Berhormat, juga kita akan pastikan bahawa semua inisiatif yang telah kita letakkan di kementerian yang pelbagai ini untuk dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan *insya-Allah* kita optimislah Yang Berhormat, *insya-Allah* bahawa yang 3.4 we are on track dan 3.2 untuk tahun 2020 juga akan kita kejar dan pastikan *hopefully we can even do better than that, insya-Allah*.

Kemudian Yang Berhormat Kubang Kerian, bangkitkan tentang bayaran balik GST.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Tiada.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Tidak ada?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Tiada dalam Dewan.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Oh! Sorry.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Minta Yang Berhormat Tuan Pengerusi tambah setengah jam dekat Yang Berhormat Timbalan Menteri ini, dia jawab sedap.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Ramai bercakap fasal GST tadi, saya ingat boleh sebut. GST ini ramai yang bercakap.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri bagus, Tuan Pengerusi pun bagus. Petang ini cukup ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Harmoni.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kalau Jabatan Perdana Menteri, mati kita.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Saya bukan tidak mahu hendak lajak sangat Tuan Pengerusi, tetapi Isyak sudah awal, 8.00 malam lebih...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Soalan yang dibangkitkan Pendang pun tidak sentuh lagi.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Ya lah, yang tidak sempat kita minta secara bertulislah Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak apa, yang tidak sempat akan diberikan jawapan bertulis.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Bukan tidak mahu. Jumlah GST yang telah dibayar balik setakat September 2019 Tuan Pengerusi, adalah sebanyak RM15.9 bilion kepada 78,530 *registrant*. Bagi bayaran balik cukai pendapatan di LHDN adalah sebanyak RM13.6 bilion melibatkan 448 syarikat dan 184,000 individu. Jadi persoalannya, dahulu yang kita *estimate* 19

dengan 17, bagaimana yang *the remaining* ini. Sebenarnya untuk kita pulangkan balik ini JKDM untuk kes GST, mereka memerlukan perlu untuk buat audit untuk pastikan bahawa *figures* itu adalah betul, *genuine* dan sebagainya. Jadi, proses ini berlaku Yang Berhormat dan kadang-kadang ia hendak kena pergi balik-pergi balik sebab ada benda yang diminta balik dan sebagainya.

Akan tetapi, hasrat kerajaan ialah untuk kita cuba selesaikan yang mana *genuine cases* supaya ia dapat kita pulangkan kepada mereka seperti yang disebut tadi kerana *this is their hard-earned money* dan mereka hendak gunakan balik untuk mereka kembangkan perniagaan mereka dan sebagainya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya pun ada bangkitkan tentang wang pemulangan balik GST dan juga wang pemulangan balik cukai pendapatan sebanyak RM37 bilion. Itu sebablah kerajaan telah mengambil wang daripada Petronas sebanyak RM30 bilion untuk menampung pembayaran tersebut walaupun sebenarnya pada ketika tersebut belum sampai masa pembayaran lagi. Ini kerana bayaran untuk pemulangan wang GST setelah dibuat pemeriksaan dengan begitu rapi oleh beberapa jabatan.

Apa yang saya hendak tanya sekarang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, didapati daripada laporan audit apabila akaun kira-kira wang negara ditutup pada 2 Disember 2018, didapati wang GST yang dikatakan dicuri ataupun dirompak itu masih ada lagi. Dalam masa yang sama, kita dapat pula duit daripada Petronas sebanyak RM30 bilion. Jadi makna kita ada lebih RM30 bilion *to play with*. Adakah duit ini dimasukkan ke dalam akaun *consolidated* ataupun daripada apa-apa tabung lain? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya stand corrected, duit itu mungkin ada di dalam Kumpulan Wang Disatukan dan sebagainya.

#### ■1940

Akan tetapi ianya telah digunakan untuk perkara-perkara yang lain sebab itu kita terpaksa mohon RM30 bilion daripada Petronas untuk kita membayai pembayaran balik ini ya. Jadi dengan ini...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Kata-kata lain, atau dalam perkataan lain Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengesahkan sekarang duit itu tidak hilang...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sudah dipulangkan...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Duit itu semua dalam sistem lagi.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Saya ingat ini telah pun 'di ini kan' oleh pihak PAC, saya ingat repotnya pun telah keluar. Jadi, kita terima apa yang telah disebutkan dalam laporan tersebut.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat boleh rujuk balik Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Bagus Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak sama dengan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat...

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Jadi...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Laporan telah pun dibentangkan di Dewan ini.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sikit saja.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Boleh Yang Berhormat?

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Tinggal seminit saja Yang Berhormat ini.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Saya hendak sambung.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Sikit saja. Maknanya Yang Berhormat duit GST tidak dirompak, setuju tidak?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Dirompak, dirompak, memang dirompak.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Saya ingat saya tidak mahu bermain kata-kata dan bahasa.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sini bukan mahkamah.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Kalau kita hendak katakan duit yang memang dikhaskan untuk tujuan tersebut, tiba-tiba digunakan untuk benda lain, saya pulanglah kepada Yang Berhormat sekalian. Yang Berhormat hendak guna istilah apa. Apabila wang yang memang dikhaskan untuk membayar balik itu tiba-tiba digunakan untuk yang lain, saya ingat Yang Berhormat gunalah apa istilah Yang Berhormat hendak guna, tapi apa yang saya hendak sebutkan bahawa ianya perlu kita pada Petronas untuk kita bayar balik mereka yang layak ini.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat, adakah wang itu diselewengkan untuk perkara-perkara lain, peribadi dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat, saya rasa isu ini sudah selesai.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Rompak, salah guna, semua samalah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Jelutong, lawyer kena cerdik tahu...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Jangan keluarkan kenyataan ini. Ini ialah soal kewangan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak payah kita berulang-ulang perkara yang sama...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jadi, saya minta untuk...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** ...Lepas itu dapat jawapan yang sama.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab Ketua Pembangkang.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Arau.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Saya sebut sekali lagi, saya ulang, duit yang telah sepatutnya digunakan untuk membuat pembayaran balik kepada GST itu tidak digunakan untuk membuat bayaran balik GST, digunakan untuk keperluan yang lain. Jadi sebab itu, kita perlu mohon kepada Petronas untuk kita membuat bayaran balik kepada mereka yang berhak untuk mendapatkan pembayaran ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, memang saya rasa penjelasan Yang Berhormat Menteri cukup jelas.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Sikit boleh, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak payah kita berulang-ulang perkara yang sama.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih...

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Yang Berhormat...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya just...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Laporan PAC pun sudah dibentang. Ya, sila.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, saya ingat...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Kenapa? Yang Berhormat Timbalan Menteri, sikit saja Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** ...Masa pun dah habis...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Saya ingat ialah, saya pun tidak mahu...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Jelutong ini peguam kepada LTTE.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya hendak minta jaminan sikit saja. Jaminan sikit saja.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Saya tidak mahu hendak main kata-katalah tapi itu yang saya hendak sebutkan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya hendak minta jaminan sikit.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat, *last, last question* Yang Berhormat, *last question*.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila menggulung.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Satu saja saya hendak tahu, Timbalan Menteri.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, saya ingat...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Boleh saya tanya *last*. Soalan akhir.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri ini penting Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Soalan terakhir Yang Berhormat.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Masa pun sudah berakhir...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Bukan berkaitan GST...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Soalan akhir.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, bukan berkaitan GST.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Saya mohon dan saya minta maaf...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, bukan berkaitan GST.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** ...Kepada semua Yang Berhormat yang saya tidak jawab secara bertulis lisan akan saya buat secara bertulis...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** ...Dan saya rasa itulah buat masa ini.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Jangan dengar Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Jelutong tidak tahu apa benda itu.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Sekian. *Wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, duit itu tidak dirompak.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang lain itu kita...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Memang dirompak pun.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Jelutong ialah orang yang .... kepada pengganas, pengganas.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM5,320,637,000 untuk Maksud B.10, RM21,027,387,800 untuk Maksud B.11 dan RM1,782,200,300 untuk Maksud B.12 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

[Wang sebanyak RM5,320,637,000 untuk Maksud B.10, RM21,027,387,800 untuk Maksud B.11 dan RM1,782,200,300 untuk Maksud B.12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM9,652,234,400 untuk Maksud P.10 dan RM2,000,000,000 untuk Maksud P.70 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2020 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

[Wang sebanyak RM9,652,234,400 untuk Maksud P.10 dan RM2,000,000,000 untuk Maksud P.70 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2020]

Saya tarik balik tadi ya, pelawaan Yang Berhormat Arau untuk masuk DAP, saya tarik balik. Kerana ramai yang bantah.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis 10 November 2019.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.45 malam]**